

The copyright © of this thesis belongs to its rightful author and/or other copyright owner. Copies can be accessed and downloaded for non-commercial or learning purposes without any charge and permission. The thesis cannot be reproduced or quoted as a whole without the permission from its rightful owner. No alteration or changes in format is allowed without permission from its rightful owner.



**ZIKIR TAREKAT QODIRIYAH NAQSYABANDIYAH DALAM
PEMULIHAN DADAH: KAJIAN KEBERKESANAN DI PONDOK
REMAJA INABAHAH (1) MALAYSIA**

ABU BAKAR BIN AHMAD MANSOR



**SARJANA SASTERA (PENGAJIAN ISLAM)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2019**



Awang Had Salleh
Graduate School
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

ABU BAKAR BIN AHMAD MANSOR

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

SARJANA SASTERA (PENGAJIAN ISLAM)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**"ZIKIR TAREKAT QODIRIYAH NAQSYABANDIYAH DALAM PEMULIHAN DADAH: KAJIAN
KEBERKESANAN DI PONDOK REMAJA INABAH (1) MALAYSIA"**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **12 September 2018.**

That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: September 12, 2018.

Pengerusi Viva:
(Chairman for VIVA)

Assoc. Prof. Dr. Kamarudin Ahmad

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar:
(External Examiner)

Dr. Mohd Shukri Hanapi

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam:
(Internal Examiner)

Dr. Nor Hanani Ismail

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Dr. Suhanim Abdullah

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Azman Md Zain

Tandatangan
(Signature)

Tarikh:

(Date) September 12 2018

Kebenaran Penggunaan Tesis

Tesis ini dikemukakan bagi memenuhi syarat pengijazahan Ijazah Sarjana Pengajian Islam dari Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju bahawa Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia untuk membenarkan sesiapa sahaja membaca tesis ini. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran diberikan kepada penyelia saya dan Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences, bagi menyalin tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada sebahagian atau keseluruhannya, untuk tujuan akademik. Sebarang penerbitan atau penyalinan atau penggunaan tesis ini sama ada sebahagian atau sepenuhnya daripadanya untuk tujuan keuntungan kewangan adalah tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat keizinan daripada saya secara bertulis. Pengiktirafan harus diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang penggunaan daripada tesis ini.

Sebarang permohonan untuk menggunakan atau menyalin mana-mana bahagian dari tesis ini, hendaklah mendapat izin terlebih dahulu daripada:

Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences

UUM College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Abstrak

Remaja merupakan aset kepada sesebuah negara, bahkan golongan ini merupakan generasi yang bakal mewarisi negara pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, mereka berhadapan dengan pelbagai masalah, antaranya terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Di Malaysia kadar penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja semakin meningkat dari tahun ke tahun. Senario membimbangkan ini menjadikan negara begitu memandang serius akan gejala ini. Terdapat beberapa pusat pemulihan dadah yang menggunakan pendekatan zikir sebagai cara penyembuhan. Salah satu pusat pemulihan dadah yang dimaksudkan ialah Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, yang menggunakan kaedah Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah sebagai rawatan alternatif bagi memulihkan penagih dadah. Objektif kajian ini bertujuan meneliti konsep zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, memperinci kaedah zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah dan menganalisis kesan zikir ini terhadap pemulihan dadah dalam kalangan remaja. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif yang melibatkan kajian perpustakaan, temu bual bersemuka, temu bual tidak bersemuka dan pemerhatian turut serta. Kajian perpustakaan bertujuan memperoleh data berkaitan konsep dan kaedah zikir. Temu bual dengan dua orang pembimbing dan tujuh orang pelatih di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia dijalankan bagi menganalisis kesan zikir. Pemerhatian turut serta dilakukan bagi melihat perubahan pelatih sebelum dan selepas semasa melakukan zikir. Data-data dianalisis menggunakan kaedah induktif dan deduktif. Hasil kajian mendapati bahawa zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah begitu berperanan dalam mengembalikan semangat serta memulihkan penagih dadah dan mampu memberikan kesan positif terhadap para pelatih. Kesan tersebut ialah wujudnya perubahan positif terhadap fizikal, perilaku dan perasaan pelatih. Perubahan tersebut dapat dilihat dan dirasai oleh pelatih setelah menjalani rawatan zikir sekurang-kurang 40 hari. Zikir yang dilakukan dengan kuantiti yang banyak dan dalam jangka masa yang lama, mampu memberikan kesan yang positif terhadap para pelatih. Kaedah rawatan zikir ini boleh dijadikan rujukan sebagai modul rawatan pemulihan yang berteraskan kerohanian di tempat lain.

Kata Kunci: Penyalahgunaan Dadah, Pusat Pemulihan Dadah, Pendekatan Spiritual, Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah

Abstract

Youth is an asset of a country, and they are the generation to inherit the country in the future. However, they have faced a number of challenges, including those who are involved in drug abuse. In Malaysia, the rate of drug abuse among youth is increasing from year to year. This scenario makes the country seriously look at this condition. There are several drug rehabilitation centers using the zikir approach as a means of healing. One of the drug rehabilitation center is the Inabah 1 Malaysia Youth Camp, which uses the Naqsyabandiyah Qodiriyah zikir as an alternative treatment to rehabilitate the drug addicts. The objectives of this study are to examine the concept of Naqsyabandiyah Qodiriyah Zikir, to detail-up the Naqsyabandiyah Qodiriyah Zikir, and to analyze the effects of this zikir on the rehabilitating drug addicts among youth. This study uses qualitative research methods involving library research, interviews and observation. Library research is aimed at obtaining data related to the concept and method of zikir. The interviews with two counselors and seven trainees at Inabah (1) Malaysia Youth Camp were conducted to analyze the effects of zikir. The data were analyzed using inductive and deductive methods. The findings show that the Naqsyabandiyah Qodiriyah zikir was able in restoring the spirit and rehabilitating the drug addicts and moreover to provide positive effects to the trainees. These effects were felt by the existence of positive changes in physical, behavioural, and feelings. These changes can be seen and felt by the trainees after undergoing a remedial treatment for at least 40 days. The numerous amounts of zikir within a long period of time produce positive impacts on the trainees. This zikir treatment method could also be extended as a spiritual-based rehabilitation treatment module in other places.

Keywords: Drug abuse, Drug rehabilitation centers, Spiritual approach, Qodiriyah naqsyabandiyah tarekat

Penghargaan

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, serta keluarga dan sahabatnya. Alhamdulillah, syukur dengan izin Allah SWT kerana memberikan saya kekuatan dan kesabaran untuk menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada guru saya Shaykh Ahmad Sohibulwafa Tajul Arifin RA, atas bimbingan rohani yang telah diberikan selama ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada kedua-dua penyelia saya dalam usaha membantu dalam menyiapkan tesis ini, iaitu Dr. Suhanim Binti Abdullah dan Ustaz Azman Bin Md Zain. Segala tunjuk ajar, nasihat, bimbingan, pendapat, pengalaman dan kesabaran yang tidak terhingga sepanjang menjadi penyelia saya, amatlah saya hargai. Ucapan penghargaan juga saya huluskan kepada Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences, iaitu Prof. Dr. Abdull Sukor Bin Shaari. Seterusnya Dekan School of Language Civilization And Philosophy, iaitu Prof. Dr. Shukri Ahmad, Penyelaras Pascasiswazah SLCP iaitu Dr Manvender Kaur, Penyelaras Pascasiswazah Sarjana Islam iaitu Dr. Solahuddin Abdul Hamid, Pemeriksa Luar iaitu Dr. Mohd Shukri Hanapi, Pemeriksa Dalam iaitu Dr. Nor Hanani Binti Ismail serta pensyarah-pensyarah, di samping kakitangan yang terlibat dan Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM dalam membantu menyiapkan tesis ini.

Selain itu, penghargaan juga diberikan kepada pihak Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia kerana telah membenarkan saya untuk melakukan kajian di sana, serta dua orang pembimbing dan tujuh orang pelatih yang telah membantu memberikan kerjasama yang terbaik ketika saya memerlukan maklumat yang diperlukan. Seterusnya penghargaan dan terima kasih kepada yang dikasihi ayahanda dan bonda saya, Tuan Hj Ahmad Mansor dan Puan Hjh Mahanizan, atas berkat doa dan sokongan daripada mereka, dapat saya menyempurnakan tesis ini. Terima kasih juga kepada seluruh ahli keluarga dan sahabat-sahabat saya yang membantu dan memberikan sokongan moral terhadap saya selama tempoh pengajian ini. Tanpa sokongan semua pihak, kajian itu tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Ribuan kemaafan dipohon sekiranya terdapat kekurangan dari tesis ini. Semoga Allah merahmati kita semua.

Senarai Kandungan

Kebenaran Menggunakan Tesis.....	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Senarai Kandungan	vi
Senarai Jadual	x
Senarai Singkatan	xi
Senarai Lampiran.....	xiii
BAB SATU: PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	3
1.3 Permasalahan Kajian.....	7
1.4 Persoalan Kajian	14
1.5 Objektif Kajian	15
1.6 Kepentingan Kajian.....	15
1.7 Definisi Konsep	16
1.7.1 Definisi <i>Inabah</i>	16
1.7.2 Konsep <i>Inabah</i>	18
1.7.3 Kaedah Rawatan Pondok Remaja <i>Inabah</i>	19
1.8 Ulasan Karya	23
1.8.1 Pengertian Konsep Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah	24
1.8.2 Pelaksanaan dan Metod Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah.....	27
1.8.3 Kesan Zikir Terhadap Pemulihan Dadah.....	30
1.8.4 Penagihan Dadah di Malaysia.....	36
1.8.5 Sejarah dan Peranan Pondok Remaja <i>Inabah</i> (1) Malaysia	40
1.9 Metodologi Kajian	44
1.9.1 Reka Bentuk Kajian.....	45
1.9.2 Kaedah Pengumpulan Data.....	45
1.9.2.1 Kajian Perpustakaan.....	45
1.9.2.2 Temu bual	47
1.9.2.3 Pemerhatian Turut Serta	50
1.9.3 Kaedah Analisis Data.....	51

1.9.3.1 Induktif	51
1.9.3.2 Deduktif.....	52
1.10 Skop dan Batasan Kajian.....	53
1.11 Rumusan	54
BAB DUA: KONSEP ZIKIR MENURUT TAREKAT QODIRIYAH	
NAQSYABANDIYAH	55
2.1 Pendahuluan.....	55
2.2 Tarekat.....	55
2.2.1 Tarekat Menurut Bahasa.....	55
2.2.2 Tarekat Menurut Istilah	56
2.3 Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah di Pondok Pesantren Suryalaya.....	58
2.3.1 Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah.....	58
2.3.2 Tujuan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah	61
2.3.3 Dasar-Dasar Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah.....	63
2.4 Pengertian Zikir	63
2.4.1 Zikir Menurut Bahasa.....	64
2.4.2 Zikir Menurut Istilah	64
2.5 Pembahagian Zikir	65
2.5.1 Zikir Umum	65
2.5.2 Zikir Khusus.....	66
2.5.2 (a) Zikir <i>Jahar</i>	67
2.5.2 (b) Zikir <i>Khafi</i>	70
2.6 <i>Talqin</i> Dan <i>Bai'at</i>	73
2.6.1 Pengertian <i>Talqin</i> dan <i>Bai'at</i>	73
2.6.2 Keutamaan <i>Talqin</i> dan <i>Bai'at</i> Dalam Tarekat.....	74
2.6.3 <i>Talqin</i> Dan <i>Bai'at</i> Menurut al-Quran dan al-Hadis.....	75
2.7 Guru Mursyid.....	80
2.7.1 Pengertian Guru Mursyid	80
2.7.2 Syarat Guru Mursyid	83
2.7.3 Guru Mursyid Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah.....	87
2.8 Silsilah.....	91
2.8.1 Pengertian Silsilah.....	91
2.8.2 Silsilah Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah di Pondok Pesantren Suryalaya	93

2.8.3 Keutamaan Silsilah.....	95
2.9 Rumusan.....	96
BAB TIGA: PELAKSANAAN DAN METOD ZIKIR TAREKAT QODIRIYAH NAQSYABANDIYAH DI PONDOK REMAJA INABAH (1) MALAYSIA	99
3.1 Pendahuluan.....	99
3.2 Pelaksanaan Zikir di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia.....	99
3.3 Kaedah Zikir <i>Jahar</i> dan Zikir <i>Khafi</i>	102
3.3.1 Pengenalan Zikir Tarekat Sufi	102
3.3.2 Tatacara Zikir <i>Jahar</i> dan Zikir <i>Khafi</i>	103
3.4 Adab Berzikir.....	124
3.4.1 Adab Sebelum Zikir	124
3.4.2 Adab Ketika Zikir.....	125
3.4.3 Adab Selepas Zikir	127
3.5 Mengenal Hakikat Diri.....	128
3.5.1 Keutamaan Mengenal Diri.....	128
3.5.2 Tujuh Latifah Hasil Zikir	131
3.6 <i>Rabitah</i>	139
3.6.1 Pengertian <i>Rabitah</i>	139
3.6.2 Kaedah <i>Rabitah</i>	142
3.6.3 Keutamaan <i>Rabitah</i>	142
3.6.4 <i>Rabitah</i> Menurut al-Quran.....	144
3.7 Rumusan.....	145
BAB: EMPAT KESAN ZIKIR TAREKAT QODIRIYAH NAQSYABANDIYAH TERHADAP PEMULIHAN DADAH DALAM KALANGAN REMAJA DI PONDOK REMAJA INABAH (1) MALAYSIA	147
4.1 Pendahuluan.....	147
4.2 Kesan Zikir Terhadap Fizikal Pelatih	147
4.2.1 Aspek Wajah.....	147
4.2.2 Aspek Penampilan.....	150
4.3 Kesan Zikir Terhadap Perilaku Pelatih	152
4.3.1 Aspek Tingkah Laku Terhadap Sekeliling	153
4.3.2 Aspek Amalan Ibadah	157
4.4 Kesan Zikir Terhadap Perasaan Pelatih	162
4.4.1 Aspek Emosi	162

4.4.2 Aspek Ingatan Kepada Allah	166
4.4.3 Aspek Ketagihan Dadah	171
4.5 Pengaruh Metod Zikir Terhadap Kualiti Zikir.....	174
4.6 Rumusan.....	177
BAB: LIMA KESIMPULAN DAN SARANAN.....	179
5.1 Pendahuluan.....	179
5.2 Kesimpulan.....	179
5.3 Saranan	187
RUJUKAN	191
Lampiran	202



Senarai Jadual

Jadual 1.1 Jumlah Penagih Yang Dikesan Mengikut Status Kes, 2010-2016.....	3
Jadual 1.2 Jumlah Penagih Mengikut Umur Ketika Dikesan, 2012-2016.....	4
Jadual 1.3 Statistik Penagih Mengikut Umur Ketika Dikesan, 2016.....	8
Jadual 1.4 Statistik Sebab Mula Menggunakan Dadah, 2016.....	9



Senarai Singkatan

AADK	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
KDN	Kementerian Dalam Negeri
CCSC	Cure and Care Servis Center
CCRC	Cure And Care Rehabilitation
CCH	Caring Community House
PUSPEN	Pusat Serenti Narkotik
PEMADAM	Persatuan Mencegah Dadah Malaysia
NGO	Non Government Organization
HIV	Human Immunodeficiency Virus
AIDS	Acquired Immunodeficiency Syndrome
MM	Methadone Maintainance
TC	Residential Therapeutic Community
ODF	Outpatient Drug Free
TQN	Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah
UUM	Universiti Utara Malaysia
UMT	Universiti Malaysia Terengganu
IAILM	Institut Agama Islam Latifah Mubarakiyah
SAW	Salla Allah ‘alaihi wassallam
SWT	Subhanu wa ta’ala
K.	Kiai
r.a.	Radiya Allah ‘anh
q.s.	Qadasallahu Sirrahu
a.s	Alaihi Salam
k.w.	Karamallahu Wajhah
Hj	Haji
Hjh	Hajah
h.	Halaman
Vol	Volume
No	Number
Phd	Doctor of Philosophy
%	Peratus
PSAK	Pengetahuan, Sikap, Amalan dan Keimanan

Penterj.	Penterjemah
t.th.	Tiada tarikh
t.pt.	Tiada penerbit
Pnyt.	Penyunting
t.tp.	Tiada tempat
et al	Dan Pengarang-pengarang lain
Juz	Juzuk
Jil.	Jilid
M	Masihi
W.	Meninggal Dunia



Senarai Lampiran

Lampiran A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian

Lampiran B Jadual Statistik Penagih

Lampiran C Gambar Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia

Lampiran D Jadual Program Rawatan Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia

Lampiran E Soalan Temu Bual dan Transkrip Jawapan



BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Golongan remaja merupakan aset kepada sesebuah negara, bahkan golongan ini perlu mempersiapkan diri untuk memikul tanggungjawab yang besar pada masa hadapan. Tambahan pula, golongan ini juga merupakan generasi yang bakal mewarisi negara pada masa akan datang. Pelbagai harapan diletakkan agar mereka berupaya menjadi individu yang berguna serta mampu menyumbang ke arah kesejahteraan negara secara keseluruhannya (Zarina Othman, 2015a, h.63). Selain itu, golongan ini juga memiliki sumbangan yang besar untuk mengubah gaya hidup dan sikap masyarakat dalam sesebuah negara.

Namun pada zaman globalisasi kini, golongan remaja menghadapi pelbagai cabaran, antaranya terpengaruh oleh budaya luar yang tidak baik dan songsang sehingga merosakkan kredibiliti dan pemikiran yang sihat. Hal ini terjadi disebabkan pengaruh teknologi, media massa dan rakan sebaya. Bahkan hal yang dibimbangkan ialah ada golongan remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah pada usia yang meningkat naik serta memiliki perasaan ingin mencuba sesuatu yang baru. Nur Afzan Muhammad (2012) mengatakan, fenomena penyalahgunaan dadah ini amat merugikan negara kerana sebilangan besar golongan yang terlibat terdiri daripada golongan remaja.

Jelas sekali penyalahgunaan dadah memberikan impak yang negatif terhadap sesebuah negara. Hal yang sama turut diperkatakan oleh Rosli Abdul Jalil (2010), penyalahgunaan dadah akan membawa kepada implikasi yang lebih buruk seperti

HIV/AIDS, jenayah ragut, pecah rumah, ancaman terhadap kaum keluarga terdekat seperti ibu bapa, saudara mara seterusnya boleh membawa kepada ancaman terhadap masyarakat umum. Ketagihan dadah juga boleh mengakibatkan penagih hilang pertimbangan sehingga sanggup melakukan apa sahaja termasuk membunuh untuk mendapatkan wang bagi tujuan memperolehi bekalan dadah.

Oleh yang demikian, pihak kerajaan telah merangka pelan dan strategi untuk mengatasi masalah penagihan dadah dalam kalangan remaja, antaranya menyekat kemasukan dadah melalui peruntukan undang-undang yang lebih ketat dan melakukan rawatan pemulihan terhadap penagih dadah. Selain itu, pelbagai kaedah rawatan yang diketengahkan oleh pihak kerajaan seperti *Cure & Care Servis Center (CCSC)*, *Caring Community House (CCH)* dan Pusat Serenti Narkotik (PUSPEN) (Sabir Abdul Ghani et al. 2014, h.74). Selain pihak kerajaan, badan swasta seperti organisasi bukan kerajaan (NGO) dan individu persendirian juga turut bersama memainkan peranan penting dalam usaha membantu mengurangi statistik penagihan dadah.

Terdapat juga beberapa pusat rawatan pemulihan dadah persendirian yang turut membantu pihak kerajaan dalam menangani isu ini, dengan menggunakan kaedah barat (moden) dan kaedah tradisional (Islam). Kaedah moden menggunakan rawatan *Methadone Maintenance (MM)*, *Residential Therapeutic Community (TC)*, dan Pemulihan Pesakit Luar dalam suasana yang Bebas Dadah (*Outpatient Drug Free - ODF*). Seterusnya kaedah tradisional (Islam) pula berteraskan solat, zikir, mandi taubat, serta bimbingan Quran dan Fardu Ain, yang berpandukan al-Quran dan al Hadis.

Antara pusat rawatan pemulihan yang menggunakan kaedah tradisional (Islam) ialah Pondok Remaja Inabah (PRI). Melihat kepada hasil kajian lepas, Pondok Remaja Inabah memberikan hasil yang positif dari segi jumlah pelatih (bekas penagih yang sedang menjalani rawatan) yang berjaya pulih dari penagihan dadah. Hal ini disokong oleh Sabir Abdul Ghani et al. (2014) beliau mengatakan, pemulihan yang dilaksanakan di Pondok Remaja Inabah memberi kesan yang baik, 61% penagih pulih setelah menjalani rawatan pemulihan berasaskan metod kerohanian Islam (Sabir Abdul Ghani, 2014, h.74).

Oleh yang demikian, satu kajian perlu dilakukan di Pondok Remaja Inabah, untuk meneliti konsep zikir tersebut, memperinci pelaksanaan dan kaedah zikir yang digunakan dalam rawatan pemulihan, serta menganalisis kesan zikir terhadap pelatih.

1.2 Latar Belakang Kajian

Hakikatnya, penyalahgunaan dadah tidak sekadar memudaratkan kesihatan fizikal, malah kesihatan mental dan emosi seseorang. Malahan juga, seorang penagih mampu bertindak di luar kawalan dan tidak rasional. Statistik “*Buku Maklumat Dadah 2016*” dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), memperlihatkan gejala ketagihan dadah semakin meningkat dari tahun 2010 hingga 2016 di Malaysia baik dalam kalangan umum mahupun dalam kalangan remaja (www.adk.gov.my).

Jadual 1.1

Jumlah Penagih Yang Dikesan Mengikut Status Kes, 2010-2016

Tahun	Penagihan baru		Penagihan berulang		Jumlah keseluruhan	
	Bilangan Peratusan		Bilangan Peratusan		Bilangan Peratusan	
2010	17,238	72.91	6,404	27.09	23,642	100.00
2011	13,683	70.06	5,848	29.94	19,531	100.00
2012	10,301	68.21	4,800	31.79	15,101	100.00
2013	14,481	64.54	7,406	35.46	20,887	100.00
2014	13,605	62.47	8,172	37.53	21,777	100.00
2015	20,289	76.08	6,379	23.92	26,668	100.00
2016	22,923	74.32	7,921	25.68	30,844	100.00

(Buku Maklumat Dadah 2015, h.10; Buku Maklumat Dadah 2016, h.2)

Jadual 1.2

Jumlah Penagih Mengikut Umur Ketika Dikesan, 2012-2016

Tahun	Umur <13	Umur <13-15	Umur <16-19	Umur <20-24	Umur <24-29	Umur <30-34	Umur <35-39	Umur >40	Tiada Maklumat	Jumlah Keseluruhan
2012	0 0.00%	28 0.19%	855 5.66%	2,836 18.78%	3,038 20.12%	2,711 17.95%	2,024 13.40%	3,575 23.67%	34 0.23%	15,101 100%
2013	0 0.00%	18 0.07%	847 4.06%	3,212 15.38%	3,968 19.00%	4,022 19.26%	3,191 15.28%	5,629 26.95%	0 0.00%	20,887 100%
2014	0 0.00%	28 0.13%	1,173 5.38%	3,751 17.22%	4,151 19.08%	3,961 18.19%	3,247 14.91%	5,463 25.09%	0 0.00%	21,777 100%
2015	0 0.00%	45 0.16%	1,375 5.16%	4,986 18.70%	4,977 18.66%	4,936 18.51%	3,976 14.91%	6,373 23.90%	0 0/00%	26,668 100%
2016	0 0.00%	85 0.27%	1,595 5.17%	5,572 18.06%	5,719 18.54%	5,849 18.97%	4,715 15.29%	7,309 23.70%	0 0.00%	30,844 100%

Umur <13	Umur <13-15	Umur <16-19	Umur <20-24	Umur <24-29	Umur <30-34	Umur <35-39	Umur >40	Tiada Maklumat	Jumlah Keseluruhan
Purata 0	41	1,169	4,071	4,371	4,296	3,431	5,670	7	23,055
5Thn 0.00%	0.18%	5.07%	17.65%	18.96%	18.63%	14.88%	24.59%	0.03%	100%

Tahun	Remaja	Belia	Dewasa
2016	826	22,709	7,309

(Buku Maklumat Dadah 2016, h.15-16)

Pada 25 Jun 2009, Pusat Serenti di seluruh Malaysia telah ditukar kepada PUSPEN, iaitu singkatan dari Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik. Perubahan ini menjadi suatu anjakan paradigma kepada seluruh warga AADK dan juga masyarakat itu sendiri. Fungsi PUSPEN tetap sama iaitu mengorak langkah ke arah kemajuan dan perubahan yang lebih maju dari aspek infrastruktur dan program pemulihannya (*Laporan Dadah*, 2009).

Pemulihan yang dilaksanakan di PUSPEN berdasarkan konsep pendekatan *Tough* dan *Rugged* iaitu pemulihan melibatkan aspek latihan tentera, jadual waktu dan disiplin yang ketat. Hal ini bertujuan supaya pelatih dapat berdikari dan berdisiplin (Mahmood Nazar Mohamed, 2005). Pembangunan dan pemulihan psikologi adalah untuk memperbaiki kelakuan diri, sikap, nilai, persepsi dan cara menyelesaikan masalah didedahkan. Faktor-faktor psikososial yang diberi penekanan ialah perhubungan kekeluargaan, norma-norma masyarakat, keperluan asas manusia, keagamaan dan lain-lain (Mahmood Nazar Mohamed, 2005).

Melihat kepada konsep pemulihan yang sedia ada, aspek kerohanian kurang diberikan penekanan. Menurut Fariza Md Sham (2006), masalah penagihan dadah ini berpunca daripada sikap agresif dalaman yang tidak dikawal dengan sebaiknya, kurangnya penghayatan terhadap agama, timbulnya pemberontakan emosi dan jiwa serta desakan untuk mencari ketenangan.

Ternyata kesan dari pengaruh dadah akan membawa kepada masalah psikologi, emosi dan mental iaitu berkait rapat dengan jiwa (roh) dan hati (*qalbu*). Islam telah memperkenalkan lebih awal kaedah bagi menangani masalah jiwa (roh) dan hati (*qalbu*), iaitu melalui kaedah zikir. Teori penyucian jiwa dan hati ini berkait rapat dengan masalah psikologi, emosi dan mental. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: “(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah SWT. Ingatlah, hanya dengan mengingat Allah-lah hati menjadi tenteram” (al-Ra’d: 28).

Sayyid Qutb menafsirkan bahawa ayat di atas bermaksud, mereka merasa tenteram kerana hubungan mereka yang rapat dengan Allah SWT, merasa mesra berada di samping-Nya dan merasa aman berada di bawah lindungan-Nya. Ketenteraman dengan mengingati Allah SWT yang wujud dalam hati orang-orang yang beriman itu merupakan satu hakikat yang amat mendalam, yang diketahui oleh mereka yang menikmati kemanisan iman dalam hati mereka dan membuat mereka sentiasa berhubung dengan Allah SWT (Sayyid, Qutb, 2000, h.362). Selain itu, suasana *qalbu* yang tenteram ditunjukkan dengan kalimat “*thathmainnul qulub*”. Penggunaan kata “*thathmainnu*” (dengan *fi’il mudhari*) dalam surah al-Ra’d ayat ke-28 ini bermaksud adanya ketenteraman, ketenangan, kedamaian dalam *qalbu* secara terus-menerus. Oleh

yang demikian, seseorang yang benar-benar mengingat dan memberikan perhatian penuh kepada Allah SWT dapat memperoleh kententeraman *qalbu* (Abu Zein, 2015).

1.3 Permasalahan Kajian

Masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja lebih banyak berbanding peringkat umur yang lain. Perkara ini seiring dengan kenyataan Azman (2010), yang mengatakan bahawa masalah penyalahgunaan dadah adalah gejala penyakit masyarakat yang paling bahaya pada masa kini. Hal ini kerana masalah ini menyerang semua lapisan masyarakat khususnya golongan muda (Azman, 2010, h.30).

Berdasarkan *Buku Maklumat Dadah (2016)* menunjukkan, pada umur 20 hingga 24 tahun penagih baru mencapai bilangan 4,615 orang, dan penagih yang berulang sebanyak 957 orang, manakala pada umur 25 hingga 29 tahun penagih baru mencapai bilangan 4,399 orang dan penagih yang berulang sebanyak 1,320 orang (*Buku Maklumat Dadah, 2016*). Kerajaan Malaysia juga telah mengeluarkan dana untuk menangani masalah ini, iaitu anggaran belanja yang telah digunakan oleh AADK pada tahun 2015 adalah sebanyak RM309,407,000 untuk mengurus dan RM13,526,000 untuk pembangunan dan jumlah keseluruhan adalah RM322,962,000 (*Buku Maklumat Dadah, 2015*).

Jadual 1.3

Statistik Penagih Mengikut Umur Ketika Dikesan, 2016

Kategori	Status Kes				Jumlah penagih Bilangan Peratusan	
	Penagihan baru		Penagihan berulang			
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
Umur ketika dikesan						
<13 Tahun	0	0.00	0	0.00	0	0.00
13-15 Tahun	83	0.36	2	0.03	85	0.28
16-17 Tahun	297	1.30	4	0.05	301	0.98
18 Tahun	423	1.85	17	0.21	440	1.43
19 Tahun	793	3.46	61	0.77	854	2.77
20-24 Tahun	4,615	20.13	957	12.08	5,572	18.06
25-29 Tahun	4,399	19.19	1,320	16.66	5,719	18.54
30-34 Tahun	4,239	18.49	1,610	20.33	5,849	18.96
35-39 Tahun	3,350	14.61	1,365	17.23	4,715	15.29
40-44 Tahun	2,110	9.20	1,020	12.88	3,130	10.15
45-49 Tahun	1,312	5.72	660	8.33	1,972	6.39
>50 Tahun	1,302	5.68	905	11.43	2,207	7.16
Jumlah	22,923	100	7,921	100	30,844	100

(Buku Maklumat Dadah 2016, h.5)

Ketika menangani masalah ini, dapatlah disimpulkan bahawa kaedah yang digunakan oleh AADK dalam pemulihan dadah mungkin kurang berkesan, kerana statistik menunjukkan peningkatan dalam penyalahgunaan dadah dari tahun 2010 hingga 2016

jumlah penagih, pada tahun 2010 ialah seramai 23,642 orang, pada tahun 2011 seramai 19,531 orang, pada tahun 2012 seramai 15,101 orang, pada tahun 2013 seramai 20,887 orang, pada tahun 2014 seramai 21,177 orang, pada tahun 2015 seramai 26,668 orang dan pada tahun 2016 seramai 30,844 orang (*Buku Maklumat Dadah, 2015; Buku Maklumat Dadah, 2016*).

Menurut Zulhairi Ahmad dan Mahmood Nazar Mohamed (2007) permasalahan penyalahgunaan dadah merupakan satu krisis yang perlu ditangani oleh AADK dengan kerjasama pelbagai jabatan lain akibat peningkatan pelbagai jenis penagih yang dikesan setiap tahun, sama ada kes-kes penagih baru ataupun kes penagihan berulang (*Laporan ADK, 2002*). Peningkatan ini juga menunjukkan bahawa strategi antidadah yang digunakan sejak penggubalannya pada tahun 1983 mungkin belum dapat memberikan impak seperti yang diharapkan (Zulhairi Ahmad & Mahmood Nazar Mohamed, 2007, h.14).

Dalam “*Buku Maklumat Dadah 2016*” juga menunjukkan faktor penagih mula menggunakan dadah seperti rangsangan, pengaruh kawan, secara tidak sengaja, perasaan ingin tahu, menahan sakit, keseronokan, tekanan jiwa dan lain-lain (*Buku Maklumat Dadah 2016*).

Jadual 1.4

Statistik Sebab Mula Menggunakan Dadah, 2016

Kategori	Status Kes				Jumlah penagih	
	Penagihan baru Bilangan	Peratusan	Penagihan berulang Bilangan	Peratusan		
Sebab mula menggunakan dadah						
Pengaruh kawan	13,729	57.87	4,261	53.00	17,990	56.64
Perasaan ingin tahu	3,956	16.68	1,662	20.67	5,618	17.69
Keseronokan	2,779	11.71	1,165	14.49	3,944	12.42
Tekanan jiwa	1,522	6.42	388	4.83	1,910	6.01
Lain-lain	468	1.97	230	2.86	698	2.20
Menahan sakit	1,151	4.85	291	3.62	1,442	4.54
Rangsangan	102	0.43	43	0.53	145	0.46
Secara tidak sengaja	17	0.07	0	0.00	17	0.05
Jumlah	23,724	100	8,040	100	31,764	100

(Buku Maklumat Dadah, 2016, h.8)

Berdasarkan dapatan kajian sebelum ini dapatlah disimpulkan bahawa, masalah dadah ini merupakan masalah berkaitan psikologi dan kejiwaan, ia berkaitan dengan jiwa (roh) dan hati (*qalbu*) iaitu aspek kerohanian.

Justeru itu, pendekatan kerohanian yang digunakan dalam Islam dilihat sesuai untuk mengembalikan seseorang kepada fitrah kejadian manusia. Penyakit rohani tidak boleh dirawat atau diubat dengan menggunakan suntikan ubat, tidak boleh dengan kekerasan dan kekuasaan tetapi harus dibimbing rohani (Sabir & Fadzli, 2014, h.77). Menurut ulama tasawuf, kejahatan tidak boleh dihapus dengan pedang. Kejahatan

hanya boleh dihapuskan dengan taubat dan al-Quran menunjukkan bahawa penyakit manusia adalah dosa-dosanya dan ubatnya adalah taubat (Abu Zein, 2015). Selain itu, rawatan pemulihan berbentuk kerohanian adalah jalan terbaik bagi mengatasi masalah penagihan dadah yang dihadapi (Taharem, 2004).

Selain itu, dalam agama Islam sendiri meletakkan zikir sebagai penawar bagi masalah jiwa, hati dan keimanan. Berdasarkan hadis yang dikutip dari kitab “*Bidayat al-Salikin*” karangan Shaykh Syihabuddin Suhrawardi (1971), Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Ertinya: “*Perbaharuilah iman kamu ! para sahabat bertanya: bagaimana kami memperbaharui iman kami ya Rasulullah ? Jawab Nabi : Dengan memperbanyak ucapan Laa Ilaaha Illallah.*”

(HR.Hakim, *Al-Mustadrak Ala al-Sahihin, Bab Kitab al-Taubah Wan Inabah*, Hadis no.4/256)

Merujuk hadis di atas membuktikan kalimat zikir mampu memperkukuhkan keimanan seseorang. Selain itu, Shaykh Ibnu Athaillah as-Sakandari (2012), pula mengatakan:

“*Zikir adalah jalan menuju Allah SWT yang bersifat Rahman, untuk mendalami wujud-Nya dengan mengingat dan menyebut sifat-sifat-Nya. Zikir dengan bermacam-macam cara, menghendaki agar zikir itu dilakukan dengan kehendak yang kuat, untuk mencari kekuatan yang dapat memberi ketenangan bagi manusia, atau dapat menjadi ubat dan penawar bagi kesejukan hati sanubari*” (Athaillah, 2012).

Beberapa sarjana menyarankan supaya menggunakan kaedah zikir sebagai penyucian jiwa, hati dan keimanan. Menurut Shaykh Ahmad Sohibulwafa Tajul Arifin (1983), melalui zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah yang diucapkan (zikir *jahar*) dan zikir yang ditanamkan dalam hati dan ingatan (zikir *khafi*), mampu menjaga jasmani dan rohani seseorang daripada segala godaan syaitan dan nafsu yang merupakan penyakit batin yang menimbulkan akhlak yang tercela. Seterusnya zikir juga mampu mengawal seseorang daripada terjerumus ke jalan yang sesat, misalnya para remaja terlibat dengan penyalahgunaan dadah (Ahmad Sohibulwafa, 1983). Hal ini memberikan kesan yang positif setelah mengamalkan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah yang terdapat kombinasi antara zikir *jahar* yang berasal dari Tarekat Qodiriyah dan zikir *khafi* yang berasal dari Tarekat Naqsyabandiyah. Ianya menarik untuk dikaji apakah konsep zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah.

Tambahan pula, menurut Sudan (1987) beliau mengatakan berdasarkan amalan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, memperlihatkan pengamal zikir memperoleh kesihatan jantung, otak, hati, usus, paru-paru dan lain-lain yang mampu membuatkan jasmani sihat dan pemikiran menjadi cerdas. Hal ini kerana, zikir tersebut memiliki prosedur dan tatacara yang tertentu dan perlu melakukannya dengan betul. Hal ini juga menjadi kelebihan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, iaitu memiliki zikir yang mampu memberikan kesan yang positif kepada pengamal zikir.

Di Malaysia terdapat beberapa pusat pemulihan dadah yang menggunakan kaedah zikir sebagai cara penyembuhan, antaranya ialah Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, yang menggunakan kaedah zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah sebagai rawatan

alternatif bagi memulihkan penagih dadah. Menurut Sabir dan Fadzli (2011), Pondok Remaja Inabah adalah sebuah pusat rawatan persendirian yang memberikan rawatan pemulihan penagihan dadah dengan memulihkan penagih daripada penagihan semula dan membimbing mereka kepada cara hidup yang diredai Allah SWT mengikut al-Quran dan al-Sunnah. Menghuraikan berkaitan dengan metod Pondok Remaja Inabah, Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah menjadi ikutan dengan mengamalkan amalan zikir, solat, mandi taubat dan bimbingan al-Quran dan al-Sunnah (Sabir dan Fadzli, 2014, h.78). Hal ini juga menjadi keistimewaan Pondok Remaja Inabah dalam pemulihan dadah yang menggunakan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah sebagai alternatif penyembuhan dari ketagihan dadah, ianya menarik untuk dikaji bagaimanakah pelaksanaan dan metod zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia.

Beberapa kajian lepas juga menunjukkan hasil yang positif dengan menggunakan kaedah rawatan Pondok Remaja Inabah. Sabir & Fadzli (2014), mendapati “hasil penyelidikan yang dijalankan, keberkesanan terhadap pelaksanaan rawatan pemulihan berasaskan pendekatan Islam di Pondok Remaja Inabah mendapati pelatih yang menjalani rawatan asas dan lanjutan menyatakan metod solat, zikir dan mandi taubat memberikan perubahan kepada diri pelatih sepanjang menjalani rawatan pemulihan (Sabir, 2013). Kenyataan ini dikukuhkan lagi melalui hasil penyelidikan yang dijalankan oleh Sudirman (2009), hasil kajian mendapati 61% pelatih pulih selepas menjalani rawatan pemulihan berasaskan metod Pondok Remaja Inabah. Pelatih boleh memimpin solat dan zikir dan ada dalam kalangan mereka dilantik sebagai pembimbing bagi menguruskan pentadbiran di Pondok Remaja Inabah (Sudirman, 2009)” (h.79).

Hasil kajian lepas menyokong bahawa kaedah rawatan pemulihan Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia yang berpandukan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, merupakan salah satu jalan terbaik bagi pemulihan dadah. Namun belum ada yang mengkaji dari aspek keberkesanan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah. Hal ini menarik untuk dikaji, maka satu kajian perlu dijalankan bagi melihat “Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah Dalam Pemulihan Dadah: Kajian Keberkesanan Di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia”. Di samping itu, Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia merupakan Pondok Remaja Inabah yang tertua didirikan berbanding Pondok Remaja Inabah yang lainnya yang terdapat di Malaysia. Selain itu Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia juga terdapat seorang Wakil *Talqin* (Khalifah) yang membimbing dan memantau secara langsung, serta tinggal bersama pelatih di sana.

1.4 Persoalan Kajian

Penyelidik merumuskan beberapa persoalan yang perlu dikaji berkenaan Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah Dalam Pemulihan Dadah: Kajian Keberkesanan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, diantaranya seperti berikut:

- i. Apakah konsep Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah ?
- ii. Bagaimanakah pelaksanaan dan metod Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia ?
- iii. Apakah kesan Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah terhadap pemulihan dadah dalam kalangan remaja di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia ?

1.5 Objektif Kajian

Penyelidik telah mengenal pasti objektif kajian yang ingin dikaji, antaranya adalah :

- i. Mengenalpasti konsep zikir menurut Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah.
- ii. Meneliti pelaksanaan dan metod Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia.
- iii. Menganalisis kesan Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah terhadap pemulihan dadah dalam kalangan remaja di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini memiliki empat kepentingan antaranya adalah:

- i. Mampu menjadi bahan rujukan kepada AADK bagi memulihkan penagih dadah yang sedang dirawat di PUSPEN atau Pusat Pemulihan Sendirian.
- ii. Pihak Pondok Remaja Inabah boleh memanfaatkan hasil kajian ini sebagai panduan dalam pemulihan dadah di Pondok Remaja Inabah yang lainnya, yang berada di Indonesia dan Malaysia.
- iii. Secara keilmuan, dapatan dari kajian ini diharapkan dapat menambah khazanah ilmu keislaman tentang peranan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah.
- iv. Secara amali, hasil kajian ini dapat dimanfaatkan oleh masyarakat agar kegiatan kerohanian lebih berkesan pada roh dan *qalbu*.

1.7 Definisi Konsep

Pada bahagian ini akan menjelaskan tentang definisi konsep, manakala yang menjadi perbincangan dalam bahagian ini terbahagi kepada definisi inabah, konsep inabah dan kaedah rawatan Pondok Remaja Inabah.

1.7.1 Definisi *Inabah*

Inabah merupakan tingkatan dalam perjalanan seseorang murid. Murid ialah seorang hamba Allah SWT yang sedang menuju dan mendekati-Nya. Seterusnya dalam konteks kajian ini, kata murid merujuk kepada pelatih (penagih yang sedang menjalani rawatan) di Pondok Remaja Inabah. Pengertian *inabah* berdasarkan ahli sufi pula ialah kembali kepada Allah SWT setelah melakukan maksiat dan mengerjakan taat terhadap Allah SWT kerana memiliki rasa malu dilihat oleh-Nya” (Al-Kurdi, 2013). Kata *inabah* telah disebutkan sebanyak 17 kali dalam Quran. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: “*Bahawa hidayah akan diberikan Tuhan kepada orang yang mahu kembali*” (al-Ra’d: 27).

Berdasarkan ayat di atas Sayyid Qutb menafsirkan bahawa, yakni Allah SWT memberi hidayah kepada orang-orang yang kembali atau bertaubat kepada-Nya. Jadi taubat kepada Allah SWT itulah yang membuat mereka layak menerima hidayah-Nya (Sayyid Qutb, 2000, h.362). Seterusnya dalam surah Lukman ayat ke-15, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: “*Dan ikutlah jalan orang yang sudah biasa kembali, taubat kepada-Ku*” (Lukman: 15).

Seterusnya Al-Maraghiy menafsirkan ayat di atas bermaksud, Setiap manusia akan bertemu Allah SWT setelah meninggal dunia, serta Allah SWT akan menerangkan seluruh perbuatan yang telah dilakukan ketika di dunia sama ada yang baik mahupun buruk. Kemudian Allah SWT akan membalas dengan seadil-adilnya sesuai dengan perbuatan hamba-Nya (Al-Maraghiy, 2001, h.5373-5374). Seterusnya dalam surah al-Zumar ayat ke-8, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: *“Sifat manusia yang selalu kembali kepada Tuhan apabila ditimpa kesusahan dan dalam kesenangan”* (al-Zumar: 8).

Selain itu Al-Maraghiy menafsirkan bahawa mereka menyatakan taubat dari kekafiran yang mereka lakukan supaya memperoleh belas kasihan dan pertolongan Allah SWT. Namun begitu, Allah SWT memberikan kenikmatan kepada mereka, kemudian menghilangkan dan melenyapkan kesusahan dan kesulitan yang ada pada mereka (Al-Maraghiy, 2001, h.5869). Seterusnya dalam surah al-Zumar ayat ke-54, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: *“Para Nabi dan Rasul adalah orang yang kembali kepada Tuhannya”* (Surah al-Zumar: 54).

Di samping itu Al-Maraghiy menafsirkan ayat di atas bermaksud wahai manusia, kembalilah kepada Tuhanmu dan bertaubatlah dengan mentaati-Nya, serta penuhilah seruan yang disampaikan kepada kamu, iaitu supaya kamu mengesakan-Nya sebelum kamu ditimpa azab yang amat pedih yang tidak ada seorang pun yang sanggup menolong dan menyelamatkan kamu (Al-Maraghiy, 2001, h.5922).

1.7.2 Konsep *Inabah*

Konsep *inabah* adalah lanjutan serta terapan daripada konsep Iman, Islam dan ihsan. Sehubungan dengan itu, kaedah rawatan pemulihan melalui Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah ialah berbentuk menyeluruh yang memiliki Ilmu Tauhid, Fikah serta Tasawuf (Mahmmod Nazar Mohamed, 2006).

1.7.2. (a) Konsep Tauhid (Iman)

Tauhid ataupun Iman adalah membenarkan Allah SWT dengan hati, serta menyatakan dengan lisan dan melakukan dalam perbuatan. Seseorang yang beriman memiliki keyakinan bahawa Allah SWT itu Maha Esa, Rasulullah SAW itu utusan Allah SWT, percaya kepada malaikat, kitab al-Quran, hari kiamat serta *qadha'* (kehendak Allah) dan *qadar* (takdir Allah) (al-Kurdi, 2013). Hasil daripada iman adalah seseorang akan memiliki rasa takut terhadap ancaman Allah SWT serta mengharap akan janji-janjinya. Jika seseorang sentiasa berzikir mengingat Allah SWT maka iman akan bertambah dan akan berkurang apabila lupa untuk berzikir. Bahkan ketika seorang hamba berbuat maksiat, maka tingkat keimanannya semakin berkurang. Oleh itu, Pondok Remaja Inabah menggunakan konsep zikir ini dan menjadi amalan utama dalam kaedah pemulihan (Mahmood Nazar Mohamed, 2006).

1.7.2 (b) Fikah (Islam)

Islam adalah *al-imtitsal wal-inqiyad* (tunduk dan patuh) atas segala perintah Allah SWT yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW (al-Kurdi, 2013). Rukun Islam isinya adalah berkaitan ibadah zahir iaitu syahadah, solat, zakat, puasa pada bulan Ramadan dan menunaikan haji bagi yang mampu, manakala ilmu untuk mempelajarinya adalah Ilmu Fikah yang merangkumi Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki, Mazhab Syaf'i dan

Mazhab Hambali (Abu Zein, 2015). Oleh itu, pelatih diasuh dan dididik dengan pengetahuan fardu ain dan solat supaya mengetahui tanggungjawab kenapa mereka diutuskan ke bumi (Mahmood Nazar Mohamed, 2006).

1.7.2 (c) Tasawuf (ihsan)

Ihsan adalah beribadah kepada Allah SWT seakan-akan seseorang itu melihat-Nya. Hakikat ihsan adalah merasa sentiasa diawasi Allah SWT dalam ibadah seorang hamba, sampai mencapai tingkat kesempurnaan dalam keikhlasan (al-Kurdi, 2013). Bentuk ilmu untuk mempelajarinya adalah tasawuf dan pengamalannya atau pun alirannya juga disebut sebagai tarekat, seperti Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah (Abu Zein, 2015).

1.7.3 Kaedah Rawatan Pondok Remaja Inabah

Istilah rawatan dalam prinsip inabah ialah pembinaan atau bimbingan. Hal demikian kerana penagihan dadah dan kenakalan remaja adalah penyakit rohani yang membawa kepada keruntuhan akhlak (Mahmood Nazar Mohamed, 2006, h.22). Selain itu, setiap pelatih yang didaftarkan ke Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia akan menjalani rawatan pemulihan selama 8 bulan. Setelah tamat tempoh rawatan, pelatih diberikan pilihan sama ada ingin meneruskan tempoh rawatan ataupun ingin menamatkan sahaja rawatan tersebut. Terdapat pelbagai rawatan yang dilaksanakan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia adalah seperti rawatan zikir, solat, mandi taubat, dan bimbingan fardu ain dan al-Quran.

1.7.3 (a) Zikir

Zikir *jahar* (nyaring) dilaksanakan setiap kali sesudah solat wajib, malah digalakkan selepas solat sunat. Sementara zikir *khafi* (sembunyi) sentiasa diamalkan secara berterusan sama ada semasa solat atau di luar solat. Rasionalnya adalah untuk menzuhudkan diri kepada Allah SWT dengan menghapuskan sifat-sifat tercela yang menghalang seseorang daripada berhubungan dengan Allah SWT. Amalan ini dapat memupuk sifat *mahabbah* (kasih sayang), *muraqabah* (pengawasan), *zuhud* (meninggalkan keduniaan) dan *fana* (tidak kekal) dalam diri untuk membanteras nafsu yang tercela, manakala dari perspektif jasmani zikir yang dilaksanakan selepas solat adalah satu pergerakan yang sungguh aktif untuk memulihkan kondisi fizikal dan kesihatan pengamalnya. Perkara ini merujuk kepada pergerakan semasa solat yang berlaku merupakan pergerakan riadah yang menggerakkan seluruh tubuh badan (Mahmood Nazar Mohamed, 2006, h.32).

1.7.3 (b) Solat

Solat adalah program wajib untuk menyedarkan pelatih bahawa seluruh hidup ini adalah penyerahan diri kepada Allah SWT. Jika tidak dilaksanakan maka individu itu berada jauh daripada perlindungan Allah SWT. Solat adalah usaha memupuk persatuan dan kesatuan serta melatih disiplin dalam diri pelatih. Solat wajib, solat sunat dan solat malam adalah program wajib dan tetap dalam kaedah rawatan di Pondok Remaja Inabah kerana solat wajib dan solat sunat ini mempunyai hikmah yang besar kepada manusia. Lantaran itu, solat yang diikuti dengan zikir adalah suatu terapi untuk mengatasi perbuatan keji dan mungkar. Setiap solat yang dianjurkan mempunyai penyusunannya sendiri. Perkara paling penting ialah keyakinan, kepercayaan dan kesungguhan dalam mengamalkannya (Mahmood Nazar Mohamed,

2006, h.33). Semua jenis solat yang telah ditetapkan sebagai kurikulum Inabah dikira wajib bagi para pelatih, sekalipun solat sunat (Aqib, 2005, h.180).

1.7.3 (c) Mandi Taubat

Rawatan pemulihan di Pondok Remaja Inabah mewajibkan mandi taubat dilaksanakan pada jam 3.00 pagi sebanyak 40 penyedok. Mandi taubat ini adalah rawatan wajib bagi pelatih semasa menjalani rawatan di Pondok Remaja Inabah. Amalan ini digalakkan agar diteruskan selepas tamatnya tempoh rawatan. Amalan ini juga disarankan untuk para *ikhwan* (pengamal) Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah. Mandi ini dimulai dengan bacaan doa taubat. Dari segi rohani, mandi ini adalah sebagai cara membersihkan diri daripada dosa kerana Allah SWT. Mandi taubat juga membantu memulihkan kesihatan dan jasmani pelatih. Selain itu, mandi taubat dapat melatih ketahanan mental, memerangi hawa nafsu dan melatih ketaatan serta kepatuhan mengikut arahan (Mahmood Nazar Mohamed, 2006, h.34).

Aktiviti mandi taubat ini biasanya dilakukan selama empat puluh hari oleh pelatih. Rawatan ini bertujuan untuk menghilangkan ketagihan dadah dengan merasakan ketenangan setelah pembuluh darah para pelatih mengecut pada permukaan tubuh, lalu merangsang pengaliran darah ke hati, jantung dan otak (Su'dan, 1987). Sesungguhnya, mandi taubat yang dilakukan tengah malam merupakan hidroterapi yang sangat efektif, menyegarkan jiwa dan raga yang pernah tersiksa oleh pelbagai penyakit jiwa (Burhanuddin, 2003, h.284).

1.7.3 (d) Bimbingan Fardu Ain dan al-Quran

Bimbingan fardu ain dan al-Quran diadakan pada setiap hari mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh ustaz (pembimbing). Pembimbing yang bertugas ialah pembimbing yang berkhidmat secara sepenuh masa untuk membimbing dan mengawasi pelatih. Bimbingan fardu ain dan al-Quran sangat penting untuk pelatih kerana majoriti daripada mereka tidak mempunyai asas agama yang sewajarnya dan ada dalam kalangan mereka yang tidak mendapat didikan agama sama sekali (Mahmood Nazar Mohamed, 2006, h.36).

1.7.3 (e) *Khataman*

Khataman ialah tatacara ibadah yang mengandungi doa dan wirid-wirid khas. Program ini dilaksanakan bersama-sama masyarakat setempat dan para *ikhwan* (pengamal Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah) sekali seminggu iaitu pada malam Jumaat. Program rawatan ini adalah berbentuk berjemaah bersama masyarakat biasa yang mengamalkan ajaran Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah. Namun, pelatih di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia membaca *khataman* sebanyak dua kali sehari yang dipimpin oleh pembimbing iaitu selepas solat Subuh dan Asar (Mahmood Nazar Mohamed, 2006, h.37).

1.7.3 (f) *Manakib*

Manakib ialah ibadah yang menceritakan kebaikan dan akhlak yang terpuji orang-orang soleh agar menjadi tauladan. *Manakib* dilaksanakan pada sebelas haribulan dalam setiap bulan Islam. Melalui acara ini para *ikhwan* iaitu pengamal Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah akan datang beramai-ramai sama ada *ikhwan* (pengamal) tempatan atau dari luar negeri Kedah. Pelatih melaksanakan program ini bersama-

sama ahli masyarakat biasa tanpa syarat yang ditetapkan. Pelatih mendapat peluang menghayati dan mempelajari agama di samping dapat bergaul dan beramah mesra dengan para *ikhwan*. Seterusnya, acara *Manakib* oleh Tuan Guru Dato Haji Mohd Zuki, akan memberi ceramah dan tabligh agama, memberikan bimbingan rohani di samping mengimami solat fardu dan sunat, memimpin pelaksanaan zikir secara mantap, khusyuk dan tawaduk. Lazimnya dilaksanakan majlis *talqin* (peringatan) untuk para pelatih dan para *ikhwan* (Mahmood Nazar Mohamed, 2006, h.38).

1.8 Ulasan Karya

Pada bahagian ulasan karya, penyelidik menerangkan berkenaan pemahaman tentang konsep Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, pelaksanaan dan metod Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, kesan zikir terhadap pemulihan dadah, serta kajian-kajian lepas dari beberapa jurnal yang mengkaji tentang penagihan dadah yang telah diterbitkan oleh sarjana, manakala terakhir sejarah dan peranan Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Aspek ini sering dijadikan kajian oleh beberapa penyelidik di Malaysia dan Indonesia untuk melihat proses pemulihan dan kesan zikir tersebut setelah diamalkan oleh pelatih di pusat rawatan semasa menjalani proses penyembuhan. Namun begitu terdapat beberapa kajian lepas yang mendorong supaya kajian ini dijalankan. Tambahan pula, penyelidik juga ingin melihat lompong kajian lepas yang dapat dikaji oleh penyelidik, berkaitan objektif kajian pertama iaitu konsep zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, kedua pelaksanaan dan metod zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, manakala ketiga ialah kesan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah terhadap pemulihan dadah dalam kalangan remaja di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia.

1.8.1 Pengertian Konsep Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah

Menurut Abu Zein As-Sajjadi (2015), di dalam bukunya "*Zikir Cahaya di Atas Cahaya*" beliau mengatakan, secara bahasa zikir berasal dari bahasa Arab *zakara* artinya menyebut, mengucapkan, mengagungkan, menyucikan dan mengingat. Seperti kalimat *zikrullah* (zikir kepada Allah) artinya menyebut atau mengingat. Ditinjau dari segi terminologi, zikir adalah mengingat menyebut, mengingat Allah SWT dengan mengulang-ulang salah satu nama-Nya atau kalimat keagungan-Nya (Abu Zein, 2015, h.83).

Menurut Cecep Alba (2011), di dalam bukunya "*Cahaya Tasawuf*", mengatakan, zikir secara lugawi artinya ingat atau mengingat. Zikir terbahagi dua, zikir secara umum dan zikir dalam erti khusus. Zikir dalam erti yang pertama adalah segala bentuk ketaatan kepada Allah SWT. Sebagai contoh, solat, puasa, zakat, melaksanakan haji ke tanah suci dan membaca al-Quran adalah zikir. Sedangkan zikir yang dimaksud dalam Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah adalah zikir khusus, iaitu "*hudurul Qalbi ma'Allah*" (hadirnya hati kita bersama Allah SWT). Zikir dalam erti khusus ini terbahagi dua, pertama zikir *jahar* dan kedua zikir *khafi*. Zikir *jahar* adalah melafazkan kalimah tauhid iaitu "*Laailaahailallah*" secara lisan dengan suara keras dan dengan cara-cara tertentu. Sedangkan zikir *khafi* adalah ingat kepada Allah SWT dengan zikir *isbat* (penetapan) saja iaitu mengingat nama "*Allah*" secara *sirr* (rahsia) dalam hati, dengan cara-cara sebagai diterangkan dalam *talqin* (Cecep Alba, 2011, h.82).

Seterusnya beliau menambah lagi, tujuan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah iaitu menyeru setiap insan agar memperoleh keredhaan Allah SWT, keselamatan di dunia

serta kebahagiaan yang kekal di akhirat. Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah memiliki tujuannya iaitu seperti yang terlihat ketika para *ikhwan* (pengamal) membaca muqaddimah sebelum melaksanakan zikir. Kalimat tersebut bermaksud “*Tuhanku, Engkaulah yang aku maksud dan keridhaan-Mu yang aku cari, berikanlah kemampuan untuk dapat mencintai-Mu dan makrifat kepada-Mu*” (Cecep Alba, 2011, h.79).

Hal yang sama turut dinyatakan oleh Shaykh Qasim Abdul Karim Hawazin Al-Qusyairi An-Naisaburi (2013), dalam kitabnya “*Al-Risalah al-Qusyairiyah fi Ilm al-Tasawuf*” beliau menjelaskan tentang pembahagian zikir. Beliau mengatakan, zikir adalah rukun yang sangat kuat dalam perjalanan menuju *al-Haqq*, bahkan keberadaannya merupakan tiang. Tidak akan sampai seseorang menuju Allah SWT kecuali dengan mengekalkan zikir. Zikir ada dua jenis, iaitu zikir lisan (*jahar*) dan zikir hati (*khafi*). Zikir lisan bagi seseorang hamba yang menggunakan tekniknya akan membawanya kepada zikir hati secara berterusan. Zikir lisan ini mempunyai pengaruh pada zikir hati. Jika hamba berzikir dengan lidah dan hatinya secara sekali gus, maka dia adalah seorang ahli zikir yang sempurna dalam sifat dan keadaan perilaku spiritualnya (al-Qusyairi, 2013, h.318).

Di samping itu, Shaykh Syihabuddin Suhrowardi (1971), dalam kitabnya “*Bidayah al-Salikin*” menjelaskan tentang beberapa tingkatan zikir. Pertama, zikir dengan lisan tetapi lupa hatinya. Zikir seperti ini disebut zikir adat dan hasilnya itu adalah menjadi siksa, sebab menjadi dosa. Contohnya, lisannya mengucapkan *Laailaahailallah* tetapi hatinya mengingat kepada selain Allah SWT, manakala kedua, zikir dengan lisan akan tetapi hatinya ingat kepada Allah SWT. Zikir seperti ini disebut sebagai zikir ibadah

dan hasilnya tentu pahala. Contohnya, lisannya mengucapkan *Laaailaahillallaah* dan hatinya ingat pada erti kalimah tersebut. Seterusnya ketiga, zikir dengan bergetarnya seluruh badan. Zikir ini disebut zikir *mahabbah* (kasih sayang) dan makrifat. Hasilnya tidak ada yang tahu kecuali Allah SWT semata. Contohnya, lisan mengucakan *Laaailaahillallaah* bersamaan dengan gerakan kepala dari bawah hingga ke atas, ke kanan dan ke kiri, dan zikir tersebut terkesan ke dalam hatinya. Zikir ini dikenali sebagai zikir *mahabbah* (kasih sayang) dan makrifat kerana pendahuluan sebelum memulakan zikir tersebut diucapkan:

“Tuhanku, hanya Engkaulah yang ku maksud, keridaan mu yang ku harap, berilah aku kemampuan untuk dapat mencintai dan makrifat kepada-Mu” (Syihabuddin, 1971, h.17).

Menurut, Imam Al-Ghazali (2007) dalam kitabnya “*Ringkasan Ihya’ Ulumuddin*” beliau mengatakan perlunya zikir disertai kehadiran hati. Beliau menjelaskan, zikir-zikir yang bermanfaat ialah zikir yang disertai dengan kehadiran hati, sedangkan yang selain itu sedikit manfaatnya. Hal ini kerana yang dituju adalah kesenangan dengan Allah SWT dan hal itu terwujud dengan selalu berzikir disertai hati yang hadir (khusyuk). Dengan amalan zikir itu seseorang akan aman dari *su’ul khaatimah* (penghabisan yang buruk) (Al-Ghazali, 2007, h.122).

Menurut, Shaykh Ibn ‘Athailah as-Sakandari (2012) dalam kitabnya yang berjudul “*Mutu Manikam Dari Kitab Al Hikam*” beliau menjelaskan, makam tertinggi yang diperoleh oleh hamba yang berzikir, adalah zikir yang hidup dengan sendirinya di dalam dirinya, yang sudah menjadi satu di seluruh anggota badannya. Setiap gerakan adalah zikir, setiap ucapan adalah zikir, senyum dan kerdipan mata, naik turunnya nafas adalah zikir. Antara Allah SWT dengan hamba-Nya yang berzikir tidak ada

batasnya, kerana tidak dibatasi waktu, masa, jarak, antara hamba dengan Allah SWT (Ibn Athaillah, 2012, h.126).

Secara kesimpulan ulasan karya pada bahagian ini untuk melihat lompong yang dapat dikaji pada objektif yang pertama iaitu konsep zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah. Secara keseluruhannya kajian lepas tidak memperjelas secara mendalam tentang konsep zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah.

1.8.2 Pelaksanaan dan Metod Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah

Menurut Abu Zein As-Sajjadi (2015) dalam bukunya “*Dzikir Cahaya Di Atas Cahaya*”, beliau mengatakan, zikir *jahar* atau mengingat Allah SWT dengan bersuara (nyata/jelas/nyaring) iaitu suatu tahap untuk menjadi seseorang ahli zikir secara menyeluruh, setiap anggota tubuh, harus tenggelam dalam mencintai-Nya, suatu keadaan kerohanian yang memuat segenap kekuatan fizikal dan rohani kepada Allah SWT, kerana ini adalah amalan dasar dalam menempuh jalan tarekat sufi (Abu Zein, 2015, h.106), manakala Zikir *Khafi* pula menurut Abu Zein (2015), zikir *khafi* adalah zikir yang dilakukan dengan menggunakan rasa (*zawq*), tempatnya di dalam *qalbu* sehingga terahsiakan dari penglihatan manusia bahkan malaikat pun tidak dapat mengetahui, hanya Allah SWT dan ahli zikir sahaja yang dapat mengetahui zikir ini (Abu Zein, 2015, h.110).

Selain itu menurut Shaykh Ahmad Sohibulwafa Tajul Arifin (1970), dalam kitabnya “*Miftahus Shudur*” beliau menjelaskan, cara melakukan zikir *jahar* (zikir dengan suara yang keras) ialah bahawa orang yang berzikir itu memulai dengan ucapan *Laa* dari pusat dan diangkatnya sampai ke otak dalam kepala, sesudah itu diucapkan *Ilaaha*

dari otak dengan menurunkannya perlahan-lahan bahu kanan. Lalu memulai lagi mengucapkan *Illallah* dari bahu kanan dengan menurunkan kepala kepada pangkal dada di sebelah kiri dan berkesudahan pada hati sanubari di bawah tulang rusuk lambung dengan menghembuskan lafaz nama Allah SWT sekuat mungkin sehingga terasa gerakan pada seluruh badan seakan-akan di seluruh bahagian badan amal yang rusak itu terbakar dan memancarkan Nur Tuhan. Getaran itu meliputi seluruh bidang *latifah* (jiwa halus) sehingga dengan demikian tercapai makna tahlil yang ertinya “*tidak ada yang dimaksudkan melainkan Allah*” (Ahmad Sohibulwafa, 1970, h.17).

Menurut Shaykh Abdul Wahab al-Sya’rani (2011), dalam kitabnya “*Al-Anwaarul Qudsiyyah Fii Ma’firati Qawaa-Idish Shuufiyah*” beliau menjelaskan tentang tatacara zikir *jahar*. Beliau mengatakan, ulama bersepakat, hendaklah seorang murid berzikir dengan penuh semangat, sehingga tidak ada kelalaian sedikitpun pada dirinya mulai dari hujung kepala hingga ke hujung jari-jari kedua telapak kakinya. Sikap seperti ini menunjukkan bahawa seseorang itu memiliki keinginan yang kuat, sehingga mengharapkan memperoleh anugerah Allah SWT dalam waktu yang singkat. Seorang murid diwajibkan mengucapkan zikirnya dengan suara yang keras dan penuh semangat agar dapat mendatangkan hasil. Seterusnya beliau mengatakan:

“seorang yang ingin segera mendapatkan anugerah Ilahi, hendaknya ia mengangkat ucapan Laa Ilaaha Illallah dari atas pusatnya, dari nafas yang ada antara dua sisi dan menyampaikan ucapan Laailaahailallah hingga ke dalam hati yang ada antara tulang dada dengan rongga perut dan memalingkan kepalanya ke sisi sebelah kiri seraya menghadirkan makna kalimat itu ke dalam hatinya. Selanjutnya beliau menjelaskan lagi, sebaiknya seorang melakukan zikir jahar dengan lambat, kerana dibimbangi ucapannya dapat menyimpang, sehingga dapat mengubah erti. Seorang yang berzikir tidak boleh secara sambil lewa

melantunkan ucapan Laailaahillallah, sebab ucapan tersebut termasuk ayat al-Quran” (Abdul Wahab, 2011).

Di samping itu menurut Shaykh Muhammad Amin al-Kurdi (2013), dalam kitabnya “*Tanwir al-Qulub fi Mu’amalah ‘Allam al-Ghuyub*” beliau mengatakan, zikir dibahagi menjadi dua, zikir *khafi* dan zikir *jahar*. Masing-masing memiliki dalil dalam al-Quran dan as-Sunnah. Zikir *jahar* adalah zikir dengan lafaz yang tersusun dari suara dan huruf. Zikir *jahar* tidak mudah dilakukan setiap saat oleh ahli zikir, kerana kegiatan seharian dapat menghalanginya dari zikir ini. Berbeza halnya dengan zikir *khafi*. Zikir *khafi* dilakukan dengan cara pengawasan hati terhadap Dia (Allah SWT) yang dinamakan dengan lafaz zikir, Dia (Allah SWT) yang sepi huruf dan suara. Justeru, tidak ada hal yang dapat menghalangi seseorang dari zikir *khafi*. Hendaklah berzikir kepada Allah SWT dengan hati tersembunyi dari makhluk tanpa huruf dan bunyi suara. Sesungguhnya zikir ini merupakan zikir paling utama daripada semua zikir (Muhammad Amin, 2013, h.360).

Menurut Muhammad Fadhil et al. (2011), dalam buku “*Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah Pondok Pesantren Suryalaya Membangun Peradaban Dunia*”, teknik zikir *khafi* perlu melalui *talqin* seorang mursyid sebagaimana Rasul mentalqin sahabatnya, Abu Bakar al-Shiddiq. Tekniknya adalah dengan menutup mata, merapatkan gigi, dan melipatkan hujung lidah serta dagu dirapatkan ke arah dada sebelah kiri. Setelah itu sanubari berzikir dengan menggunakan nama zat Allah...Allah (Muhammad Fadhil, 2011, h.46).

Menurut Shaykh Abdul Qodir Al-Jailani (2013), dalam kitabnya yang berjudul “*Sirrul Asrar wa Mazh-harul Anwar*” beliau mengatakan, syarat zikir adalah harus dalam

keadaan wudhu yang sempurna, lalu dengan arah yang tepat dan suara yang kuat, hingga menghasilkan cahaya keimanan dalam batin. Dengan cahaya-cahaya itu, kemudian hatinya akan menjadi hidup iaitu kehidupan akhirat yang abadi (Al-Jailani, 2013, h.116).

Secara kesimpulan ulasan karya pada bahagian ini untuk melihat lompong yang dapat dikaji pada objektif yang kedua iaitu pelaksanaan dan metod zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Secara keseluruhannya kajian lepas tidak memperinci secara mendalam tentang pelaksanaan dan metod zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah.

1.8.3 Kesan Zikir Terhadap Pemulihan Dadah

Kajian mengenai zikir dalam pembentukan rohani oleh Shaykh Ahmad Sohibul Wafa Tajul Arifin (1983) dalam kitabnya yang berjudul "*Akhlaqul Karimah Akhlaqul Mahmudah*" menjelaskan, dengan melalui zikir maka kemudian muncul akhlak yang baik, disebabkan adanya satu kesatuan antara zikir yang diucapkan dan zikir yang diingatkan itu dapat melahirkan tekad, keteguhan iman, rasa insaf dan bertawakal kepada Allah SWT (Ahmad Sohibulwafa, 1983, h.12). Apabila hati selalu diisi dengan *zikrullah* (zikir kepada Allah), ingatan ditautkan dengan ingatnya kepada Allah SWT, maka akan nampak pengaruh zikir itu pada sikap batin dan akan menjelma dalam perbuatan yang baik amal laku sebagaimana digariskan dalam perintah Allah SWT dan Rasul-Nya, maka terwujudlah peribadi mukmin, peribadi hamba Allah SWT yang berakhlak mulia, peribadi mukmin yang mengabadikan dirinya hanya kerana kecintaan kepada Allah SWT dan mantapnya iman secara mendalam yang terdorong

oleh zikir terhadap Allah SWT, sebagaimana yang telah dianjurkan oleh Rasulullah SAW (Ahmad Sohibulwafa, 1983,h.13).

Kajian yang dilakukan oleh Su'dan (1987) pula dalam bukunya yang berjudul "*Penyembuhan Penderita Kecanduan Narkotika di Pondok Pesantren Suryalaya*" mendapati bahawa, berdasarkan amalan zikir melalui kaedah Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah ini, memperlihatkan pengamal zikir tersebut memperoleh kesihatan jantung, otak, hati, usus, paru-paru dan lain-lain yang mampu membuatkan jasmani sihat dan pemikiran menjadi cerdas. Hal ini kerana, zikir tersebut memiliki prosedur dan tatacara yang tertentu dan perlu melakukannya dengan betul (Su'dan, 1987).

Selain itu, Shaykh Ibn 'Athailah as-Sakandari (2012) dalam kitabnya "*Mutu Manikam Dari Kitab Hikam*" memberikan penjelasan tentang pengaruh zikir. Beliau mengatakan, ingatan kepada Allah SWT dengan sungguh-sungguh dengan memberikan tumpuan sepenuhnya melalui jiwa dan hati, akan membentuk manusia yang tenang, dan hamba Allah SWT yang istiqamah, kehidupan yang bahagia, serta banyak lagi kelebihan zikir yang akan diperoleh dan dirasakan oleh hamba yang suka berzikir (secara terus menerus) (Ibn Athaillah, 2012, h.126).

Menurut Abu Zein As-Sajjadi (2015) dalam bukunya "*Dzikir Cahaya Di Atas Cahaya*" beliau mengatakan, dengan kaedah zikir *jahar* dan zikir *khafi* ini, para ahli tarekat sufi berpendapat, bahawa zikir tersebut merupakan alat yang akan menjadikan seorang hamba dapat mencapai pada tingkatan *ilmu al-yaqin* (yakin tahunya), kemudian *ain al-yaqin* (nyata tahunya) dan sampai pada *haqq al-yaqin* (mutlak tahunya) kepada Allah SWT, sehingga keyakinan tersebut benar-benar menghujam ke

dasar lubuk *qalbunya* (hati). Maka, merdekalah seorang hamba tersebut dari sifat kemunafikan, terhindar daripada tipu daya syaitan dan terbebaslah daripada kesengsaraan zahir dan batin (Abu Zein, 2015, h.190).

Hasil yang positif juga dapat dilihat melalui kajian yang dilakukan oleh Emo Kastama (1994) dalam “*Studi Pendalaman Mengenai Metod Inabah Dalam Upaya Penyembuhan Penderitaan Ketagihan Zat Adiktif, Melalui Proses Didik, Menurut Pesantren Suryalaya*”. Beliau mendapati bahawa tatacara ibadah berdasarkan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah telah berjaya memulihkan dan menyembuhkan dalam masa yang singkat terhadap jasmani penerima rawatan. Tambahan pula, kajian memperlihatkan keadaan pelatih yang sedang menjalani rawatan di Pondok Remaja Inabah merasakan ketenangan setelah melaksanakan proses zikir *jahar*. Hal ini kerana zikir tersebut ditujukan ke hati nurani dengan penuh semangat, sehingga memberi kepuasan terhadap jiwa mereka (Emo Kastama, 1990).

Kajian yang dijalankan oleh Dudung Abdurahman (2003), dalam jurnal yang berjudul “*Reaktualisasi Pengamalan Tarekat Melalui Lembaga Inabah Dalam Penyembuhan Korban Narkoba*” mengkaji tentang modul yang dilaksanakan oleh Pondok Remaja Inabah Pondok Pesantren Suryalaya. Beliau berpendapat, Lembaga *Inabah* telah berfungsi sebagai pusat penyembuhan penyakit jiwa. Penyembuhan penyakit ini terletak pada keadaan para pesakit yang memperoleh *insight* (suatu kesadaran tiba-tiba), berupa perasaan kehadiran Tuhan dalam diri mereka, sehingga mereka dipenuhi dengan cahaya petunjuk dari Allah SWT. Dalam kesedaran inilah sebetulnya mereka akan mampu melakukan transformasi jiwa ke arah perkembangan rohani yang lebih matang. Tetapi kerana sasaran dari gerakan Pondok Remaja Inabah itu adalah kaum

remaja, yang secara kejiwaan memungkinkan mereka masih goyah, maka yang telah sembuh perlu dibimbing lebih lanjut oleh pelbagai pihak, khususnya keluarga mereka demi kepentingan peningkatan imannya. Oleh kerana mereka juga telah masuk dalam lingkaran *ikhwan* (pengamal), maka proses rawatan lanjutan itu merupakan program dakwah Tarekat Suryalaya bersamaan dengan pembinaan *ikhwan* pada umumnya (Dudung, 2003, h.29).

Seterusnya, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Sudirman Abdul Fatah (2009) dalam tesis yang berjudul "*Proses Pemulihan Penggunaan Dadah Melalui Pendekatan Pusat Pemulihan Pondok Remaja Inabah Kedah Dan Terengganu*", beliau mengkaji tentang proses kemasukan remaja yang terlibat dengan dadah ke Pondok Remaja Inabah, proses pemulihan penggunaan dadah di Pondok Remaja Inabah, dan keberkesanan pemulihan dadah menggunakan pendekatan Pondok Remaja Inabah. Kajian ini tertumpu di Pondok Remaja Inabah (1) Kedah, Pondok Remaja Inabah (2) Terengganu dan kumpulan bekas penagih. Hasil kajian ini mendapati bahawa kedua-dua Pondok Remaja Inabah memiliki tahap keberkesanan yang tinggi sebanyak 66.7%, diikuti tahap keberkesanan yang sederhana 22.3% dan 10% sahaja yang memiliki tahap keberkesanan rendah (Sudirman, 2009). Namun dalam kajian ini penyelidik tidak memperinci secara mendalam kaedah zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah dan penyelidik hanya menjelaskan secara umum kaedah yang digunakan di Pondok Remaja Inabah.

Menurut Fadzli Adam, Wan Ibrahim Wan Ahmad, dan Sudirman Abdul Fatah (2011), dalam jurnal yang berjudul "*Spiritual and Traditional Rehabilitation Modality of Drug Addiction in Malaysia*" yang mengkaji tentang beberapa kaedah kerohanian dan

tradisional untuk proses pemulihan penyalahgunaan dadah di Malaysia, kadar penyembuhan modaliti dilakukan di Pondok Remaja Inabah terbukti sangat berkesan. Emo Kastama (1990), yang mengkaji Pusat Pemulihan Inabah di Jawa Barat Indonesia dari Julai 1989 hingga Februari 1990, mendapati bahawa keberkesanan rawatan dan pemulihan di Pondok Remaja Inabah adalah meyakinkan tinggi, menunjukkan jumlah pemulihan 93.1%. Seterusnya kajian oleh Mahmood Nazar Mohamed (1998) mendapati bahawa hanya 23% daripada penagih dadah kembali kepada penagihan dadah selepas 25 minggu menjalani rawatan pemulihan dadah di PRI. Oleh itu, kaedah pemulihan Pondok Remaja Inabah menggunakan pendekatan Islam boleh dianggap sebagai satu rawatan alternatif selain rawatan tradisional yang lain (Fadzli Adam, 2011, h.180).

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Sabir Abdul Ghani (2013) dalam Tesis yang berjudul "*Pelaksanaan Rawatan Pemulihan Dadah Berdasarkan Pendekatan Islam Di Pondok Remaja Inabah*". Kajian ini tertumpu di Pondok Remaja Inabah, Sungai Ikan, Terengganu, manakala tujuan kajian ini pula adalah mengetahui punca penagihan dan jenis dadah dalam kalangan pelatih Pondok Remaja Inabah, keberkesanan metod rawatan pemulihan, faktor sokongan yang mengukuhkan rawatan pemulihan dan perubahan diri semasa menjalani rawatan pemulihan dadah berasaskan metod Pondok Remaja Inabah. Hasil kajian mendapati pelatih yang menjalani rawatan asas menyatakan amalan zikir merupakan faktor dominan dalam pemulihan dadah dan diikuti dengan solat dan mandi taubat. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dalam kalangan yang menjalani rawatan lanjutan yang menyatakan mandi taubat merupakan kunci segala rawatan, jika mandi taubat ini tidak dilaksanakan maka perbuatan seharian dirasakan tidak sempurna (Sabir, 2013).

Kajian seterusnya oleh Muhtar (2014) dalam jurnal yang berjudul “*Pendekatan Spiritual Dalam Rehabilitasi Sosial Korban Penyalahgunaan Narkoba Di Pesantren Inabah Surabaya*”. Beliau menjelaskan bahawa dalam menangani masalah penyalahgunaan dadah di Pesantren Inabah Surabaya dengan mengutamakan aspek kerohanian Islam, iaitu berlandaskan al-Quran, al-Sunnah, dan fatwa ulama khususnya ulama Tarekat Qodiriyah Naqsabandiyah merupakan salah satu pendekatan dalam sistem rehabilitasi penyalahgunaan dadah. Pendekatan spiritual secara Islam ini juga disebut sebagai “Psikoterapi Islami” iaitu sebuah kaedah pemulihan terhadap gangguan jasmani dan rohani penagih dadah dengan petunjuk dari Allah SWT, Nabi/Rasul, dan para Ahli waris-Nya.

Seterusnya jurnal yang ditulis oleh Sabir Abdul Ghani et al (2014), dalam jurnal yang berjudul “*Pemulihan Dadah Menurut Perspektif Agama Di Malaysia*”. Beliau menjelaskan tentang pengertian dadah menurut agama, rawatan pemulihan dadah menurut perspektif agama, dan definisi rawatan dadah. Menerusi perspektif agama Islam, beliau menjelaskan beberapa metod yang diguna pakai oleh pusat rawatan, antaranya ialah rawatan pemulihan di Baitul Taubah, Pondok Remaja Inabah, yang menggunakan metod Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah sebagai pemulihan. Hasil kajian yang diteliti di Pondok Remaja Inabah adalah, beliau mengatakan “selepas mandi taubat dilaksanakan, pelatih menjalani solat sunat sehinggalah masuk waktu subuh. Solat fardu dilaksanakan oleh pelatih selepas masuk waktu solat fardu dan diikuti dengan solat sunat dan amalan zikir. Zikir di Pondok Remaja Inabah diamalkan dengan menggunakan kaedah zikir *khafi* (sembunyi) dan zikir *jahar* (nyaring). Zikir ini bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan dapat menghindarkan diri pelatih dari terus mengingati dadah (Fadzli & Sabir 2011)” (Sabir, 2014, h.79).

Selain itu, kajian oleh Fadzli Adam, Wan Ibrahim, Marhana Muhammed Anuar & Asyraf Ab Rahman (2015), dalam jurnal yang berjudul “*Drug Rehabilitation Treatment: The Consistency Practice Of Remembrance To Allah (Zikir) among Drug Addicts in Malaysia*”. Kajian tertumpu kepada penagih yang sedang menjalani rawatan yang berada di Pondok Remaja Inabah Kedah Dan Terengganu. Hasil kajian menunjukkan bahawa, dengan menggunakan metod zikir *jahar* dan zikir *khafi* secara berterusan penagih berjaya sembuh dari ketagihan dadah. Namun ada juga yang tidak berjaya dan berulang kembali menggunakan dadah setelah rawatan disebabkan tidak berterusan mengamalkan zikir semasa rawatan zikir dilakukan. Faktor tempoh masa rawatan juga memainkan peranan untuk keberhasilan penagih dalam proses rawatan. Hal ini menyokong bahawa zikir memainkan peranan penting dalam proses pemulihan dadah.

Secara kesimpulan ulasan karya pada bahagian ini untuk melihat lompong yang dapat dikaji pada objektif yang ketiga iaitu kesan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah terhadap pemulihan dadah dalam kalangan remaja di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Secara keseluruhannya kajian lepas tidak memperjelas secara mendalam tentang kesan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Kajian lepas hanya menjelaskan secara umum tentang kesan rawatan pemulihan.

1.8.4 Penagihan Dadah di Malaysia

Menurut Zakaria Stapa, Zainab Ismail, Faudzinaim Badaruddin, Ahmad Sunawari Long, Roziah Sidik @ Mat Sidek, Mohd Zamro Muda, Nadhirah Muhammad Arib, Siti Fatimah Mestar & Anggi Rahajeng (2011) dalam jurnal yang berjudul

“Keberkesanan Pelaksanaan Modul Pengajian Islam Di Puspen”, modul Pengajian Islam yang sedia ada perlu ditambah baik dari segi isi kandungan modul, liputan kandungan modul, kandungan modul yang sistematik mengikut fasa dan penamaan komponen modul. Penambahbaikan juga perlu dilakukan dari segi bilangan guru agama dan latihan ikhtisas (Zakaria Stapa, 2011, h.130). Beliau mencadangkan agar pencapaian PSAK (Pengetahuan, Amalan, Sikap dan Keimanan) dipertingkatkan dengan pengisian aktiviti untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui program zikir, tilawah al-Quran dan amalan-amalan sunat pada peringkat pra bebas. Pada peringkat pasca bebas pula hendaklah diwujudkan *support group* yang berkesan. Selain itu dicadangkan pembinaan modul pra bebas termasuk latihan kepada guru agama. Pengisian modul berkenaan hendaklah melibatkan proses *tazkiyat al-nafs* (proses penyucian jiwa) untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui program zikir, tilawah al-Quran dan amalan-amalan sunat (Zakaria Stapa, 2011, h,131).

Selain kajian di atas, Md Noor Saper, Nurul Ain Mohd Daud, Fauziah Hanim Jalal, Misnan Jemali, Ab Aziz Mohd Yatim, Mohd Khairul Azman Ajuhary (2015), dalam jurnal yang berjudul *“Pendekatan Intervensi Keagamaan Ke Atas Pelatih Pusat Pemulihan Dadah”* Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa Intervensi keagamaan mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas pelatih-pelatih di CCRC. Pengaruh tersebut memberikan kesan yang holistik merangkumi aspek kognitif, afektif dan tingkah laku terhadap kehidupan pelatih-pelatih. Pendekatan-pendekatan yang diamalkan di CCRC yang berteraskan kasih sayang serta hubungan kekeluargaan merupakan pemangkin dalam memperkasakan intervensi keagamaan. Jelasnya, pelaksanaan intervensi keagamaan memerlukan kepada sokongan secara bersepadu

daripada pelbagai pihak merangkumi pentadbir, pelaksana, pelatih, persekitaran dan masyarakat setempat (Md Noor Saper, 2015, h.153).

Kajian seterusnya oleh Zarina Othman, Nor Azizan Idris, dan Mohamad Daud Druis (2015b), dalam jurnal yang berjudul "*Penyalahgunaan Dadah Sebagai Ancaman Keselamatan: Analisis Keberkesanan Program Kerajaan Dalam Mengekang Pengrekrutan Penagih Dadah Di Malaysia*". Mereka mendapati bahawa hasil empirikal dan beberapa sampel temu bual yang dijalankan dengan penghuraian masalah dadah mengancam keselamatan insan amnya dan khususnya dari segi keselamatan Komuniti-Individu. Berdasarkan dari segi aspek keselamatan individu-komuniti kebanyakan informan bersetuju menghuraikan kesan kepada komuniti seperti keadaan jenayah meningkat. Peningkatan masalah jenayah melibatkan pengedaran dan penagihan di mana statistik telah menunjukkan penglibatan mangsa dadah dalam jenayah. Selain dari itu kesejahteraan masyarakat terjejas, bahkan individu juga turut terancam termasuk kesukaran dalam pengurusan individu sesebuah komuniti akan menjadi kucar-kacir. Selain keselamatan Individu-Komuniti, keselamatan kesihatan juga perlu dititikberatkan kerana kaitan antara dadah dengan kesihatan ini amat selari. Kesejahteraan kualiti kesihatan dalam kehidupan mangsa kepada dadah akan menyebabkan kemudaratan kepada kesihatan komuniti lain seperti penyakit berjangkit yang boleh menjangkiti keluarga dan masyarakat (Zarina, 2015b, h.69).

Kajian yang dijalankan oleh, Zarina Othman dan Mohamad Daud Druis (2015a), dalam jurnal yang berjudul "*Ancaman Sindiket Dadah Terhadap Juvenil Di Malaysia*" mengatakan, sememangnya tidak dapat dinafikan, penyalahgunaan, penagihan dadah

dan pengedaran dadah di kalangan juvenil adalah satu masalah yang serius dan perlu ditangani pada usia awal mereka. Kajian ini diharap dapat menimbulkan kesedaran kepada semua pihak berwajib tentang masalah yang dihadapi, di samping menjadi panduan dalam membantu menyediakan dan melaksanakan penguatkuasaan untuk menangani ancaman sindiket terhadap golongan juvenil. Golongan ini perlu diselamatkan pada peringkat awal lagi supaya kelangsungan hidup dan masa hadapan mereka lebih terjamin khususnya dalam bidang pendidikan. Golongan juvenil juga harus disemai dengan perasaan bangga akan identiti etnik agar berpegang teguh kepada elemen-elemen positif budaya masing-masing (Zarina, 2015a, h.71).

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Buerah Tunggak, Shahrin Hashim, Nur Afzan Mohamad & Maznah Ali (2015) dalam jurnal yang berjudul "*Faktor Risiko Belia Terlibat Dalam Penyalahgunaan Dadah dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Belia Muslim Terpimpin*". Beliau mendapati, beberapa faktor yang menyebabkan belia terlibat dengan penyalahgunaan dadah, antara faktor utama adalah faktor diri sendiri. Faktor ini yang memberi kesan yang paling ketara untuk mempengaruhi belia terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Selain itu, faktor kedua adalah faktor rakan sebaya, ketiga faktor media massa dan faktor aktiviti keagamaan, manakala yang terakhir adalah faktor hubungan dalam sesebuah keluarga (agama), namun faktor ini dianggap yang paling lemah untuk mempengaruhi belia terlibat dengan penyalahgunaan dadah (Buerah Tunggak, 2015).

Secara kesimpulan ulasan karya pada bahagian ini untuk melihat lompang yang dapat dikaji pada bahagian permasalahan kajian yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja.

1.8.5 Sejarah dan Peranan Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia

Menurut Mohd Zuki (2010), dalam buku beliau yang berjudul “*30 Tahun Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia*”, beliau mengatakan “Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia ditubuhkan pada tahun 1980 di Kampung Pulau Bidin, Mukim Telaga Mas, Alor Setar, Kedah Darul Aman. Inabah (1) atau dahulunya dikenali sebagai Inabah Pulau Bidin ditubuhkan oleh Tuan Guru Dato’ Haji Mohd Zuki as-Syuja’ bin Shafie atas permintaan ibu bapa dan waris yang mempunyai anak dan saudara yang terlibat dengan masalah penagihan dadah dan kenakalan remaja. Inabah Pulau Bidin mula beroperasi di rumah Tuan Guru Dato’ Haji Zuki dan prasarana yang ada pada ketika itu hanya boleh menampung seramai 20 orang pelatih. Pusat ini dinamakan Inabah yang bererti “kembali ke jalan yang benar menurut perintah Allah SWT” (Mohd Zuki, 2010, h.11).

Pada tahun 1991, Inabah didaftarkan di bawah PEMADAM sebagai Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan diberi nama Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Pihak PEMADAM tertarik dengan kejayaan dan kegigihan Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia dalam memulih dan membimbing mangsa-mangsa penyalahgunaan dadah dan kenakalan remaja kepada kehidupan yang normal dan lebih produktif. Sehubungan dengan itu, Tan Sri Dato’ Seri Haji Megat Junid bin Megat Ayob, Timbalan Menteri Dalam Negeri ketika itu telah menjadi penaung kepada Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia (Mohd Zuki, 2010, h.12).

Pada tahun 1996, dengan pertolongan dari semua pihak Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia telah berhijrah ke tempat yang lebih sesuai dengan tapak yang luas iaitu di “Jabal Suf” Kampung Paya Mukim Padang Temak, 06300 Kuala Nerang, Kedah.

Kedudukannya lebih kurang 35 kilometer dari Bandaraya Alor Star (Mohd Zuki, 2010, h.14). Tambahan pula, menurut Mohd Najdi Baqir (temu bual, 3 Februari 2017a) dari hasil temu bual di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, beliau mengatakan salah satu faktor perpindahan ke Jabal Suf adalah lokasinya agak jauh dari perkampungan, dan kedudukannya tidak bersama orang kampung seperti tempat Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia yang dahulunya. Memandangkan pelatih masih dari proses rawatan, dibimbangi akan mengganggu masyarakat di sana yang bercampur dengan penduduk kampung, maka salah satu cara terbaik adalah berpindah ke tempat yang agak sesuai.

Memandangkan pertanyaan tentang kemasukan dan kaedah rawatan yang meyakinkan pihak keluarga untuk menghantar anak-anak mereka yang terlibat dengan permasalahan dadah ini, justeru Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia semakin hari semakin meningkat maju. Pembangunannya berjalan dengan lancar dan sistematik. Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia dengan dorongan Yang Teramat Mulia Pangersa Abah Anom, Kerajaan Negeri Kedah, PEMADAM dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), masyarakat setempat, pihak keluarga serta para pelatih, beberapa bangunan telah dibina seperti asrama, pejabat, bilik kuliah, rumah tetamu dan rumah kediaman pengetua serta pegawai-pegawai yang membantu melancarkan pengurusan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia ini (Mohd Zuki, 2010, h.14).

Pada tahun 1998, Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia telah didaftarkan di bawah Kementerian Dalam Negeri sebagai Pusat Pemulihan Dadah Persendirian di mana Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia telah diiktiraf usahanya oleh pihak kerajaan dan dengan itu tertakluk kepada peraturan dan undang-undang AADK/KDN berkaitan urusan pemulihan dadah (Mohd Zuki, 2010, h.14). Pada tahun 2009, Pondok Remaja

Inabah (1) Malaysia telah memulakan projek mendirikan sebuah bangunan asrama tambahan yang mampu menempatkan seramai lebih kurang 250 penghuni. Penambahan asrama adalah bertujuan menampung permintaan kemasukan yang semakin meningkat di samping memberi keselesaan kepada penghuni dalam menjalani rawatan dan pemulihan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia (Mohd Zuki, 2010, h.21). Di samping itu, menurut Mohd Najdi Baqir (temu bual, 3 Februari 2017a), beliau mengatakan Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia juga bercadang untuk menggunakan Sistem Pondok pada masa akan datang, iaitu untuk membina tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah yang sepenuhnya di bawah naungan Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia.

Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, juga memiliki beberapa objektif penubuhan antaranya adalah pertama memenuhi hasrat kerajaan untuk membebaskan rakyat Malaysia daripada dadah khususnya hasrat Kerajaan Negeri Kedah yang mahu menjadikan negeri Kedah sebagai negeri yang “Bebas Dadah” menjelang tahun 2015. Kedua sebagai tempat remaja yang bermasalah mendapatkan bantuan untuk menangani masalah mereka, mendapatkan bimbingan dan juga pemulihan. Ketiga sebagai “*Outlet* atau *One Stop Centre*” untuk remaja, ibu bapa dan waris serta ahli masyarakat mendapatkan rujukan, khidmat nasihat, bantuan dan bimbingan dalam menangani segala permasalahan yang berkaitan dengan isu penyalahgunaan dadah dan kenakalan remaja. Seterusnya keempat, Pondok Remaja Inabah membimbing anak-anak bangsa merancang kehidupan ke jalan yang diredhai Allah SWT dalam menjalani kehidupan yang normal dan bebas dari dadah (Mohd Zuki, 2010, h.27).

Selain itu, Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia juga memiliki objektif program pemulihan. Menurut Mohd Zuki (2010), objektif program pemulihan inabah bererti membimbing penagih untuk bertaubat bagi mencapai keimanan yang hakiki melalui tiga aspek. Pertama adalah *taqarrub* kepada Allah SWT iaitu mendekatkan diri kepada Allah SWT pada jalan *ubudiyah* (pengabdian kepada Allah SWT) yang mana dalam hal ini dapat dikatakan tidak ada sesuatu pun yang menjadi tirai penghalang antara *'abid* (hamba) dan *Ma'bud* (yang disembah), antara Allah SWT dan makhluk. Seterusnya ialah, menuju jalan *mardhatillah*, iaitu menuju jalan yang diredhai oleh Allah SWT baik dalam *ubudiyah* mahupun di luar *ubudiyah*. Segala gerak-geri manusia harus mengikut perintah-perintah Allah SWT dan meninggalkan larangannya. Terakhir sekali yang ketiga ialah *mahabbah* (kasih sayang) dan makrifat (mengenali) terhadap Allah SWT. Ertinya rasa cinta dan makrifat terhadap Allah SWT yang mengandungi keteguhan jiwa dan kejujuran hati.

Selain itu juga, Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, memiliki Metod Program Pemulihan. Menurut Mohd Zuki (2010), Kurikulum Metod *Inabah* yang dilaksanakan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia adalah digubal oleh Yang Teramat Mulia Al-Mukarrom Shaykh Mursyid K.Hj. Ahmad Sohibul Wafa Tajul Ariffin, pengetua Pondok Pesantren Suryalaya, Indonesia. Pondok ini melaksanakan pengajian Agama Islam dan mengamalkan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah seperti kaedah di Pondok Pesantren Suryalaya. Beliau telah menjadi pengasas Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, manakala pengerusi merangkap pengetua Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia adalah bekas pelajar Pondok Pesantren Suryalaya dan beliau telah mengaplikasikan pengamalan tarekat ini dalam usaha membantu memulihkan mangsa yang terlibat dengan penagihan dadah dan kenakalan remaja (Mohd Zuki, 2010, h.29).

Di samping itu, menurut Mohd Najdi Baqir (temu bual, 3 Februari 2017a), beliau mengatakan Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia memiliki seramai 20 orang pembimbing dan 60 orang pelatih yang sedang menjalani rawatan di sana.

Berdasarkan ulasan karya di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat kelompangan atau kekurangan kajian terhadap penelitian dari aspek keberkesanan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah dalam pemulihan dadah di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Secara keseluruhannya kajian lepas tidak memperjelas secara mendalam tentang konsep zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, tidak memperinci tentang pelaksanaan dan metod zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah. Selain itu, kajian lepas hanya mengkaji kesan secara umum setelah menjalani proses rawatan pemulihan Pondok Remaja Inabah yang mengandungi solat, zikir, mandi taubat dan bimbingan fardu ain, serta tidak memperinci kesan perubahan setelah mengamalkan zikir, justru yang ingin dikaji oleh penyelidik ialah menganalisis kesan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah terhadap pemulihan dadah dalam kalangan remaja sebelum dan selepas menjalani rawatan zikir. Oleh yang demikian, kajian yang cuba diselidiki oleh penyelidik adalah mengenai Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah dalam pemulihan dadah: Kajian keberkesanan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia.

1.9 Metodologi Kajian

Sebelum penyelidikan dilakukan, penyelidik haruslah memahami terlebih dahulu kaedah yang ingin digunakan. Hal ini penting kerana, dengan mengetahui kaedah yang ingin digunakan mampu memudahkan pelaksanaan kajian bagi mendapatkan beberapa informasi dan petunjuk bagi melancarkan proses penulisan laporan penyelidikan secara berkesan, efektif dan ilmiah. Seterusnya pada bahagian ini penyelidik akan

menjelaskan beberapa aspek tentang metodologi yang ingin dilaksanakan dalam penyelidikan ini.

Metodologi adalah satu kaedah atau prinsip untuk melakukan sesuatu (Collins, 1995) atau rangka rujukan (*the frame of reference*) di mana fenomena sosial dianalisis (John, 1959). Penyelidikan ini menggunakan pendekatan metodologi kajian berbentuk kualitatif. Dalam proses penghasilan kajian ini beberapa kaedah atau metod kajian telah digunakan dalam usaha mengumpul serta menganalisis data.

1.9.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif. Selain itu, kajian yang bersifat pemahaman dan penerokaan yang mendalam terhadap sesuatu fenomena yang dikaji, amat sesuai untuk menggunakan kajian yang berbentuk kualitatif. Di samping itu, kaedah ini menggariskan prinsip asasnya iaitu mendiskripsikan data-data yang dikumpulkan berkaitan keberkesanan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah dalam pemulihan dadah di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia.

1.9.2 Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data yang berkaitan dengan penyelidikan telah dipecahkan kepada tiga kaedah yang digunakan iaitu :

1.9.2.1 Kajian Perpustakaan

Menurut Peter (1931), penyelidikan perpustakaan adalah satu cara untuk menggali data berkaitan kajian yang berbentuk persejarahan ataupun dokumentasi (Peter, 1931). Dalam kajian ini, penyelidik mengumpul data berdasarkan dokumen yang diperoleh.

Penyelidik membaca, meneliti, menganalisis dan merumuskan kesimpulan persoalan masalah kajian yang diteliti. Penggunaan kaedah ini amat penting dalam menyelesaikan kajian ini. Dalam menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan, sebanyak enam perpustakaan telah dipilih oleh penyelidik antaranya adalah seperti berikut :

1. Perpustakaan Pondok Pesantren Suryalaya, Indonesia,
2. Perpustakaan IAILM Suryalaya, Indonesia.
3. Perpustakaan Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, Kedah.
4. Perpustakaan Sultanah Bahiyyah UUM, Sintok Kedah.
5. Perpustakaan Pusat Islam UUM, Sintok Kedah.
6. Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah UMT, Kuala Terengganu, Terengganu.

Penyelidik menggunakan kaedah ini sebagai kaedah yang pertama dalam pengumpulan data seperti penggunaan buku kontemporari, kitab klasik tasawuf dan tarekat, petikan akhbar, jurnal, manual panduan, laman internet, laporan tahunan (*annual report*), majalah, kertas seminar, kertas-kertas kerja ilmiah dan juga bahan bercetak yang diterbitkan (tesis dan latihan ilmiah) yang ada hubung kaitnya dengan kajian untuk dijadikan sebagai sumber rujukan. Data kajian perpustakaan ini digunakan dalam bab 2 konsep Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, bab 3 iaitu pelaksanaan dan metod Zikir di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia dan bab 4 iaitu kesan Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah terhadap pemulihan dadah dalam kalangan remaja di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia.

1.9.2.2 Temu bual

Metod temu bual ialah cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada responden dengan bercakap-cakap berhadapan muka (*face to face*) dengan orang itu. Kaedah temu bual juga merupakan satu kaedah pengumpulan maklumat yang melibatkan interaksi sosial antara individu dan merupakan salah satu cara yang terbaik untuk mengetahui tentang sesuatu situasi dilihat dari perspektif orang lain. Kaedah ini dilakukan untuk mendapatkan data berkaitan perasaan, kepercayaan, fakta tentang tujuan pengkajian (Mohd Majid, 1998).

Metod temu bual yang dilakukan penyelidik pula dipecahkan kepada dua kaedah iaitu, temu bual secara bersemuka dan tidak bersemuka (Uma Sekaran, 1992). Temu bual secara bersemuka yang dilakukan oleh penyelidik ialah terhadap dua orang pembimbing Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, iaitu Intan Sakinah binti Dato' Haji Mohd Zuki As Syuja', selaku Timbalan Pengerusi merangkap Ketua Tadbir dan Haji Muhammad Najdi Baqir bin Dato' Haji Mohd Zuki As Syuja', selaku Pembimbing bahagian Motivasi dan Kaunseling di sana, manakala responden seterusnya adalah tujuh orang pelatih dalam kalangan remaja yang sedang menjalani rawatan pemulihan di sana, iaitu Adlin, Omar, Saifuddin, Zaidi, Anwar, Azam dan Fakrulddin. Temu bual yang dijalankan dengan menggunakan kaedah temu bual mendalam secara bersemuka dan menjurus kepada soalan terbuka. Sekiranya pada waktu temu bual dijalankan terdapat soalan-soalan baru yang muncul maka penyelidik akan bertanya soalan lanjutan kepada informan (Othman, 2006). Kaedah pemilihan responden adalah berdasarkan umur pelatih dalam kalangan remaja antara 20 tahun sehingga 25 tahun. Pelatih dipilih oleh pembimbing dalam kalangan pelatih yang sedang menjalani

rawatan pemulihan pada fasa permulaan, pertengahan dan akhir di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Kaedah pemilihan ini berdasarkan *Snowball Sampling*. Menurut Mc Intyre (2005);

Snowball sampling is the technique of identifying one member of a particular population and then asking him or her to identify another member who, in turn, is asked to identify another member, and so on. Snowball sampling is frequently used to study member of "underground" population – group who for a variety of reasons want to keep their identity secret.

Temu bual tidak bersemuka pula menggunakan medium seperti telefon, bertujuan untuk mengesahkan kembali data-data yang telah diperoleh, dengan cara menghubungi pembimbing iaitu Intan Sakinah dan Haji Muhammad Najdi Baqir. Dalam penyelidikan kualitatif, data temu bual yang diperlukan adalah dalam bilangan kecil. Hal ini ditegaskan oleh Silverman (2013);

Interviews studies which are based on a relatively small number of cases dan use open-ended questions are usually treated as examples of qualitative research.

Temu bual akan terus dijalankan sehinggalah sampai ke tahap tepu apabila jawapan yang diberikan menunjukkan persamaan dan tiada data baru yang ditemui. Menurut Strauss dan Corbin (1990);

A researcher continues sampling until theoretical saturation is reached-where, after each new interview, no new relevant data seem to emerge regarding a category, either to extend or contradict it.

Menurut Morse, penyelidikan kualitatif yang menggunakan pendekatan fenomenologi hanya memerlukan sekurang-kurangnya enam sampel untuk mencapai tahap tepu

(Morse, 1994). Penyelidikan ini menggunakan pendekatan fenomenologi kerana mengkaji pengalaman hidup bekas penagih dadah apabila menggunakan kaedah zikir untuk memulihkan diri. Kajian ini mengkaji kesan zikir terhadap aspek fizikal, perilaku dan perasaan bekas penagih. Oleh itu, kajian ini hanya memerlukan temu bual daripada sekurang-kurangnya 6 orang pelatih.

Perkara ini selari dengan pendapat Arrindell dan Van der Ende (1985) dalam menentukan saiz sampel bagi sesebuah penyelidikan, iaitu perlu merujuk kepada nisbah terhadap populasi yang dikaji yang dikenali sebagai '*the rule of 10*' Menurut Arrindell & Van der Ende (1985);

There should be at least 10 cases for each item in the instrument being used.

Penyelidikan yang dijalankan di Inabah (1) Malaysia mempunyai populasi seramai 60 orang. Dengan mengikut '*the rule of 10*' bermaksud kajian ini perlu mengadakan temu bual terhadap sekurang-kurangnya 6 orang pelatih.

Bagi menentukan kebolehpercayaan dalam mendapatkan data melalui temu bual, beberapa langkah perlu dilakukan. Pertama, mengelakkan dari prasangka peribadi yang boleh mempengaruhi dapatan kajian. Kedua, mengenal pasti kaedah yang betul untuk mendapatkan dapatan kajian yang mendalam dan berkaitan dengan tajuk penyelidikan. Ketiga, mempunyai rekod yang teliti dan memastikan bahawa data dapat diterangkan secara jelas dan teratur. Keempat, membuat perbandingan untuk memastikan dapatan kajian dibincangkan melalui perspektif yang berbeza. Kelima, mendapatkan penjelasan yang terperinci daripada pelatih dan pembimbing yang

ditemu bual untuk menyokong dapatan kajian. Keenam, mempamerkan hasil kajian yang jelas kerana susunan yang teratur dan kefahaman yang mendalam terhadap perkara yang dikaji. Ketujuh, memberi peluang kepada pelatih dan pembimbing yang ditemu bual untuk memberi komen terhadap tema dan konsep yang difahami penyelidik agar bertepatan dengan kajian. Kelapan, menggunakan kaedah *triangulation* yang menggabungkan temu bual dengan kaedah dokumentasi dan pemerhatian untuk menghasilkan dapatan kajian yang baik (David Silverman, 2013: 285-302). Data temu bual ini digunakan dalam bab 3 iaitu pelaksanaan dan metod Zikir di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia dan bab 4 iaitu kesan Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah terhadap pemulihan dadah dalam kalangan remaja di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia.

1.9.2.3 Pemerhatian Turut Serta

Metod ini adalah sebuah kaedah mendapatkan maklumat melalui pemerhatian secara langsung tentang objek atau penelitian yang ingin diteliti. Untuk melihat perubahan atau perkembangan terhadap sesuatu yang dikaji, metod pemerhatian ini adalah paling efektif. Penyelidik memilih kaedah pengamatan secara langsung terhadap keberkesanan Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah dalam pemulihan dadah di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Penyelidik juga turut bersama pelatih selama seminggu bermula 8 oktober 2017 sehingga 14 oktober 2017 di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, untuk melihat proses rawatan yang berjalan di sana.

Metod ini dipraktikkan oleh penyelidik bersama-sama dengan metod temu bual di mana proses itu berlaku di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia yang diteliti.

Mengikuti secara langsung memudahkan penyelidik melihat, mendengar, serta merasakan sendiri bagaimana responden mengalaminya (Othman, 2006). Menurut Gillham B, (2000), metod ini secara umumnya merupakan aktiviti menganalisis, mentafsir dan membayangkan keadaan yang terdapat di dalam sesebuah organisasi. Metod ini mempunyai peranan yang penting untuk mengenal pasti masalah (Gillham, B, 2000).

Penyelidik melakukan pemerhatian untuk melihat program rawatan yang berlaku di sana, seterusnya melihat perubahan sebelum dan selepas yang terjadi terhadap pelatih semasa melakukan zikir dan menjalani proses rawatan pemulihan. Antara aspek yang diperhatikan oleh penyelidik adalah aspek wajah, aspek penampilan, aspek tingkah laku terhadap sekeliling, aspek amalan ibadah, aspek emosi, aspek ingatan kepada Allah dan aspek ketagihan dadah. Data pemerhatian ini digunakan dalam bab 3 iaitu pelaksanaan dan metod Zikir di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia dan bab 4 iaitu kesan Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah terhadap pemulihan dadah dalam kalangan remaja di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia.

1.9.3 Kaedah Analisa Data

Kaedah analisa data yang telah digunakan oleh penyelidik merangkumi dua aspek utama iaitu deduktif dan induktif.

1.9.3.1 Induktif

Pendekatan ini dilakukan untuk menghasilkan satu kesimpulan dan rumusan yang memiliki gambaran umum, hasil dari hal yang memiliki sifat khusus mahupun khusus (Sabitha Marican, 2005). Kaedah induktif terjadi bilamana satu analisis akhir secara

umum dilakukan terhadap kesimpulan maklumat khusus yang diperoleh. Suatu dapatan dan idea akan diperoleh dengan menyeluruh setelah kesimpulan dibuat (Roy Preece, 1994).

Antara contoh analisis data yang menggunakan kaedah induktif ialah pada bab kedua di bahagian kesimpulan, yang menjelaskan secara menyeluruh tentang perbincangan konsep zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah. Seterusnya pada bab ketiga di bahagian kesimpulan yang menjelaskan secara menyeluruh tentang perbincangan pelaksanaan dan metod zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, manakala pada bab yang keempat di bahagian temu bual pula, dihuraikan secara umum tentang dapatan yang diperoleh dan kemudian dihuraikan secara menyeluruh tentang perbincangan kesan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah terhadap pemulihan dadah dalam kalangan remaja di bahagian kesimpulan.

1.9.3.2 Deduktif

Kaedah deduktif dilakukan supaya menghasilkan pengetahuan melalui sebuah ulasan umum berkaitan satu fenomena serta diikuti oleh kenyataan bersifat khusus (Mohd Majid Konting, 2009).

Kaedah ini digunakan untuk menganalisis ayat al-Quran yang bersifat umum yang terdapat dalam bab satu, bab dua dan bab tiga. Antara ayat al-Quran yang dianalisis pada bab satu yang menggunakan kaedah deduktif ialah surah al-Ra'd ayat 28 yang membincangkan tentang zikir, surah al-Ra'd ayat 17, surah Lukman ayat 15, surah al-Zumar ayat 8 dan 54 tentang konsep inabah.

Selain itu pada bab kedua pula yang menggunakan ayat al-Quran yang dianalisis menggunakan kaedah deduktif pula ialah, surah al-Baqarah ayat 74, surah al-Zumar ayat 22 membincangkan tentang keadaan hati, surah al-A'raf ayat 205 dan 55 yang tentang zikir *khafi*, surah al-Fath ayat 10, surat at-Taubah ayat 111, surah al-Nahl ayat 91 tentang *bai'at*, surah al-Kahfi ayat 17 tentang guru mursyid dan surah al-Isra' ayat 71 tentang pemimpin.

Seterusnya pada bab ketiga pula yang menggunakan ayat al-Quran yang dianalisis menggunakan kaedah deduktif pula ialah, surah an-Nisa ayat 103 membincangkan tentang melaksanakan zikir sesudah solat, surah al-Baqarah ayat 238 tentang khusyuk dalam solat, surah al-Baqarah ayat 143 tentang kiblat, surah al-A'raf ayat 200 tentang membaca *ta'awudz*, surah al-Qashash ayat 16 tentang istigfar, surah al-Ahzab ayat 56 tentang selawat, surah al-Ahzab ayat 41 tentang perintah memperbanyakkan berzikir, surah al-Baqarah ayat 186 tentang saranan berdoa, surah al-A'raf ayat 205 tentang zikir *khafi*, surah al-Zariyat ayat 56 tentang beribadah kepada Allah SWT, surah al-Zariyat ayat 21 tentang diri manusia, surah al-Isra' ayat 72 dan al-Haj ayat 46 tentang keadaan hati, surah al-Maidah ayat 35 dan surah al-Imran ayat 31 tentang mencari wasilah.

1.10 Skop dan Batasan Kajian

Berdasarkan penyelidikan ini, penyelidik ingin membataskan kajian berdasarkan tajuk, iaitu berkaitan Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsybandiyah Dalam Pemulihan Dadah: Kajian Keberkesanan Di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Kajian ini hanyalah tertumpu di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, yang bertempat di Jabal Suf, Kampong Paya, Mukim Padang Temak 06300, Kuala Nerang, Kedah yang

dipimpin oleh Tuan Guru Dato' Haji Mohd Zuki As Syuja' bin Syafei. Beliau merupakan salah seorang Wakil *Talkin* Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah yang diberikan amanah untuk membimbing pada *ikhwan* (pengamal) di Malaysia.

Selain itu, penyelidik hanya mengkaji tentang penagihan dan pemulihan dadah dalam kalangan remaja sahaja, serta mengkaji pada masa sekarang, manakala skop kajian ini adalah tentang, apakah konsep Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah. Seterusnya bagaimanakah pelaksanaan dan metod Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, manakala akhir sekali apakah kesan Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah terhadap pemulihan dadah dalam remaja di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Kajian ini lebih menumpukan kepada amalan zikir para pelatih dalam melakukan rawatan pemulihan dengan pendekatan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, dan pembentukan akhlak setelah melakukan proses zikir tersebut, manakala respondennya adalah pelatih yang sedang menjalani rawatan, serta pembimbing yang berada di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia.

1.11 Rumusan

Secara kesimpulannya, kajian ini ingin mengenalpasti konsep zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, meneliti pelaksanaan dan metod Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, serta menganalisis kesan zikir terhadap para pelatih dalam usaha pemulihan dadah yang dilaksanakan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Selain itu dapatan kajian ini diharapkan mampu menjadi bahan rujukan kepada AADK bagi memulihkan penagih dadah yang sedang dirawat di PUSPEN atau Pusat Pemulihan Sendirian, serta rujukan kepada Pondok Remaja Inabah yang berada di seluruh Malaysia.

BAB DUA

KONSEP ZIKIR MENURUT TAREKAT QODIRIYAH NAQSYABANDIYAH

2.1 Pendahuluan

Bab ini menjelaskan tentang konsep zikir menurut Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah. Selain itu yang menjadi perbincangan dalam bab ini, antaranya penjelasan tentang tarekat, Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, pengertian tentang zikir, huraian tentang zikir *jahar* (nyaring) dan zikir *khafi* (sembunyi), penjelasan tentang *talqin* (peringatan) dan *bai'at* (kesanggupan), kedudukan guru mursyid dan terakhir sekali ialah silsilah.

2.2 Tarekat

Pada bahagian ini akan menjelaskan tentang beberapa pengertian tarekat. Perbincangan bahagian ini terbahagi kepada tarekat menurut bahasa dan tarekat menurut istilah.

2.2.1 Tarekat Menurut Bahasa

“*Thariqat*” طريقيت menurut bahasa ertinya “jalan, cara, garis, kedudukan, keyakinan, dan agama. Selain itu, kata tarekat juga berasal dari bahasa Arab iaitu *Thoriqah*, kata jamaknya ialah *Thara'iq*, yang bererti, (*al-Kafiyyah*) iaitu jalan atau cara, kedua (*al-Uslub*) metod atau sistem, ketiga (*al-Madzab*) iaitu mazhab, aliran, perjalanan, hal, keempat (*al-Halah*) bermaksud keadaan, kelima (*al-Nakhlah al-Tawilah*) pohon kurma yang tinggi, keenam (*'Amud al-Mazilah*) tiang tempat berteduh atau tongkat payung, ketujuh (*Syarif al-Qaum*) yang mulia dari kaum, dan kelapan (*al-Khatt fi asy-*

Syai') goresan atau garis pada sesuatu (Ibrahim Mustafa, 1960, h.655). Bermula dari perkataan *al-tariqah* inilah yang kemudiannya dialihkan bahasa daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu iaitu menjadi perkataan tarekat (al-Bustani, 1986).

2.2.2 Tarekat Menurut Istilah

Berdasarkan istilah tarekat adalah suatu jalan untuk mendekati diri kepada Allah SWT dengan mengamalkan Ilmu Tauhid, Fikah dan Tasawuf. Selain itu juga, tarekat adalah cara mengerjakan sesuatu amalan untuk mencapai sesuatu tujuan (Fuad, 2003, h.6). Berdasarkan pandangan tasawuf pula, tarekat bererti perjalanan seseorang *zakhir* (ahli zikir) atau pengikut tarekat untuk menuju Allah SWT dengan cara mensucikan diri, melakukan latihan kerohanian yang penuh disiplin untuk mendekati diri kepada Allah SWT. Seseorang yang melalui jalan tasawuf hanya dapat menjalaninya di bawah bimbingan seseorang guru rohani (shaykh mursyid) dan tarekat adalah nama khusus bagi jalan kerohanian Islam (Abu Zein, 2015). Selain itu, Asmaran (1994) mengatakan tarekat adalah suatu metod atau penghayatan khazanah kerohanian (Asmaran, 1994, h.vii).

Cecep Alba (2011) berpendapat, tarekat merupakan jalan yang mesti dilalui oleh seorang *salik* (murid) untuk menuju Tuhan. Secara keilmuan, tarekat dapat dibezakan antara akidah dan syari'ah tetapi dalam aplikasinya tarekat tidak dapat dipisahkan antara kedua aspek tersebut. Oleh yang demikian, para sarjana menyatakan bahawa tarekat sebenarnya merupakan inti ajaran Islam (Cecep Alba, 2011, h.23). Secara tidak langsung, tarekat adalah jalan yang memberi petunjuk dalam melakukan sesuatu ibadah sesuai dengan ajaran yang dibawa Nabi Muhammad SAW dan diamalkan oleh

sahabat dan *tabiin*, turun-temurun sampai kepada guru-guru (Aboebakar, 1990, h.49; Muhammad Saifullah, 2000, h.32).

Tambahan pula, tarekat juga merupakan satu institusi pemantapan kerohanian Muslim yang selalunya dinisbahkan kepada golongan sufi, iaitu golongan yang berusaha secara bersungguh-sungguh memperelok keadaan hati dan menelusuri setiap langkah kebaikan bagi mendapatkan keredhaan Allah SWT melalui didikan yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah, serta mengamalkan aktiviti keagamaan dengan melaksanakan wirid tertentu (Abdul Manam 2009, h.44-45; Ali Jumaah 2009, h.111; Endang Turmudi, 2004, h.62-63).

Menurut sarjana barat pula, Gibb dan Kramers (1953) mereka mengatakan, pada abad ke-9 dan ke-10 Masihi, tarekat ialah suatu cara yang bersifat psikologi untuk dijadikan panduan dalam membuat latihan bagi seseorang yang ingin menjadi ahli tasawuf. Pada abad ke-11 Masihi sehingga ke beberapa abad yang kemudian pula, pengertian tarekat merujuk kepada upacara latihan kerohanian, yang diadakan oleh suatu kumpulan dari suatu organisasi dalam tasawuf (Gibb & Kramers, 1953, h.537). Selain itu, tarekat juga merupakan aliran tentang jalan atau cara mendekati diri kepada Allah SWT yang pada akhirnya mengenal dan merasakan adanya Tuhan (Asrifin, 2001; Abdul Mujieb; 2009). Perkataan tarekat juga dikhususkan kepada sekelompok individu yang menjalani kehidupan kerohanian (Al-Zabidi, t.th).

Selain itu, istilah tarekat juga boleh ditakrifkan sebagai latihan akhlak dan pembersihan jiwa melalui amalan anggota jasad dengan melaksanakan ibadah syarak

yang disepakati ulama dan melazimi zikir (Al-Suhrawardi, 1983). Tarekat juga merupakan suatu cara atau jalan yang ditempuh oleh para ahli tasawuf atau kaum *mutasawwifin* (ulama tasawuf) untuk mencapai keredhaan Allah SWT (Muhammad Saifullah, 2000, h.32). Di samping itu, tarekat ialah melakukan takwa atau *al-sirah* (jalan) yang khusus bagi *al-salikin* (orang-orang yang berjalan) menuju Allah SWT merentangi pelbagai rintangan dan melalui peningkatan pelbagai *al-makamat* (martabat seseorang hamba di hadapan Allah SWT) (Jahid, 1991; al-Qashani, 1991).

Takrif-takrif yang diberikan di atas menunjukkan persamaan antara satu sama lain. Secara prinsipnya, tarekat merupakan sebuah institusi mempunyai tiga unsur penting iaitu shaykh mursyid, murid atau *salik* dan kaifiyat atau kaedah. (Faudzinain, 2015, h.3). Walaupun definisi tarekat tasawuf jelas berbeza dan meluas skop perbincangan, namun semuanya menggambarkan tentang corak dan hala tuju yang satu iaitu kehidupan kerohanian dan makrifat. Suatu hubungan baik antara makhluk dengan *Khaliq* dan pengabdian yang sejati oleh seorang hamba kepada Tuhannya (Rosnaaini Hamid, 2015b, h.47).

2.3 Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah di Pondok Pesantren Suryalaya

Pada bahagian ini akan menjelaskan tentang ajaran Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah di Pondok Pesantren Suryalaya Indonesia, manakala yang menjadi perbincangan dalam bahagian ini pula ialah sejarah Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, serta tujuan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah dan dasar-dasar Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah.

2.3.1 Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah

Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah adalah salah satu aliran dalam tasawuf yang isi kandungannya merupakan gabungan dari dua tarekat iaitu Tarekat Qodiriyah dan Tarekat Naqsyabandiyah. Secara keilmuan dengan akidah muncul Ilmu Aqa'id, Ilmu Tauhid, Teologi Islam dan Ilmu Kalam, manakala dari syariah muncul Ilmu Fikah dan dari hakikat pula muncul istilah Tasawuf dan tarekat. Al-Ghazali biasanya menggunakan istilah Tauhid, Fikah, Tasawuf untuk memberikan pandangan pada ketiga aspek akidah, syari'ah dan hakikat (Cecep Alba, 2011, h.22-23).

Secara etimologi Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah berasal dari dua istilah iaitu Tarekat Qodiriyah dan Naqsyabandiyah. Kedua-dua tarekat ini dipadukan oleh seorang tuan guru tasawuf iaitu Shaykh Ahmad Khatib Sambas. Qodiriyah adalah nama sebuah tarekat yang dinisbahkan kepada pendirinya iaitu Sultan al-Aulia Shaykh Abdul Qadir al-Jailani (Cecep Alba, 2011, h.24), beliau adalah tokoh yang dikagumi dalam kalangan ahli tasawuf (Sri Mulyati, 2006). Sementara Naqsyabandiyah adalah tarekat yang dinisbahkan kepada pendirinya iaitu Shaykh Bahauddin an-Naqsyabandi (Cecep Alba, 2011, h.24).

Hal yang sama juga ditegaskan oleh Abu Zein (2015), fakta membuktikan bahawa Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah merupakan gabungan antara dua tarekat besar, iaitu Tarekat Qadiriyyah dan Tarekat Naqsyabandiyah. Dari kedua tarekat inilah digabungkan menjadi satu oleh seorang ulama besar Makkah yang berasal dari Indonesia, iaitu Shaykh Ahmad Khatib al-Sambasi (W. 1878 M), yang kemudian diberi nama oleh beliau dengan nama Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah (Abu Zein, 2015).

Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah tidak hanya gabungan dua tarekat besar iaitu Tarekat Qodiriyah dan Tarekat Naqsyabandiyah, akan tetapi Shaykh Ahmad Khatib Sambas, menggabungkan lima ajaran tarekat, iaitu: Tarekat Naqsyabandiyah, Tarekat Qodiriyah, Tarekat Anfasiyah, Tarekat Junaidiyah dan Tarekat al-Muwafaqah. Selain itu, Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah dibangun atas rangkaian huruf ‘NAQTHU JIMIN’, iaitu:

Huruf ‘nun’ bermakna Naqsyabandiyah

Huruf ‘qaf’ bermakna Qodiriyah

Huruf ‘tha’ bermakna Anfasiyah

Huruf ‘jim’ bermakna Junaidiyah

Huruf ‘mim’ bermakna Muwafaqah”

(Abu Zein, 2015, h.61).

Kerana dari segi silsilah yang kuat berasal dari Tarekat Qodiriyah dan segi ajaran dominan berasal dari Tarekat Naqsyabandiyah, maka tarekat ini dinamakan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah. Walau bagaimanapun, unsur Qodiriyah dan Naqsyabandiyah, merupakan unsur yang dominan dalam penggabungan tersebut dan ini kelihatan pada salasilah, zikir, *khatam* (himpunan doa) dan *tawassul* (mendekatkan diri dengan Allah) yang dilaksanakan dalam tarekat ini (Abu Zein, 2015, h.61).

Selain itu, Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah yang dikembangkan di Pondok Pesantren Suryalaya, juga memiliki keunikannya, iaitu ajarannya terbuka, boleh dipelajari, boleh diamalkan oleh semua kalangan dan segenap lapisan umur, kandungan ajarannya dikemaskini sehingga mudah bagi siapa sahaja untuk

memahaminya sekali gus mengamalkannya. Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah boleh dipelajari dan difahami oleh orang *khawas* (golongan mukmin yang beramal semata-mata kerana Allah SWT), serta mampu diikuti dan diamalkan oleh orang awam, juga dapat dicerna dan diimplementasikan oleh semua kalangan (Cecep Alba, 2011, h.134-135).

Di samping itu, Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah di Pondok Pesantren Suryalaya Indonesia ini juga mempunyai kelulusan pendaftaran di bawah Enakmen Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan 2005 dari Jabatan Mufti Negeri Sembilan. Maka dengan itu ajaran Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah boleh diamalkan di Malaysia. Berdasarkan portal rasmi Mufti Negeri Sembilan, hasil dari keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa (Khas) Bil 2/1431 pada 14 haribulan Julai 2010 telah mengiktiraf silsilah Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah dan amalan yang diamalkan oleh Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah diperakukan benar (www.muftins.gov.my).

2.3.2 Tujuan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah

Tujuan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah sama dengan tujuan Islam, iaitu menuntun manusia agar mendapatkan redha Allah SWT, sejahtera di dunia dan bahagia di akhirat. Tujuan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah terlihat dalam muqadimah yang mesti dibaca oleh setiap *ikhwan* (pengamal) ketika ingin melakukan zikir. Kalimah dimaksudkan adalah :

إلهي أنت قاصودي ورضاك طلوبي أعطي مبعثك
وخرجت بك

Ertinya: “Tuhanku, Engkaulah yang aku maksud dan keridhaan-Mu yang aku cari. Berikanlah aku kemampuan

untuk mencintai-Mu dan makrifat kepada-Mu” (Uquudul Jumaan, 2014).

Doa tersebut akan dibaca oleh para murid Tarekat Qodiriyyah Naqsyabandiyah apabila selesai solat, sekurang-kurangnya tiga kali sebagai *mukaddimah* untuk mengamalkan zikir. Dalam doa tersebut terkandung empat tujuan, iaitu:

1. *Taqarrub ilallah* SWT

Ialah mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan jalan zikir kepada Allah sehingga tidak ada sesuatu yang menjadi tirai penghalang antara *abid* (hamba) dan *ma'bud* (yang disembah), antara *Khalik* (Tuhan) dengan *makhluk*.

2. Menuju *mardhatillah*

Ertinya menuju jalan yang diredhai oleh Allah SWT, baik dalam *ubudiyah* (pengabdian kepada Allah) mahupun di luar *ubudiyah*, iaitu segala gerak-geri manusia harus mentaati perintah-perintah Allah SWT dan meninggalkan larangannya. Hasil daripada itu mampu melahirkan insan *kamil* (sempurna) yang baik akhlaknya dalam segala hal yang berhubungan dengan Tuhan ataupun yang berhubungan antara manusia dengan manusia dan dengan makhluk Allah SWT yang lain, untuk memperoleh keredhaan Allah SWT (Cecep Alba, 2011, h.79).

3. *Makrifatullah (al-ma'rifah)*

Ialah mengenali Allah SWT. Makrifat diperoleh melalui *al-kasyf* (terbuka hijab) bermaksud mengetahui secara nyata apa yang ada di balik dinding (hijab) berupa konsep-konsep ghaib dan hakikat segala sesuatu (Abu Zein, 2015).

4. *Mahabbatullah*

Ertinya kecintaan terhadap Allah SWT. *Mahabbah* (kasih sayang) itu, merangkumi keteguhan jiwa dan kejujuran hati. Jika telah tumbuh *mahabbah*, maka timbullah pula *hikmah* (mengetahui hakikat segala sesuatu), antaranya, memperolehi “keadilan” yang

dapat menetapkan sesuatu pada tempatnya dengan sebenar-benar. Peranan *mahabbah* adalah belas kasihan kepada sesama makhluk, diantaranya cinta kepada bangsa dan agamanya (Cecep Alba, 2011, h.80).

2.3.3 Dasar-dasar Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah

Adapun dasar-dasar Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah agar dapat mencapai tujuan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, ini dijelaskan oleh Shaykh Ahmad Sohibulwafa Tajul Arifin (1970) dalam *Kitab Miftahus Sudur*, iaitu :

“Ketahuilah wahai anak-anakku, mudah-mudahan Tuhan mentaufiqkan kami dan engkau dan semua orang Islam. Aku wasiatkan kepada kamu bahawa engkau tetap menjalankan syari’at dan memelihara batas-batas-Nya. Ketahuilah wahai anak-anakku, bahawa tarekat ini didasarkan atas kitab dan sunnah, dan bahawa dasar-dasar tarekat ada lima”, iaitu :

- 1. Tinggi cita-cita. Sesiapa yang tinggi cita-citanya maka menjadi tinggilah martabatnya.*
- 2. Memelihara kehormatan. Sesiapa memelihara kehormatan Allah SWT, Allah SWT akan memelihara kehormatannya.*
- 3. Memperbaiki khidmat. Sesiapa memperbaiki khidmat, dia wajib memperoleh rahmat.*
- 4. Melaksanakan cita-cita. Sesiapa berusaha mencapai cita-citanya, dia akan selalu memperoleh hidayah-Nya.*
- 5. Membesarkan nikmat. Sesiapa, membesarkan nikmat Allah SWT berarti dia bersyukur kepada Allah SWT. Sesiapa bersyukur kepada-Nya maka dia akan mendapatkan tambahan nikmat yang dijanjikan Allah SWT (Ahmad Sohibulwafa, 1970, h.34).*

2.4 Pengertian Zikir

Pada bahagian ini akan menjelaskan tentang beberapa pengertian. Perbincangan dalam bahagian ini terbahagi kepada, zikir menurut bahasa dan zikir menurut istilah.

2.4.1 Zikir Menurut Bahasa

Secara bahasa zikir berasal dari kata Arab iaitu “zakara, yazkuru, zikrun” yang membawa erti menyebut, mengucapkan, mengagungkan, mensucikan, dan mengingat. Kalimat *zikrullah* (zikir kepada Allah) ertinya menyebut atau mengingat Allah SWT. (Ibrahim Mustafa, 1960, h.313).

2.4.2 Zikir Menurut Istilah

Secara istilah pula, zikir ertinya ingat, mengingat atau renungan dan pengajaran, dengan cara menyebut “Allah”, atau menyebut nama-nama Allah SWT yang lainnya, serta menyebut doa pujian kepada-Nya (Cecep Alba, 2011; Mawardi Labay, 1997, Cyril Glasse, 1999, h.447). Tambahan pula, Abu Zein (2015) mengatakan, secara terminologi juga, zikir adalah mengingat, menyebut, mengingat Allah SWT dengan mengulang-ulang salah satu namanya atau kalimat keagungannya (Abu Zein, 2015). Tambahan pula, zikir juga merupakan segala apa yang dilakukan dengan hati dan lisan yang berupa tasbih, mensucikan Allah SWT dan mengenali Tuhan dengan sifat-sifat yang sempurna, keagungan dan keindahan (Sayyid Sabiq, 1978, h.243).

Di samping itu, Hasby Al-Shiediqy (1983) juga berpendapat, zikir ialah menyebut Allah SWT dengan membaca, *tasbih* (تُسَبِّحُ أَنْزَلُ), *tahmid* (أَلْحَمْدُ لِلَّهِ), *takbir* (لِلَّهِ أَكْبَرُ), *hawqala* (أَلْحَمْدُ لِلَّهِ وَالْقُوَّةُ لِلْبَطَلِ), *basmalah* (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ), membaca doa atau mengingati Allah SWT dan menyebutNya dengan mengerjakan ketaatan kepada Allah SWT dengan penuh kerendahan hati (Hasby, 1983, h.36). Zikir juga termasuk amalan orang-orang sufi, kerana melalui zikir kepada Allah SWT hati akan merasakan hampir dengan Tuhan (Muhammad Ghazali, 1996). Selain itu, zikir juga bererti mengingat,

iaitu pada dasarnya merupakan amalan yang berkait dengan ibadah dalam Islam (Subandi, 2009, h.33). Zikir juga merupakan suatu bentuk kesedaran yang dimiliki oleh seseorang makhluk akan hubungan yang menyatukan seluruh kehidupannya dengan Pencipta (Michon, 1989, h.275), manakala Abu Qasim Al-Qusyairi mengatakan:

“Zikrullah (zikir kepada Allah) mampu meningkatkan martabat keimanan seseorang dan mendekatkan diri kepada Allah SWT, lambang kewalian (kekasih Allah SWT), pelita untuk menerangi qalbu, serta puncak dari semua amal, kerana tujuannya untuk taqarrub kepada Allah SWT” (al-Qusyairi, 2013).

2.5 Pembahagian Zikir

Pada bahagian ini akan menjelaskan tentang pembahagian zikir, manakala yang menjadi isi utama dalam perbincangan bahagian ini pula ialah, zikir secara umum dan zikir secara khusus. Zikir secara khusus pula terbahagi kepada dua pertama zikir jahar dan kedua zikir khafi.

2.5.1 Zikir Umum

Zikir umum adalah segala bentuk ketaatan kepada Allah SWT. Sebagai contoh, solat, puasa, zakat, melaksanakan haji ke tanah suci, membaca al-Quran dan segala bentuk ketaatan atau kebaikan yang disandarkan kepada Allah SWT (Cecep Alba, 2011; Abu Zein, 2015). Tambahan pula, menurut Subandi (2009) beliau mengatakan, zikir secara umum adalah zikir yang difahami dan dilaksanakan oleh orang Muslim pada umumnya, iaitu sebagai ibadah sunnah yang dilaksanakan setelah solat lima waktu dalam bentuk kegiatan pengajian berjemaah (Subandi, 2009, h.34).

2.5.2 Zikir Khusus

Zikir khusus adalah, amalan zikir yang dilaksanakan oleh umat Islam yang tergabung dalam kelompok tarekat atau sufi dalam Islam (Subandi, 2009, h.34). Sedangkan zikir yang dimaksud dalam Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah adalah zikir secara khusus, iaitu hadirnya hati kita bersama Allah SWT. Zikir dalam erti khusus ini terbahagi dua, iaitu zikir *jahar* dan zikir *khafi* (Cecep Alba, 2011, h.82). Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah secara khusus telah memilih zikir *jahar* (*Nafi Isbat*) iaitu zikir penafian dan penegasan yang menggunakan kalimat “*Lailahailallah*”, dan memilih nama Zat Allah (*Ismu Dzat*) iaitu “*Allah*” sebagai zikir *khafi* (Abu Zein, 2015). Jalan atau tarekat yang menggunakan kedua zikir ini iaitu zikir *jahar* dan zikir *khafi* adalah dasar daripada seluruh tarekat (Ahmad Sohibulwafa, 1970).

Hal yang sama turut dinyatakan oleh Al-Qusyairi (2013) beliau berpendapat bahawa, zikir memiliki dua jenis, iaitu zikir lisan (*jahar*) dan zikir hati (*khafi*). Bagi seseorang hamba yang sentiasa melakukan zikir *jahar* akan mempengaruhi zikir hati secara berterusan. Malahan, jika hamba berzikir dengan lidah dan hatinya secara sekali gus, maka dia adalah seorang ahli zikir yang sempurna dalam sifat dan keadaan perilaku rohaninya (al-Qusyairi, 2013). Selain itu Al-Kurdi menjelaskan, zikir itu dibahagi kepada dua, iaitu zikir hati dan zikir lisan. Masing-masing memiliki dalil dalam al-Quran dan as-Sunnah. Zikir lisan adalah zikir dengan suara dan huruf yang tersusun. Zikir lisan juga, tidak mudah dilakukan setiap saat oleh orang yang berzikir kerana kegiatan seharian dapat menghalanginya dari zikir ini. Berbeza halnya dengan zikir hati (Al-Kurdi, 2013, h.360).

2.5.2 (a) Zikir *Jahar*

Zikir *Jahar* adalah mengucapkan kalimat tauhid yang terdiri dari pernyataan *nafi* (menegaskan) dan *isbat* (menetapkan). Pernyataan *nafi* adalah “*Lailaha*” dan *isbat* adalah “*Illallah*”. Jika dilakukan secara berkesinambungan, zikir ini dapat berfungsi menghilangkan *syirik jali* (syirik besar) (Muhammad Fadhil, 2011, h.42). Selain itu, zikir *jahar* juga adalah mengingat Allah SWT dengan suara yang nyata dan jelas (Abu Zein, 2015). Zikir *jahar* juga disebut sebagai zikir lisan, di mana orang membaca kalimat-kalimat zikir secara zahir dengan suara yang jelas dan kadang-kadang dengan suara yang kuat (Subandi, 2009, h.35).

Selain itu, Abu Zein berpendapat bahawa zikir *jahar* ini mampu berfungsi dengan beberapa syarat. Pertama, harus memperoleh pelajaran zikir (*talqin* zikir) dari Shaykh Mursyid tarekat, kedua pada waktu berzikir harus mempunyai wudhu, ketiga berzikir dengan suara bersemangat (keras ke dalam) dan keempat berzikir dengan khusyuk melalui gerakan-gerakan pada *latifah* zikir (jiwa halus dalam diri manusia) (Abu Zein, 2015). Dalam al-Quran pula hati itu diumpamakan seperti batu, yang bersifat keras. Hal ini dapat dilihat melalui firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat ke-74. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: “*Kemudian setelah itu qalburnu menjadi keras seperti batu, bahkan lebih keras lagi. Padahal diantara batu-batu itu sungguh ada yang mengalir sungai-sungai dari padanya dan diantaranya sungguh ada yang terbelah lalu keluarlah mata air dari padanya dan diantaranya sungguh ada yang meluncur jatuh, kerana takut kepada Allah SWT dan Allah SWT sekali-kali tidak lengah dari apa yang kamu kerjakan*” (al-Baqarah: 74).

Berdasarkan ayat di atas Al-Maraghiy menafsirkan bahawa hatimu menjadi keras setelah melihat dan mengetahui kebenaran. Bahkan hati kamu tidak mahu tunduk dan patuh kepada perintah agama kerana kerasnya hati kamu seperti batu, malah lebih keras lagi. Rahsia perumpamaan hati yang keras dengan batu dan bukan benda lain, seperti besi dan tembaga kerana kedua-dua benda ini boleh cair apabila terkena api. Walau bagaimanapun, perkara ini amat berbeza dengan batu (Al-Maraghiy, 2001, h.159). Oleh sebab itu sebagaimana batu tidak dapat dipecahkan, melainkan dengan kekuatan yang luar biasa. Maka demikian pula zikir tidak akan berbekas pada seluruh hati yang keras kecuali dengan kekuatan yang luar biasa pula, iaitu dengan zikir *jahar* (Ahmad Sohibulwafa, 1970, h.18).

Kemudian Allah SWT berfirman di dalam al-Quran dalam surah az-Zumar ayat ke-22. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: *“Maka Apakah orang-orang yang dibukakan Allah SWT qalbunya untuk (menerima) agama Islam lalu dia mendapatkan cahaya dari Tuhannya (sama dengan orang yang membatu qalbunya)? Maka kecelakaan yang besarlah bagi mereka yang telah membatu qalbunya untuk mengingat Allah SWT. Mereka itu dalam kesesatan yang nyata”* (az-Zumar: 22).

Berdasarkan ayat di atas Al-Maraghiy menafsirkan bahawa adakah orang yang hatinya telah diterangi oleh cahaya Islam menerima dan ingin menurut petunjuk yang terdapat di dalamnya itu sama dengan orang yang telah tertutup hatinya kerana lalai dan jahil. Celaka besarlah bagi orang yang berhati batu kerana enggan mengingati Allah SWT, hal ini kerana orang yang suka mengingati Allah SWT pasti hatinya akan menjadi lembut, apabila disebut nama-nama Allah SWT, dan dalil-dalil kekuasaan-Nya pasti gementar hatinya, dan lembut hatinya itu. Orang yang berhati batu dan yang telah dibutakan mata hatinya oleh Allah SWT, merupakan orang yang berada dalam

kesesatan yang nyata, sehingga diketahui oleh sesiapa sahaja tanpa perlu bersusah payah (Al-Maraghiy, 2001, h.5882-5884).

Menerusi ayat ini, Allah SWT mengutuk hamba-Nya yang memiliki hati yang keras kerana hati yang keras tidak mampu untuk mengingat Allah SWT dan tetap dalam kesesatan. Maka untuk menghancurkan kerasnya hati tersebut perlu diamalkan zikir *jahar*. Tambahan pula, Ahmad Sohibulwafa (1970) mengatakan:

“Angkatlah suaramu dikala engkau berzikir sampai terkumpul kekuatan batin (jami’iyat) seperti orang-orang Arifin. Jam’iyat itu adalah bersatunya fikiran dan perasaan sehingga terjadinya “tawajjuh” (menghadap Tuhan) iaitu selalu mengingat Allah SWT serta hilang rasa dan fikiran untuk memikirkan hal yang lain saat melakukan zikir. Kuatkan suara zikirmu sekalian, sehingga mampu menghancurkan tabir yang menghalangi antara hamba dengan Tuhannya” (Ahmad Sohibulwafa, 1970).

Oleh sebab itu, para ahli tarekat sufi menyatakan bahawa untuk menghancurkan kerasnya hati tersebut, haruslah menggunakan kaedah zikir *jahar* dengan mengucapkan lafaz, *Lailahailallah*. Hal ini kerana zikir *jahar* merupakan intipati daripada semua zikir yang lainnya, iaitu mentauhidkan Allah SWT, cahaya iman yang sangat terang benderang. Zikir ini menafikan semua tuhan-tuhan palsu, iaitu semua objek yang bersifat sementara, serta menegaskan hakikat keesaan Allah SWT, juga mampu membebaskan seseorang dari segenap kebingungan serta kegelisahan (Abu Zein, 2015). Menurut Ahmad Sohibulwafa (1970):

“Apabila murid-murid melakukan zikir dengan ucapan Laa Ilahaa Illallah dengan menumpukan perhatiannya kepada zikir, maka cepat terbuka segala tingkatan ajaran tarekat. Terkadang dalam tempoh satu jam yang tidak dapat dihasilkan dengan ucapan kalimat lain dalam tempoh satu bulan, atau lebih dari satu bulan” (Ahmad Sohibulwafa, 1970).

Sesiapa yang mengamalkan zikir *jahar* dia mampu menghidupkan kembali hati, namun haruslah memenuhi syarat-syarat sebagai berikut. Pertama, zikir itu diajarkan melalui proses *talqin* (peringatan) daripada seorang guru mursyid. Kedua, dilakukan dalam keadaan suci. Ketiga, dilakukan dengan suara yang kuat serta keempat, teknik pelaksanaan mestilah sesuai dengan petunjuk Rasulullah SAW yang disampaikan oleh guru mursyid kepada muridnya (Muhammad Fadhil, 2011).

2.5.2 (b) Zikir *Khafi*

Zikir *khafi* adalah zikir yang dilakukan oleh hati. Di dalam Ilmu Kalam, iman terdiri dari tiga komponen, iaitu pertama membenaran oleh hati nurani, kedua pernyataan lisan, manakala ketiga pembuktian membenaran dan pernyataan tersebut dalam perilaku. Zikir *khafi* adalah kaedah untuk menanamkan dan membina komponen keimanan yang pertama dan utama (Muhammad Fadhil, 2011). Tambahan pula zikir *khafi* ialah mengingat atau menyebut “Allah” berulang-ulang di dalam hati, jiwa dan roh serta zikir tersebut tidak berhuruf dan bersuara. Zikir dalam hati ini tidak mudah terganggu oleh kesibukan dunia (Fuad Said, 2003; Subandi, 2009).

Seterusnya menurut Abu Zein (2015) beliau berpendapat, *khafi* bermaksud tersembunyi atau samar manakala zikir *khafi* pula adalah zikir yang dilakukan dengan menggunakan rasa (*zawq*) dan tempatnya di dalam *qalbu* sehingga menjadi rahsia dari pandangan manusia bahkan malaikat tidak mengetahuinya, hanya Allah SWT dan ahli zikir sahaja yang dapat mengetahui zikir ini (Abu Zein, 2015). Zikir *khafi* juga dilakukan dengan cara pengawasan hati terhadap Allah SWT (Al-Kurdi, 2013). Hal

ini dapat dilihat melalui beberapa firman Allah SWT, antaranya dalam Surah al-A'raf ayat ke-205 dan Surah al-A'raf ayat ke-55. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: *“Dan sebutlah (nama) Tuhanmu dalam hatimu dengan merendahkan diri dan rasa takut, dan dengan tidak mengeraskan suara di waktu pagi dan petang, dan janganlah kamu termasuk orang-orang yang lalai”* (al-A'raf: 205).

Berdasarkan ayat di atas Sayyid Qutb menafsirkan bahawa ayat *“dengan rasa rendah diri dan takut”* bermaksud, ingatilah Tuhanmu dalam hatimu dengan perasaan penuh minat dan takut dan tanpa menyaringkan suara. Oleh sebab itu Tuhan menyebut *“tanpa menyaringkan sebutan perkataan”*. Demikianlah cara yang disunatkan ketika mengucap *zikrullah* (zikir kepada Allah), iaitu zikir tidak dilakukan dalam bentuk seruan yang lantang dan nyaring. (Sayyid Qutb, 2000, h.465). Selain itu, dalam Surah al-A'raf ayat ke-55, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: *“Berdoalah kepada Tuhanmu dengan merendah diri dan suara yang lembut. Sesungguhnya Allah SWT tidak menyukai orang yang melampaui batas”* (al-A'raf: 55).

Berdasarkan ayat di atas Sayyid Qutb menafsirkan bahawa ayat *“dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan takut dan penuh harapan”* bermaksud, takut kepada kemurkaan dan hukuman-Nya dan penuh harapan untuk mendapat keredhaan dan ganjaran dari-Nya. (Sayyid Qutb, 2000, h.145). Selain itu Fuad Said (2003), beliau mengambil ungkapan ulama iaitu, *“zikir dalam hati itu adalah sebagai pedang bagi murid-murid. Dengan senjata itu pula mereka dapat memerangi musuh, serta dengan senjata itu pula dapat mempertahankan diri dari ancaman bahaya. Sebab apabila ujian Allah SWT menimpa diri, maka hati bergetar dan dengan demikian dapat menangkisnya sehingga terhindarlah seseorang itu daripada sesuatu yang tidak diinginkannya”* (Fuad Said, 2003, h.57).

Melalui *zikir khafi*, akan menghadirkan sifat ikhlas ke dalam diri, mampu melepaskan hati dari segala yang menghalangi hubungan seorang hamba dengan Allah SWT, serta mendatangkan pengetahuan dari Allah SWT SWT iaitu pengetahuan tentang rahsia dan keagungan Allah SWT (Muhammad Fadhil, 2011). Zikir *khafi* menurut ajaran Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah di Pondok Pesantren Suryalaya Indoneisa menggunakan *Ismu Zat*. Nama Zat Ilahi, iaitu *Allah SWT*, telah dipilih sebagai zikir *khafi*. Sementara sembilan puluh sembilan nama Allah SWT yang lain adalah sifat-Nya, manakala Allah SWT adalah nama bagi diri Tuhan yang menunjukkan Zat Allah SWT serta semua sifat-Nya. Mengingat Allah SWT dengan *Ismu Zat* (nama Zat Allah), boleh dikatakan sama ertinya dengan mengingat Zat Allah SWT, hal ini kerana nama Allah SWT disebut sebagai nama paling agung (*al-Isim al-A'dzam*) (Abu Zein, 2015).

Sebagai alasan tersebut para shaykh Tarekat Naqsyabandiyah memilih zikir hati. Selain itu, kerana hati merupakan tempat letaknya pandangan Allah SWT, tempat iman bersarang, kotak penyimpanan rahsia, tempat memancar segala cahaya. Apabila hati baik, seluruh jasad mampu menjadi baik. Apabila hati rosak, seluruh jasad akan berperilaku buruk (Al-Kurdi, 2013, h.360). Di samping itu, Imam Al-Ghazali (2007) juga mengatakan:

“Ketahuilah bahawa zikir-zikir yang bermanfaat ialah yang disertai dengan kehadiran hati, sedangkan yang selain itu sedikit manfaatnya. Kerana yang dituju adalah kesenangan dengan Allah SWT dan hal itu wujud dengan selalu berzikir disertai hati yang khusyuk. Dengan itu engkau akan terhindar dari su’ul khaatimah (penghabisan yang buruk)” (Al-Ghazali, 2007).

2.6 Talqin dan Bai'at

Pada bahagian ini akan menjelaskan tentang *talqin* dan *bai'at*, yang menjadi syarat sebelum mengamalkan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, manakala yang perbincangan dalam bahagian ini pula ialah, pengertian *talqin* dan *bai'at*, keutamaan *talqin* dan *bai'at* dalam tarekat, manakala terakhir *talqin* dan *bai'at* menurut al-Quran dan al-Hadis.

2.6.1 Pengertian Talqin dan Bai'at

Dalam perspektif para pengamal tarekat, pemindahan amalan tarekat tasawuf semenjak zaman Rasulullah SAW sehingga sekarang adalah berlaku melalui proses *bai'at* (kesanggupan), *talqin* (peringatan), izin atau ijazah daripada seorang tokoh kepada tokoh yang lain (Isa, 1970). Sehubungan dengan itu, untuk mengamalkan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, begitu juga amalan-amalan yang lainnya, seorang *salik* (murid) mesti melalui proses "*talqin*" (Cecep Alba, 2011, h.104). *Talqin* adalah peringatan guru kepada murid, sedangkan *bai'at* pula atau juga yang dinamakan '*ahad*' ialah kesanggupan dan setia murid dihadapan gurunya untuk mengamalkan dan mengerjakan segala kebajikan yang diperintakkannya (Ahmad Sohibulwafa, 1970; Faudzinaim, 2015). Metod *talqin* juga merupakan proses awal untuk pemulihan dari aspek kejiwaan (Burhanuddin & Baedowi, 2003, h.283).

Seorang murid perlu memperoleh bimbingan daripada guru mursyid jika dia ingin mencari kesempurnaan diri melalui penyucian jiwa. Setelah melakukan *bai'at* dengan guru maka berlakulah proses *tarbiyah ruhiyyah* (bimbingan ruhani). Proses *bai'at* merupakan sebuah simbolik penyerahan diri terhadap gurunya untuk dibimbing (Isa,1970). Hal yang hampir sama juga turut diperkatakan oleh Cecep Alba (2011),

beliau mengatakan bahawa *talqin* adalah proses bimbingan ruhani murid sekaligus dijelaskan pula kaedah berzikir agar iman dapat tumbuh subur sehingga menghasilkan amal soleh. *Talqin* hanya dapat dilakukan oleh seorang guru mursyid (Cecep Alba, 2011, h.106).

Dalam kalangan ahli tasawuf, *bai'at* merupakan satu tradisi yang diterima, diakui dan dipraktikkan sehingga kini, manakala yang terkandung dalam *bai'at* tersebut adalah tauhid kepada Allah SWT, ikhlas dalam ilmu dan amal, mengikuti sunnah, bertaubat dari segala dosa dan maksiat, mentaati Allah SWT dan Rasul, sentiasa mengawasi dan menjauhkan diri daripada perkara keji dan mungkar, memusuhi kezaliman dan penindasan, menyuburkan minat untuk menghias diri dengan akhlak yang mulia, membersihkan diri dari sifat-sifat keji, mengajarkan (*talqin*) zikir dan seterusnya memimpin dan mendidik jiwa yang bersih untuk menyambung tugas dakwah (Faudzinaim, 2015, h.14).

2.6.2 Keutamaan *Talqin* dan *Bai'at* Dalam Tarekat

Seorang yang sudah melaksanakan *talqin* bererti sudah memasuki dalam silsilah (lingkaran) komuniti pengamal ajaran tarekat (As-Sya'rani, 2011). Selain itu, dalam kalangan tokoh sufi mempercayai bahawa proses *bai'at* ini akan memberi kesan yang mendalam kepada orang yang menerima pengajaran itu dan dapat menguatkan tali ikatan perguruan dan persaudaraan kukuh yang tidak akan putus antara seorang murid dan gurunya. Kedudukannya dalam konteks tarekat boleh dilihat dari dua sudut. Pertama, daripada sudut seorang yang memberikan *bai'atnya* membuktikan akan kesediaannya untuk menyerahkan diri untuk mendapat *tarbiyah* (bimbingan) dan diberi pendidikan. Selain itu, hal ini juga adalah sebagai satu janji oleh seseorang itu

untuk mengamalkan segala perintah dan nasihat serta tunjuk ajar yang diberikan oleh shaykhnya. Berdasarkan perspektif shaykh yang menerima *bai'at*, dia memberikan petunjuk akan kesediaannya untuk memberi didikan kepada muridnya itu (Faudzinaim, 2015, h.14).

2.6.3 Talqin dan Bai'at Menurut al-Quran Dan al-Hadis

Para ahli tarekat pada umumnya menyandarkan amalan *bai'at* melalui beberapa firman Allah SWT dalam Surah al-Fath ayat ke 10, Surah at-Taubah ayat ke 111 dan Surah al-Nahl ayat ke 91. Surah al-Fath ayat ke-10, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: “*Bahawasanya orang-orang yang berjanji setia kepada kamu (wahai Muhammad) sesungguhnya mereka berjanji setia kepada Allah SWT. Tangan Allah SWT di atas tangan mereka, maka barangsiapa yang melanggar janjinya nescaya akibat ia melanggar janji itu akan menimpa dirinya sendiri dan barangsiapa menepati janjinya kepada Allah SWT maka Allah SWT akan memberinya pahala yang besar*” (al-Fath: 10).

Berdasarkan ayat di atas Al-Maraghiy menafsirkan bahawa pada asalnya *al-bai'ah* bererti ‘*aqad* (ikatan) yang diucapkan oleh seseorang terhadap dirinya sendiri untuk taat kepada seorang imam (pemimpin) dan menunaikan janjinya yang dia bertekad untuk melaksanakannya. Nikmat Allah SWT kepada mereka berupa petunjuk melebihi daripada *bai'at* yang mereka lakukan. Sesiapa yang melanggar janji yang telah diucapkan kepada Nabi SAW, maka bencana tersebut akan kembali kepada dirinya sendiri dan tidak akan membahayakan orang lain. Sesiapa yang memenuhi janji dalam *bai'at* tersebut, pasti dia akan memperoleh ganjaran dan pahala ketika di akhirat. Begitu juga, Allah SWT akan memasukkannya ke dalam syurga di mana dia menerima

perkara yang tidak pernah dilihat oleh mata, tidak pernah didengar oleh telinga, dan tidak pernah terlintas dalam hati seorang pun (Al-Maraghiy, 2001, h.6441-6442).

Surah at-Taubah ayat ke-111, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: *“Maka bergembiralah kamu dengan bai’atmu, yang telah kamu lakukan itu adalah kejayaan yang agung”* (at-Taubah: 111).


Sayyid Qutb menafsirkan bahawa ayat di atas bermaksud bergembiralah dengan penyerahan jiwa raga dan harta benda kamu keseluruhannya kepada Allah SWT dan penerimaan syurga sebagai bayaran yang dijanjikan Allah SWT (Sayyid Qutb, 2000, h.74).

Surah al-Nahl ayat ke-91, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: *“Dan tepatilah perjanjian dengan Allah SWT jika kamu berjanji dan janganlah kamu membatalkan sumpah-sumpahmu sesudah kamu meneguhkannya dan kamu telah menjadikan Allah SWT sebagai saksi kalian (terhadap sumpahan itu). Sesungguhnya Allah SWT mengetahui apa yang kamu perbuat”* (al-Nahl: 91).

Berdasarkan ayat di atas Sayyid Qutb menafsirkan bahawa perjanjian dengan Allah SWT meliputi perjanjian orang-orang Islam dengan Rasulullah SAW dan meliputi segala bentuk perjanjian mengenai segala sesuatu yang baik yang disuruh Allah SWT. Penunaian janji merupakan jaminan untuk mengekalkan unsur kepercayaan dalam urusan perhubungan timbal balik di antara orang ramai, manakala saranan ayat ini membuat dua pihak yang mengadakan perjanjian itu merasa segan dan malu untuk membatalkan sumpah yang telah diikrarkan mereka, kerana mereka telah menjadikan Allah SWT sebagai penjamin dan saksi bahawa mereka akan memenuhi perjanjian itu. (Sayyid Qutb, 2000, h.104).

Melihat kepada sandaran al-Quran dan al-Sunnah, amalan *bai'at* yang dinyatakan tersebut ternyata tidaklah memiliki keraguan sama sekali (Faudzinain, 2015). Di samping itu, terdapat banyak hadis yang menerangkan cara Rasulullah SAW melakukan proses *talqin* terhadap sahabat-sahabatnya. Ada *talqin* yang dilakukan secara berjemaah dan ada yang dilakukan secara berasingan (Ahmad Sohibulwafa, 1970; Cecep Alba, 2011). *Talqin* zikir kalimat tauhid iaitu *Lailahailallah* merupakan amalan daripada Rasulullah SAW, serta peristiwa tersebut benar-benar terjadi dan pernah diriwayatkan oleh sekelompok ahli hadis mahupun individu perseorangan yang boleh dipercayai (al-Sya'rani, 2011). Seterusnya antara hadis yang menjadi sandaran kepada amalan *bai'at* dan *talqin*, oleh ahli tarekat pula ialah, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:



Ertinya: *Rasulullah SAW bersabda ketika berada ditengah-tengah sebahagian sahabat: "Berbai'atlah kalian kepadaku untuk tidak menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu apapun, tidak mencuri, tidak berzina, tidak membunuh anak-anak kalian, tidak membuat kebohongan yang kalian ada adakan antara tangan dan kaki kalian, tidak bermaksiat dalam perkara yang ma'ruf. Barangsiapa di antara kalian yang memenuhinya maka pahalanya ada pada Allah SWT dan barangsiapa yang melanggar dari hal tersebut lalu Allah SWT menghukumnya di dunia maka itu adalah kafarat baginya, dan barangsiapa yang melanggar dari hal-hal tersebut kemudian Allah SWT menutupinya (tidak menghukumnya di dunia) maka urusannya kembali kepada Allah SWT, jika Dia mahu, dimaafkannya atau disiksanya. Maka kami membai'at baginda untuk perkara-perkara tersebut".*

(Sahih al-Bukhari. *Kitab al-Iman, Bab `Alamat al- Iman Hubb al- `Ansar. No 17)*

Selain itu, terdapat hadis yang memberikan maksud yang sama namun dengan lafaz yang berbeza seperti, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Telah di dengar `Ubadah bin Samit berkata: Ketika kami bersama Rasulullah SAW, baginda bersabda yang bermaksud: Berbaiahlah kalian kepadaku untuk tidak menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu, tidak berzina, tidak mencuri (Kemudian baginda membaca ayat al-Nisa' dan ditambah Sufyan lafaz membaca ayat-ayat), Maka barangsiapa yang menepatinya maka ganjarannya di sisi Allah SWT, dan barangsiapa yang memungkiri salah satu janji itu maka dia akan dibalas dan ia adalah kafarah baginya, dan barangsiapa yang memungkiri janji itu kemudian ditutup oleh Allah SWT, maka urusan dia adalah dengan Allah SWT sama ada Allah SWT mengazabnya atau Allah SWT mengampunkannya.

(Sahih al-Bukhari. *Kitab Tafsir al-Quran, Bab Surah al-Mumtahinah*. No. 4540)

Dari `Ubadah bin Samit berkata, : Ketika kami bersama Rasulullah SAW, baginda bersabda yang bermaksud: Berbaiahlah kalian kepadaku untuk tidak menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu, tidak berzina, tidak tidak mencuri, tidak membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah SWT kecuali dengan haq, Maka barangsiapa yang menepatinya maka ganjarannya di sisi Allah SWT, dan barangsiapa yang memungkiri salah satu janji itu maka dia akan dibalas dan ia adalah kafarah baginya, dan barangsiapa yang memungkiri janji itu kemudian ditutup oleh Allah SWT, maka urusan dia adalah dengan Allah SWT sama ada Allah SWT mengazabnya atau Allah SWT mengampunkannya.

(Sahih Muslim. *Kitab al-Hudud, Bab al-Hudud Kifarat li Ahliha*. No. 3229)

Menurut Faudzinaim (2015) beliau berpendapat bahawa, hadis-hadis tersebut merupakan dalil kepada amalan *bai'at* dalam tarekat tasawuf. Ayat-ayat dan hadis-hadis di atas membuktikan bahawa *bai'at* yang dilakukan oleh Rasulullah SAW bersama dengan para sahabat bukanlah *bai'at* yang merujuk kepada memeluk Islam atau *bai'at* tentang berjihad, tetapi *bai'at* yang merujuk kepada golongan sufi sebagai satu ikrar untuk memperteguhkan niat dan *bai'at* tersebut adalah untuk menguatkan lagi pelaksanaan hukum-hakam Islam (Faudzinaim, 2015, h.17).

Di samping itu, ada juga hadis yang lain tentang *talqin* zikir *Laailahillallah* yang dijadikan sandaran oleh ahli tarekat, yang dikutip oleh Shaykh Ahmad Sohibulwafa Tajul Arifin (1970) dalam kitabnya iaitu *Miftahus Shudur*. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Ertinya: *Shaddad bin Aus dan dibenarkan oleh Ubadah bin Shamit, yang menceritakan: Suatu hari kami pernah berkumpul bersama Rasulullah Saw, lalu beliau bertanya, 'Apakah diantara kalian terdapat orang selain daripada kamu [yakni, ahlul-kitab]?' . Lalu kami (para Sahabat) menjawab, "Tidak, wahai Rasulullah!" Kemudian Rasulullah memerintahkan untuk menutup pintu dan berkata, 'Angkatlah tangan kalian dan ucapkan: "La Ilaaha Illallah" (Tidak ada Tuhan yang haq selain Allah SWT).'* Sadad bin Aus berkata: *Kemudian kami mengangkat tangan kami sesaat dan mengucapkan kalimat, "La Ilaha Illallah" (Tidak ada Tuhan yang haq selain Allah SWT). "Lalu Rasulullah meletakkan tangannya sambil berdoa: "Segala puji hanya milik Allah SWT, ya Allah, sesungguhnya Engkau telah mengutusku dengan membawa Kalimat ini, Engkau memerintahku dengan Kalimat ini, Engkau telah menjanjikanku syurga atas Kalimat ini, dan sesungguhnya Engkau tidak akan mengingkari janji."* Kemudian Rasulullah Saw. berkata kepada para Sahabat, *"Bergembiralah kalian kerana Allah SWT telah mengampuni kalian.*

(al-Tabrani, *Musnid al-Shamiyayni li Tabrani*. No 1081)

Jelaslah di sini bahawa proses *talqin* dan *bai'at* benar-benar terjadi pada zaman Rasulullah SAW. Para sahabat turut melakukan *bai'at* kepada Rasulullah SAW sewaktu Baginda masih hidup. Oleh itu, berdasarkan dalil-dalil al-Quran dan al-Hadis ini, maka *bai'at* diamal terus oleh pemimpin-pemimpin organisasi tarekat tasawuf (Brown, 1968).

2.7 Guru Mursyid

Pada bahagian ini akan menjelaskan berkaitan guru mursyid. Perbincangan dalam bahagian ini terbahagi kepada, pengertian guru mursyid, syarat guru mursyid dan guru mursyid Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah. Untuk mengamalkan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, seorang murid perlu memiliki seorang guru mursyid untuk dibimbing rohaninya.

2.7.1 Pengertian Guru Mursyid

Guru memainkan peranan penting dalam amalan tarekat. Guru yang benar-benar mursyid berupaya membimbing para muridnya menuju ke jalan benar manakala guru yang sesat akan membawa muridnya menuju kearah kesesatan dan kemurkaan Allah SWT (Rosnaaini Hamid, 2015a, h.46). Berdasarkan pandangan tasawuf guru mursyid adalah seseorang guru yang *kamil* (sempurna) serta memiliki jalur urutan silsilah dan pernah dibimbing oleh shaykh yang *kamil* (Mohammad Abdullah, 2003). Selain itu, mursyid juga haruslah seorang lelaki yang memimpin tarekat dan persulukan di daerah-daerah tertentu dan di sesebuah daerah tidak boleh memiliki dua orang mursyid. Tugas mursyid selain mengajar, membimbing, mendidik murid-murid dalam mengamalkan ajaran tarekat, juga membimbing mereka supaya sentiasa berkekalan mengingat Allah SWT dan mempunyai akhlak yang mulia (Fuad Said, 2003, h.95).

Seterusnya menurut Imam al-Ghazali (t.th), beliau memberikan penjelasan lebih panjang. Beliau mengatakan guru atau mursyid dalam sistem tasawuf adalah *asyraf al-Nas fi al-Tariqah* ertinya orang yang paling tinggi martabatnya dalam suatu tarekat. Mursyid mengajarkan bagaimana cara mendekati diri kepada Allah SWT sekaligus memberikan contoh bagaimana ibadah yang benar secara syariat dan hakikat. Betapa

pentingnya kedudukan guru dalam suatu tarekat, bahkan tidaklah benar seseorang mengamalkan suatu tarekat tanpa guru. Guru tidak sekadar mengajarkan Ilmu Tasawuf tapi yang paling penting adalah melakukan *talqin* (peringatan) dan *bai'at* (kesanggupan) yang tidak dapat dilakukan oleh orang lain (Al-Ghazali, t.th, h.42).

Selain itu guru mursyid juga memiliki keterbatasan secara fizikal apabila jangkauan dakwah semakin luas. Justeru, seorang mursyid dapat mengangkat wakil *talqin*. Wakil *talqin* adalah seorang murid yang dalam pandangan rohani mursyid telah memenuhi syarat secara spiritual yang diberi izin oleh mursyid untuk melakukan *talqin* kepada calon-calon murid. Pengangkatan wakil *talqin* sepenuhnya adalah hak mursyid (Cecep Alba, 2011, h.146).

Tambahan pula, perjalanan kerohanian seseorang murid untuk mendekati diri kepada Allah SWT boleh menjadi pendek dengan bantuan dan bimbingan pendidikan guru mursyid. Oleh itu, kedudukan guru mursyid pada pandangan ahli tasawuf menjadi titik fokus utama kepada setiap individu yang berusaha mendekati diri kepada Allah SWT. Kesilapan seseorang murid memilih dan mentaati guru yang bukan mursyid lebih mudah menjurus kepada jalan yang sesat (Rosnaaini Hamid, 2015(a), h. 48).

Hal ini turut diperkuatkan lagi oleh Khalili Al Bamar (1996) di mana beliau mengatakan, guru tarekat bukan sahaja mengawasi kehidupan zahir, malahan kehidupan rohani murid-murid tarekat. Seorang guru yang telah memiliki hati, rohani dan jiwa yang tinggi tingkatan makrifatnya, sehingga guru tersebut dijadikan sebagai

pembimbing hubungan ibadah dengan Tuhan. Murid-murid tarekat telah meyakini bahawa hubungan gurunya dengan tuhan terlalu hampir, sedangkan mereka sendiri belum mencapai tahap tersebut. Sebab itu, apabila mereka terbuat dosa atau maksiat, mereka mendapat teguran oleh gurunya dengan segera (Khalili Al Bamar, 1996, h.13). Di samping itu, seorang shaykh yang telah mencapai darjat makrifat dan (*al-‘arif al-washil*) sampai kepada Allah SWT adalah *wasilah* atau perantara bagi murid serta menjadi pintu terakhir yang akan membawa muridnya masuk menempuh jalan untuk menemui Allah SWT (Al-Kurdi, 2013; Ahmad Sohibulwafa, 1970) dengan kata lain guru mursyid merupakan jalan terakhir bagi seorang murid untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT dan mengenali Allah SWT.

Menurut Shaykh Sa’id Hawwa (2010) beliau berpendapat bahawa, terdapat beberapa ayat al-Quran menunjukkan perlunya bimbingan guru mursyid, antaranya dalam Surah al-Kahfi ayat ke-17, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: “*Barangsiapa yang diberi petunjuk oleh Allah SWT, maka dialah yang mendapat petunjuk; dan barangsiapa yang disesatkan-Nya, maka kamu tidak akan mendapatkan seorang pemimpin pun yang dapat memberi petunjuk kepadanya (wali mursyid)*” (al-Kahfi: 17).

Berdasarkan di atas Shaykh Sa’ad Hawwa mentafsirkan bahawa tujuan akhir *wali mursyid* (guru mursyid) adalah mampu menunjukkan hidayah, kerana ayat tersebut menjelaskan bahawa *wali mursyid* sendiri tidak dapat menentang kehendak Allah SWT jika Dia hendak membiarkan seseorang tersesat. Secara tidak langsung kita mengetahui bahawa menuju jalan Allah SWT akan lebih sempurna sekiranya ditemani *wali mursyid* dan apabila seseorang menyerahkan tangannya di bawah bimbingan seorang *wali mursyid*, maka dia akan lebih berjaya menuju pintu hidayah kepada Allah

SWT dan kepada jalan untuk mencapainya (Sa'ad Hawwa, 2010). Selain itu, setiap orang yang tidak mempunyai shaykh mursyid yang memberi petunjuk kepada jalan untuk menjauhi sifat-sifat tercela dan penyakit hati, maka dia dianggap bermaksiat kepada Allah SWT dan Rasulnya, kerana dia tidak mendapatkan petunjuk mengenai jalan membersihkannya (Ahmad Sohibulwafa, 1970).

2.7.2 Syarat Guru Mursyid

Terdapat 24 syarat yang membolehkan seseorang diangkat sebagai guru mursyid. Hal ini dijelaskan oleh Shaykh Muhammad Amin Al-Kurdi (2013) dalam kitabnya. Antara syarat yang harus dipenuhi oleh seseorang guru mursyid adalah seperti berikut:

1. Mengetahui hukum Fikah dan Akidah yang diperlukan oleh para murid sekadar untuk menjawab pertanyaan yang diajukan oleh seorang murid kelas awal, sehingga dia tidak perlu bertanya kepada yang lain.
2. Mengenal pelbagai kesempurnaan hati, etika-etikanya dan pelbagai penyakit jiwa, serta cara menjaga kesihatan dan kestabilannya.
3. Bermurah hati dan berbelas kasih kepada kaum muslimin, khususnya kepada para murid. Misalnya, jika dia tahu bahawa mereka tidak mampu melakukan penolakan terhadap hasrat nafsu dan meninggalkan kebiasaan-kebiasaannya, dia bersikap tolak ansur dan tidak membuat mereka putus asa dari mengikuti jalan rohani. Dia juga tidak menyebabkan mereka tercatat dalam urutan orang-orang yang celaka. Dia harus sabar dan bijak bergaul dengan mereka dalam keramahan sampai mereka mendapat petunjuk.
4. Menutup *aib* (kekurangan) para murid yang terlihat olehnya.
5. Bersih hati terhadap hati para murid dan tidak tamak terhadap harta yang mereka miliki.

6. Menyampaikan perintah Allah SWT dan mencegah apa yang dilarang-Nya, sampai perintah ini berkesan pada jiwa mereka.
7. Tidak duduk bersama para murid, kecuali sekadar yang diperlukan. Selalu mengingatkan murid berkaitan tarekat dan syariat. Tujuannya agar para murid bersih dari kekotoran bisikan nafsu dan dapat beribadah dengan cara yang benar.
8. Perkataannya bersih dari campuran hawa nafsu, senda gurau dan sesuatu yang tidak bermakna.
9. Sangat bertolak ansur terhadap hak-hak dirinya serta tidak berharap untuk dimuliakan atau dihormati. Dia juga tidak menuntut haknya daripada para murid dengan sesuatu yang tidak mampu mereka lakukan. Tidak mempersiapkan amalan-amalan yang membuat mereka jemu. Tidak banyak berehat bersama mereka dan tidak membuat mereka merasa kepayahan kerana dirinya.
10. Jika dia melihat salah seorang muridnya kehilangan rasa hormat dan *ta'zhim* (sopan) terhadap dirinya kerana terlalu sering duduk bersama dalam keakraban, hendaklah dia menyuruhnya duduk berkhawat di tempat yang tidak jauh dan tidak dekat, tetapi jarak pertengahan.
11. Jika dia mengetahui bahawa penghormatan berlebihan terhadap dirinya muncul dari hati seorang murid, dia menolaknya dengan penuh kasih sayang, sebab hal tersebut merupakan musuh yang paling besar.
12. Tidak lalai dalam membimbing para murid menuju sesuatu yang dapat memperbaiki keadaan rohani mereka.
13. Jika seseorang murid memberitahu mimpi atau ketersingkapan (*mukasyafah*) atau penyaksian ghaib (*musyahadah*) yang didapatinya, shaykh tidak perlu

memberitahukan rahsia yang diperolehi muridnya itu, tetapi hendaklah dia memberinya tambahan amalan yang dapat mendorong dan meningkatkan kepada tahap rohani yang lebih tinggi dan lebih mulia. Apabila shaykh membicarakannya atau menjelaskannya, perkara ini merupakan kesalahan seorang shaykh, kerana seseorang murid akan memandang dirinya tinggi sehingga boleh menjatuhkan tingkatan rohaninya.

14. Seorang shaykh harus mencegah murid-muridnya berbicara dengan orang lain selain sesama murid tarekat, kecuali untuk hal darurat. Selain itu, dia juga harus mencegah mereka berbicara sesama mereka tentang *karamah* (kemuliaan) dan wirid yang mereka dapat. Jika dalam hal tersebut shaykh bersikap tolak ansur, maka dia benar-benar telah melakukan kesalahan, sebab dapat membuat murid menjadi sombong dan angkuh.
15. Seorang shaykh harus memiliki dua khalwat untuk menyendiri dan tidak mengizinkan seorang murid pun masuk menemuinya, kecuali orang yang khusus baginya dan khalwat untuk berkumpul bersama para sahabatnya.
16. Tidak mengizinkan murid-muridnya mengintip setiap gerakannya, termasuk cara tidurnya, cara makannya, cara minumannya dan lain-lain. Sebab jika dia membiarkan murid mengintipnya, lalu murid itu mendapati sesuatu yang nampak sebagai kekurangan bagi dirinya, hal ini mampu membuatkan rasa hormat murid tersebut kepadanya akan berkurang kerana murid itu belum mampu memahami keadaan rohani orang-orang besar yang sempurna. Jika shaykh melihat seorang murid mengintai dirinya untuk mengetahui tentang hal tersebut, dia harus melarangnya demi kebaikan murid tersebut.

17. Tidak memberikan kelonggaran kepada murid untuk banyak makan, sebab hal ini dapat merosak keadaan rohani seseorang murid. Hal ini kerana kebanyakan manusia adalah hamba perut.
18. Melarang murid bergaul dengan para sahabat shaykh, sebab bahayanya akan sangat cepat menyerang para murid. Kecuali jika shaykh melihat mereka sudah benar-benar mencintainya.
19. Menjaga diri dan tidak mundar-mandir kepada penguasa, agar tidak dicontohi oleh para murid. Sebab jika para muridnya itu mencontoh dia berulang-alik menemui penguasa, dia harus menanggung dosanya dan dosa mereka yang mencontohinya. Alasannya kerana orang yang mendekati penguasa, biasanya akan sulit menyampaikan penolakan terhadap perbuatan haram yang dilakukan seseorang penguasa, seolah-olah perbuatannya yang sering menziarahi penguasa menjadi bentuk persetujuan terhadap kemunggaran.
20. Berhati-hati apabila berbicara kepada murid, penuh kasih dan tidak mencaci maki, agar jiwa mereka merasa selesa dan mampu mendekati guru mursyid.
21. Jika diundang oleh seorang muridnya dia memenuhinya dan melakukannya dengan cara terhormat serta menjauhkan diri dari hal-hal yang tidak baik.
22. Jika duduk bersama muridnya, dia duduk dengan tenang dan berwibawa. Dia tidak banyak memperhatikan mereka, menahan pandangannya dan merendahkan suaranya, tidak memburuk-burukkan akhlakanya di hadapan mereka. Hal ini kerana pada kenyataannya mereka menyakini seluruh sifat-sifat terpuji ada dalam dirinya dan mereka akan menirunya.
23. Jika seorang murid masuk menemuinya, dia tidak bermuka masam. Apabila seorang murid ingin pulang, dia mendoakannya tanpa diminta terlebih dahulu.

Sebaliknya apabila dia masuk menemui salah seorang muridnya, dia hendaklah dalam keadaan jiwa yang baik.

24. Jika salah seorang muridnya tidak hadir, dia bertanya tentangnya dan mencari alasan tentang ketidakhadirannya. Jika ternyata sakit, dia menziarahinya. Jika muridnya dalam kesusahan dia membantunya. Jika muridnya uzur, dia mendoakannya.

Begitulah beberapa ciri yang harus dipenuhi seorang shaykh. Kesimpulannya, ungkapan yang paling tepat untuk menerangkan adab-adab shaykh adalah dia harus meneladani perilaku Rasulullah SAW, terhadap para sahabatnya, semampu mungkin (Al-Kurdi, 2013, h.386-390).

2.7.3 Guru Mursyid Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah

Menurut Muhammad Fadhil et al (2011) beliau menjelaskan tentang biografi Guru Mursyid Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah. Beliau mengatakan, Shaykh Mursyid Kiai Haji Ahmad Sohibulwafa Tajul Arifin, yang dikenali dengan nama Abah Anom, dilahirkan di Suryalaya tanggal 1 Januari 1915. Beliau adalah putera kelima Shaykh Abdullah Mubarak bin Nur Muhammad, pengasas Pondok Pesantren Suryalaya. Ibunya bernama Hajah Juriyah. Saudara-saudara beliau adalah Nyi Hajah Siti Sufiah, Nyi Hajah Siti Sukanah, Muhammad Malik, Haji Mahmud Abdullah, Hajah Sa'adah, Nyi Wasi'ah, Hajah Didah Rosidah, Nyi Hajah Djuriyah, dan Kiai Noor Anom Mubarak BA (saudara seayah lain ibu).

Beliau dikurniakan empat belas orang anak dan seorang anak lelaki tiri, dari isterinya yang pertama iaitu Ibu Haji Euis Siti Ru'yanah. Isteri pertama beliau menderita sakit

setelah pulang dari Mekah dan meninggal pada tahun 1978. Anak-anak beliau adalah Haji Dudun Nursaiduddin (1942-2010), Haji Aos Hoesnifalah (1943-2000), N.Nonong (1945), Haji Didin Khidhir dan Oneng Hesyati (kembar lahir 1947), Haji Endang Jakfar Sidiq (1949), Hajah Otin Khodijah (1951), Haji Kankan Zulkamaen (1952), Memet Ruhimat (1954-1979), Hajah Ati Unsuryati (1956), Aneu Utia Rohayaneu (1958), Haji Baban Ahmad Jihad SB AR (1960), dan Hajah Nia Nur Irianati (1962). Selain keempat belas putera-puteri tersebut, Abah Anom mempunyai seorang putera dari isterinya yang kedua iaitu Nyi Hajah Yoyoh Sofiah, dan anaknya adalah Ahmad Masyakur Firdaus (1986) (Muhammad Fadhil, 2011, h.13).

Pada usia lapan tahun, Abah Anom mendapat pendidikan awalnya di sekolah rendah (Verfolg School) di Ciamis antara tahun 1923-1928. Kemudian beliau meneruskan ke pengajian Sekolah Menengah Agama (*Madrasah Tsanawiyah*) di Ciawi Tasikmalaya. Pada tahun 1930, Abah Anom memulai perjalanan menuntut ilmu agama Islam secara lebih khusus. Beliau mempelajari Ilmu Fikah dari seorang kiai terkenal di Pesantren Cicariang Cianjur, kemudian mendalami Ilmu Fikah, *Nahwu*, *Shorof*, dan *Balaghah* kepada kiai terkenal di Pesantren Jambudipa Cianjur. Setelah dua tahun di Pesantren Jambudipa, beliau melanjutkan pelajaran ke Pesantren Gentur, Cianjur. Di Pesantren Gentur beliau berguru dengan Ajengan Syatibi. Dua tahun kemudian (1935-1937), Abah Anom melanjutkan pelajarannya di Pesantren Cireungas, Cimelati Sukabumi. Pesantren ini terkenal dengan seorang tuan guru yang dikenali sebagai Ajengan Aceng Mumu, seorang yang mahir dalam ilmu hikmah dan silat. Di pesantren inilah, Abah Anom banyak memperoleh pengalaman, termasuk kaedah mengelola dan memimpin sebuah pesantren. Beliau juga mempelajari ilmu silat dan ilmu perburuan bersama Aki Danu dari Ciaul (Muhammad Fadhil, 2011).

Biografi Abah Anom menunjukkan bahawa dalam usia yang masih muda iaitu 18 belas tahun, beliau telah menguasai ilmu-ilmu agama Islam. Oleh kerana itu, dalam usia yang muda beliau diangkat menjadi wakil *talqin* Abah Sepuh (Shaykh Abdullah Mubarak). Kegemaran bermain silat diperdalam lagi di Pesantren Citengah Panjalu, yang dipimpin oleh Haji Djunaedi yang terkenal sebagai ahli alat, ahli silat dan ahli hikmah. Tambahan pula, menurut Unang Sunardjo (1995) Abah Anom turut melaksanakan *riyadah* (latihan kerohanian) dan ziarah ke makam para wali atas perintah ayahnya sambil menimba ilmu di Pesantren Kaliwungu, Kendal, Jawa Tengah dan kemudian di Bangkalan Madura bersama abang kandungnya Haji Ahmad Dahlan dan wakil Abah Sepuh Kiai Haji Pakih dari Talaga Majalengka. Selain itu juga, pada tahun 1938 beliau menunaikan ibadah Haji ke Mekah bersama Kiai Muhammad Simri Hasanudin, iaitu anak saudaranya (Unang Sunardjo, 1995).

Di samping itu, Muhammad Fadhil et al (2011) mengatakan setelah berusia 30 tahun, Abah Anom menikahi Euis Siti Ru'yanah. Setelah menikah, beliau berziarah ke Tanah Suci Mekah. Apabila pulang dari Mekah pada tahun 1939, Abah Anom telah mempunyai banyak pengetahuan dan pengalaman keagamaan yang mendalam. Pengetahuan beliau meliputi Ilmu Tafsir, Hadis, Fikah, Kalam dan Tasawuf yang merupakan inti ilmu agama (Muhammad Fadhil, 2011). Ketika di Mekah beliau berguru dengan Shaykh Haji Romli yang berasal dari Garut yang merupakan wakil Abah Sepuh yang berada di Jabal Abu Qubais, Mekah (Unang Sunardjo, 1995). Oleh kerana itu, tidak hairan jika beliau fasih berbahasa Arab dan lancar berpidato, baik dalam bahasa Indonesia mahupun bahasa Sunda sehingga pendengar dapat menerimanya di lubuk hati yang paling dalam. Beliau juga amat mahir dalam budaya dan sastera Sunda setaraf kepandaian sarjana ahli bahasa Sunda dalam penerapan

falsafah etnik kesundaan, untuk memperkukuh Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah. Bahkan beliau pun mampu berbicara dalam bahasa Jawa dengan baik (Muhammad Fadhil, 2011).

Setelah Abah Sepuh wafat, pada tahun 1956, Abah Anom harus berdikari sepenuhnya dalam mengurus dan mentadbir pesantren. Dengan rasa ikhlas Abah Anom gigih memperluaskan ajaran Islam melalui metod Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah ke pelbagai pelosok Indonesia walaupun ketika itu beliau mendapat ancaman keamanan dari DI (Darul Islam) dan TII (Tentera Islam Indonesia) yang masih memerintah pada ketika itu. Pondok Pesantren Suryalaya, dengan kepimpinan Abah Anom, tampil sebagai pelopor pembangunan ekonomi rakyat, melalui pembangunan pengairan untuk meningkatkan pertanian, membuat kincir air untuk menjana tenaga elektrik dan lain-lain. Dalam perjalanannya, Pondok Pesantren Suryalaya tetap berpegang teguh kepada *Tanbih* (wasiat Abah Sepuh) yang menyeru agar taat kepada perintah agama dan negara. Pondok Pesantren Suryalaya tetap mendukung pemerintahan yang sah dan selalu berada dibelakangnya (Muhammad Fadhil, 2011).

Sehingga kini beliau telah berhasil mengembangkan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah ke seluruh Indonesia dan beberapa negara lain antaranya Singapura, Malaysia, Brunei dan Thailand (Unang Sunardjo, 1995). Bahkan ada muridnya juga yang berasal dari Australia, Belanda, Jepun, Jerman, Taiwan, Amerika dan beberapa negara lainnya. Kerana perkembangan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah cukup pesat, maka Abah Anom melantik wakil *talqin* (Khalifah) seramai 87 orang, manakala di Malaysia seramai 8 orang wakil *talqin* dan seorang di Singapura (Abu Zein, 2015).

2.8 Silsilah

Pada bahagian ini akan menjelaskan berkaitan silsilah. Perbincangan dalam bahagian ini terbahagi kepada, pengertian silsilah, silsilah Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah di Pondok Pesantren Suryalaya dan keutamaan silsilah.

2.8.2 Pengertian Silsilah

Silsilah merupakan sebuah rangkaian para guru dengan pengamal tarekat yang ada pada setiap peringkat. Rangkaian ini bermula pada zaman Rasulullah SAW yang menjadi guru mursyid pertama sehingga guru mursyid yang ada sekarang (Cecep Alba, 2011). Selain itu, silsilah adalah rangkaian nama para guru sufi yang menjadi pemimpin sesebuah tarekat. Terhasilnya rangkaian ini setelah terbentuknya organisasi tarekat (Al-Shaibi, t.th) yang telah diwarisi oleh satu generasi kepada generasi yang lainnya (Al-Attas, 1963). Dengan adanya silsilah tarekat ini maka ia melayakkan para shaykh untuk meneruskan pimpinan dalam sesebuah amalan tarekat tasawuf (Al-Shaibi, t.th). Tambahan pula, menurut Syihabuddin Suhrowardi (1971) beliau mengatakan, silsilah ertinya ialah turun temurun tarekat yang sifatnya berurutan, manakala perumpamaannya seperti "*Sanad*" (sandaran) atau "*Rowi*" (orang yang meriwayatkan hadis) yang terdapat pada hadis (Syihabuddin Suhrowardi, 1971). Semua tarekat tasawuf mempunyai hubungan silsilah tarekat sehingga kepada Rasulullah SAW. Dasar silsilah tersebut seperti berikut:

1. Allah SWT.
2. Jibril a.s.
3. Muhammad SAW (m.11H/632M).
4. Ali bin Abi Talib r.a. (m.40H/661M).

5. Abu Bakar al-Siddiq r.a. (m.13H/634M) (Brown, 1968).

Setiap tarekat memiliki sumber amalan dan ajaran-ajarannya yang diperoleh melalui Abu Bakar al-Siddiq r.a. atau Ali bin Abi Talib k.w. Seterusnya tarekat yang memiliki jalur yang bersambung kepada Ali bin Abi Talib k.w, ialah:

1. Al-Hassan al-Basri (m.128H/745M).
2. Maaruf al-Karkhi (m.200H/801M).
3. Sarri al-Saqati (m.255H/871M).
4. Dawud Ta'I (m.165H/786H).
5. Junayd al-Baghdadi (m.298H/910-11M).
6. Habib Ajami (m.156H/772M).
7. Abu Bakar Shibli (m.334H/946M).
8. Abu Mubarak Mahzumi.
9. Abdul al-Qadir Jailani (m.561H/1167M) (Brown, 1968).

Jalur yang bersambung kepada Abu Bakar al-Shiddiq r.a. pula hanya Salman al-Farisi. Kesemua tarekat memiliki jalur silsilah kepada Ali bin Abi Talib k.w., kecuali beberapa tarekat iaitu, Tarekat Baktishiyyah, Naqsyabandiyyah dan Kaulawiyah yang terus bersambung kepada Abu Bakar al-Shiddiq r.a. (Brown, 1968). Oleh itu, silsilah sangat diberi perhatian malah sentiasa dikawal rapi oleh setiap anggota tarekat tasawuf semenjak sesebuah tarekat itu diasaskan oleh tokoh-tokohnya kemudian berkembang dalam kalangan umat Islam (Rosnaaini Hamid, 2015(b), h.80).

2.8.2 Silsilah Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah di Pondok Pesantren Suryalaya

Melihat kepada silsilah Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah di Pondok Pesantren Suryalaya, ternyata jalurnya sampai kepada Rasulullah SAW dan silsilahnya seperti berikut:

1. Allah SWT.
2. Jibril a.s.
3. Nabi Muhammad SAW.
4. Ali k.w.
5. Husain r.a.
6. Zaenal Abidin r.a.
7. Muhammad Baqir r.a.
8. Ja'far Shodiq r.a.
9. Imam Musa al-Kazhim r.a.
10. Shaykh Abul Hasan Ali bin Musa r.a.
11. Shaykh Ma'ruuf al-Karkhi r.a.
12. Shaykh Sirri al-Saqoti r.a.
13. Shaykh Abu Qosim Al-Junaid al-Baghdaadi r.a.
14. Shaykh Abu Bakrin Difli al-Syibli r.a.
15. Shaykh Abul Fadli atau Abdul Wahid al-Tamiimi r.a.
16. Shaykh Abul Faroj al-Thurthuusi r.a.
17. Shaykh Abul Hasan Ali bin Yusuf al-Qirsyi al-Hakaari r.a.
18. Shaykh Abu Sa'id al-Mubarak bin Ali al-Makhzuumi r.a.
19. Shaykh Abdul Qodir al-Jaelani q.s.
20. Shaykh Abdul Aziz r.a.

21. Shaykh Muhammad al-Hattak r.a.
22. Shaykh Syamsuddin r.a.
23. Shaykh Syarofuddin r.a.
24. Shaykh Nuuruddin r.a.
25. Shaykh Waliyyuddin r.a.
26. Shaykh Hisyaamuddin r.a.
27. Shaykh Yahya r.a.
28. Shaykh Abu Bakrin r.a.
29. Shaykh Abdurrohman r.a.
30. Shaykh Utsman r.a.
31. Shaykh Abdul Fattah r.a.
32. Shaykh Muhammad Murod r.a.
33. Shaykh Syamsuddin r.a.
34. Shaykh Ahmad Khotib Syambas Ibnu Abdul Ghoffar r.a.
35. Shaykh Tholhah r.a. (Guru Agung Gunung Sembung Cirebon).
36. Shaykh Abdullah Mubarak bin Nur Muhammad r.a. (Abah Sepuh) Pondok Pesantren Suryalaya.
37. Shaykh Mursyid Kiai Haji Ahmad Sohibulwafa Tajul Arifin q.s. (Abah Anom) Pondok Pesantren Suryalaya (Syihabuddin Suhwardi, 1971; *Uquudul Jumaan*, 2014).

Berdasarkan silsilah yang tertulis di atas, jelaslah bahawa Abah Anom adalah salah seorang sanad Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah dan sekaligus sebagai seorang mursyid dalam tarekat tersebut. Beliau mendapat *hirqah* (pakaian sebagai tanda penerus sanad dalam tarekat) dari ayahandanya sendiri, Shaykh Abdullah Mubarak

bin Nur Muhammad, pengasas Pondok Pesantren Suryalaya. Abah Anom selain sebagai *mursyid* (guru spiritual Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah), dalam pesantren, beliau turut mengembangkan dan memimpin Pondok Pesantren Suryalaya sejak ayahandanya meninggal hingga saat ini. Dari segi ajaran pula, baik Abah Sepuh mahupun Abah Anom sama-sama meneruskan, melestarikan, dan mengembangkan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah dengan salah satu wahana pengembangannya adalah Pondok Pesantren dengan segala kelengkapannya. Betapa besar peranan Pondok Pesantren Suryalaya dalam pelestarian dan pengembangan ajaran Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah. Dengan demikian, maka Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah sering digandingkan dengan Pondok Pesantren Suryalaya (Cecep Alba, 2011, h.134).

2.8.3 Keutamaan Silsilah

Dalam silsilah juga terdapat beberapa keutamaannya, antaranya menurut Shaykh Shihabuddin Suhrowardi (1971) beliau mengatakan, sesungguhnya manusia yang tidak tahu ayahnya dan datuknya dalam tarekat, maka orang tersebut mempelajari tarekat “*mardud*”, ertinya tidak diterima. Selain itu, beliau berpendapat, jika seseorang menjalankan tarekat tidak melalui seorang guru, dia seperti mengaku ayah kepada orang yang bukan ayahnya (Shihabuddin Suhrowardi, 1971). Selain itu, barangsiapa yang bertarekat namun tidak ada hubungan silsilahnya dengan Nabi SAW, dianggap terputus kelimpahan cahaya keberkatan dan tidak menjadi waris Rasulullah SAW. Orang yang demikian itu tidak diambil *bai'at* dan tidak diberi *ijazah* (pemberian ilmu), kerana tarekat atau jalan kepada Tuhan itu merangkumi aspek zahir dan batin. Aspek zahir itu ialah syariat dan yang batin ialah hakikat (Ahmad Sohibulwafa, 1970).

Dalam surah al-Isra' ayat ke-71, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: “(Ingatlah) suatu hari (yang di hari itu) Kami panggil tiap umat dengan pemimpinnya”(al-Isra’: 71).

Berdasarkan ayat ini, setiap pemimpin memiliki anak buahnya, setiap imam memiliki ma'mum, setiap guru tentu memiliki muridnya, setiap anak tentu ada ibu bapanya, manakala setiap tarekat ada silsilahnya. Begitu juga keturunan “Raden” (keturunan bangsawan di Indonesia) juga ada pengakuan keturunan dari nenek moyang seperti keturunan Habib (keturunan Rasulullah SAW) atau Sayyidi (keturunan Rasulullah SAW). Namun semua itu tidak ada dalam al-Hadis atau al-Quran. Demikian pula silsilah tarekat menerangkan susur-galur tarikh sesebuah tarekat itu (Syihabuddin Suhwardi, 1971). Semuanya berguru dalam usaha mendapatkan ilmu. Tidak ada Nabi melainkan ada baginya sahabat yang mengambil daripadanya petunjuk yang menyalin ajaran dan mengikuti perjalanannya, serta memperoleh petunjuk daripada kelimpahan ilmunya (Ahmad Sohibulwafa, 1970).

2.9 Rumusan

Perbincangan pada bab ini telah mencapai objektif pertama kajian. Secara rumusannya, tarekat berasal daripada bahasa Arab iaitu *thoriqah* yang bererti, jalan, metod, atau perjalanan ahli zikir menuju Allah SWT melalui cara membersihkan hati agar mencapai keredhaan Allah SWT. Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah yang diamalkan di Pondok Pesantren Suryalaya merupakan gabungan dari dua tarekat iaitu Tarekat Qodiriyah dan Tarekat Naqsyabandiyah. Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah juga mempunyai kelulusan pendaftaran dan diperakukan benar oleh Jabatan Mufti Negeri Sembilan, serta Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah memiliki beberapa tujuan dan dasar-dasarnya.

Selain itu, zikir adalah menyebut atau mengingat Allah SWT sehingga merasakan kedekatan hatinya bersama Tuhan, serta mampu meningkatkan keimanan seseorang. Zikir yang dimaksud oleh Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah adalah zikir secara khusus dengan mengamalkan zikir *jahar* dan zikir *khafi*. Zikir *jahar* adalah zikir yang menggunakan kalimat *Laailahailallah*, dilakukan dengan suara yang jelas dan terkadang dengan suara yang kuat, manakala zikir *khafi* pula diingat di dalam hati dengan menggunakan rasa, serta tanpa huruf dan suara.

Seterusnya *talqin* merupakan peringatan guru kepada murid dan *bai'at* adalah kesanggupan dan setia terhadap gurunya untuk dibimbing. Tujuan bagi *talqin* (peringatan) adalah untuk memperoleh manfaat dari guru dan Rasulullah yang berada dalam silsilah pengamal tarekat, manakala tujuan *bai'at* (kesanggupan) pula adalah menguatkan ikatan persaudaraan antara guru dengan murid.

Guru mursyid adalah seorang lelaki yang *kamil* (sempurna) yang memiliki urutan silsilah dalam tarekat yang pernah dibimbing oleh shaykh yang *kamil*, bertugas untuk membimbing murid supaya sentiasa mengingati Allah SWT dan memiliki akhlak yang sempurna. Terdapat beberapa syarat yang melayakkan seseorang diangkat menjadi guru mursyid bagi sesebuah tarekat, manakala guru mursyid Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah di Pondok Pesantren Suryalaya yang ke 37 adalah Shaykh Mursyid Kiai Haji Ahmad Sohibulwafa Tajul Arifin, juga dikenali dengan panggilan Abah Anom.

Di samping itu silsilah merupakan sebuah rangkaian nama para guru dengan guru yang sebelumnya, bersambung sampai kepada Rasulullah SAW. Apabila terhasilnya rantaian ini maka terbentuklah organisasi tarekat, sekali gus guru tersebut memimpin tarekat itu. Silsilah Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah menyambung sampai kepada Rasulullah SAW, dan Abah Anom merupakan guru mursyid yang ke 37, serta beliau mendapat *hirqah* (pakaian sebagai tanda penerus sanad dalam tarekat) dari ayahandanya sendiri, iaitu Shaykh Abdullah Mubarak bin Nur Muhammad. Seterusnya silsilah bertujuan untuk mendapatkan kelimpahan cahaya keberkatan dan menjadi waris daripada Rasulullah SAW, di samping menerangkan sejarah dan susur-galur sesebuah tarekat.



BAB TIGA

PELAKSANAAN DAN METOD ZIKIR TAREKAT QODIRIYAH NAQSYABANDIYAH DI PONDOK REMAJA INABAH (1) MALAYSIA

3.1 Pendahuluan

Bab ini menjelaskan tentang pelaksanaan dan metod zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah yang digunakan oleh Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Selain itu, yang menjadi perbincangan dalam bab ini, antaranya pelaksanaan zikir di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, penjelasan tentang kaedah zikir *jahar* dan zikir *khafi*, huraian tentang adab berzikir, mengenal hakikat diri dan terakhir penjelasan tentang *rabitah*.

3.2 Pelaksanaan Zikir di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia

Program rawatan pemulihan penagihan dadah di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia memberi fokus utama pada bimbingan rohani agar individu itu mempunyai jiwa yang sejahtera dan dapat mendidik diri mereka menjadi insan yang *kamil* (sempurna) dan produktif. Kaedah rawatan ini juga mempunyai implikasi dan hasil yang positif terhadap pemulihan jasmani dan kesihatan mental serta fizikal individu yang terlibat (Mahmood Nazar Mohamed, 2006, h.19). Istilah rawatan dalam prinsip inabah ialah pembinaan atau bimbingan. Hal demikian kerana penagihan dadah dan kenakalan remaja adalah penyakit rohani yang membawa kepada keruntuhan akhlak (Mahmood Nazar Mohamed, 2006, h.22).

Selain itu, menurut Mohd Najdi Baqir (temu bual, 2 Oktober 2017b) hasil temu bual di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, beliau mengatakan, pelaksanaan zikir yang digunakan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia adalah dengan menggunakan kaedah zikir *jahar* dan zikir *khafi*, yang dilakukan setelah selesai solat wajib dan solat sunat. Para pelatih ditekankan untuk memperbanyak bilangan zikir semasa menjalani proses rawatan pemulihan. Semasa melakukan zikir juga, para pelatih diminta untuk melihat buku panduan zikir agar memahami dan menghayati lafaz yang diucapkan. Selain itu, metod zikir yang lainnya seperti adab berzikir, mengenal hakikat diri dan *rabitah*, turut diajarkan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, ketika sesi kuliah diadakan. Walau bagaimanapun, metod tersebut tidak terlalu ditekankan pada pelatih yang baru menjalani proses rawatan. Hal ini kerana tahap kefahaman mereka masih belum memahami tentang Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah (Mohd Najdi Baqir, 2 Oktober 2017b).



Tambahan pula, menurut Intan Sakinah (temu bual, 18 Mac 2018) hasil temu bual di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, beliau mengatakan, zikir *jahar* dilakukan semasa rawatan adalah sekurang-kurangnya 165 setiap kali setelah selesai solat wajib dan solat sunat, malah digalakkan memperbanyak bilangan zikir. Seterusnya zikir *khafi* pula sentiasa diamalkan secara berterusan tanpa had bilangan oleh pelatih sama ada setelah solat, ketika solat atau kegiatan sehari-hari semasa di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Rawatan zikir bertujuan agar pelatih sentiasa berhubungan dengan Allah SWT melalui zikir, serta dapat menghilangkan sifat-sifat yang tercela dalam diri. Hal ini kerana merasakan diri sentiasa diawasi oleh Allah SWT. Selain itu, setiap pelatih yang mendaftar di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia akan menjalani rawatan pemulihan selama 8 bulan. Setelah tamat tempoh rawatan, pelatih diberikan pilihan

sama ada ingin meneruskan tempoh rawatan ataupun ingin menamatkan sahaja rawatan tersebut (Intan Sakinah, 18 Mac 2018).

Menurut Mohd Najdi Baqir (temu bual, 2 Oktober 2017b) bagi pelatih yang telah lama menjalani proses rawatan dan mula menunjukkan minat untuk mendalami ilmu tarekat, maka mereka akan belajar lebih tekun memahami metod zikir tersebut dan turut mengamalkannya, bagi merasakan nikmat dalam berzikir. Selain itu, bagi pelatih yang lama, mereka juga turut mengamalkan *riyadah* malam iaitu latihan kerohanian di tengah malam dalam memperbanyak bilangan zikir *jahar* dan zikir *khafi*. Biasanya *riyadah* malam ini dilakukan oleh pelatih yang mempunyai keinginan untuk berubah dan telah mencapai tempoh rawatan selama lapan bulan (Najdi Baqir, 2 Oktober 2017b).



Pelatih yang menjalani rawatan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia juga terdiri daripada beberapa fasa. Fasa yang pertama adalah *detox*, iaitu pelatih yang baru memasuki Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia akan di tempatkan dalam satu ruangan khas selama dua minggu bagi menghilangkan rasa ketagihan dadah. Fasa kedua pula berlangsung selama 40 hari, di mana pelatih ditekankan dan dipantau untuk mengikuti semua program rawatan yang ditetapkan selama empat puluh hari secara berterusan. Seterusnya fasa ketiga iaitu selepas menjalani rawatan pemulihan selama empat puluh hari, di mana mereka sudah mampu mengikuti program rawatan yang ditetapkan tanpa dipaksa. Fasa keempat pula ialah mereka yang telah tamat menjalani rawatan pemulihan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia selama lapan bulan dan kekal meneruskan rawatan selama yang diinginkan pelatih (Najdi Baqir, 2 Oktober 2017b).

3.3 Kaedah Zikir *Jahar* dan Zikir *Khafi* Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah

Pada bahagian ini akan menjelaskan tentang kaedah zikir *jahar* dan zikir *khafi* Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, manakala yang menjadi perbincangan dalam bahagian ini pula ialah pengenalan zikir tarekat sufi dan tatacara zikir *jahar* dan zikir *khafi*.

3.3.1 Pengenalan Zikir Tarekat Sufi

Terdapat metod khusus dalam melaksanakan zikir. Menurut Abu Zein (2015) metod zikir ini adalah yang utama serta diyakini sebagai jalan terpanjang dalam menempuh perjalanan rohani yang bertujuan agar membersihkan, menjernihkan dan menyucikan diri baik zahir mahupun batin, sehingga ahli zikir akan sentiasa ingat kepada Allah SWT dan jauh dari kelalaian kepada-Nya (*ghaflah*). Melalui metod tersebut, maka terbukalah *hijab* (penghalang) dan sampailah seseorang hamba pada keadaan makrifat, akhirnya dapatlah dia melihat keindahan perbendaharaan yang tersembunyi di dalam rahsia lubuk hati nuraninya (Abu Zein, 2015). Sesungguhnya zikir merupakan keperluan yang tidak dapat ditinggalkan oleh orang-orang sufi dalam ajaran tarekat. Seandainya mereka lupa berzikir, jiwanya seakan-akan mempunyai hutang yang besar kepada Allah SWT. Hal ini kerana zikir merupakan syarat utama untuk mendekati diri kepada Allah SWT (Khalili Al-Bamar, 1996).

Makrifatullah (mengenal Allah SWT) terdapat dua jenis, yang pertama adalah makrifat sifat Allah SWT yang memperlihatkan keutamaan badan dalam dua negara iaitu dunia dan akhirat. Sedangkan yang kedua adalah makrifat *Zat* yang merupakan keutamaan roh yang suci di akhirat (Ahmad Sohibulwafa, 1970). Untuk mencapai tingkatan makrifat tersebut, ulama Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah di Pondok Pesantren Suryalaya, sepakat mengatakan harus ditempuh dengan menggunakan

kaedah zikir *jahar* dan zikir *khafi*. Hal ini kerana menurut Rasulullah SAW, makrifat (mengenal Allah SWT) itu terletak pada *qalbu* dan zikir tersebut berpusat kepada *qalbu*. Maka bererti pintu makrifat itu ditentukan oleh kesucian *qalbu* (Abu Zein, 2015). Zikir *jahar* dan zikir *khafi* adalah gabungan daripada beberapa aspek iaitu, aspek fikiran, aspek perasaan, aspek kemahuan dan gerakan-gerakan tubuh dipadukan dalam arahan yang satu iaitu hati nurani (Burhanuddin & Baedowi, 2003, h.283-284).

Terdapat pelbagai metod dalam berzikir yang dipilih oleh para shaykh tarekat sufi, tetapi para ulama syariat mengemukakan pelbagai pandangan negatif dan menganggapnya bid'ah. Oleh itu, dalam menyingkapi permasalahan tersebut, para ulama tarekat sufi sepakat mengatakan, bahawa terdapat pelbagai metod zikir yang berbeza (Abu Zein, 2015). Pengalaman membuktikan fakta bahawa kesedaran akan kehadiran Allah SWT merupakan ajaran hakiki, tidak dapat dicapai kecuali dengan menempuh pelbagai metod yang dianjurkan oleh para ulama sufi. Para sufi (ahli tarekat) sentiasa menjadikan al-Quran, al-Hadis, Ijma Ulama dan Qias, sebagai alat pengukur kebenaran inspirasi mereka (Abu Zein, 2015).

3.3.2 Tatacara Zikir Jahar dan Zikir Khafi

Sebagai penjelasan tentang tatacara zikir *jahar* dan zikir *khafi* yang terdapat dalam amalan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, penyelidik mengambil rujukan daripada beberapa kitab dan buku utama yang digunakan di Pondok Pesantren Suryalaya, manakala tatacara zikirnya seperti berikut:

1. Berada dalam wudhu yang sempurna

Wudhu atau bersuci termasuk dalam bahagian ilmu dan amalan terpenting dalam Islam. Hal ini kerana wudhu atau bersuci tidak hanya bermakna membersihkan anggota tubuh, bahkan mensucikan *qalbu* dan kebersihan ini merupakan amalan yang disukai Allah SWT (Abu Zein, 2015).

Menurut Shaykh Abdul Qodir Al-Jailani beliau mengatakan, “syarat zikir adalah harus dalam keadaan wudhu yang sempurna” (Al-Jailani, 2013). Wudhu merupakan ajaran Islam yang amat sederhana, serta mudah dipraktikkan dan mudah untuk dibiasakan. Melalui wudhu mampu menggugurkan dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan serta mendatangkan kejernihan wajah-wajah di akhirat, mencegah perbuatan-perbuatan yang buruk, sehingga terjaga dan menjadikan kita selamat, bahkan akan menerbitkan cahaya iman pada *qalbu*. Demikian antaranya keagungan ajaran wudhu, maka para ulama tarekat sufi meletakkan wudhu sebagai salah satu syarat untuk melaksanakan zikir (Abu Zein, 2015).

2. Mendirikan Solat Fardu atau Solat Sunat

Solat merupakan ibadah yang terpenting dalam ajaran Islam. Dalam ajaran Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah amalan solat menjadi metod penyandaran diri yang sangat diutamakan di Pondok Remaja Inabah, baik solat wajib maupun solat sunat (Aqib, 2005). Selain itu, solat merupakan pembersih hati daripada pelbagai dosa (Ibnu Athaillah, 2015). Tahap yang kedua adalah melaksanakan solat fardu mahupun solat sunat lalu barulah mulai berzikir,

sepertimana firman Allah SWT dalam surah an-Nisa ayat ke-103. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: “Maka apabila kamu telah menyelesaikan solat(mu), ingatlah Allah SWT di waktu berdiri, di waktu duduk dan di waktu berbaring, kemudian apabila kamu telah merasa aman, maka dirikan solat itu (sebagaimana biasa), sesungguhnya solat itu adalah fardu yang di tentukan waktunya atas orang-orang yang beriman” (an-Nisa: 103).

Al-Maraghiy menafsirkan bahawa ayat di atas bermaksud apabila kamu telah melaksanakan sembahyang dengan cara seperti ini, ingatlah Allah SWT dalam hatimu dengan merenungkan janji-Nya yang memberikan kemenangan kepada orang yang membela agama-Nya di dunia ini, di samping memperoleh pahala di akhirat (Al-Maraghiy, 2001, h.1336). Tegasnya, solat adalah tempat munajat dan tatacara penyucian hati serta terdapat pelbagai hikmah. Dia (Allah SWT) mengetahui kelemahan dirimu sehingga mengurangkan bilangannya. Dia (Allah SWT) juga mengetahui keperluanmu terhadap kurnia-Nya sehingga melipat-gandakan pahalanya (Ibnu Athaillah, 2011).

Adapun makna menegakkan solat atau mendirikannya, menurut ulama tarekat sufi iaitu Shaykh Abdul Qodir al-Jailani q.s adalah solat dengan *qalbu* yang khusyuk selama-lamanya, sebagaimana tersebut dalam al-Quran sebagai “*Solat Wustha*”, iaitu solat dengan *qalbu* yang khusyuk. Hal ini kerana *qalbu* terletak di tengah-tengah (*wustha*) badan, antara kanan dan kiri, antara atas dan bawah, dan antara bahagia dan celaka (Abu Zein, 2015). Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: “Peliharalah semua shalat(mu), dan (peliharalah) shalat wusthaa. Berdirilah untuk Allah SWT (dalam shalatmu) dengan khusyu” (al-Baqarah: 238).

Berdasarkan ayat di atas Shaykh Abdul Gaos menafsirkan bahawa Allah SWT memerintahkan setiap manusia yang beriman untuk melaksanakan solat dengan *qalbu* yang khusyuk. Sekiranya tidak dilaksanakan, maka solat anggota badan akan menjadi sia-sia kerana solat ini hanya dapat dilakukan dengan hati yang khusyuk hasil daripada hati yang sering berzikir. Jika sesiapa yang tidak khusyuk dalam solatnya, maka solat tersebut akan rosak (Abdul Gaos, 2012). Pada tahap ini, ahli zikir harus solat dengan menghadirkan *qalbu* kepada Allah SWT, iaitu dalam keadaan hati yang khusyuk dengan sentiasa mengingatinya. Hal ini, kerana dengan mendirikan solat bererti sedang menuju kepada Allah SWT. Oleh itu, ahli zikir tidak boleh melakukan sesuatu gerakan (rukun) atau ingatan lain selain Allah SWT. Maka dengan itu, ahli zikir akan khusyuk, tenang dan nikmat dalam melaksanakan zikir (Abu Zein, 2015).

3. Duduk menghadap kiblat

Kemudian ahli zikir dianjurkan duduk menghadap kiblat, kerana kiblat merupakan simbol bagi ibadah umat Islam. Hal ini hanya secara zahir sahaja, yang paling utama dalam menghadap kiblat adalah menghadapkan *qalbu* dalam petunjuk jalan yang lurus kepada Allah SWT (Abu Zein, 2015). Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat ke-143. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: *“Dan Kami tidak menetapkan kiblat yang menjadi kiblatmu (sekarang) melainkan agar Kami mengetahui (supaya nyata) siapa yang mengikuti Rasul dan siapa yang membelot”* (al-Baqarah: 143).

Berdasarkan ayat di atas Al-Maraghiy menafsirkan bahawa tindakan menghadap kiblat ketika beribadah hanya merupakan ketaatan kepada Allah SWT, bukan disebabkan oleh rahsia Zat atau tempat kiblat itu terletak. Dalam pada itu, hikmah dipilihnya sesuatu arah kiblat sebagai kiblat adalah untuk menghimpun umat dalam satu arah dan menyatukan manusia” (Al-Maraghiy, 2001, h.279).

4. Membaca *Ta'awudz*

Ta'awudz adalah bermohon kepada Allah SWT agar segala amal ahli zikir dijauhkan dari godaan syaitan yang membuat manusia lupa kepada Allah SWT (Abu Zein, 2015). Oleh sebab itu haruslah *membaca Ta'awudz* sebelum melaksanakan zikir, agar diberi perlindungan dari Allah SWT, membacanya seperti:



Ertinya: “*Aku berlindung kepada Allah SWT dari godaan syaitan yang terkutuk*”

Dalam al-Quran surah al-A'raaf ayat ke-200, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: “*Dan jika kamu ditimpa sesuatu godaan syaitan Maka berlindunglah kepada Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT Maha mendengar lagi Maha Mengetahui*” (al-A'raaf: 200).

Berdasarkan ayat di atas Sayyid Qutb menafsirkan bahawa dengan sentiasa mengingati Allah SWT dapat menutup jalan laluan syaitan dan bisikan-bisikannya yang jahat (Sayyid Qutb, 2000, h.450).

5. Membaca *Basmalah*

Seterusnya ahli zikir dianjurkan untuk membaca kalimat *basmalah* (bacaan *Bismillah*). Menurut Quraish Shihab (2002) beliau mengatakan, ketika seseorang membaca *basmalah*, maka makna-makna tersebut diharapkan menghiasi jiwanya. Hal ini membawa kepada kesedaran akan kelemahan diri serta perlunya kepada Allah SWT. Orang yang membaca *basmalah* seharusnya menghayati kekuatan dan kekuasaan Allah SWT, serta rahmat dan kasih sayang-Nya yang tercurah bagi seluruh makhluk (Quraish Shihab, 2002, h.23).
Bacaan *basmalah* seperti berikut:

Ertinya: “Dengan nama Allah SWT Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang”

6. Bertawassul kepada Nabi Muhammad SAW dengan membaca Surah Al-Fatihah

Seterusnya, ahli zikir perlulah bertawassul (mendekatkan diri dengan Allah) kepada Nabi Muhammad SAW beserta keluarganya, sahabat-sahabatnya, isteri-isterinya, segenap keturunan dan ahli keluarganya dan segala hal milik Allah SWT untuk mereka (Abu Zein, 2015). Adapun bacaannya seperti berikut:

إلى خيرة النبي صلى الله عليه وسلم
وعلى آله وصحبه وأهل بيته أجمعين
شئى اللهم لا يضرهم

Ertinya: “Ya Allah, semoga sampai (rahmat Allah SWT) ke hadapan Nabi Besar Muhammad SAW. Semoga Allah SWT menambah rahmat kepada Nabi serta keselamatan kepada keluarga, sahabat, istri, anak cucu dan ahli baitnya. Segala

perkara kepunyaan Allah SWT dan tetapkan kepada-Nya”
(Uquudul Jumaan, 2014).

Tawassul dalam amalan bertarekat mencakupi segenap aspek amalan syariat yang boleh dijadikan *wasilah* untuk mendekati diri dengan Allah SWT (Rosnaaini Hamid, 2015(b), h.101). Kata *tawassul* yang berawal dari *fi'il madhi* iaitu *wassala*, manakala menurut bahasa *tawassul* diertikan sebagai mendekati diri dengan suatu perantara (*wasilah*) (At-Thabari, 2000; Ibn Katsir, 1999; Muhammad Hanif, t.thn), manakala, pendapat ulama tauhid pula *tawassul* bermaksud mendekati dan *wasilah* pula ialah apa yang mendekati kepada Allah SWT (Al-Shaukani, 1973). Sesiapa yang sering bertawassul dengan Rasulullah SAW, sesungguhnya dihalalkan kepadanya syafaat Rasulullah SAW pada hari akhirat kelak (Ibn Taimiyyah, 1985).

7. Istighfar sebanyak tiga kali

Pada tahap berikutnya, ahli zikir mesti mengucapkan istighfar dengan menghadirkan maknanya iaitu memohon ampun kepada Allah SWT terhadap segala dosa yang pernah diperbuat, serta menanamkan keyakinan bahawa Allah SWT selalu melihat dan mengawasi segala perbuatannya. Apabila orang yang berzikir merasa diawasi oleh Allah SWT, maka segala perbuatannya akan terjaga dari melakukan dosa dan maksiat (Abu Zein, 2015). Sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah al-Qashash ayat ke-16. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: “*Mintalah ampun kepada Allah SWT, maka Allah SWT Maha Pengampun dan Maha Penyayang*” (al-Qashash: 16).

Berdasarkan ayat di atas Al-Maraghiy menafsirkan bahawa sesungguhnya Allah SWT Maha pengampun segala dosa orang yang bertaubat kepadanya dengan memberi nikmat kepadanya dengan keampunan itu. Begitu juga Dia Maha Penyayang tanpa menyiksa setelah seseorang bertaubat dengan ikhlas dan tidak mengulang perbuatan tersebut (Al-Maraghiy, 2001, h.5117).

Adapun bacaan istighfarnya seperti berikut:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَرَبُّهُمُ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Ertinya: “*Aku memohon ampunan kepada Allah SWT Yang Maha Pengampun dan Maha Penyayang*” (Uquudul Jumaan: 2014).

Setiap manusia memerlukan istighfar, kerana manusia merupakan makhluk yang lemah serta selalu mempunyai dosa dan lalai kepada Allah SWT bahkan Nabi Adam a.s. pun pernah lalai sehingga mengerjakan perbuatan yang telah dilarang oleh Allah SWT, kerana tertipu oleh pujukan iblis (Muhammad Ghazali, 1996). Seterusnya menurut al-Sya’rani (2010) hendaklah seseorang itu banyak mengucapkan istighfar, meskipun tidak ada dosa. Ambillah pelajaran istighfar Rasulullah SAW walaupun baginda telah mendapat khabar gembira dan keyakinan atas pengampunan dosanya yang terdahulu dan yang kemudian, namun baginda tetap mengamalkan istighfar (al-Sya’rani, 2010).

8. Membaca Selawat keatas Nabi Muhammad SAW sebanyak tiga kali

Ahli zikir seterusnya hendaklah membaca selawat ke atas Nabi Muhammad SAW sebanyak tiga kali. Adapun bacaan selawat tersebut adalah:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَرَبُّهُمُ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Ertinya: *“Ya Allah SWT, limpahkanlah rahmat-Mu kepada Junjungan kami Muhammad SAW dan kepada keluarganya, dan para sahabatnya, serta limpahkanlah keselamatan baginya”* (Uquudul Jumaan: 2014).

Selawat merupakan suatu perintah dari Allah SWT, hal ini tercatat dalam surah al-Ahzab ayat 56. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: *“Sesungguhnya Allah SWT dan malaikat-malaikat-Nya berselawat untuk Nabi. Hai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya”* (al-Ahzab: 56).

Berdasarkan ayat di atas Al-Maraghiy menafsirkan bahawa selawat Allah SWT kepada Nabi SAW adalah sebagai penghormatan rahmat memandangkan malaikat sentiasa berselawat dengan memohon keampunan kepada Allah SWT SWT. Allah SWT menyuruh orang yang beriman, supaya mendoakan Nabi SAW, mendapat rahmat, memuliakan baginda walaupun dengan cara apa pun yang kamu mampu dilakukan. Umpamanya mengikut baginda secara baik atau mematuhi setiap arahannya. Juga, dengan cara mengucapkan selawat dan salam kepada baginda dengan lidahmu. (Al-Maraghiy, 2001, h.5511). Selain itu, berselawat kepada Nabi Muhamamd SAW bererti, Allah SWT memberi rahmat, malaikat meminta keampunan dan orang-orang mukmin pula berdoa supaya diberi rahmat, manakala apabila ahli zikir mengucapkan selawat tiga kali, bererti Allah SWT akan menurunkan rahmat kepadanya tiga puluh kali, dan seterusnya berganda-ganda (Abu Zein, 2015).

9. Membaca Doa Awal Zikir

Bacaan awal zikir adalah seperti berikut:

إلهي أنت قاصودي ورضاك مطلبوي أعظي مصلتي

وخرجتاك

Ertinya: “Tuhanku Engkaulah yang aku maksud dan keridhaan-Mu yang aku cari, berikanlah kepadaku kecintaan dan makrifat kepada-Mu” (Uquudul Jumaan: 2014).

Doa ini perlu dihayati secara mendalam bagi ahli zikir, doa ini mengandung maksud:

Tuhanku Engkaulah yang aku maksud. Ayat ini bermaksud Allah SWT merupakan tujuan semua bentuk ibadah. Hanya kepada Allah SWT ibadah itu ditunaikan, sebab Allah SWT adalah tujuan awal, akhir dan penghabisannya. Tidak ada tujuan yang lain, selain Allah SWT. Sebuah usaha mendekatkan diri zahir dan batin dengan jalan *ubudiyah* (pengabdian) sehingga tiada rintangan dan hambatan antara *abid* (hamba Allah) dengan *ma'bud* (yang disembah), antara *Khaliq* (Allah) dengan makhluk (Abu Zein, 2015).

Keredhaan-Mu yang aku cari. Ayat ini bermaksud ahli zikir mengharapkan keredhaan Allah SWT selalu tercurah kepadanya. Namun sering dilupakan dan tidak sedar bahawa ahli zikir harus merelakan semua ketentuan, hukum, suruhan dan larangan Allah SWT kepada dirinya. Maka layaklah ahli zikir mengharapkan keredhaan Allah SWT datang kepadanya (Abu Zein, 2015).

Berikanlah kepadaku kecintaan. Ayat ini bermaksud ahli zikir mengharapkan diberi keampunan untuk mendapatkan *mahabbah* (kasih sayang) kepada Allah SWT. Dalam pengertian cinta ini mempunyai tingkatan-tingkatan hasil

muraqabah (pengawasan) Allah SWT kepada ahli zikir. Selain itu, dalam *mahabbah* tersebut mengandung keteguhan hati nurani serta kejujuran. Jika orang yang berzikir sudah sampai peringkat *mahabbah* maka timbullah pelbagai hikmah. *Mahabbah* juga akan menumbuhkan pada rasa kasih sayang sesama makhluk (Abu Zein, 2015).

Makrifat kepada-Mu. Ayat ini bermaksud makrifat diperoleh melalui *al-kasyf* (terbuka hijab) bermaksud mengetahui secara nyata apa yang ada dibalik dinding (hijab) berupa konsep-konsep ghaib dan hakikat segala sesuatu. Dengan ini ahli zikir akan sampai kepada tingkatan *Ilmu al-Yaqin* (yakin dengan ilmu), '*Ain al-Yaqin* (nyata kenalnya) dan *Haqq al-Yaqin* (mutlak kenalnya) (Abu Zein, 2015).

10. Melafazkan Zikir *Jahar* (*Nafi Isbat*)

Selanjutnya ahli zikir kemudian melafazkan kalimat tauhid, atau dikenali sebagai kalimat *nafi isbat* sebanyak seratus enam puluh lima kali.

إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

“*Laa Ilaaha Illallah*” x165

Ertinya: “*Tiada Tuhan Selain Allah*” (*Uquudul Jumaan*, 2014).

Zikir *jahar* atau juga disebut sebagai zikir *nafi isbat* (penafian dan penegasan) ini bertujuan untuk mendapatkan kesempurnaan dalam berzikir iaitu, menghasilkan cahaya zikir di dalam rongga batin sehingga *qalbu* dipenuhi

cahaya iman, serta dapat merasakan nikmat kehidupan di akhirat. Untuk itu terdapat beberapa syarat yang mesti dilakukan antaranya, pertama dalam wudhu yang sempurna, kedua harus memejamkan mata, ketiga melafazkan zikir dalam keadaan tartil (tidak tergesa-gesa), keempat berzikir dengan pukulan yang gema dan kuat, serta kelima berzikir dengan suara yang keras (Ahmad Sohibulwafa, 1970; Abu Zein, 2015).

Adapun cara untuk melakukan zikir *jahar* Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, adalah dengan memulai ucapan “*Laa*” dari pusat dan diangkatnya sampai ke otak dalam kepala, sesudah itu diucapkan “*Ilaaha*” dari otak dengan menurunkannya perlahan-lahan bahu kanan. Lalu memulai lagi mengucapkan “*Illallaah*” dari bahu kanan dengan menurunkan kepala kepada pangkal dada di sebelah kiri dan berkesudahan pada hati sanubari di bawah tulang rusuk lambung dengan menghembuskan lafaz nama Allah SWT sekuat mungkin sehingga terasa gerakan pada seluruh badan seakan-akan di seluruh bahagian badan amal yang rosak itu terbakar dan memancarkan Nur Tuhan. Getaran itu meliputi seluruh bidang *latifah* (jiwa halus dalam diri manusia) sehingga dengan demikian tercapai makna tahlil yang ertinya “*Tidak ada yang dimaksudkan melainkan Allah SWT*” (Ahmad Sohibulwafa, 1970, h.17).

Kemudian menurut ulama ahli tarekat, apabila zikir itu sudah meliputi seluruh tubuhnya, maka badan orang yang berzikir tersebut terbawa oleh zikir, sehingga akan timbul *khusyuk* (menumpukan perhatian) lalu air matanya bercucuran, serta merasakan panas seluruh badannya. Selanjutnya dia akan tenggelam di dalam lautan *mahabbah* dan makrifat yang disebut sebagai *bahrul*

hayat (lautan kehidupan), dalam erti kata lain ahli zikir mampu merasakan nikmat dalam berzikir (Syihabuddin, 1971).

Adapun untuk mengucapkan zikir *jahar* yang ditetapkan oleh ahli Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah adalah sebanyak 165 kali dalam setiap waktu, tidak boleh kurang dan dianjurkan supaya memperbanyakkan bilangan zikir, serta diakhiri dengan bilangan yang ganjil. Adapun penutup zikir ini adalah dengan membaca selawat:

سِرِينَا مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Ertinya: “Junjungan kita Muhammad Rasulullah SAW, semoga rahmat dan keselamatan Allah SWT sentiasa dilimpahkan kepadanya” (Uquudul Jumaan, 2014).

Perintah Allah SWT untuk memperbanyakkan zikir dapat dilihat melalui firman-Nya dalam surah al-Ahzab ayat ke-41. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahannya: “Hai orang-orang yang beriman, berzikirlah (dengan menyebut nama) Allah SWT, zikir yang sebanyak-banyaknya” (al-Ahzab: 41).

Al-Maraghiy menafsirkan bahawa ayat di atas bermaksud “wahai orang yang beriman kepada Allah SWT dan Rasul-Nya, berzikirlah kepada Allah SWT dengan hatimu, lidahmu, serta anggota tubuh setiap saat kerana Dia yang memberi pelbagai kenikmatan kepada kamu” (Al-Maraghiy, 2001, h.5491). Selain itu, ahli zikir juga harus memperhatikan makna *Laailahailallah SWT*. Kalimat tersebut terdiri daripada tiga makna. Pertama, tiada yang disembah selain Allah SWT, dikhususkan bagi peringkat permulaan. Makna kedua, iaitu tiada yang dituju selain Allah SWT, dikhususkan bagi peringkat pertengahan.

Sedangkan yang ketiga, iaitu tiada *maujud* (wujud) selain Allah SWT, dikhususkan bagi peringkat akhir. Ketika mengucapkan kalimat penafian, iaitu *Laailaha*, ahli zikir harus menafikan seluruh wujud makhluk daripada pandangan matanya serta memandang sebagai sesuatu yang tiada, lalu ketika mengucapkan kalimat penegasan, iaitu *Illallah SWT*, maka dia harus menetapkan di dalam hati dan fikirannya akan wujud *Zat* Yang Maha Benar, serta memandang-Nya sebagai Yang Abadi dan Nyata (Al-Kurdi, 2013).

11. Membaca Selawat *Munjiyat* dan Ayat Tentang *Bai'at*

Pada tahap berikutnya ahli zikir perlulah membaca selawat *munjiyat* (penyelamat) dan ayat berkaitan *bai'at* yang terkandung dalam surah al-Fath ayat 10. Bacaannya seperti berikut:

لَا مَوْلَىٰ عَلِيٍّ سِوَايَ اللَّهِ وَلَا مَوْلَىٰ مُحَمَّدٍ وَلَا مَوْلَىٰ آلِهِ وَلَا مَوْلَىٰ مَنْ جَاءَ مِنْ بَعْدِهِ
 تَقِيَّةً عَلَىٰ مَنْ جَاءَ مِنْ بَعْدِهِ وَلَا مَوْلَىٰ لَوْلَا فَا تَقِيَّةً عَلَىٰ مَنْ جَاءَ مِنْ بَعْدِهِ
 الْحَاجَاتِ وَتَطَهَّرْنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ الْبُخْلِ وَالْكَرْبِ وَالْجُبْنِ وَالْخِيَارِ
 أَعْلَىٰ الدَّرَجَاتِ وَتَلَبَّاهُ الْقَصَىٰ الْغِيَاةِ مِنْ جَمِيعِ الْعُلُجِّ وَالْخِيَارِ
 فِي الْيَوْمِ وَالْآخِرِ وَبِعَدَالٍ مَمْدُودَةٍ

إِنَّ لِي فِي مَنْ يَتَّبِعُونَكَ مِنْ بَنِي آدَمَ لِيَوْمَ الْقِيَامَةِ لِيَوْمَ الْقِيَامَةِ لِيَوْمَ الْقِيَامَةِ
 نِكَتًا مِمَّا لَمْ يَكُنْ لِي عَلَيْكَ مِنْ بَنِي آدَمَ لِيَوْمَ الْقِيَامَةِ لِيَوْمَ الْقِيَامَةِ
 فَسِرِّي وَتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا

Ertinya : “Dengan menyebut nama Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Yaa Allah SWT limpahkan rahmat-Mu kepada Nabi Muhammad SAW dan keluarganya. Hanya dengan rahmat-Mu yang akan menyelamatkan kami dari semua marabahaya, mengabulkan semua keperluan kami, membersihkan kami dari segala kesalahan, mengangkat kami ke puncak kebaikan, sejak kami hidup sampai meninggal dunia”.

“Sesungguhnya orang-orang yang berjanji setia kepadamu, itu sebenarnya mereka berjanji kepada Allah SWT, tangan

Allah SWT di atas tangan-tangan (kekuasaan) mereka. Maka barangsiapa melanggar janjinya/nescaya akibat dari melanggar janji itu akan menimpa dirinya sendiri dan barangsiapa yang menepati janjinya kepada Allah SWT maka Allah SWT akan memberinya pahala yang besar” (al-Fath: 10) (Uquudul Jumaan, 2014).

12. Berdoa Perkara yang Dihajatkan

Kemudian ahli zikir melanjutkan dengan doa, adapun doa tersebut adalah kebijaksanaan Shaykh Mursyid Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, iaitu berdoa sesuai dengan keperluan atau hajat masing-masing. Dalam al-Quran surah al-Fatihah kita diajarkan tentang kesempurnaan berdoa kepada Allah SWT, iaitu dengan memulai memuji Allah SWT terlebih dahulu, menunaikan segala hak-Nya, seperti kepatuhan dan ketundukkan yang ditimbulkan oleh perasaan kagum terhadap kebesaran Allah SWT, sebagai Tuhan yang disembah, kerana berkeyakinan bahawa Allah SWT mempunyai kekuasaan yang mutlak terhadapnya. Setelah hak Allah SWT ditunaikan, barulah wujud hak kita sebagai manusia untuk meminta (Abu Zein, 2015).

Tegasnya, doa merupakan kunci keperluan, penghibur orang-orang miskin, perlindungan bagi orang-orang tersepit dan pelita bagi orang-orang yang dikejar oleh keperluan (al-Qusyairi, 2013). Saranan berdoa dapat dilihat dalam surah al-Baqarah ayat ke-186. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: “Apabila hamba-hambaKu bertanya kepada engkau (Muhammad) tentang Aku, maka sesungguhnya Aku hampir, Aku memperkenankan permohonan orang yang meminta jika dia meminta kepada Aku. Maka hendaklah mereka menyahut seruan Aku serta beriman kepada Aku supaya mereka sentiasa berada dalam kebenaran” (al-Baqarah: 186).

Berdasarkan ayat di atas Al-Maraghiy menafsirkan bahawa Allah SWT berpesan kepada Rasulullah supaya, memperingatkan kepada hamba-Nya, perkara yang wajib dilakukan ketika beribadah dan melakukan sesuatu urusan, iaitu taat, ikhlas, dan berdoa kepada Allah SWT semata-mata. Kemudian Allah SWT berpesan kepada hamba-Nya, Allah SWT terlalu hampir dengan mereka kerana diantara Allah SWT dan mereka tidak ada sesuatu dinding, perantara dan penolong yang akan menyampaikan doa dan ibadah mereka kepada-Nya. (Al-Maraghiy, 2001, h.367).

Di samping itu, menurut Majdi Abdul (2013) beliau mengatakan ada sembilan perkara yang penting yang perlu diminta oleh seseorang hamba kepada Allah SWT. Antaranya adalah, pertama memohon petunjuk Allah SWT, kedua memohon keampunan dosa kepada Allah SWT, ketiga memohon syurga kepada Allah SWT dan perlindungan kepada-Nya daripada azab neraka, keempat memohon keselamatan dunia akhirat, kelima memohon akibat yang baik dalam semua urusan yang dilakukan, keenam memohon kebaikan agama, dunia dan akhirat, ketujuh memohon nikmat yang abadi dan kelapan memohon perlindungan kepada-Nya dari hilangnya nikmat, manakala kesembilan memohon perlindungan dari beratnya musibah, kecelakaan, takdir yang buruk dan kegembiraan musuh Allah SWT (Majdi Abdul, 2013). Di samping itu, doa yang dilakukan mestilah dengan penuh tumpuan, penuh khusyuk, penuh kesucian jiwa dan hanya dipusatkan kepada satu titik tujuan iaitu Allah SWT, maka dengan mudah doa tersebut sampai kepada Allah SWT (Khalili Al-Bamar, 1996).

13. *Tawassul*, Membaca Surah Al-Fatihah Sebanyak Tiga Kali Berturut-Turut

Pada tahap seterusnya, ahli zikir hendaklah membaca *tawassul* dan membaca al-fatihah, pertama kepada Rasulullah SAW, kedua kepada para guru Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah dan ketiga sekalian muslimin dan muslimat.

Adapun bacaannya seperti berikut:

إلى خضره الفهية ال من ضى محم صل لى ال اع ليه سلم
وعلى الة وص صه وأزواجه وذريته وأهل بيته اجمعين شئ
للهم لك حة

Ertinya: “*Ya Allah, semoga disampaikan pahala ini ke hadapan Nabi Besar Muhammad SAW. Semoga Allah SWT menambah rahmat kepada Nabi serta keselamatan kepada keluarga, sahabat, istri, anak cucu dan ahli baitnya. Segala perkara kepunyaan Allah SWT dan tetaplal kepada-Nya*”.

ثم إلى ارواح اهل السلسل قالدريه والنقشبندية وجميع اهل
الطرق نخص ال إلى خضر رقل طان الأولياء غوث ال عظم
ق طبال علمين السريد الشريخ عى دال قدر ال محالني قد سهل اسره
والسريد الشريخ بلى لقلم عى دال بخ دادى والسريد الشريخ احم
خ اطبش مملري بلى عى دال غفار والسريد الشريخ ظل حة ال سرفر
شربون والسريد الشريخ عى دال كى مبقتن وحضر قشريخ ال لمكرام
السريد الشريخ احم د ص احم بل و فى تاج ال عافين و طول هم
وفروع هم واهل سلسل ات هم وال خفين عى همش لى لل هم لك حة

Ertinya: “*Semoga Engkau sampaikan (rahmat) kepada para arwah silsilah Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah dan kepada semua ahli tarekat terutama kepada pimpinan para wali, penolong Agama Allah SWT yang Maha Agung Shaykh Abdul Qodir al-Jailani, semoga Allah SWT melimpahkan kesucian kepada makamnya dan kepada Shaykh Abul Qosim Junaidi al-Baghdadi serta Shaykh Ahmad Khotib Syambas bin Abdul Ghoffar, dan Shaykh Tholhah Kalisapu Cirebon dan Shaykh Abdul Karim Banten dan yang terhormat guru kita yang dimuliakan Shaykh Abdullah Mubarak bin Nur Muhammad R.A dan Shaykh Ahmad Sohibulwafa Tajul Arifin R.A, semoga Allah SWT melimpahkan keredhaan kepada mereka dan kepada keturunan dan cabang-cabangnya dan ahli keluarganya dan semua yang mengambil berkah dari*

semuanya. Segala perkara kepunyaan Allah SWT dan tetaplah kepada-Nya”.

ثم إلى ارواح بلوتنا وأم مثل أول لفافة الميلى والهيلى مامات
وال مؤيىين والمؤيىات ألى آىاء فى هم وأل مواتش عىل لل هم
القبحة

Ertinya: “*Semoga Allah SWT menyampaikan (rahmat) kepada bapa-bapa kami, ibu-ibu kami dan kepada semua muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat, baik yang masih hidup mahupun yang telah meninggal dunia. Segala perkara kepunyaan Allah SWT dan tetaplah kepada-Nya” (Uquudul Jumaan, 2014).*

Hadhrati berasal daripada kata *hadhara* yang bererti menghadap, maka *Ilaa hadhrati* adalah menghadapkan diri rohani. Ketika saat membacanya haruslah menjaga adab-adabnya, baik adab zahir mahupun batin. Adab zahir adalah menjaga wudhu, jika terbatal maka harus berwudhu lagi, begitu juga keadaan badan haruslah sopan (*takdzim*), manakala adab batin pula adalah menghadirkan diri rohani dan *rabitah*. Menghadirkan diri rohani bermaksud khusyuk, *tadharuk* menghadap sepenuhnya bacaan-bacaan yang dilafazkan yang lahir dari *qalbu* yang paling dalam serta jauh dari *ghaflah* (lupa) (Abu Zein, 2015).

Tambahan pula, menurut Shaykh Mursyid Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, bacaan al-Fatihah ini bertujuan memohon berkat daripada Allah SWT untuk Nabi Muhammad SAW, sahabat-sahabat beserta keluarganya, guru-guru rohani Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, kedua orang tua dan seluruh pengikut Nabi, baik yang masih hidup mahupun yang sudah mati dan memohon rahmat daripada anugerah Allah SWT. Dengan

tawassul tersebut, ahli zikir berharap dalam setiap waktu agar diberi taufiq dan pertolongan dari Allah SWT. Seterusnya ahli zikir berharap mendapatkan syafaat Rasulullah SAW, para Nabi dan Rasul yang lain, juga dengan *karamah* (kemuliaan) para wali khususnya Shaykh Abdul Qodir al-Jailani QS, Sultan Arifin, para shaykh ahli Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah yang telah mencapai hakikat dan keberkatan, terakhir sekali seluruh kaum muslimin dan mukminin (Abu Zein, 2015).

14. Membaca Istighfar Sebanyak Tiga Kali

Kemudian ahli zikir membaca istighfar sebanyak tiga kali, adapun bacaannya seperti berikut:



Dalam hal ini, ahli zikir disarankan meminta ampun terhadap segala dosa yang pernah dilakukannya. Apabila ahli zikir telah beristighfar atas kesalahan-kesalahannya, nescaya dia akan memahami tindakan tercela yang pernah dilakukannya, namun seiring dengan itu haruslah ahli zikir menahan dirinya dari perbuatan tersebut dan kemudian Allah SWT akan membantunya dalam menempuh jalan kembali kepada kebaikan (Abu Zein, 2015).

15. Selawat *Ibrahimiyyah* Satu Kali

Selanjutnya ahli zikir membaca selawat *Ibrahimiyyah* (Selawat Nabi Ibrahim a.s), adapun bacaannya seperti berikut:

للهم صل على محمد وعلى آل محمد كما صليت على
إبراهيم وعلى آل إبراهيم وبارك على محمد وعلى آل محمد
كما باركت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم إنك
رحيم رحيم

Ertinya: : “*Ya Allah SWT semoga Engkau melimpahkan rahmat kepada Nabi Muhammad SAW dan keluarganya seperti halnya engkau melimpahkan rahmat kepada Nabi Ibrahim dan keluarganya dan semoga Engkau melimpahkan barokah kepada Nabi Muhammad SAW dan keluarganya seperti halnya engkau melimpahkan barokah kepada Nabi Ibrahim dan keluarganya. Di seluruh alam Engkau Maha Terpuji lagi Maha Agung*” (Uquudul Jumaan, 2014).

16. Membaca Doa Akhir Zikir

Adapun bacaannya sama seperti bacaan yang diawal sebelum memulai zikir, bacaannya adalah:

إلهي أنت قاصودي ورضاك مطلوبي أعطني محبتك
ومحبتك

Ertinya: “*Tuhanku Engkaulah yang aku maksud dan keridhaan-Mu yang aku cari, berikanlah kepadaku kecintaan dan makrifat kepada-Mu*” (Uquudul Jumaan: 2014).

Saat membaca zikir ini, hendaklah ahli zikir menundukkan segala indera jasmani, lalu memutuskan segala lintasan *qalbu* dari makhluk dan mengarahkan keseluruhan dirinya kepada Allah SWT (Abu Zein, 2015).

17. Tawajjuh dan Zikir *Khafi* (Ismu Dzati)

Selanjutnya ahli zikir melakukan *tawajjuh* (menghadapkan hati kepada Allah) iaitu kepala ditundukkan ke sebelah kiri dengan kedua mata terpejam serta bibir dirapatkan, lidah dilipatkan ke langit-langit, gigi dirapatkan tidak bergerak sedangkan hati terus berzikir *khafi* sekuatnya, dengan bacaan “*Allahu Allah*”. Setelah zikir *khafi* selesai maka ditutup dengan kalimat “*Sayyidunaa*”

Muhammadur Rasulullah salallahu 'alaihi wassalam" (Uquudul Jumaan, 2014).

Ketika menghidupkan zikir *khafi* di dalam *qalbu* maka perlu dilakukan dengan sebanyak-banyaknya, ketika lupa harus diingatkan lagi, sehingga *qalbu* ahli zikir berzikir secara terus menerus. Selain itu, zikir *khafi* atau zikir *Ismu Dzat* adalah zikir dengan menggunakan rasa (*zawq*) di dalam *qalbu* sehingga hanya Allah SWT dan ahli zikir yang dapat mengetahui *zawq* itu. Saat melaksanakan zikir tersebut, *qalbu* ahli zikir akan aktif dengan *zikrullah* (zikir kepada Allah) sehingga diri ahli zikir berhubung secara interaktif dengan Allah SWT. Saat itulah terjadinya penyerapan cahaya ketuhanan (*Nur Ilahi*) ke dalam *qalbu* sehingga terjadi proses pencerahan (*enlightment*). *Nur Ilahi* tersebut mengandung, *maghfirah* (keampunan) yang membakar dosa-dosa di *qalbu*, *himmah* (kemahuan yang kuat), *hidayah* (petunjuk), *rahmah* (kekuatan cinta) dan *barakah* (kemuliaan dan harga diri) (Abu Zein, 2015). Terdapat ayat al-Quran yang menjelaskan tentang mengingat Allah SWT di dalam hati dengan menggunakan rasa seperti dalam surah al-A'raf ayat ke-205. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: "*Dan sebutlah (nama) Tuhanmu dalam hatimu dengan merendahkan diri dan rasa takut dan tidak mengeraskan suara, di waktu pagi dan petang dan janganlah kamu termasuk orang-orang yang lalai*" (al-A'raf: 205).

Berdasarkan ayat di atas Sayyid Qutb menafsirkan bahawa dengan rasa rendah diri dan takut bermaksud, ingatilah Tuhanmu dalam hatimu dengan perasaan penuh minat dan takut dan tanpa menyaringkan suara. Oleh sebab itu Tuhan

menyebut “tanpa menyaringkan sebutan perkataan”. Demikianlah cara yang disunatkan ketika mengucap *zikrullah* (zikir kepada Allah). Ia tidak dilakukan dalam bentuk seruan yang lantang dan nyaring (Sayyid Qutb, 2000, h.465). Selain itu, zikir kepada Allah SWT dengan hati seumpama pedang para murid. Dengan pedang itu mereka berperang melawan musuh-musuh dan menghalau beberapa penyakit yang cuba menggangukannya. Di samping itu, seseorang yang mengabdikan hatinya dengan zikir, maka syaitan yang mendekatinya pasti terhumban jauh (al-Qusyairi, 2013).

3.4 Adab Berzikir

Pada bahagian ini akan menjelaskan tentang adab berzikir. Perbincangan dalam bahagian ini tertumpu kepada, adab sebelum berzikir, adab ketika berzikir dan adab selepas berzikir.

3.4.1 Adab Sebelum Berzikir

Terdapat beberapa adab sebelum melakukan zikir. Hal ini dijelaskan oleh Shaykh Abdul Wahhab Asy Sya'rani (2011) bahawa terdapat dua puluh adab zikir, iaitu lima sebelum zikir, dua belas ketika zikir dan tiga sesudah zikir. Antara adab tersebut adalah:

1. Hendaklah ahli zikir bertaubat *nasuha* (tidak mengulangi kesalahan yang sama), iaitu bertaubat dari segala perkara yang tidak baik, dari segi ucapan, perbuatan dan kemahuan.
2. Ahli zikir hendaklah mandi atau berwudu terlebih dahulu, serta memakai wangian pada tubuh dan pakaiannya.

3. Ahli zikir haruslah bersikap tenang dan diam agar mampu menumpukan sepenuh perhatiannya kepada zikir tersebut. Seharusnya di hatinya hanya ada Allah SWT, tidak ada yang lain. Hal ini supaya ucapan *Laailaahailallah* yang keluar dari lisannya seiring dengan hatinya.
4. Ketika memulai berzikir hendaklah ahli zikir mengingat akan harapan shaykhnya sehingga wajah shaykh terbayang di depan matanya, serta menyandarkan pada cita-cita shaykhnya, dan berharap shaykhnya menjadi kawan dalam perjalanannya menuju Allah SWT.
5. Ahli zikir harus merasakan bahawa pengambilan ilmu daripada shaykhnya, seperti dengan pengambilan ilmu dari Rasulullah SAW, sebab shaykh merupakan orang yang menjadi penghubung dia dengan Rasulullah SAW, dan Rasulullah SAW merupakan penghubung dia dengan Allah SWT (al-Sya'rani, 2011).



3.4.2 Adab Ketika Berzikir

Seterusnya adab ketika berzikir pula terdapat dua belas, antaranya ialah:

1. Duduk di tempat yang suci, seperti duduk pada waktu *tasyahud awal* (duduk setelah sujud kedua pada rakaat kedua) dalam solatnya.
2. Meletakkan kedua telapak tangan di atas kedua lututnya, lalu menghadap kiblat jika ahli zikir ingin berzikir berseorangan. Tetapi jika ahli zikir ingin berzikir dengan sekelompok orang, hendaklah mereka duduk dalam bulatan.
3. Hendaklah majlis zikir dan ruangan tersebut diberikan wangian.
4. Pakaian yang dipakai mestilah halal.
5. Hendaklah mencari tempat yang gelap dan sunyi.

6. Memejamkan mata agar tertutupnya pancaindera sedikit demi sedikit, sehingga terbukanya indera hati.
7. Menghadirkan wajah guru ketika berzikir. Cara tersebut merupakan etika paling dasar bagi seorang murid terhadap *mursyidnya*, sehingga dia merasa diawasi dalam memelihara etika bersama Allah SWT dan jalan mendekatinya.
8. Bersungguh-sungguh dalam berzikir baik secara tersembunyi mahupun secara terbuka.
9. Membersihkan secara ikhlas segala perbuatannya dari segala dosa. Dengan itu ahli zikir akan sampai ke tingkatan *shiddiqiyah* (benar).
10. Memilih lafaz zikir dengan "*Laailaahillallah*". Menurut shaykh tarekat, kalimat tersebut lebih berpengaruh di hati seseorang berbanding kalimat zikir yang lain.
11. Menghadirkan makna zikir dalam hati sesuai dengan kemampuan, serta selalu mengutarakan perasaan yang ada pada shaykh mursyidnya, agar diajarkan etika berzikir.
12. Mengosongkan hati ketika berzikir dari segala sesuatu selain Allah SWT, kerana Allah SWT tidak menyukai jika di dalam hati seseorang yang berzikir terdapat perasaan selain-Nya, kecuali dengan izin-Nya. Andaikata shaykh tidak berperanan besar dalam mendidik murid, tentunya murid tidak berupaya menghadirkan wajah shaykhnya di hadapan kedua matanya mahupun di dalam hatinya (al-Sya'rani, 2011).

3.4.3 Adab Selepas Berzikir

Seterusnya terdapat tiga adab selepas berzikir, antaranya seperti berikut:

1. Hendaklah berdiam diri, hening dan khusyuk, serta menghadirkan hati bersama Allah SWT, sambil menunggu anugerah apa yang akan diperolehi pada waktu itu. Mungkin dia memperoleh anugerah lebih banyak daripada kesungguhan seseorang yang beribadah selama 30 tahun, atau mungkin dia mendapatkan ilham untuk *zuhud* (meninggalkan keduniaan), sehingga menjadi seorang *zahid* (orang yang meninggalkan keduniaan). Mungkin juga dia mendapatkan ilham menjadi penyabar ketika menghadapi gangguan manusia, atau juga mendapatkan ilham untuk takut kepada Allah SWT.

Menurut al-Ghazali, saat diam dan hening sesudah zikir terdapat tiga adab antaranya, pertama merasa bahawa Allah SWT melihatnya dan dia berada di hadapan Allah SWT, kedua menghentikan pergerakan tubuhnya secara keseluruhan, seperti seekor kucing hendak menangkap tikus dan ketiga menjauhkan semua perasaan yang ada di dalam hati lalu melanjutkan zikir “*Allah Allah*” di dalam hatinya.

2. Menahan nafas secara berulang kali, bermula tiga sampai tujuh kali nafas atau lebih, iaitu dengan melaksanakan zikir *khafi*, sehingga anugerah Ilahi datang kepadanya meliputi jasadnya, dan bisikan syaitan terputus, serta terbuka hijab baginya.
3. Menjauhi meminum air yang dingin. Hal ini kerana setelah berzikir akan menimbulkan panas, darah berjalan dengan lancar dan menimbulkan rasa rindu

kepada Allah SWT, sedangkan meminum air dingin dapat mematikan panas tersebut (al-Sya'rani, 2011).

3.5 Mengenal Hakikat Diri

Pada bahagian ini akan menjelaskan tentang mengenal hakikat diri. Perbincangan dalam bahagian ini terbahagi kepada, keutamaan mengenal diri dan tujuh *latifah* (hasil zikir).

3.5.1 Keutamaan Mengenal Diri

Mengetahui hakikat diri merupakan sesuatu perkara yang amat penting dalam kehidupan seseorang manusia. Menurut Syihabuddin Suhrowardi (1971) beliau mengatakan, sesiapa yang mengenal dirinya maka dia akan mengenal Tuhannya. Mengenal Allah SWT merupakan sesuatu perkara yang bersifat *fardu ain* (perkara wajib), kerana seseorang yang beribadah kepada Allah SWT perlu mengenal *ma'bud* (Tuhan yang disembah). Selain itu ibadah kepada Allah SWT merupakan sesuatu perintah Allah SWT dan hukumnya wajib (Syihabuddin Suhrowardi, 1971). Hal ini dapat dilihat dalam firman Allah SWT dalam surah Al-Zariyat ayat ke-56. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: “*Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia, melainkan supaya mereka beribadah kepada-Ku*” (Al-Zariyat: 56).

Berdasarkan ayat di atas Shaykh Abdul Qodir al-Jailani menafsirkan bahawa, adapun yang dimaksud, “*agar beribadah kepada-Ku*”, kata tersebut memberi maksud makrifat (kenal) terhadap-Ku (Allah SWT). Persoalannya bagaimana seseorang

mampu beribadah kepada-Nya jika tidak mengenal-Nya. Namun makrifat dapat dicapai setelah tirai hawa nafsu yang menghalang cermin *qalbu* dibuka iaitu dengan sering membersihkannya dengan berzikir. Setelah bersih, manusia akan melihat indahnya *al-kanzu al-makhfiyu* (Allah SWT) pada rasa terdalam di lubuk *qalbu*. Maka dapat disimpulkan bahawa tujuan penciptaan manusia adalah agar manusia dapat mengenal Allah SWT (Al-Jailani, 2013). Oleh itu manusia harus mengetahui dirinya agar dapat mengenal Allah SWT (Syihabuddin Suhrowardi, 1971).

Menurut para sufi, yang dimaksudkan mengetahui diri adalah diri yang halus yang disebut sebagai roh, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Zariyat ayat ke-2. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: “*Dan (juga) pada dirimu sendiri. Maka apakah kamu tidak memperhatikan*” (Al-Zariyat: 21).

Berdasarkan ayat di atas Shaykh Syihabuddin Suhrowardi menafsirkan bahawa, kata “diri” yang dimaksudkan dengan ayat diatas adalah semua unsur yang bersifat halus dalam badan manusia yang tidak dapat dilihat dan dirasa iaitu disebut sebagai. Apabila di dunia tidak mengenalnya, maka ketika sudah mati sekalipun tidak akan mengenal dirinya sendiri (Syihabuddin Suhrowardi, 1971; Abu Zein, 2015). Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Isra’ ayat ke-72. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: “*Dan barangsiapa yang buta (hatinya) di dunia, nescaya di akhirat (nanti) ia akan lebih buta (pula) dan lebih tersesat dari jalan (yang benar)*” (Al-Isra’: 72).

Berdasarkan ayat di atas al-Maraghiy menafsirkan bahawa sesiapa di dunia ini yang buta hatinya, tidak mengetahui jalan-jalan kebenaran, bahkan tidak mahu memikirkan hujjah-hujjah dan keterangan Allah SWT yang dicantumkan pada lembaran alam semesta, malah Allah SWT menyuruh mereka supaya memikirkannya, maka di akhirat mereka juga buta dan tidak mengetahui jalan keselamatan, bahkan jalannya lebih sesat lagi berbanding ketika di dunia (Al-Maraghiy, 2001, h.4000) Selain itu, ayat di atas yang dimaksud dengan buta adalah, buta mata hatinya (Syihabuddin Suhrowardi, 1971). Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Haj ayat ke-46. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: “*Jika disebut buta, bukanlah buta matanya, tetapi buta hatinya, yang terletak di dalam dada*” (al-Haj: 46).

Al-Maraghiy menafsirkan bahawa ayat di atas bermaksud walaupun penglihatan mata mereka baik dan tidak buta, tetapi hati mereka sebenarnya buta, sedangkan landasan untuk melihat hujjah Allah SWT, adalah dengan mata hati, bukannya mata kasar. Buta mata tidak bererti sama sekali lagi jika dibandingkan dengan butanya hati dan akal (Al-Maraghiy, 2001, h.4570). Selain itu Abu Zein, mengatakan *latifah rabbaniyyah ruhaniyyah* (jiwa halus) yang terhubung dengan tubuh manusia, sesungguhnya adalah hakikat manusia. Hati nurani lah yang dapat mengenal Allah SWT (makrifat), dan merupakan tempat cahaya yang Allah SWT limpahkan pada diri manusia sehingga manusia memperoleh kekuatan *kasyf* (penyingkapan) tentang hakikat segala sesuatu (Abu Zein, 2015). Oleh itu para shaykh tarekat telah memperkenalkan *latifah-latifah* (jiwa halus dalam diri manusia) tersebut, supaya mempermudah jalan rohani bagi para murid. Dengan *latifah-latifah* itu mereka melafazkan *lafzhul-jalallah* (Allah SWT) agar memperoleh tarikan kerohanian tertentu yang bersifat *Zati* (ketuhanan) (Al-Kurdi, 2013).

Kesemua *latifah* yang terdapat dalam diri manusia memiliki sepuluh *latifah*, yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu ‘*Alam al-‘Amr* (Alam Amar) dan ‘*Alam al-Khalq* (Alam Khalq). Untuk ‘*Alam al-‘Amr* terdapat lima *latifah* iaitu, *al-Qalb*, *al-Ruh*, *al-Sirr*, *al-Khafi* dan *al-Akhfa*. Seterusnya *latifah* yang terdapat dalam ‘*Alam al- Khalq* ialah *al-Nafs* dan empat unsur yang lain, iaitu tanah, air, api dan angin. Apabila bersatunya keempat unsur tersebut maka terjadinya *latifah al-Qalb*, yang meliputi seluruh jasad (Syihabuddin Suhrowardi, 1971).

3.5.2 Tujuh *Latifah* Hasil Zikir

Antara *latifah* tersebut yang menjadi hasil zikir adalah:

1. *Latifah al-Qalb*

Titik *latifah* ini berada dua jari di bawah buah dada sebelah kiri. Nafsu yang mengisi *latifah* ini adalah nafsu *Lawwamah* (jiwa yang mencela) yang memiliki sifat diantaranya adalah, *al-Hawa* (mudah tertarik dan selalu berkeinginan), *al-Dzulm* (zalim atau aniaya), *al-Laumu* (mencaci atau mengumpat), *al-Riya* (ingin dipuji), *al-Ujb* (ujub atau membanggakan diri sendiri), *al-Kizb* (berbohong), *al-Ghibah* (menceritakan keburukan orang lain), *al-Makr* (berbuat kerusakan dan tidak memiliki belas kasih) dan *al-Ghaflah* (lalai dan lupa) (Abu Zein, 2015; Cecep Alba, 2011; Syihabuddin Suhrowardi, 1971).

Apabila terasa zikir padanya, maka keluarlah cahaya *latifah* ini menyinari ke bawah bahu dan menuju ke atas atau di dalamnya terasa getaran yang kuat

(Ahmad Sohibulwafa, 1970) maka hendaklah ahli zikir meneruskan ke *latifah al-Ruh* (Al-Kurdi, 2013).

Di samping itu, nafsu *lawwamah* keadaannya adalah berbolak-balik antara memperturutkan hawa nafsu dengan akal budi (Al-Ghazali, 1983). Walaupun *latifah* ini terdapat sifat-sifat buruk, namun *lathifah al-qalb* ini juga merupakan tempat letaknya sifat baik iaitu, keyakinan akan kebenaran syari'at (al-iman), penyerahan diri kepada ketentuan-ketentuan syari'at Islam, tauhid, serta makrifat (Jalaluddin, 1987, h.181). Oleh itu, seseorang yang *qalbunya* lalai berzikir kepada Allah SWT, maka dia sentiasa dikendalikan oleh nafsu *lawwamah*. Sehingga lama kelamaan *qalbunya* akan menjadi gelap, hitam, pekat dan terhibab. Lantaran itu, dia akan cenderung memiliki sifat syirik (menyekutukan Allah SWT), *kufur* (ingkar), *nifaq* (munafiq). Untuk mengatasinya, ulama tarekat sufi mengatakan, harus menghidupkan *latifah al-Qalb* melalui zikir secara terus menerus, jika lupa harus diingat kembali sampai *qalbu* sentiasa aktif (Abu Zein, 2015).

2. *Latifah al-Ruh*

Latifah ini berada dua jari di bawah buah dada kanan. Nafsu yang mengisi *latifah* ini ialah nafsu *mulhimah* atau *sawiyyah* (jiwa yang telah dikurniakan sifat-sifat keutamaan) yang memiliki sifat diantaranya adalah, *al-Sakhawah* (dermawan atau pemurah), *al-Qana'ah* (merasa cukup dengan apa yang diberikan Allah SWT kepadanya atau sederhana), *al-Hilm* (murah hati dan ramah tamah), *al-Tawadhu* (rendah hati), *al-Taubah* (menyedari

kesalahannya), *al-Sabr* (sabar) dan *al-Tahammulu* (menahan diri) (Abu Zein, 2015; Cecep Alba, 2011; Syihabuddin Suhrowardi, 1971; Saerozi, t.thn).

Setelah melakukan zikir bersama-sama, zikir pada *latifah al-Qalb* dan *latifah al-Ruh*, iaitu zikir di dalam hati seperti melihat kedua jurusan (kanan-kiri), disatukan pandangan batinnya menjadi satu jurusan. Maka akan terasa di dalamnya gerak dan teguhnya zikir (Ahmad Sohibulwafa, 1970). Apabila terjadi gerakan atau menyala cahaya tersebut, maka hendaklah ahli zikir menuju ke *latifah as-Sirr* (Al-Kurdi, 2013). Selain terdapat sifat-sifat kebaikan, pada *latifah* ini terdapat juga sifat *bahimiyah* (binatang jinak) yang menuruti hawa nafsu (Abu Zein, 2015). Untuk menghilangkan hawa nafsu yang ada di dalam *latifah* ini supaya diganti dengan nafsu *mulhimah*, maka ahli zikir haruslah menanamkan zikir pada *latifah* ini, agar meningkat perjalanan ahli zikir kepada *latifah* berikutnya (Abu Zein, 2015).

3. *Latifah as-Sirr*

Latifah ini bertempat dua jari di atas buah dada sebelah kiri. Nafsu yang mengisi *latifah* ini adalah nafsu *al-Muthmainnah* (jiwa yang mendapat ketenangan), yang memiliki sifat seperti, *al-Jud* (sayang kepada sesama makhluk), *al-Tawakkal* (berserah diri kepada Allah SWT), *al-Ibadah* (senang beribadah), *al-Syukr* (selalu bersyukur atau berterima kasih), *al-Ridha* (rela terhadap ketentuan Allah SWT) dan *al-Khasyah* (takut berbuat maksiat) (Abu Zein, 2015; Cecep Alba, 2011; Syihabuddin Suhrowardi, 1971; Saerozi, t.thn).

Zikir pada *latifah* ini bersifat mutlak, ertinya menjaga *latifah* ini agar tidak lalai dari mengingati Allah SWT, supaya sifat *sabu'iyah* (sifat buas) hangus terbakar, sehingga ahli zikir mampu mengerjakan perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya. Oleh yang demikian ahli zikir dapat menempatkan nafsu *muthmainnah* pada *latifah as-Sirr*, lalu menaiki tingkatan yang lebih tinggi kedudukannya (Abu Zein, 2015).

4. *Latifah al-Khafi*

Latifah ini berada dua jari di atas buah dada sebelah kanan. Nafsu yang mengisi *latifah* ini adalah nafsu *mardhiyah* (jiwa yang diredha), yang memiliki sifat diantaranya, *Husn al-Khulq* (baik budi), *Tarku ma siwallah* (meninggalkan segala sesuatu selain Allah SWT), *al-Lutf bi al-Khalq* (belas kasih sesama makhluk), *al-Haml 'ala s-Salah* (selalu mengajak kepada kebaikan), *as-Safh 'an Zunub Al-Ghair* (memaafkan terhadap kesalahan orang lain), *al-Mail bi A'al-Khalq* (bersimpati kepada sesama makhluk) dan *al-Hub ila al-Khalq* (cinta kepada makhluk) (Abu Zein, 2015; Cecep Alba, 2011; Syihabuddin Suhrowardi, 1971). Untuk menghalau syaitan dan menetapkan nafsu *mardiyyah* pada *latifah al-Khafi*, tiada jalan selain menghidupkan zikir *khafi*. Jika *latifah* (jiwa halus) ini telah hidup maka dapatlah ahli zikir memasuki *latifah* berikutnya (Abu Zein, 2015).

5. *Latifah al-Akhfa*

Latifah ini berada di tengah dada. Nafsu yang mengisi *latifah* ini adalah nafsu *Kamilah* (jiwa yang sempurna), yang memiliki tiga sifat, iaitu *Ilmu al-Yaqin*

(yakin tahunya), *Ainu al-Yaqin* (nyata tahunya) dan *Haqqu al-Yaqin* (mutlak tahunya) (Abu Zein, 2015; Cecep Alba, 2011).

1. *Ilmu al-Yaqin*

Ilmu al-Yaqin adalah suatu keyakinan yang timbul setelah wujud beberapa keterangan dan dalil (Asrifin, 2001). Menurut ahli tarekat sufi, *Ilmu al-Yaqin* adalah makrifat dalam tahap, “fana dalam perbuatan, *tajalli* dalam perbuatan atau tiada berbuat (*fa'il*) kecuali perbuatan (*fi'il*) Allah SWT (yakni segala perbuatan hamba merupakan pantulan perbuatan Allah SWT) (Abu Zein, 2015) dan dalam pandangan ahli zikir ketika ini adalah *Laa Ma'buda Illallaah* (tiada yang disembah melainkan Allah) (Syihabuddin Suhrowardi, 1971). Dengan demikian pengetahuan melalui *Ilmu al-Yaqin* ini hanya terbatas pada keterangan-keterangan yang ada. Jika tiada dalil yang menerangkan tentang sesuatu hal, maka pengetahuan tentang hal tersebut tiada. Jadi sejauh mana seseorang hamba mengetahui dan memahami beberapa keterangan dalil tentang Allah SWT, maka sejauh itu pengetahuan seseorang hamba terhadap Allah SWT yang dapat diukur (Asrifin, 2001).

2. *Ainu al-Yaqin*

Ainu al-Yaqin adalah suatu pengetahuan atau keyakinan yang berdasarkan kepada kenyataan yang dilihatnya. Makrifat pada tahap ini, bukan hanya mengenal Allah SWT sekadar melalui al-Quran dan al-Hadis, akan tetapi sudah melalui pada pengenalan dan kenyataan. Sebagai contoh, seseorang hamba mengetahui Allah SWT itu bersifat *al-Rahman* dan *al-Rahim*

melalui beberapa dalil, lalu hamba tersebut merasakan sendiri kenyataan bahawa Allah SWT itu bersifat *al-Rahman* (pengasih) dan *al-Rahim* (penyayang) dengan terbukti banyaknya nikmat telah dilimpahkan kepada dirinya dan menyedari akan hal tersebut (Asrifin, 2001). Menurut ahli tarekat sufi, makrifat pada tahap ini adalah *fana fil shifat* (taat dan patuh dalam sifat Allah) atau *tajalli fil shifat* (pencerahan/penyingkapan dalam sifat Allah), ertinya tiada yang hidup, yang kuasa, yang berkehendak, yang mengetahui, yang berkata-kata, melainkan Allah SWT (Abu Zein, 2015) dan dalam pandangan ahli zikir ketika ini adalah *Laa Maqsuda Illallaah* (tiada yang dimaksud kecuali Allah) (Syihabuddin Suhrowardi, 1971).

3. *Haqqul al-Yaqin*

Haqqul al-Yaqin adalah suatu pengetahuan atau keyakinan yang sebenarnya, secara nyata dan meyakinkan tanpa melalui dalil dan pembuktian. Makrifat dalam tahap *haqqul al-Yakin* adalah dalam bentuk *musyahadah*, iaitu penyaksian langsung terhadap Allah SWT tanpa adanya hijab atau penghalang sedikit pun. Pada tahap ini, pengetahuan terhadap Allah SWT diketahui oleh hamba tidak melalui keterangan al-Quran dan al-Hadis, juga tidak diketahui melalui pembuktian, akan tetapi diketahui dari pengalaman rasa batin yang betul-betul dirasakan sendiri oleh seseorang hamba (Asrifin, 2001).

Menurut ahli tarekat sufi, makrifat dalam tahap ini ialah *fana fil al-Zat* (taat dan patuh dalam zat Allah) atau *tajalli fil al-Zat* (pencerahan/penyingkapan dalam zat Allah), yang berarti ahli zikir telah mencapai makrifat atas

haqqul al-Yaqin, di mana tiada wujud yang mutlak melainkan Allah SWT (Abu Zein, 2015) dan dalam pandangan ahli zikir ketika ini adalah “*Laa Maujuuda Illallaah*” (tiada yang wujud kecuali Allah) (Syihabuddin Suhrowardi, 1971). Selain itu, *Haqqul al-Yaqin* juga disebut sebagai pengenalan kepada Allah SWT dengan jalan perasaan atau pengenalan iaitu mengenal Allah SWT tidak hanya dengan mata kasar atau dengan kedangkalan akal, akan tetapi dengan mata hati. Pada tahap makrifat ini, ahli zikir merasakan secara langsung getaran sukma yang kudus untuk sampai kepada Allah SWT (Asrifin, 2001) dan inilah tujuan terakhir perjalanan rohaniah (Abu Zein, 2015).

Ketika ini juga ahli zikir harus meneguhkan zikirnya seperti *latifah-latifah* (jiwa halus) yang lainnya (Ahmad Sohibulwafa, 1970). Shaykh Abdul Qodir al-Jailani mengatakan, bahawa disana terdapat roh lain yang lebih halus daripada roh-roh lain, iaitu *Tiflul Ma'ani* (Bayi Ma'nawi) . *Latifah* atau *Tiflul Ma'ani* ini sentiasa mengajak kepada Allah SWT. Hal ini dapat dicapai dengan menghidupkan zikir pada *latifah akhfa*. Bagi ahli zikir yang ingin mendekati Allah SWT maka haruslah melalui *Mudawamatu zikrullah* (zikir secara berterusan kepada Allah) (Al-Jailani, 2013).

6. *Latifah al-Nafs*

Latifah (jiwa halus) ini berada di antara kedua kening (di tengah dahi). Ketika ini ahli zikir haruslah mengisi seluruh *latifah* dengan zikir sehingga teguh hatinya (Ahmad Sohibulwafa, 1970). Nafsu yang mengisi *latifah* ini adalah *nafsu al-Amarah* (nafsu paling rendah dan kotor) yang memiliki sifat seperti,

al-Bukhl (kikir), *al-Hirs* (tamak), *al-Hasad* (dengki), *al-Jahl* (bodoh), *al-Kibr* (sombong), *al-Syakhawah* (nafsu syahwat) dan *al-Ghadhab* (marah) (Abu Zein, 2015; Cecep Alba, 2011; Syihabuddin Suhrowardi, 1971). Bagi melawan nafsu *amarah* ini adalah dengan menghidupkan zikir *nafs*, supaya ahli zikir mendapat rahmat Allah SWT. Namun pada sisi lain di *latifah* ini terdapat sifat kebaikan, iaitu sifat tenteram dan tenang fikiran (Abu Zein, 2015).

7. *Latifah al-Qalab*

Latifah al-Qalab atau disebut juga dengan nama *latifah kulli jasad* (jiwa halus yang mengelilingi tubuh). *Latifah* ini bertempat dari hujung rambut hingga hujung kaki serta mengelilingi seluruh jasad. Setelah menyeluruhnya zikir di setiap bahagian anggota ahli zikir, sehingga menembus ke akar imannya dengan merasakan getaran yang lemas atau merasa resapan zikir tersebut ke seluruh badan. Hal ini seperti gerakan zikir dalam hati dari bawah sampai keatas melalui *latifah-latifah* (jiwa halus), maka ia dinamakan oleh ahli tasawuf sebagai “*Sulthonul Zikir*” (raja zikir) (Ahmad Sohibulwafa, 1970).

Nafsu yang mengisi *latifah* ini adalah nafsu *radhiyah* (jiwa yang menyerahkan diri kepada Allah), yang memiliki sifat seperti *al-Haram* (mulia), *al-Zuhd* (meninggalkan kemewahan), *al-Ikhlash* (murni ketaatannya), *al-Wara* (bersikap hati-hati), *al-Riyadhah* (berlatih rohani) dan *al-Wafa* (menepati janji) (Abu Zein, 2015; Cecep Alba, 2011).

Dalam *latifah* ini terdapat juga sifat kelalaian, namun terdapat juga sifat kebaikan iaitu ilmu dan amal. Oleh itu, untuk memastikan agar *latifah* ini

berada pada sisi kebaikan, maka ahli zikir perlu menghidupkan zikir pada *latifah al-Qalab*. Apabila zikir tersebut dapat menembusi *latifah* tersebut, maka ahli zikir akan mencapai darjat *qurbah* (kedekatan), sehingga menjadi manusia yang disebut insan *Kamil Mukammil* (sempurna) (Abu Zein, 2015). Bila nafsu ini menjadi sempurna, maka terjadilah sesuatu watak atau tabiat yang tetap, iaitu sentiasa berada dalam kebaikan. Seterusnya mampu menaiki pangkat yang lebih sempurna sehingga senang dan berterusan dalam ibadah, ingin memberi petunjuk kepada orang lain dan menyempurnakan segala kekurangannya. Tahap ini disebut *tajalli asma wa al-sifat* (pencerahan/penyingkapan dalam nama dan sifat Allah), iaitu akan sentiasa mendekati diri kepada Allah SWT (Syihabuddin Suhrowardi, 1971).

3.6 Rabitah

Pada bahagian ini akan menjelaskan berkaitan *rabitah* (mengingati guru). Perbincangan dalam bahagian ini terbahagi kepada, pengertian *rabitah*, kaedah *rabitah*, keutamaan *rabitah* dan *rabitah* menurut al-Quran.

3.6.1 Pengertian *Rabitah*

Amalan *rabitah* merupakan salah satu daripada pelbagai amalan yang diamalkan oleh pengamal tarekat sufi dalam disiplin Ilmu Tasawuf. Galakan melaksanakan amalan ini bukan suatu perkara asing menurut kaca mata tokoh tasawuf kerana dianggap sebagai suatu alat penting bagi mencapai kesempurnaan untuk mengenal Allah SWT (Othman, 2004, h.53).

Secara bahasa dan etimologi pula, *rabitah* berasal dari kata Arab iaitu “*robato*”, yang bermaksud terkatanya hati kepada sesuatu hal sambil menyukainya (Ibrahim Mustafa, 1960, h.323). Meneliti dari definisi tersebut, ternyata setiap manusia pernah mengalaminya, kerana setiap manusia terkadang mengingati sesuatu hal serta terbayang sesuatu yang disukai. Adapun definisi “*rabitah*” menurut ahli tarekat adalah, mengingati guru pada waktu merasakan atau menemukan sesuatu hal yang ghaib, tidak difahami dan tidak terjangkau oleh akal. Dengan itu, murid melakukan *rabitah* kepada gurunya, maka dari itu murid akan mengetahui hal-hal tersebut (Syihabuddin Suhrowardi, 1971).

Rabitah (mengingati guru) boleh dirumuskan sebagai suatu perasaan kasih dan ingatan murid yang mendalam terhadap gurunya sehingga terbayang rupa parasnya dalam khayalan, dengan harapan murid tersebut dikasihi oleh Allah SWT kerana mencintai seorang yang dicintai Allah SWT. Sementara guru yang dimaksudkan itu pula adalah seorang yang disifatkan sebagai *kamil* (sempurna) dari aspek makrifat dan ketakwaannya kepada Allah SWT (Jahid 1991, h.257).

Selain itu, *rabitah* adalah menghadirkan rupa guru atau shaykh ketika hendak berzikir (Fuad Said, 2003) dan hubungan atau ikatan murid kepada guru (Aboebakar Atjeh, 1985). Secara prinsipnya, *rabitah* murid terhadap shaykh mursyid bukanlah kerana peribadi mursyid semata, dan bukan pula untuk mencari sesuatu dari dirinya, melainkan kerana anugerah Allah SWT yang mengalir pada dirinya (Al-Kurdi, 2013). Pada asasnya pengaruh guru boleh meninggalkan kesan yang sangat mendalam terhadap jiwa dan rohani seseorang murid (Al-Husayni, 1967).

Tambahan pula dari segi istilah, *rabitah* adalah mengingati guru sehingga merasakan diri tidak jauh dari gurunya. Bahkan ada peribahasa mengatakan “jauh di mata namun dekat di hati”, sehingga segala petunjuk gurunya mampu diamalkan, terutama ketika akan melaksanakan wirid zikir (Syihabuddin Suhrowardi, 1971). Menurut Rosnaaini (2015b) *rabitah* yang sebenar tidak bermaksud mengagung-agungkan dan mengangkat guru setara dengan Tuhan atau menganggap guru sebagai bayangan Tuhan. Sebaliknya *rabitah* dilakukan untuk mewujudkan ikatan rohaniah seseorang murid dengan gurunya (Rosnaaini Hamid, 2015b, h.106.)

Rabitah (mengingati guru) bukan sekadar bermaksud kasih kepada guru atau menghadirkan wajah guru dalam ingatan atau khayalan murid sahaja. Sebaliknya, *rabitah* yang dimaksudkan ialah setiap ciptaan Allah SWT yang membantu seseorang untuk mengingati serta menghampirkan diri kepada Allah SWT apabila memandang kepada ciptaan tersebut. Maksudnya, individu mukmin yang melihat setiap ciptaan Allah SWT harus terpantul ke dalam kesedaran hatinya rasa kewujudan Allah SWT serta kebesaran dan keagungan-Nya (Syed Hadzrullathfi, 2011, h.127).

Kesimpulannya *rabitah* bukanlah sesuatu ibadah kepada makhluk, akan tetapi sekadar alat untuk mencapai tujuan. Oleh sebab ia merupakan *wasilah* (cara) untuk menyampaikan apa yang dimaksud. Oleh kerana itu ahli Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah menetapkan adanya “*rabitah*” dalam mengamalkan ajaran Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, agar murid terhindar dari melakukan maksiat setelah mengingati guru, kerana merasakan berada di hadapan guru dan merasa malu untuk berbuat maksiat (Syihabuddin Suhrowardi, 1971).

3.6.2 Kaedah *Rabitah*

Bagi mengamalkan *rabitah*, terdapat beberapa kaedah yang mesti dilakukan oleh ahli zikir. Menurut Shaykh Muhammad bin Abdullah Al-Khalidi (1977) dalam kitabnya “*Al-Bahjatus Saniah*”, beliau mengatakan terdapat enam cara untuk melakukan *rabitah*, antaranya ialah:

1. Menghadirkan wajah shaykh di depan mata dengan sempurna.
2. Membayangkan di kiri dan kanan, dengan memusatkan perhatian kepada rohaninya sampai terjadi sesuatu yang ghaib.
3. Mengkhayalkan rupa guru di tengah-tengah dahi. Menurut ahli tarekat, dengan cara ini mampu menolak getaran dan lintasan dalam hati yang melalaikan ahli zikir untuk mengingati Allah SWT.
4. Menghadirkan rupa guru di tengah-tengah hati.
5. Mengkhayalkan wajah guru di tengah kedua kening kemudian menurunkannya ke hati. Cara ini agak sukar dilakukan, akan tetapi ia lebih berkesan dari cara-cara yang lainnya.
6. Menafikan (meniadakan) dirinya dan mensabitkan (menetapkan) keberadaan guru. Cara ini lebih kuat untuk menangkis aneka ragam ujian dan gangguan (Muhammad, 1977).

3.6.3 Keutamaan *Rabitah*

Secara umumnya seseorang hamba tidak dapat mencapai tingkatan yang sempurna dengan dirinya sendiri. Dia memerlukan seorang pembimbing yang sempurna yang telah sampai pada makam *musyahadah* (penyaksian) dan telah menyandang hakikat sifat-sifat Allah. Oleh itu seseorang murid harus mencari bantuan dari kekuatan kerohanian guru yang sempurna dan telah *fana* (taat dan patuh) di dalam Allah SWT

(Al-Kurdi, 2013). Sesiapa berhubungan terus-menerus dengan *rabitah*, maka terjadilah ke atas dirinya peristiwa-peristiwa tarekat dan kesempurnaan hakikat. Namun sebaliknya, sesiapa tidak melakukan *rabitah*, nescaya terputus limpahan dan tidak akan mengalami peristiwa-peristiwa *suluk* (jalan kerohanian menuju Allah), serta tidak akan muncul rahsia kebesaran Allah SWT kepadanya (Fuad Said, 2003).

Selain itu, kesedaran dan cahaya iman akan sempurna bagi seseorang murid dengan menjaga bayangan shaykh dalam fikirannya sambil menghadap ke hati sanubari hingga sampai pada tahapan *fana* (patuh dan taat). *Fana* kepada shaykh merupakan pendahuluan *fana* kepada Allah SWT. Hal ini kerana hati menjadi tempat segala rahsia, maka melalui pewarisan dari guru ke guru inilah yang membuat mereka sampai kepada Rasulullah SAW (Al-Kurdi, 2013). Tambahan pula, ahli zikir juga perlu melakukan *rabitah* (mengingati guru) selama tidak memperoleh limpahan daripada gurunya. Namun jika ahli zikir mampu memperoleh limpahan tanpa *rabitah*, maka ketika itu ahli zikir wajib meninggalkan *rabitah*, kerana *rabitah* pada ketika itu sama seperti turun dari tempat yang tinggi (Fuad Said, 2003).

Selain itu, murid haruslah menyayangi dan kasih kepada shaykh dan nasabnya, kerana dengan menjaga *mahabbah* (kasih sayang) akan mengangkat darjatnya ke makam *musyahadah* (penyaksian), manakala mursyid yang *kamil* (sempurna) layak dijadikan *rabitah*, disebabkan mursyid tersebut telah menempati makam sesudah *fana fillah* (taat dan patuh kepada Allah) (Fuad Said, 2013). Oleh itu kalangan tarekat bersepakat dan mengatakan bahawa *rabitah al-mursyid* memiliki pengaruh yang lebih dasyat dari zikir dalam pencapaian *Jadzbah Ilahiyah* (tarikan Ilahiah) dan pendakian murid di tangga-tangga kesempurnaan. Dari sejumlah shaykh tarekat, ada yang hanya

menetapkan *rabitah al-mursyid* kepada murid dalam *suluk* dan *taslik*. Namun ada pula yang menetapkan keharusan bagi setiap murid (Al-Kurdi, 2013).

3.6.4 *Rabitah* Menurut al-Quran

Dalam mengamalkan ajaran *rabitah* ini, kalangan tarekat mengambil dasar-dasar hukum al-Quran dan pendapat ulama sufi. Sebahagian ayat al-Quran yang menunjukkan perihal *rabitah* antaranya adalah dalam surah al-Maidah ayat ke-35.

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: “*Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah SWT dan carilah jalan mendekatkan diri kepada-Nya dan berjihadlah pada jalan-Nya, supaya kamu mendapat keberuntungan*” (al-Maidah: 35).

Sayyid Qutb menafsirkan bahawa ayat di atas bermaksud bertakwalah kepada Allah SWT iaitu carilah segala punca dan jalan yang boleh menghubungkan kamu dengan Allah SWT (Sayyid Qutb, 2000, h.269), manakala ahli tarekat berpendapat ayat tersebut adalah bersifat umum. Apabila diperintahkan untuk mencari *wasilah* (cara untuk mendekatkan sesuatu), maka *rabitah* adalah *wasilah* yang sebaik-baiknya (Fuad Said, 2003), manakala ayat seterusnya adalah surah al-Imran ayat ke-31. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Terjemahan: “*Katakanlah: “jika kamu (benar-benar) mencintai Allah SWT, ikutilah aku, nescaya Allah SWT mengasihi dan mengampuni dosa-dosa kamu”. Allah SWT Maha Pengampun lagi Maha Penyayang*” (al-Imran: 31).

Al-Maraghiy menafsirkan bahawa ayat di atas bermaksud jika kamu bersungguh-sungguh ingin taat kepada Allah SWT dan cinta kepada perbuatan yang boleh mendekatkan diri kepada-Nya kerana berharap untuk mendapatkan pahala-Nya, maka

ikutilah aku (Rasulullah SAW) dengan cara melaksanakan ajaran wahyu yang turun kepadaku. Nescaya Allah SWT akan reda denganmu dan mengampuni perbuatan-perbuatan dosa yang telah kamu lakukan termasuk keyakinan-keyakinan kamu yang batil (Al-Maraghiy, 2001, h.746-747). Selain itu, menurut kalangan tarekat, ayat-ayat di atas adalah isyarat kepada *rabitah*, kerana perkataan “mengikuti” itu bermaksud melihat yang diikuti, manakala melihat yang diikuti adalah melihat secara fizikal dan nyata, serta adakalanya melihat dalam khayalan (Fuad Said, 2003).

3.7 Rumusan

Perbincangan pada bab ini telah mencapai objektif kedua kajian. Secara kesimpulannya, pelaksanaan zikir yang dilakukan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia adalah dengan menggunakan metod zikir *jahar* dan zikir *khafi*, yang dilakukan setelah selesai solat sunat dan solat wajib. Metod zikir yang lainnya seperti adab berzikir, mengenal hakikat diri dan *rabitah* turut diajarkan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia ketika sesi kuliah diadakan, namun metod tersebut tidak ditekankan kepada pelatih.

Selain itu, metod zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah merupakan jalan terpantas bagi menyucikan dan membersihkan diri baik secara zahir mahupun batin agar ahli zikir sentiasa mengingati Allah SWT. Seterusnya tatacara zikir *jahar* dan zikir *khafi* bermula dari melakukan wudhu dengan sempurna, mendirikan solat, menghadap kiblat, melafazkan *ta'awudz*, melafazkan *basmalah*, bertawassul dengan membaca al-fatihah, beristighfar, membaca selawat ke atas Rasulullah, membaca doa awal zikir, melafazkan zikir *jahar*, membaca selawat *Munjiyat* dan ayat tentang *bai'at*, berdoa,

bertawassul disertai membaca al-fatihah, beristighfar, selawat *Ibrahimiyyah*, doa akhir zikir dan *Tawajjuh* dengan berzikir *khafi*.

Seterusnya terdapat beberapa adab zikir yang disarankan untuk melaksanakan zikir, antaranya lima adab sebelum zikir, dua belas adab ketika berzikir, dan tiga adab selepas melakukan zikir, agar zikir yang dilakukan memperoleh hasil yang baik. Selain itu, keutamaan mengenal hakikat diri adalah mampu membawa ahli zikir untuk mengenali Allah SWT, bahkan mengenal Allah SWT adalah suatu perkara yang bersifat *fardu ain*. Terdapat tujuh *latifah* zikir yang berada di dalam diri manusia, pertama *Latifah al-Qalb*, kedua *Latifah al-Ruh*, ketiga *Latifah as-Sirr*, keempat *Latifah al-Khafi*, kelima *Latifah al-Akhfa*, keenam *Latifah al-Nafs* dan ketujuh *Latifah al-Qalab*.

Selain itu, *rabitah* adalah membayangkan wajah guru semasa berzikir atau perasaan kasih sayang terhadap guru sehingga terbayang dalam khayalan dengan harapan murid tersebut dikasihi Allah SWT kerana mencintai kekasih-Nya. Terdapat enam cara yang harus dilakukan oleh seorang murid untuk melaksanakan *rabitah*, manakala keutamaannya pula adalah menjadikan guru sebagai pembimbing untuk mencapai tingkatan yang sempurna dan sampai kepada Allah SWT, serta meyakini *keberkatan* dan *karomah* yang diperoleh dari limpahan gurunya adalah hakikat dari pancaran Rasulullah SAW.

BAB EMPAT

KESAN ZIKIR TAREKAT QODIRIYAH NAQSYABANDIYAH TERHADAP PEMULIHAN DADAH DALAM KALANGAN REMAJA DI PONDOK REMAJA INABAH (1) MALAYSIA

4.1 Pendahuluan

Bab ini menjelaskan tentang kesan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah terhadap pemulihan dadah dalam kalangan remaja di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Selain itu, perbincangan bab ini tentang kesan zikir terhadap fizikal pelatih, kesan zikir terhadap perilaku pelatih, kesan zikir terhadap perasaan pelatih dan pengaruh metod zikir terhadap kualiti zikir.

4.2 Kesan Zikir Terhadap Fizikal Pelatih

Hasil kajian mendapati bahawa kaedah rawatan zikir yang dilakukan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia memberikan kesan dan perubahan terhadap pelatih yang menjalani rawatan. Kesan yang berlaku dilihat dengan membandingkan keadaan sebelum dan selepas menjalani rawatan zikir. Kesan pertama adalah kesan zikir terhadap fizikal pelatih, yang terbahagi kepada dua iaitu, aspek wajah dan aspek penampilan.

4.2.1 Aspek Wajah

A. Sebelum

Hasil kajian menunjukkan, sebelum pelatih menjalani rawatan zikir, wajah mereka kelihatan kusam, gelap dan pucat. Puncanya, sebelum ini mereka kurang tidur semasa dalam pengaruh dadah. Hal ini sesuai dengan kenyataan Zaidi (temu bual, 3 Oktober

2017) dan Anwar (temu bual, 18 Mac 2018) hasil temu bual di Pondok Remaja Inabah

(1) Malaysia, mereka mengatakan:

“Dulu gelap hitam hangus, muka pucat, sebab tak cukup tidur. Pakai cuci muka apa pun tetap nampak gelap, memang tak ada seri muka” (Zaidi, 3 Oktober 2017).

“Masa dalam pengaruh dadah, muka memang kusam la”
(Anwar, 18 Mac 2018).

Selain itu para pelatih juga, terlihat agak kurus dan susut berat badan sebelum mengamalkan rawatan zikir. Keadaan muka mereka ada yang kelihatan cengkung dan tidak bermaya. Hal ini disebabkan sebelum ini ada dalam kalangan pelatih yang bekerja dan keletihan semasa bekerja. Menurut Zaidi (temu bual, 3 Oktober 2017) dan Anwar (temu bual, 18 Mac 2018) mereka mengatakan:

“Bergantung kepada jenis wajah jugok la, ada susut berat badan, tapi tak terlalu sangat. Tubuh biasa saja, nak kata tak bermaya pun tak juga. Letih mungkin kerja banyak” (Zaidi, 3 Oktober 2017).

“Kalau nak banding dulu dengan sekarang, jauh la dulu tu kurus kering, muka pun cekung” (Anwar, 18 Mac 2018).

B. Selepas

Hasil dari menjalani rawatan zikir menunjukkan, ada dalam kalangan pelatih mengalami perbezaan. Terutamanya dari aspek wajah menampakkan bersih dan cerah setelah mengamalkan rawatan zikir selama empat puluh hari. Perubahan ini berlaku secara tidak sedar. Ada juga ahli keluarga pelatih yang melihat perubahan terhadap pelatih, yang menyatakan wajah pelatih kelihatan berseri-seri. Dapatan ini disokong oleh (Majdi, 2013) beliau mengatakan, dengan mengamalkan zikir dapat mencerahkan wajah serta menampilkan karisma (Majdi, 2013, h.11-12). Berdasarkan hasil temu

bual Zaidi (temu bual, 3 Oktober 2017) dan Anwar (temu bual, 18 Mac 2018) mengatakan:

“Perbezaan tu ada la, cerah. Adik beradik tengok saya, mereka kata seri di muka dan nampak bersih. Itu atas pandangan orang lah. Duduk dalam keadaan normal dan tak normal memang berbeza la. Bersih cerah tu ada la. Biasanya dalam 40 hari mengamalkan zikir, perubahan tu ada. Perubahan tu kadang tak sedar, tau-tau muka dah berubah” (Zaidi, 3 Oktober 2017).

“Lepas amal zikir, memang rasa lain la muka tu, ada perubahan. Bersih tu ada. Lepas 40 hari zikir memang berubah la muka tu” (Anwar, 18 Mac 2018).

Selain itu, wajah pelatih juga kelihatan semakin berisi, segar dan menampilkan keceriaan. Namun perbezaan ini tidak ketara, cuma terlihat sedikit sahaja perubahan yang dialami. Perubahan ini juga terjadi dalam tempoh empat puluh hari setelah menjalani rawatan zikir. Ada dalam kalangan pelatih menyatakan, perubahan ini terjadi disebabkan kesan zikir dan ada juga menyatakan kesan daripada solat tahajud pada malam hari. Mandi taubat juga turut memberi kesan dalam perubahan terhadap wajah pelatih. Menurut Zaidi (temu bual, 3 Oktober 2017) dan Anwar (temubual, 18 Mac 2018):

“Ada la nampak perbezaan sikit, dulu muka keruh, mungkin kerana berkat kita zikir. Dalam 40 hari tu nampak dah perubahan. Bergantung kepada mandi taubat juga. Tu bagi kawe laa, mungkin dengan ore lain dio rasa lain. Mungkin dengan orang lain sebab berkat solat tahajud. Tapi bagi kawe sebab zikir” (Zaidi, 3 Oktober 2017).

“Muka memang berisi la sikit kan, kalau dulu kurus. Perubahan ni ada la, lepas 40 hari amal zikir. Segar lah rasa muka tu” (Anwar, 18 Mac 2018).

4.2.2 Aspek Penampilan

A. Sebelum

Seterusnya dari segi penampilan, ada juga dalam kalangan pelatih yang tetap menjaga penampilan dan berpakaian kemas serta menjaga kebersihan diri semasa dalam pengaruh dadah, namun ada juga yang dahulunya tidak menjaga penampilan dan berpakaian tidak kemas. Hal ini disebabkan ada dalam kalangan pelatih setiap hari mereka berhadapan dengan orang ramai ketika bekerja dan ada juga yang tidak bekerja. Menurut Zaidi (temu bual, 3 Oktober 2017) dan Anwar (temu bual, 18 Mac 2018) hasil temu bual di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, mereka mengatakan:

“Macam biasa, penampilan tetap jaga tidak selekeh. Memang penampilan sebelum ni jaga, berpakaian kemas. Sebab hari-hari bekerja berhadapan dengan orang” (Zaidi, 3 Oktober 2017).

“Penampilan tu memang tak jaga la, selekeh juga. Nak kerja pun malas” (Anwar, 18 Mac 2018).

B. Selepas

Setelah menjalani rawatan zikir yang dianjurkan, terdapat pelatih yang mengakui bahawa penampilan mereka lebih terurus berbanding sebelumnya. Hal ini kerana mereka sudah memilik keinginan untuk menjaga penampilan. Berdasarkan pengalaman, ada dalam kalangan pelatih sebelum ini tetap menjaga penampilan, namun setelah mengamalkan zikir, penampilan lebih terjaga seperti menitikberatkan kebersihan pakaian, merapikan misai dan janggut agar terlihat lebih kemas. Berdasarkan hasil temu bual Zaidi (temu bual, 3 Oktober 2017) dan Anwar (temu bual, 18 Mac 2018) mengatakan:

“Lebih terurus dalam segi penampilan, sebab dalam keadaan normal. Sebelum ni pun tidak ada masalah. Dulu pun jaga kebersihan, tapi sekarang lebih lagi jaga kebersihan. Mungkin dulu smart dalam keadaan pening, mungkin bagi orang kita tak jaga penampilan” (Zaidi, 3 Oktober 2017).


“Dari segi penampilan tu memang lebih kemas la. Ada keinginan nak jaga penampilan. Misai janggut pun potong” (Anwar, 18 Mac 2018).

Hasil kajian juga menunjukkan setelah menjalani rawatan zikir, keadaan tubuh badan pelatih mulai berisi, tegap dan sihat. Selera makan meningkat pada peringkat awal menjalani rawatan zikir iaitu dalam masa sebulan hingga ke dua bulan. Setelah dua bulan menjalani rawatan zikir, tahap selera makan berubah menjadi normal kembali. Terdapat dalam kalangan pelatih menyatakan hal ini terjadi disebabkan sebelum menjalani rawatan zikir, mereka tidak menjaga pemakanan kerana masih dalam pengaruh dadah. Dapatan ini sesuai dengan kajian yang dilakukan oleh (Sabir, 2013) yang menyatakan pelatih yang telah menjalani rawatan zikir akan merasakan tubuh badan mereka menjadi lebih sihat dan cergas (Sabir, 2013, h.123). Hal ini dinyatakan oleh Zaidi (temu bual, 3 Oktober 2017) dan Anwar (temu bual, 18 Mac 2018):

“Naik 20 kg lebih. Masuk Inabah 55 kg, lepas lama amal zikir jadi 75 kg. Tapi sekarang control make la, sebab takut naik berat sangat. Ada berasa tegap la sikit. Cuma mula-mula dalam 1 bulan 2 bulan memang selera naik, tapi lepas lama tu selera normal balik, mungkin dulu sebab makan tak jaga” (Zaidi, 3 Oktober 2017).

“Selera makan tu bertambah, jadi tubuh pun besar la. Makan banyak jugak la awal-awal amal zikir, tapi kalau lama tu makan macam biasa la (Anwar, 18 Mac 2018).

Tambahan pula, gerakan zikir juga merupakan olahraga jantung dan paru-paru sampai terasa lelah, sehingga nafsu makan bertambah (Burhanuddin, 2003, h.283-284). Selain itu, kesan positif ini dapat dilihat dalam tempoh satu bulan lebih dan keadaan ini disebabkan semasa menjalani rawatan zikir pelatih bebas daripada pengaruh dadah. Terdapat juga dalam kalangan pelatih menyatakan perubahan ini terjadi disebabkan kesan mengamalkan zikir. Menurut Su'dan (1987), amalan zikir pendekatan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah mampu menyebabkan pengamalannya memperoleh kesihatan otak, jantung, hati, paru-paru, usus dan lain-lainnya. Secara tidak langsung, menjadikan badan sihat dan otak cerdas (Su'dan, 1987, h.32). Hal ini dialami oleh Zaidi (temu bual, 3 Oktober 2017) dan Anwar (temu bual, 18 Mac 2018), menurut mereka:



“Sebulan tu nampak dah perubahan, stop ambik barang meme nampak perubahan. Kemungkinan ada berkat zikir. Sebelum ni pun pernah berhenti tanpa belajar zikir ada perubahan juga. Cuma mungkin sekarang ada perubahan dengan berkat zikir, sebab lagi banyak perubahan” (Zaidi, 3 Oktober 2017).

“Perubahan tu ada banyak juga, lepas 40 hari amal zikir” (Anwar, 18 Mac 2018).


4.3 Kesan Zikir Terhadap Perilaku Pelatih

Seterusnya kesan yang kedua pula yang diteliti oleh penyelidik ialah kesan zikir terhadap perilaku pelatih. Kesan ini terbahagi kepada dua iaitu aspek tingkah laku terhadap sekeliling dan aspek amalan ibadah. Kajian juga dilakukan dengan membandingkan keadaan sebelum dan selepas menjalani rawatan zikir.

4.3.1 Aspek Tingkah Laku Terhadap Sekeliling

A. Sebelum

Hasil kajian mendapati bahawa, sebelum pelatih menjalani rawatan zikir di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, mereka terlihat lebih agresif dari segi tingkah laku terhadap sekeliling. Situasi ini berlaku kerana ada beberapa pelatih yang bergaduh antara satu sama lain, namun pergaduhan tersebut masih mampu dikawal dan dileraikan oleh pelatih lain. Selain itu, terdapat juga dalam kalangan pelatih menunjukkan sikap yang tertutup dan ada ketika lebih mementingkan diri sendiri. Hal ini turut dinyatakan oleh Omar (temu bual, 4 Oktober 2017) dan Azam (temu bual, 18 Mac 2018) hasil temu bual di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, mereka mengatakan:



“Suka bergaduh, tapi jarang la. Ada la agresif tu. Sikap terbuka tu tak banyak sangat, ada la jugak penting diri sendiri la kan” (Omar, 4 Oktober 2017).

“Tak mau bergaul sangat baru-baru ni. Malas, buat hal masing-masing. Selisih faham tu ada sikit” (Azam, 18 Mac 2018).

Tambahan pula, ketika tetamu luar datang untuk mengunjungi Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, pelatih menunjukkan sikap yang lebih mendiamkan diri dan tidak bergaul dengan tetamu. Hakikatnya, keinginan untuk bergaul dan beramah-mesra dengan para tetamu itu tetap ada, akan tetapi pelatih merasa rendah diri dan segan. Sebelum menjalani rawatan zikir juga, pelatih menyatakan mereka sebenarnya kurang bergaul dengan masyarakat luar dan hanya bergaul dengan sesama mereka sahaja. Situasi ini sesuai dengan kenyataan Omar (temu bual, 4 Oktober 2017) dan Azam (temu bual, 18 Mac 2018) :

“Banyak mendiam diri, nak sembang tapi tak biasa, keinginan nak bergaul tu ada, tapi tak reti, sebab segan tu ada juga laa. Mungkin la kan, sebab sebelum ni ada rasa rendah diri. Tak boleh nak bergaul dengan masyarakat luar. Dulu bergaul dengan geng satu kepala ja, sebab nak seronok” (Omar, 4 Oktober 2017).

“Tetamu mari tu cakap sikit-sikit ja. Malu juga, kita kan bekasan penagih. Segan pun ada. Tak tau nak cakap apa” (Azam, 18 Mac 2018).

Jelasnya, sebelum menjalani rawatan zikir, pelatih mempunyai sikap yang kurang menghormati terhadap sesama pelatih dan pembimbing. Keadaan ini berlaku kerana mereka beranggapan semua yang berada di Pondok Remaja Inabah adalah manusia yang sama, serta mereka mengakui masih belum saling mengenali antara satu sama lain. Menurut Omar (temu bual, 4 Oktober 2017) dan Azam (temu bual, 18 Mac 2018):

“Mula-mula memang tak dak rasa hormat la, sebelum amal zikir. Ada juga hormat tapi tak banyak la. Dulu lain laa. Anggap sama ja dia manusia aku manusia, buat apa nak hormat” (Omar, 4 Oktober 2017).

“Ada hormat tapi tak banyak, baru lagi, tak kenal sangat” (Azam, 18 Mac 2018).

B. Selepas

Hasil dari menjalani rawatan zikir menunjukkan bahawa, pelatih lebih bersabar dan mampu mengawal sikap dalam menghadapi beberapa situasi di Pondok Remaja Inabah. Mereka juga menyatakan setelah mengamalkan zikir, mereka mampu mengawal tingkah laku. Selain itu, mereka juga memperlihatkan beberapa sikap yang positif, antaranya lebih bersikap peramah dan senang bergaul sesama pelatih dan pembimbing. Sikap bertolak ansur juga ditunjukkan oleh mereka apabila mereka mampu melakukan gotong-royang dalam membersihkan kawasan Pondok Remaja

Inabah, malahan mereka juga menunjukkan sikap tolong-menolong antara satu sama lain tanpa perasaan iri hati dan dengki dan turut serta dalam kegiatan kemasyarakatan seperti program ceramah, tahlil dan solat jenazah. Hal ini turut dinyatakan oleh Omar (temu bual, 4 Oktober 2017) dan Azam (temu bual, 18 Mac 2018):

“Lepas zikir boleh kawal laa. Bersabar tu boleh la, banyak la boleh sabar. Ada la rasa sikap macam tu. Macam bertolak ansur pun ada. Gotong-royong kita buat ramai-ramia la noh, tolong-menolong” (Omar, 4 Oktober 2017).

“Sikap positif memang nampak. Mudah bergaul dan tolak asur pun ada juga. Kalau ada program kita saling bantu. Tak kira mana. Alhamdulillah sabar tu mari lepas zikir” (Azam, 18 Mac 2018).

Tambahan pula, setelah mengamalkan zikir, para pelatih mampu menerima tetamu yang datang dari luar dengan senang hati. Malahan mereka menunjukkan sikap yang peramah dan mudah bergaul, serta bertanya tentang isu semasa kepada tetamu yang datang. Mereka juga sudah menunjukkan sikap yang berani untuk menghadapi masyarakat setempat, malahan jika ada pihak akhbar dan para pelajar ingin melakukan temu bual untuk mendapatkan maklumat berkaitan pemulihan zikir di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, mereka dapat memberikan kerjasama dengan baik. Hal ini kerana, pelatih memaksakan diri mereka untuk menjadi normal kembali. Menurut Omar (temu bual, 4 Oktober 2017) dan Azam (temu bual, 18 Mac 2018):

“Seronok kalau tetamu datang. Boleh sembang-sembang dengan depa tanya berita luar, sebab duk dalam ni kita tak tau berita luar. Ada berani la berhadapan dengan masyarakat setempat. Kita paksa diri kita jadi normal balik” (Omar, 4 Oktober 2017).

“Tetamu mari rasa suka. Banyak berbual. Mudah bagi kerjasama juga kalau ada orang datang nak tanya pasal Inabah” (Azam, 18 Mac 2018).

Sikap hormat-menghormati dalam kalangan para pelatih terhadap pembimbing dan sesama pelatih juga ditunjukkan oleh mereka. Hal ini kerana mereka memperlihatkan sikap yang lebih matang dalam pergaulan. Mereka hidup dalam suasana yang rukun dan damai seperti sebuah keluarga, yang tua dihormati dan yang muda disayangi. Namun pergaduhan sesama pelatih tetap berlaku dalam Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, akan tetapi bergaduh berlaku hanya seketika sahaja. Hal ini kerana setelah selesai solat mereka akan tetap bersalaman antara satu sama lain. Menurut Omar (temubual, 4 Oktober 2017) dan Azam (temu bual, 18 Mac 2018):

“Ada rasa hormat, jadi tengok juga la. Kalau orang hormat kat kita, kita hormat balik. Ada la hidup macam adik beradik. Yang tua dihormati, yang muda disayangi. Duk dalam ni bergaduh pun tetap bersalam juga lepas solat. Kalau gaduh pun sat-sat jah laa” (Omar, 4 Oktober 2017).

“Hormat jugak. Kadang-kadang gaduh juga, tapi kejap je. Duk dalam ni nak gaduh macam mana sangat, lepas sembahyang pun kena bersalam juga” (Azam, 18 Mac 2018).

Selain itu, setelah menjalani rawatan zikir di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, pelatih juga menyatakan keinginan untuk memperbaiki akhlak agar lebih baik lagi seperti berbudi pekerti mulia, menjadi seorang yang bertanggungjawab dan berdisiplin. Walau bagaimanapun, mereka mengakui untuk melakukan secara mendadak adalah di luar kemampuan mereka memandangkan mereka masih dalam proses pembelajaran. Kebanyakan pelatih yang mengalami perubahan sikap yang positif setelah mengamalkan zikir selama empat puluh hari. Hal ini turut dinyatakan oleh Omar (temu bual, 4 Oktober 2017) dan Azam (temu bual, 18 Mac 2018):

“Benda kebaikan tu nampak la, kita rasa nak buat. Cuma dalam proses. Dulu tak da rasa nak jadi perilaku mulia. Ada keinginan nak baiki akhlak. Dalam 40 hari tu perubahan. Keinginan tu ada, Cuma nak buat mendadak tu tak mampu la” (Omar, 4 Oktober 2017).

“Cuba belajar jadi orang baik. Lepas 40 hari memang ada rasa nak jadi orang baik. Kesedaran tu mari sendiri” (Azam, 18 Mac 2018).

Hal ini sesuai dengan kenyataan Ahmad Sohibulwafa (1983), beliau mengatakan, dengan melalui *zkrullah* (zikir kepada Allah) maka kemudian menjelmalah akhlak yang baik, kerana adanya satu kesatuan antara zikir yang diucapkan dengan zikir yang diingatkan. Perkara itu dapat memancarkan kebulatan tekad dan keteguhan iman tauhid, rasa insaf dan menyerah diri kepada Allah SWT (Ahmad Sohibulwafa, 1983, h.12).

4.3.2 Aspek Amalan Ibadah

A. Sebelum

Hasil kajian dari aspek amalan ibadah pula mendapati bahawa sebelum pelatih mengamalkan rawatan zikir di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, mereka mengatakan malas untuk menunaikan solat fardu. Hal ini kerana sebelum menjalani rawatan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, mereka dalam pengaruh dadah dan fikiran mereka tidak stabil. Hal ini dinyatakan oleh Omar (temu bual, 4 Oktober 2017) dan Azam (temu bual, 18 Mac 2018) hasil temu bual di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, mereka mengatakan:

“Malas nak solat. Buat-buat jugak tapi jarang la. Ikut mood la nak solat tu” (Omar, 4 Oktober 2017).

“Solat tu solat, tapi macam tu lah. Rasa nak solat... baru solat” (Azam, 18 Mac 2018).

Ketika peringkat awal menjalani rawatan zikir di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia pula, mereka dilihat agak malas dan terpaksa untuk menunaikan solat, namun mereka

tetap memasuki masjid lebih awal iaitu semasa para pelatih yang lain membaca selawat di dalam masjid. Mereka menyatakan perasaan malu jika tidak memasuki masjid sebelum azan dimulai, kerana melihat pelatih *senior* (pelatih lama) yang memasuki masjid lebih awal dari mereka. Menurut Omar (temu bual, 4 Oktober 2017) dan Azam (temu bual, 18 Mac 2018):

“Malu sebab orang lama naik, jadi kita pun naik la surau. Time orang selawat tu kita naik” (Omar, 4 Oktober 2017).

“Kadang naik pun terpaksa. Masa selawat naik la” (Azam, 18 Mac 2018).

Selain itu, pelatih juga dilihat sukar untuk bangun pada awal pagi bagi melaksanakan mandi taubat. Mereka juga menyatakan, terpaksa untuk bangun pada awal pagi dan malu terhadap pelatih *senior*, kerana mereka sentiasa dipaksa untuk bangun pagi oleh pelatih *senior* bagi melakukan mandi taubat. Tambahan juga, mereka turut menyatakan, solat tahajud yang dilaksanakan pada awal pagi hanyalah untuk melengkapkan jadual program di Pondok Remaja Inabah sahaja tanpa kerelaan hati. Hal ini dinyatakan oleh Omar (temu bual, 4 Oktober 2017) dan Azam (temu bual, 18 Mac 2018):

“Dulu malas nak bangun mandi taubat, tapi sebab malu. Dulu memang ada orang paksa jadi nak bangun tu. Dulu pun naik jugak solat tahajud, cuma hanya ikut-ikutan” (Omar, 4 Oktober 2017).

“Susah juga nak bangun pagi kalau baru-baru ni. Tapi dah orang lain bangun, kita kena bangun jugak lah” (Azam, 18 Mac 2018).

Di samping itu, pada peringkat awal menjalani rawatan zikir, mereka dilihat tetap membaca al-Quran di masjid, namun mereka hanya membaca al-Quran semasa

datangnya keinginan untuk melakukan kebaikan, iaitu ketika ingin sedekahkan bacaan al-Quran kepada ibu bapa. Pada peringkat awal proses rawatan zikir iaitu dalam tempoh 40 hari, mereka dilihat masih belum bersemangat dan mengantuk semasa menghadiri kelas fardu ain dan kelas agama di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Menurut Omar (temu bual, 4 Oktober 2017) dan Azam (temu bual, 18 Mac 2018):

“Ada rasa nak baca quran tu, ikut mood. Biasa jah. Rasa nak sedekah ke orang tua kita mengaji. Memang ada rasa macam tu la. Sebab paksa dalam 40 hari” (Omar, 4 Oktober 2017).

“Malas juga nak baca quran. Time rajin baca lah. Tak ada semangat” (Azam, 18 Mac 2018).

B. Selepas

Hasil kajian mendapati bahawa, setelah pelatih menjalani rawatan zikir, mereka dilihat lebih rajin untuk menunaikan solat fardu dan solat sunat. Mereka menyatakan tubuh terasa ringan untuk melaksanakan solat di masjid. Selain itu, mereka juga menunjukkan sikap yang lebih bersemangat untuk melakukan ibadah. Ada dalam kalangan pelatih yang memasuki masjid lebih awal sementara menunggu azan solat fardu, sambil berselawat bersama pelatih yang lain. Mereka juga menyatakan mereka sudah mampu mendisiplinkan diri untuk memasuki masjid lebih awal. Hal ini juga dinyatakan oleh, Ahmad Sohibulwafa (1983) beliau mengatakan, orang-orang yang selalu ingat kepada Allah SWT, akan mengalami ketekunan dalam melakukan ibadah, khususnya ibadah solat (Ahmad Sohibulwafa, 1983, h.16). Menurut Omar (temu bual, 4 Oktober 2017) dan Azam (temu bual, 18 Mac 2018) dalam temu bual, mereka mengatakan:

“Ada rasa ringan la, nak solat, jadi mudah la. Semangat la nak pi awal, sebab kita dah set kita nak solat awal. Selawat sekali” (Omar, 4 Oktober 2017).

“Boleh disiplin la. Ada kesungguhan sikit. Nak selawat sekali. Maknanya boleh la solat sunat tuhh” (Azam, 18 Mac 2018).

Tambahan pula, para pelatih juga dilihat lebih mudah untuk bangun pada awal pagi bagi melaksanakan mandi taubat. Mereka sudah mampu mendisiplinkan diri untuk bangun pada awal pagi. Ada dalam kalangan mereka menyatakan, jika dahulu terasa sukar untuk bangun pada awal pagi disebabkan belum terbiasa dengan keadaan air yang sejuk, malahan mereka menyatakan disebabkan pengaruh zikir yang diamalkan, mereka mampu untuk mendisiplinkan diri. Dapatan ini disokong oleh kenyataan (Majdi, 2013) beliau mengatakan, dengan mengamalkan zikir dapat membangunkan hati dari tidur yang lena dan membangkitkannya dari rasa mengantuk (Majdi, 2013, h.18). Hal ini dinyatakan oleh Omar (temu bual, 4 Oktober 2017) dan Azam (temu bual, 18 Mac 2018) dalam temu bual, beliau mengatakan:

“Mudah nak bangun pagi, dulu berat sebab tak biasa, lani dapat mendisiplin diri. Salah satu sebab zikir. Dulu nak mandi jadi sejuk, lani dah jadi biasa dah” (Omar, 4 Oktober 2017).

“Mungkin sebab zikir jadi mudah nak bangun. Lama-lama sejuk tu hilang. Dulu malas” (Azam, 18 Mac 2018).

Selain itu, mereka dilihat lebih kerap untuk membaca al-Quran. Kebiasaannya mereka akan membaca al-Quran bersama-sama selepas Maghrib, namun ada ketika mereka juga dilihat masih malas untuk membaca al-Quran. Setelah mengamalkan zikir selama empat puluh hari, mereka menunjukkan sikap yang lebih bersemangat untuk menghadiri kelas Fardu Ain dan kelas agama, namun ada dalam kalangan pelatih yang masih menunjukkan sikap yang malas untuk menghadiri kelas. Hal ini kerana mereka

masih belum mampu mengawal sikap malas tersebut. Menurut Omar (temu bual, 4 Oktober 2017) dan Azam (temu bual, 18 Mac 2018):

“Ada rasa rajin la, ada jugak rasa nak terlintas nak baca quran. Tapi tengok mood jugak la. Kebiasaannya lepas maghrib la baca quran. Semangat tu ada la. Tak sepenuhnya kadang-kadang mai malas pun ada. Tengok keadaan la” (Omar, 4 Oktober 2017).

“Lepas Maghrib baca al-Quran. Kadang malas tak baca juga. 40 hari ada perubahan. Tapi lani rajin la dari dulu” (Azam, 18 Mac 2018).

Selain itu, mereka juga menyatakan adanya kenikmatan dan kemanisan dalam melakukan kegiatan ibadah, setelah menjalani rawatan zikir. Pelatih juga merasakan sayang untuk meninggalkan ibadah rutin yang dilakukan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Berdasarkan pemerhatian juga, mereka telah menunjukkan sikap yang telah insaf serta menyedari akan kesalahan masa lalu, dan program rawatan pemulihan juga dilakukan dengan pasrah dan bersemangat. Hal ini juga di sokong oleh dapatan Sabir (2013), beliau mengatakan, pelatih merasa insaf dengan segala kesalahan yang telah dilakukan dan memperbanyakkan amalan ibadah sebagai tanda keinsafan atas kesalahan yang telah dilakukan (Sabir, 2013, h.125). Menurut Omar (temu bual, 4 Oktober 2017) dan Azam (temu bual, 18 Mac 2018) dalam temu bual beliau mengatakan:

“Alhamdulillah ada rasa nikmat la dalam buat ibadah. Makno nyo dulu dan lani tu lain la. Kalau mari rasa sayang nak tinggal amal ibadah tu sayang la” (Omar, 4 Oktober 2017).

“Rasa sedap la nak beramal tu. Sayang juga nak tinggal. Ada perubahan orang kata. Dulu memang malas la. Tak da semangat” (Azam, 18 Mac 2018).

Di samping itu, dapatan ini juga disokong oleh kenyataan (Majdi, 2013) beliau mengatakan, zikir kepada Allah SWT merupakan cara yang dapat membantu seorang hamba dalam menjalankan ketaatan kepada Allah SWT. Hal ini amat disukai oleh seorang hamba, memudahkannya, memberikan kenikmatan dan menjanjikan kenikmatan di depannya (Majdi, 2013, h.24).

4.4 Kesan Zikir Terhadap Perasaan Pelatih

Seterusnya kesan yang diteliti oleh penyelidik ialah kesan zikir terhadap perasaan pelatih. Hasil dapatan ini diperoleh dengan membandingkan keadaan sebelum dan selepas menjalani rawatan zikir di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Kesan ini dibahagi kepada tiga, iaitu dari aspek emosi, aspek ingatan kepada Allah SWT dan aspek ketagihan dadah.

4.4.1 Aspek Emosi

A. Sebelum

Berdasarkan aspek emosi, hasil kajian mendapati bahawa sebelum menjalani rawatan zikir keadaan emosi pelatih dalam keadaan tidak stabil, namun tidak sampai ke tahap kemurungan. Pelatih menyatakan sebelum ini banyak memikirkan tentang masa hadapan memandangkan pelatih masih mempunyai kerjaya. Sesuai dengan kenyataan Zaidi (temu bual, 3 Oktober 2017) dan Fakrulddin (temu bual, 18 Mac 2018) hasil temu bual di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, mereka mengatakan:

“Emosi tak stabil, kita rasa stabil, tapi hakikat tak stabil. Kemurungan tu tak juga, cuma banyak pikir pasal masa depan. Sebab dalam keadaan saya meniaga. Banyak pikir pasal nak bayar hutang” (Zaidi, 3 Oktober 2017).

“Kalau nak kira dulu emosi tak stabil. Tak ada la sampai tahap murung” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

Selain itu, pelatih juga ada mengalami tekanan semasa dalam pengaruh dadah sebelum menjalani rawatan zikir. Tidak dinafikan, sebahagian dari pelatih yang datang menerima rawatan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia ini atas dasar terpaksa dan ada juga yang datang dalam keadaan sukarela dengan kehendak hati untuk berubah. Hal ini diakui oleh Zaidi (temu bual, 3 Oktober 2017) dan Fakrulddin (temu bual, 18 Mac 2018):

“Ada jugok la stress tu sebab dalam pengaruh dadah. Tidak ada paksaan nak masuk Inabah, memang kehendak hati nak berubah 100%” (Zaidi, 3 Oktober 2017).

“Terpaksa la mari sini kan. Tu tertekan sikit tu kalau awal-awal, campur dengan pengaruh dadah” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

Tambahan pula, sebelum menjalani rawatan zikir, ada dalam kalangan pelatih yang mengalami gejala mudah marah. Walau bagaimanapun, mereka tidak mengalami emosi yang mudah sensitif. Hal ini kerana mereka masih dapat mengawal amarah mereka dan bergantung pada situasi tersebut. Emosi negatif seperti berperasangka buruk terhadap pembimbing, ternyata tiada dalam kalangan pelatih memandangkan ada yang datang dengan niat untuk mengubati diri sendiri. Dari hasil temu bual, Zaidi (temu bual, 3 Oktober 2017) dan Fakrulddin (temu bual, 18 Mac 2018) berpendapat:

“Meme kuat marah, tapi bertempat la. Nak kata sensitif tu tak jugak, tengok pada kejadian jugok la. Tak dok, meme mari dalam keadaan niat nak berubat, tak dok rasa berperasangka buruk pun” (Zaidi, 3 Oktober 2017).

“Cepat marah, mudah marah. Tapi kita boleh kawal juga. Tak ada perasangka buruk pun. Sebab kita tahu kita ni pelatih.”

Macam mana pun kena ikut arahan” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

B. Selepas

Hasil kajian mendapati bahawa, setelah menjalani rawatan zikir, keadaan emosi pelatih lebih stabil serta mampu mengawal kemarahan dan lebih bersikap penyabar. Hal ini disebabkan pelatih mengingati kalimat zikir “*Laa ilaha illallah*” semasa berperasaan amarah, lalu perasaan kembali menjadi normal. Setiap masalah yang dialami oleh mereka juga mampu dikongsi bersama dan mereka dapat bergurau antara satu sama lain, serta sikap mereka lebih prihatin, terbuka dan mesra. Mereka juga dilihat sudah dapat menerima nasihat daripada pembimbing. Hal ini diakui oleh Zaidi (temu bual, 3 oktober 2017) dan Fakrulddin (temu bual, 18 Mac 2018) dalam temu bual, mereka mengatakan:

“Ada la perubahan stabil, makna kalau ada benda nak marah tu, tak jadi nak marah sebab ingat kalimat zikir, Lailahaiillah. Bagi kawe loni, open blako, kalau ada masalah boleh kongsi, maknanya mesro rakyat la. Haha. Tempat kita boleh gura kita gura, tempat serius kita serius. Dulu pun tak dok masalah boleh jah dengar nasihat, cuma loni lebih lagi kita boleh dengar nasihat ore. Ada perubahan la boleh kawal emosi. Ada la sabar tu” (Zaidi, 3 Oktober 2017).

“Bila nak marah ingat zikir, tak jadi nak marah. Perubahan tu ado. Boleh sabar lah sikit. Boleh gaul molek sama-sama kita nih. Jadi boleh kawal emosi tu” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

Selain itu, raut wajah pelatih juga dilihat lebih tenang kerana berjaya mengawal tekanan. Pengaruh zikir begitu memberi kesan terhadap fikiran dan juga tindakan. Pelatih juga menyatakan setelah mengamalkan zikir, mereka hanya memikirkan untuk

memulihkan diri dari pengaruh najis dadah dan berasa selesa tinggal di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Mereka juga dilihat semakin bersemangat dalam berzikir. Hal ini juga selari dengan dapatan kajian Sabir (2013), beliau mengatakan pelatih mengalami perubahan emosi secara berperingkat-peringkat. Perubahan ini berlaku apabila mereka dapat mengikuti metod dan menghafal zikir yang telah ditetapkan. Pelatih juga menyatakan emosi lebih tenang selepas dapat menghafal amalan zikir yang telah ditetapkan (Sabir, 2013, h.121). Menurut Zaidi (temu bual, 3 Oktober 2017) dan Fakrulddin (temu bual, 18 Mac 2018) dalam temu bual, mereka mengatakan:

“Hilang. Kehidupan manusia normal la stress. Cuma lepas amal zikir, boleh kawal stress tu. Dulu mikir pasal kehidupan dunia. Loni pikir nak majukan diri. Jadi tak kisah pun duk sini lama mana di sini. Memang nak berubah dari dulu sejak masuk Inabah lagi. Sedap la, rasa tenang. Maknanya zikir tak dok main-main, zikir pun semangat” (Zaidi, 3 Oktober 2017).

“Tenang...lega sero. Boleh kawal diri. Perasaan nak baiki diri tu semakin ada lah. Dulu meme rasa terpaksa, bila lama tu selesa tinggal di sini” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa, setelah menjalani rawatan zikir, pelatih dapat membentuk emosi yang lebih positif. Mereka lebih berkeinginan untuk melakukan kebajikan dan kebaikan memandangkan fikiran mereka kembali normal tanpa adanya pengaruh dadah serta dapat menilai baik buruk sesuatu perkara. Mereka juga menjadi lebih matang dalam berfikir. Tambahan pula, perubahan emosi yang positif terjadi dalam masa sebulan setelah menjalani rawatan zikir. Walau bagaimanapun, adakalanya emosi tersebut kembali menjadi negatif, namun emosi tersebut dapat dikawal oleh pelatih. Hal ini dialami oleh Zaidi (temu bual, 3 Oktober

2017) dan Fakrulddin (temu bual, 18 Mac 2018), dalam temu bual mereka mengatakan:

“Semangat nak buat kebajikan tu ada. Banyak terlintas nak buat kebaikan, dulu banyak fikir nak buat jahat. Sebab boleh fikir waras la. Loni kita boleh fikir positif la. Sama jah dalam sebulan, maknanya dalam sari-sari tu ada perubahan. Kadang-kadang ada perubahan positif, pastu turun balik, lepas tu naik balik positif tu, sebab boleh fikir benda baik dan buruk” (Zaidi, 3 Oktober 2017).

“Ada perubahan. Lepas sebulan rasa nak buat baik tu mari. Mungkin sebab tak dok pengaruh dadah, tu boleh fikir waras tuh. Nak kata matang tu, masih lagi belajar nak baiki diri. Orang lain jah lah boleh nilai kito ni” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

Jelaslah di sini bahawa, manusia yang mengharapkan rahmat Allah SWT dengan mengamalkan zikir kepada-Nya, maka mereka akan terhindar daripada melakukan kesalahan akibat dari kerasnya hati, serta terhindar dari sifat *amarah* (Ahmad Sohibulwafa, 1983, h.17). Tambahan pula, dengan mengamalkan zikir juga dapat melembutkan hati manusia sehingga hati manusia dapat melihat kebenaran dan bersedia mengikut dan menerima kebenaran itu (Mohammad Ghazali, 1996, h.162).

4.4.2 Aspek Ingatan Kepada Allah

A. Sebelum

Hasil kajian menunjukkan bahawa, sebelum menjalani rawatan zikir, pelatih merasakan diri jauh dari agama. Hal ini kerana sebelum menjalani proses *talkin* zikir dan mengamalkan zikir, jiwa mereka kosong dan terkadang perasaan menjadi gelisah. Mereka juga menyatakan perasaan gelisah itu sebenarnya muncul akibat dari jiwa yang kosong tanpa mengingati Allah SWT. Hal ini terjadi kerana mereka tidak

memiliki tujuan hidup yang jelas, dan hanya mencari wang untuk memiliki dadah sahaja. Hal ini dinyatakan oleh Saifuddin (temu bual, 5 Oktober 2017) dan Fakrulddin (temu bual, 18 Mac 2018) hasil temu bual di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, mereka mengatakan:

“Memang banyak perbezaan antara orang yang berzikir dengan orang yang tak berzikir, bila kita tak berzikir, akan resah gelisah, seolah-olah jiwa kita kosong. Kita tak tau apa yang kita cari sebenarnya dalam hidup ni. Apa yang dicari duit ubat, ubat duit” (Saifuddin, 5 Oktober 2017).

“Kalau dulu memang gelisah lah. Jiwo kosong tak tau gapo nok. Jauh la, sebab kita ambik bare. Nak hidup normal tapi tak tahu macam mana. Mungkin sebab tak amal zikir” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

Selain itu, mereka juga mengakui bahawa sebelum mengamalkan zikir, jiwa mereka tidak merasai ketenangan walaupun memiliki wang dan hidup dalam kemewahan. Tambahan pula, pelatih turut mengatakan bahawa, sebelum mengamalkan zikir di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, perasaan mereka sering lupa kepada Allah SWT semasa dalam pengaruh dadah. Namun adakalanya perasaan ingat kepada Allah SWT itu muncul ketika melihat sahabat-sahabatnya meninggal akibat ketagihan dadah. Menurut Saifuddin (temu bual, 5 Oktober 2017) dan Fakrulddin (temu bual, 18 Mac, 2018):

“Memang jiwa tak tenang, ada duit dan hidup dalam kekayaan pun tak tenang. Ada masa kita ingat ada masa kita lupa, bila terlihat kawan mati baru ingat Allah SWT, bila dalam pengaruh dadah jadi lupa pada Allah SWT” (Saifuddin, 5 Oktober 2017).

“Nak tenang macam mana, kita duduk dalam pengaruh dadah kan. Duit ada tak tenang jugok. Lupa tu meme ado, sebab duk ingat ko bare jah” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

Tambahan lagi, pelatih turut menyatakan bahawa semasa dalam pengaruh dadah, fikiran mereka hanya memikirkan tentang keseronokan dunia dan nafsu sahaja, iaitu melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan agama Islam seperti, menagih dadah, minum minuman keras dan berjudi. Menurut Saifuddin (temu bual, 5 Oktober 2017) dan Fakrulddin (temu bual, 18 Mac 2018):

“Banyak fikir yang negatif, tentang keseronokan dunia. Melakukan benda yang tak sepatutnya dalam beragama Islam, contoh, dadah, mabuk dan judi” (Saifuddin, 5 Oktober 2017).

“Kalau dulu meme fikir nok buat jahat la. Tak fikir pasal agama dah. Caro ko nok sedap jah nafsu jah” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

B. Selepas

Setelah menjalani rawatan zikir, pelatih menyatakan bahawa, diri semakin dekat dengan agama Islam dan Allah SWT. Pelatih merasakan segala perbuatannya dilihat, didengar, dipandang dan diketahui oleh Allah SWT, seolah-olah berada dalam pengawasan Allah SWT. Dapatan ini disokong oleh kenyataan (Majdi, 2013) beliau mengatakan, dengan mengamalkan zikir dapat memunculkan sikap *muraqabah* (pengawasan) dan membawanya menuju pada pintu ihsan, lalu dia akan beribadah kepada Allah SWT dengan seolah-olah melihat-Nya (Majdi, 2013, h.12). Selain itu, pelatih juga menyatakan, semakin kerap merasakan ketenangan setelah banyak berzikir. Hal ini juga mempengaruhi mereka dalam menghadapi sesuatu masalah. Jika dahulunya mereka menghadapi sesuatu masalah dengan keluh kesah, namun kini mereka mampu menyelesaikannya dengan ketenangan yang dialami dan menganggap masalah tersebut merupakan suatu ujian dari Allah SWT. Hal ini juga, sesuai dengan kenyataan Burhanuddin (2003), beliau mengatakan, setelah mengamalkan zikir

tumbuhnya keteguhan jiwa, berani menghadapi masalah dan segala cabaran hidup, karena memiliki anggapan bahawa dunia bersifat sementara (Burhanuddin, 2003, h.283-284). Menurut Saifuddin (temubual, 5 Oktober 2017) dan Fakrulddin (temu bual, 18 Mac 2018) dalam temu bual, mereka berpendapat:

“Merasakan diri kita ni dilihat, didengar, dipandang, diketahui oleh Allah SWT seolah-olah berada dalam satu pengawasan, dan jiwa kita semakin banyak zikir, semakin banyak ketenangan. Kalau dulu masalah dunia hadapi dengan keluh kesah, bila dengan zikir, kita dapat hadapi masalah dengan ketenangan, sebab anggap benda semua ni adalah ujian” (Saifuddin, 5 Oktober 2017).

“Dekat dengan agama, rasa dalam pantauan Allah SWT. Orang kata gak banyak zikir makin tenang lah. Kalau lani boleh selesai masalah mari tu. Berkat zikir” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

Jelaslah di sini, dengan mengamalkan zikir seorang hamba mampu merasakan kehadiran Allah SWT di dalam *qalburnya* dan setiap gerak gerinya (Abu Zein, 2015, h.209). Selain itu, pelatih menyatakan, ketenangan tersebut dapat dirasakan pada fikiran dan perasaan. Tambahan pula, pelatih menyatakan jika terus dalam pengamalan zikir, mereka mampu menghadapi perasaan gelisah dan perasaan tidak tenang. Selain itu, pelatih juga menyatakan bahawa, setelah mengamalkan zikir, muncul perasaan selalu mengingati Allah SWT, namun adakalanya kuat dan lemah, sesuai dengan amalan zikir yang dilakukan. Menurut Burhanuddin (2003) setelah mengamalkan zikir, hilangnya rasa resah, gelisah dan khawatir (Burhanuddin, 2003, h.283-284). Hal ini diakui oleh Saifuddin (temu bual, 5 Oktober 2017) dan Fakrulddin (temu bual, 18 Mac 2018) dalam temu bual, mereka mengatakan:

“Ada rasa tenang banyak, la kan, dari segi pemikiran, perasaan tenang. Kalau kita zikir, kita akan rasa tenang, kalau kita terus pengamalan kita rasa tenang, kadang ada rasa tak tenang, tapi dapat dihadapi dengan zikir. Perasaan tu ingat

kepada Allah SWT tu ada la, naik turun naik turun”
(Saifuddin, 5 Oktober 2017).


“Kadang tu ada juga perasaan gelisah tak tenang, tapi bila kito banyak zikir, perasaan tu jadi tenang balik. Ingat ke Allah SWT tu memang ada bila zikir” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

Pelatih juga menyatakan setelah menjalani rawatan zikir, perasaan cinta dan rindu kepada Allah SWT begitu mendalam di hati mereka. Dapatan ini disokong oleh kenyataan (Majdi, 2013) beliau mengatakan, orang yang rajin berzikir atau mengingati Allah SWT, dia akan dekat dengan yang diingatnya, iaitu Allah SWT yang akan sentiasa bersamanya, iaitu bersama dengan penuh perlindungan, cinta kasih dan pertolongan (Majdi, 2013, h.18). Selain itu, dapatan ini juga sesuai dengan kenyataan Ahmad Sohibulwafa (1983), beliau mengatakan hati yang penuh dengan kalimah Allah SWT dalam mengamalkan zikir, jantungnya berdetak diikuti irama kebesaran dan keagungan Ilahi, ingatannya bersyukur memuji Allah SWT, kehidupan seluruhnya diabdikan kepada Allah SWT, maka menjelmalah dia menjadi peribadi makhluk yang dihiasi dengan sifat-sifat yang terpuji, menyatakan rasa cinta (*mahabbah*) kepada Allah SWT khususnya dan rasa sayang kepada sesama manusia dan alam semesta pada umumnya. (Ahmad Sohibulwafa, 1983, h.16). Selain itu, mereka juga sudah mampu bermuhasabah diri, bertaubat dari segala kesalahan yang pernah dilakukan sebelum ini supaya dapat membersihkan hati dan jiwa, agar keimanan dapat ditingkatkan lagi. Hal ini dinyatakan oleh Saifuddin (temu bual, 5 Oktober 2017) dan Fakrulddin (temu bual, 18 Mac 2018) dalam temu bual, mereka berpendapat:

“Ada perasaan rindu, cinta kepada Allah SWT, bermuhasabah diri, tenang. Perubahan tu ada la. Kita tak boleh nak ukur perasaan tu macam mana, sebab benda ni kita yang rasa, berkaitan dengan kerohanian” (Saifuddin, 5 Oktober 2017).

“Bila kito ingat ko Allah SWT, jadi rindu lah kan. Muhasabah tu pun ada jugak. Orang kata gak menyesal la. Nak taubat” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

Dapatan ini sesuai dengan kenyataan Ahmad Sohibulwafa (1983) beliau mengatakan, dengan mengamalkan zikir secara terus menerus akan dapat membentuk peribadi mukmin, yang cinta kepada Allah SWT, iaitu selalu mengabdikan dirinya zahir mahupun batin kepada Allah SWT, kerana manusia yang berterusan mengingati Allah SWT akan merasakan dirinya selalu dipimpin oleh Allah SWT, serta merasakan segala amal perbuatan dilihat dan diawasi oleh Allah SWT (Ahmad Sohibulwafa, 1983, h.19a). Oleh itu, zikir adalah sumber kasih sayang Allah SWT Yang Maha Mulia lagi Maha Agung. Sebaliknya, lalai adalah sumber permusuhanNya. Jika seorang tekun berzikir mengingati Allah SWT, maka dia akan dicintai dan dikasihi oleh-Nya. Sebaliknya orang yang lalai, maka dia akan dibenci dan dimusuhi-Nya (Majdi, 2013, h.21).



4.4.3 Aspek Ketagihan Dadah

A. Sebelum

Hasil kajian mendapati bahawa, sebelum mengamalkan zikir, perasaan untuk menagih dadah dalam kalangan pelatih begitu kuat dirasakan. Hal ini kerana dalam pemikiran mereka hanya memikirkan cara untuk mendapatkan wang dan membeli dadah. Hal ini terjadi akibat dari keadaan jiwa yang kosong tanpa adanya pegangan agama yang kuat dan tujuan hidup yang jelas. Situasi ini turut dinyatakan oleh Saifuddin (temu bual, 5 Oktober 2017) dan Fakrulddin (temu bual, 18 Mac 2018) hasil temu bual di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, mereka mengatakan:

“Oi memang ada, memang kuat. Dalam pemikiran tu ada dua je, dadah dan duit. Tak de pikir nak shopping ke. Mana nak cari

duit, mana nak cari barang. Memang perasaan tu kuat la, sebab kita jiwa kosong” (Saifuddin, 5 Oktober 2017).

“Kuat perasaan tu. Dia mari gak fikiran duk fikir ke benda tu je lah. Caro ko nok cari bare jah” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

Selain itu, ada dalam kalangan pelatih juga sering merasakan keadaan *gian*, ketagih dan keluh kesah semasa dalam pengaruh dadah, sebelum menjalani rawatan zikir di Pondok Remaja Inabah. Perasaan *gian* tersebut dirasakan oleh mereka saat mereka tidak menggunakan dadah-dadah jenis heroin. Semasa dalam keadaan *gian* juga, tubuh badan mereka merasakan kesakitan dan mengalami susut berat badan akibat ketagihan dadah. Dadah jenis syabu pula memberikan kesan halusinasi kepada fikiran mereka dan mengakibatkan kerosakan akal untuk berfikir secara normal. Menurut Saifuddin (temu bual, 5 Oktober 2017) dan Fakrulddin (temu bual, 18 Mac 2018):

“Aii gian selalu, ketagih kan. Ada masa ketagih ada masa dia gian. Gian ni bila dalam kita tak kena barang, nak marah. Gian ni heroin je. Bagus satu je heroin ni, dia tak merosakkan akal kita. Tapi syabu ni dia merosakkan akal. Kalau heroin merosakkan tubuh, jadi kering” (Saifuddin, 5 Oktober 2017).

“Gelisah tu meme wajib lah kan, sebab dalam pengaruh dadah. Cuma gian tu tak ada, sebab ambik syabu. Halusinasi tu ada bila dalam pengaruh syabu” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

B. Selepas

Hasil kajian mendapati bahawa semasa permulaan menjalani rawatan zikir iaitu antara dua hingga ketiga bulan, pelatih masih memiliki perasaan rindu ingin kembali menggunakan dadah, namun setelah memasuki bulan yang keempat perasaan rindu ingin kembali menggunakan dadah itu hilang dari perasaan mereka kesan daripada pengamalan zikir yang berterusan. Mereka turut mengatakan, jika ada dadah di

hadapan mereka sekalipun, mereka yakin untuk menolaknya. Hal ini kerana pelatih sudah mampu menganggap dadah tersebut tidak memberi manfaat dalam kehidupan dan hanya memusnahkan kehidupan mereka. Hal ini dinyatakan oleh Saifuddin (temu bual, 5 Oktober 2017) dan Fakrulddin (temu bual, 18 Mac 2018):

“Mula-mula amal zikir tu memang ada, tapi lama kelamaan tu dah tak de dah. Kalau nak kena dah lama dah kena. Saya anggap benda tu dah tak da apa dah. Antara rasa dua dan tiga bulan tu ada rasa nak kena lagi la. Tapi bila dah lama amal zikir. Perasaan tu dah tak ada. Kalau ada barang depan mata pun tak nak kena. Memang dulu kita anggap benda tu seronok, tapi bila kita dah mengamalkan zikir, baru kita sedar benda tu merosakkan” (Saifuddin, 5 Oktober 2017).

“Sekarang meme tak dak perasaan nak kena tu. Kalau dulu awal-awal memang ada. Lepas tiga bulan tu baru oke. Alhamdulillah lepas amal zikir tu. Perasaan nak kena tu makin lama makin hilang” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

Perasaan *gian*, *halusinasi* dan keluh kesah akibat pengaruh dadah pula tiada lagi dalam diri mereka setelah berhenti menggunakan dadah dalam masa dua minggu. Setelah itu, perasaan ketagih dan keinginan untuk menggunakan dadah pula dapat dihindarkan dari diri mereka sepenuhnya setelah menjalani rawatan zikir selama lapan bulan, iaitu setelah tamat tempoh rawatan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Selain itu, setelah menjalani rawatan zikir juga, perasaan menyesal dapat dirasai dalam kalangan pelatih akibat dari penggunaan dadah pada masa lalu. Hal ini kerana pemikiran mereka telah normal dan kembali pulih seperti sediakala. Mereka mengakui dan sedar akan perbuatan mereka adalah sia-sia kerana selama ini sudah membazir banyak masa dan wang dalam melakukan perkara yang dilarang oleh agama Islam. Dapatan ini sesuai dengan kenyataan (Abu Zein, 2015) beliau mengatakan, melalui metod zikir *jahar* dan zikir *khafi* ini, mampu menjadikan seorang hamba mencapai keyakinan kepada Allah SWT sehingga benar-benar menjunam ke dasar lubuk *qalbunya*. Maka merdekalah

seorang hamba tersebut dari sifat kemunafikan, terhindar dari tipu daya syaitan dan kalimat zikir ini juga akan membuat keimanan menjadi bersih dan murni, ibarat air yang suci.(Abu Zein, 2015, h.190). Hal ini dinyatakan oleh Saifuddin (temu bual, 5 Oktober 2017) dan Fakrulddin (temu bual, 18 Mac 2018) melalui temu bual:

“Ada rasa menyesal dengan benda yang dulu, bila pemikiran kita dah normal, kita menyesal sebab buang masa, banyak buang duit, banyak buat benda-benda yang tak elok, dilarang oleh agama. Bila fikiran kita normal, baru sedar hidup dulu salah. Lepas dua minggu gian tu hilang dah. Tapi rasa pulih sepenuhnya tu ambik masa dalam lapan bulan lepas amal zikir” (Saifuddin, 5 Oktober 2017).

“Perasaan halusinasi tu meme hilang lah lepas dua minggu. Gelisah pun tak dak. Lepas lapan bulan baru raso pulih betul. Menyesal la. Dulu sebab tak tahu. Loni dah normal boleh pikir mana baik buruk” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

Menurut Burhanuddin (2003) beliau mengatakan, semasa mengamalkan zikir, pelatih memperoleh pengalaman kenikmatan melebihi waktu khayal ketika pengambilan dadah. Selain itu, zikir *khafi* juga menjadi pengawasan batin agar tidak tergoda oleh perbuatan dosa (Burhanuddin, 2003, h.283-284). Oleh itu dengan mengamalkan zikir secara berterusan akan menghalang pelatih dari penglibatan kembali dalam sebarang aktiviti penyalahgunaan dadah. (Fadzli Adam, 2015, h.339-340). Di samping itu (Majdi, 2013) beliau mengatakan, zikir dapat menghapuskan dan menghilangkan kesalahan, kerana zikir adalah salah satu kebaikan yang amat besar dan kebaikan itu dapat menghapuskan keburukan (Majdi, 2013, h.14).

4.5 Pengaruh Metod Zikir Terhadap Kualiti Zikir

Hasil kajian mendapati bahawa, metod zikir yang dilaksanakan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia memiliki pengaruh terhadap kualiti zikir yang diamalkan oleh

para pelatih. Pengaruh tatacara zikir tersebut dapat membantu mereka untuk memahami tentang cara mengamalkan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah. Setelah memahami mereka menunjukkan semangat dalam berzikir. Berdasarkan pemerhatian, semasa pelatih melakukan zikir *jahar* mereka mampu mengeluarkan suara yang kuat dan sebutan yang jelas dalam mengucapkan kalimah *Laailahailallah* dan semasa melakukan zikir *khafi* pula, pelatih dapat mendiamkan diri dan menumpukan perhatian untuk berzikir di dalam hati. Hal ini dinyatakan oleh Adlin (temu bual, 8 Oktober 2017) dan Anwar (temu bual, 18 Mac 2018) hasil temu bual di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, mereka mengatakan:

“Faham la sikit-sikit. Jadi ado semangat nok zikir” (Adlin, 8 Oktober 2017).

“Jadi boleh ikut la cara zikir tu. Bila faham jadi semangat nak zikir. Zikir Laailahillah tu memang suara kena kuat” (Anwar, 18 Mac 2018).

Selain itu, pelatih menyatakan bahawa, tatacara zikir *jahar* dan zikir *khafi* yang diajarkan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, hanya pada waktu *talkin* zikir sahaja, manakala waktu lain tidak diajarkan, namun jika ada persoalan mengenai tatacara zikir yang diajukan oleh pelatih, pembimbing akan memberi penjelasan. Membaca buku panduan zikir semasa melakukan zikir juga dapat membantu memberikan kefahaman kepada pelatih dalam mengamalkan zikir. Pada awal permulaan menjalani rawatan zikir, pelatih dilihat masih membaca buku panduan zikir, namun setelah memasuki dua minggu, pelatih sudah mampu menghafalnya. Mereka juga menyatakan membaca buku panduan zikir pada peringkat permulaan menjalani rawatan zikir, sangat penting untuk memahami kaedah zikir yang

diamalkan. Menurut Adlin (temu bual, 8 Oktober 2017) dan Anwar (temu bual, 18 Mac 2018):

“Ada la dia ajar masa waktu talkin, waktu lain tak ajar. Tapi kalau tanya dengan pembimbing dia akan jelaskan la. Dulu masa awal-awal zikir tu masih baca buku, dalam masa dua minggu ingat la tatacara zikir tu, lepas tu tak tengok buku doh. Tak payah baca buku, sebab ingat doh. Tapi dulu penting la sebab masih baru” (Adlin, 8 Oktober 2017).

“Mula-mula kena baca sebab nak hafal, jadi mudah sikit nak zikir. Bila ingat tak tengok buku dah. Ada ajar zikir masa talqin la” (Anwar, 18 Mac 2018).

Tambahan pula, pelatih turut menyatakan, semakin lama melakukan proses zikir *jahar* dan zikir *khafi*, mereka merasakan zikir yang dilakukan semakin berkualiti dan lebih baik. Situasi dapat dilihat oleh pelatih setelah selesai berzikir bersama, pelatih menunjukkan ketenangan pada wajah. Mereka juga merasakan penyesalan akibat dosa yang lalu, merasa kerdil di hadapan Allah SWT dan merasakan diri seolah-olah dekat dengan Allah SWT, serta Allah SWT mendengar jeritan hati mereka, malahan ada dalam kalangan pelatih menangis setelah melakukan zikir. Hal ini dinyatakan oleh Adlin (temu bual, 8 Oktober 2017) dan Anwar (temu bual, 18 Mac 2018):

“Kedua zikir dapat pulihkan diri. Semakin lama zikir, semakin rasa sedap. Lepas zikir rasa sedih, nak menangis sebab ingat dosa, rasa kerdil, rasa Allah SWT dengar gapo dalam hati kita” (Adlin, 8 Oktober 2017).

“Makin lama zikir tu makin rasa nikmat. Rasa tenang dan menyesal. Masa lalu tu datang, bila lepas zikir. Kadang-kadang mari rasa sedih dan sayu” (Anwar, 18 Mac 2018).

4.6 Rumusan

Perbincangan pada bab ini telah mencapai objektif ketiga kajian. Secara rumusannya, melalui kaedah rawatan zikir yang dilaksanakan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, terdapat pelbagai implikasi yang dapat dibuktikan melalui perubahan yang berlaku terhadap diri pelatih. Kesan pertama ialah kesan terhadap fizikal pelatih yang terbahagi kepada dua iaitu aspek wajah dan penampilan. Dari segi aspek wajah, terlihat bersih, cerah, berseri, segar, pipi semakin berisi dan terlihat keceriaan pada raut wajah mereka, manakala dari aspek penampilan, lebih kemas dan terurus. Hal ini kerana mereka sudah menitikberatkan kebersihan seperti merapikan misai dan janggut. Selain itu, tubuh badan mereka memperlihatkan semakin berisi dan sihat.

Kesan kedua pula ialah kesan terhadap perilaku pelatih yang dapat dibahagikan kepada dua aspek iaitu tingkah laku terhadap sekeliling dan amalan ibadah. Secara keseluruhannya, aspek tingkah laku menunjukkan mereka mempunyai sikap yang sabar, peramah, bertolak ansur, hormat menghormati sesama pelatih dan pembimbing. Seterusnya dari aspek amalan ibadah, mereka memperlihatkan semangat dan rajin dalam melakukan ibadah seperti, solat, mandi taubat dan membaca al-Quran. Hal ini kerana mereka dapat merasakan kemanisan dalam melakukan ibadah.

Kesan ketiga berkaitan perasaan pelatih yang terbahagi kepada tiga aspek, iaitu emosi, ingatan kepada Allah SWT, dan ketagihan dadah. Berdasarkan aspek emosi, emosi mereka lebih stabil, mampu mengawal kemarahan dan memiliki keinginan untuk melakukan kebajikan, manakala dari aspek mengingati Allah SWT, mereka merasakan diri semakin dekat dengan agama Islam dan terbit perasaan cinta kepada Allah SWT dalam diri mereka, serta mengalami ketenangan jiwa. Seterusnya dari

aspek ketagihan dadah, perasaan ketagih terhadap najis dadah, *gian*, *halusinasi* dan gelisah dalam diri mereka hilang setelah tamat tempoh rawatan.

Selain itu, pengaruh metod zikir terhadap kualiti zikir pula adalah, pelatih mampu memahami cara mengamalkan zikir yang sewajarnya dan bersemangat dalam berzikir. Selain itu, buku panduan zikir juga sangat membantu pelatih yang baru dalam memahami cara berzikir. Tambahan pula, zikir yang dilakukan dengan kuantiti yang banyak dan dalam jangka masa yang lama, mampu memberikan kesan yang positif kepada para pelatih.

Jelas bahawa, kaedah rawatan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah yang ditawarkan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia mampu memberikan kesan-kesan yang positif terhadap para pelatih. Kesan tersebut dirasakan oleh pelatih secara langsung dan tidak langsung, iaitu adanya perubahan positif terhadap fizikal, perilaku dan perasaan. Rata-rata perubahan tersebut dapat dilihat dan dirasai setelah menjalani rawatan zikir selama empat puluh hari.

BAB 5

KESIMPULAN DAN SARANAN

5.1 Pendahuluan

Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah memiliki keberkesanan untuk memulihkan penagih dadah dalam kalangan remaja di Pondok Remaja Inabah. Justeru bab ini akan merumuskan tentang perbincangan yang telah dilakukan dalam bab yang terdahulu. Selain itu, beberapa saranan penting akan diketengahkan dalam bab ini.

5.2 Kesimpulan

Berdasarkan hasil dapatan kajian, dapat disimpulkan beberapa perkara bagi menjawab objektif pertama dalam kajian ini iaitu konsep zikir menurut Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah:

1. Tarekat menurut bahasa adalah cara atau sistem dalam sekelompok individu untuk mendekati diri kepada Tuhan, manakala menurut istilah pula adalah perjalanan ahli zikir atau golongan sufi dari suatu organisasi tasawuf yang bersungguh-sungguh mensucikan diri melalui latihan kerohanian dengan melaksanakan wirid tertentu. Selain itu, tarekat adalah salah satu metod tasawuf untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT, yang mempunyai tiga unsur penting iaitu shaykh mursyid, murid dan kaedah.
2. Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah merupakan gabungan dari dua tarekat iaitu Tarekat Qodiriyyah dan Tarekat Naqsyabandiyyah yang dipadukan oleh seorang tuan guru iaitu Shaykh Ahmad Khatib Sambas. Tarekat Qodiriyah

Naqsyabandiyah yang diamalkan di Pondok Pesantren Suryalaya mempunyai kelulusan pendaftaran dan diperakukan benar oleh Jabatan Mufti Negeri Sembilan. Seterusnya, tarekat ini memiliki tujuannya iaitu *taqarrub ilallah*, menuju *mardhatillah*, *makrifatullah* dan *mahabbatullah*, manakala dasar tarekat ini ialah tinggi cita-cita, memelihara kehormatan, memperbaiki khidmat, melaksanakan cita-cita dan membesarkan nikmat.

3. Zikir menurut bahasa berasal dari kata Arab iaitu "*zakara, yzkuru, zikrun*" yang membawa erti menyebut dan mengingat, manakala dari sudut pandang istilah pula adalah mengingat Allah SWT dengan mengulang-ulang salah satu namanya sehingga merasakan kedekatan hatinya dengan Tuhan, seakan-akan Tuhan itu ada di dalam dadanya dan dalam dirinya. Selain itu, zikir dapat mengelakkan diri daripada menjadi seorang yang pelupa dan lalai. Dengan selalu mengingati Allah SWT, hati akan hadir bersama Allah SWT, serta mampu meningkatkan keimanan seseorang hamba dan menjadi kekasih Allah SWT.

4. Zikir terbahagi kepada dua, iaitu zikir secara umum dan zikir secara khusus. Zikir secara umum adalah segala bentuk ketaatan kepada Allah SWT dan zikir secara khusus adalah zikir yang dilaksanakan oleh kelompok tarekat atau sufi. Seterusnya zikir yang dimaksud oleh Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah adalah zikir secara khusus iaitu hadirnya hati bersama Allah SWT dengan mengamalkan zikir *jahar* dan zikir *khafi*. Zikir *jahar* adalah zikir dengan menggunakan kalimat "*Laa Ilaha ill Allah*" dilakukan dengan suara yang nyata, jelas dan kadang-kadang dengan suara yang kuat, berfungsi untuk menghancurkan kerasnya hati. Zikir *khafi* pula dilakukan dengan hati

menggunakan rasa tanpa huruf dan suara, bertujuan menghadirkan sifat ikhlas ke dalam diri, manakala Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah menggunakan *Ismu Zat* iaitu nama bagi Zat Ilahi dengan kalimat “Allah” dipilih sebagai zikir *khafi*.

5. *Talqin* adalah peringatan guru kepada murid dan *bai'at* pula adalah kesanggupan dan setia terhadap gurunya bagi mengamalkan segala kebajikan yang diperintahkannya. Setelah melakukan proses *bai'at* maka bermulalah proses membimbing rohani murid dan simbol penyerahan diri terhadap gurunya. Keutamaan *talqin* pula adalah untuk memasuki ke dalam silsilah (lingkaran) pengamal tarekat dan memperoleh manfaat dari guru dan Rasulullah SAW. Hal ini kerana silsilah (lingkaran) tersebut seolah-olah menyatu antara satu sama lain. Selain itu, *talqin* memberikan kesan mendalam terhadap murid agar dapat menguatkan ikatan persaudaraan antara murid dan guru. Terdapat dalil al-Quran dan al-Hadis, menunjukkan dan menerangkan proses *talqin* dan *bai'at* pada zaman Rasulullah SAW.
6. Guru mursyid adalah seorang guru *kamil* (sempurna) yang memiliki urutan silsilah dalam tarekat, bertugas untuk membimbing murid dalam mengamalkan ajaran tarekat sekaligus menunjukkan contoh ibadah yang benar untuk mendekati diri kepada Allah SWT. Perjalanan kerohanian murid menjadi singkat dengan bimbingan guru mursyid. Terdapat dua puluh empat syarat yang membolehkan seseorang diangkat menjadi guru mursyid. Guru mursyid Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah di Pondok Pesantren Suryalaya yang ke 37 adalah Shaykh Mursyid Kiai Haji Ahmad Sohibulwafa Tajul Arifin, yang dikenali dengan panggilan Abah Anom.

7. Silsilah adalah rangkaian para guru yang bersambung dengan para guru yang sebelumnya sampai kepada Rasulullah SAW, atau juga merupakan rantai nama para guru sufi yang memimpin sebuah tarekat. Seterusnya silsilah Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah menyambung sampai kepada Rasulullah SAW, dan Abah Anom merupakan guru mursyid yang ke 37, serta beliau mendapat *hirqah* dari ayahandanya sendiri iaitu, Shaykh Abdullah Mubarak bin Nur Muhammad. Seterusnya keutamaan silsilah dalam tarekat adalah, untuk mendapatkan limpahan cahaya keberkatan dan menjadi waris daripada Rasulullah SAW, di samping silsilah juga menerangkan susun-galur tarikh sesebuah tarekat.

Seterusnya bagi menjawab objektif kedua iaitu pelaksanaan dan metod Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah yang dapat memulihkan dadah dalam kalangan remaja. Antara kesimpulan yang dapat diambil ialah:

1. Pelaksanaan zikir yang digunakan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia adalah dengan menggunakan kaedah zikir *jahar* dan zikir *khafi*, yang dilakukan setelah selesai solat sunat dan solat wajib. Selain itu, metod zikir seperti adab berzikir, mengenal hakikat diri dan *rabitah*, turut diajar di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia ketika sesi kuliah diadakan, namun metod tersebut tidak diberi penekanan kepada pelatih.
2. Metod zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah merupakan jalan terpantas bagi membersihkan dan mensucikan diri baik zahir mahupun batin agar ahli zikir sentiasa ingat kepada Allah SWT. Melalui metod ini sampailah hamba

kepada makrifat, iaitu melihat keindahan yang tersembunyi di hati nuraninya. Ulama Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah sepakat memilih zikir *jahar* dan zikir *khafi* bagi mencapai tingkatan makrifat tersebut. Selain itu, tatacara zikir *jahar* dan *khafi* pula adalah bermula dari pertama melakukan wudhu dengan sempurna, kedua mendirikan solat sunat atau fardu, ketiga duduk menghadap kiblat, keempat membaca *ta'awudz*, kelima membaca kalimat *basmalah*, keenam *bertawassul* dengan menghadapkan diri rohani kepada Nabi Muhammad SAW dengan membaca satu kali surah al-Fatihah, ketujuh beristighfar sebanyak tiga kali dengan menghadirkan maknanya, kelapan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW sebanyak tiga kali, kesembilan membaca doa awal zikir, kesepuluh melafazkan zikir *jahar*, kesebelas membaca selawat *Munjiyat* dan ayat tentang *bai'at*, kedua belas berdoa, ketiga belas *tawassul*, menghadapkan diri rohani disertai membaca surah al-Fatihah sebanyak tiga kali berturut-turut, keempat belas beristighfar sebanyak tiga kali, kelima belas selawat *Ibrahimiyyah* satu kali, keenam belas membaca doa akhir zikir dan ketujuh belas *Tawajjuh* dan berzikir *khafi* di dalam hati.

3. Bagi melakukan proses zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, disarankan untuk melaksanakan beberapa adab dalam berzikir, antaranya sebelum melakukan zikir mempunyai lima adab, manakala ketika berzikir mempunyai dua belas, dan selepas zikir mempunyai tiga adab yang mesti dilakukan agar zikir tersebut memberikan hasil yang baik.
4. Keutamaan mengenal hakikat diri ialah mampu menghantarkan seseorang untuk mengenal Allah SWT, malahan mengenal Allah SWT adalah suatu

perkara yang bersifat *fardu ain*. Hal ini kerana seseorang yang beribadah perlu mengenal *ma'bud* (Tuhan yang disembah). Selain itu, terdapat tujuh latifah zikir di dalam diri manusia, pertama adalah *Latifah al-Qalb* yang berada di bawah buah dada sebelah kiri, kedua *Latifah al-Ruh* yang berada dua jari di bawah buah dada kanan, ketiga *Latifah as-Sirr* yang berada dua jari di atas buah dada kiri, keempat *Latifah al-Khafi* yang berada dua jari di atas buah dada kanan, kelima *Latifah al-Akhfa* yang berada di tengah dada, keenam *Latifah al-Nafs* yang berada di tengah dahi dan ketujuh *Latifah al-Qalab* yang mengelilingi seluruh jasad.

5. *Rabitah* adalah menghadirkan wajah guru semasa berzikir atau mewujudkan perasaan kasih dalam ingatan murid yang mendalam terhadap gurunya sehingga terbayang dalam khayalan dengan harapan murid tersebut dikasihi Allah SWT kerana mencintai kekasih Allah SWT. Terdapat enam cara yang mesti dilakukan oleh ahli zikir untuk melakukan *rabitah*. Keutamaannya adalah menjadikan guru sebagai pembimbing dan bantuan untuk mencapai *makam* yang sempurna. Dalam al-Quran *surah al-Maidah* ayat 35 dan *al-Imran* ayat 31 ada menjelaskan tentang perihal mencari wasilah yang membawa erti *rabitah*. Di samping itu, ulama berpendapat guru mursyid merupakan pintu menuju Allah SWT dan *wasilah* kepada-Nya serta meyakini limpahan dari gurunya adalah hakikat dari pancaran Rasulullah SAW.

Seterusnya merupakan rumusan bagi menjawab objektif ketiga iaitu kesan Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah terhadap pemulihan dadah dalam kalangan remaja

di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Berikut merupakan kesimpulan yang dapat dilakukan, hasil dapatan kajian:

1. Terdapat beberapa kesan zikir terhadap fizikal para pelatih, antaranya dari segi aspek wajah, terlihat bersih, cerah, berseri-seri, segar, pipi semakin berisi dan memperlihatkan keceriaan pada raut wajah para pelatih. Hal ini dapat dilihat dalam tempoh empat puluh hari selepas mengikuti rawatan zikir. Seterusnya dari aspek penampilan, lebih terurus, menitikberatkan kebersihan, merapikan misai dan janggut, serta kemas. Tambahan lagi, tubuh badan pelatih kelihatan semakin berisi, sihat, dan tegap. Hal ini kerana selera makan mereka semakin meningkat dan perubahan ini dapat dilihat dalam tempoh satu bulan.
2. Selain itu, kesan zikir terhadap perilaku pelatih dari aspek tingkah laku terhadap sekeliling pula adalah, mereka memperlihatkan sikap yang sabar dalam mengawal tingkah laku di samping bersikap peramah, mudah bergaul, bertolak ansur, hormat-menghormati, dan sikap yang matang dalam pergaulan sesama pelatih dan pembimbing. Mereka juga menunjukkan perasaan senang hati menerima tetamu dari luar. Perubahan ini dapat dilihat dalam tempoh empat puluh hari. Seterusnya dari aspek amalan ibadah, pelatih semakin rajin dan bersemangat dalam mendirikan solat sunat dan solat wajib serta melakukan ibadah lainnya, di samping mampu mendisiplinkan diri untuk pergi awal ke masjid dan bangun pada awal pagi bagi melaksanakan mandi taubat. Tambahan pula, al-Quran semakin kerap dibaca oleh mereka selepas maghrib, serta mereka merasakan kemanisan dalam melakukan ibadah.

3. Kesan zikir terhadap perasaan pelatih dari aspek emosi pula adalah, mereka mampu mengawal kemarahan serta emosi mereka kelihatan stabil. Hal ini kerana pelatih sering mengingati kalimat zikir. Selain itu, pelatih mampu membentuk emosi yang positif seperti berkeinginan untuk melakukan kebaikan dan kebajikan. Perubahan ini dapat dilihat dalam tempoh sebulan setelah mengamalkan zikir. Aspek ingatan kepada Allah SWT pula memperlihatkan pelatih semakin mendekati diri dengan agama Islam dan merasakan seolah-olah berada dalam pengawasan Allah SWT. Mereka juga merasakan ketenangan setelah mengamalkan zikir, mampu menghadapi perasaan gelisah, di samping hadir perasaan rindu dan cinta kepada Allah SWT, serta mampu melakukan muhasabah diri. Seterusnya dari aspek ketagihan dadah pula, setelah berhenti menggunakan dadah selama dua minggu, *gian*, *halusinasi* dan *keluh-kesah* hilang dalam diri mereka. Perasaan rindu ingin kembali menggunakan dadah hilang dari perasaan mereka apabila memasuki bulan keempat, manakala setelah menjalani rawatan zikir selama lapan bulan, perasaan ketagih, keinginan untuk menggunakan dadah pula dapat dihindarkan dari diri mereka dan mereka pulih sepenuhnya.
4. Pengaruh metod zikir terhadap kualiti zikir pula adalah pelatih mampu memahami cara mengamalkan zikir, serta bersemangat dalam melaksanakan zikir *jahar* dan *khafi*, setelah mempelajari tatacara zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah. Selain itu, membaca buku panduan zikir juga memberikan kefahaman kepada pelatih yang baru diperingkat permulaan dalam mengamalkan zikir. Zikir *jahar* dan zikir *khafi* yang dilakukan dalam kuantiti yang banyak dan lama, memberikan kesan yang baik kepada pelatih seperti

adanya ketenangan pada wajah mereka, merasakan penyesalan dosa yang pernah dilakukan, sehingga ada dalam kalangan pelatih menangis setelah melakukan zikir.

5.3 Saranan

Berdasarkan dapatan kajian, penyelidik ingin mengemukakan beberapa cadangan dalam menyebarkan peranan zikir dalam kalangan masyarakat seperti berikut:

1. Pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Pusat Serenti Narkotik (PUSPEN) dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) perlu bekerjasama dalam menambahbaik modul yang sedia ada, dengan memasukkan beberapa modul berkaitan zikir. Hal ini kerana dengan modul kerohanian melalui pendekatan zikir mampu memberikan kesan yang mendalam terhadap jiwa pelatih sehingga mereka mampu meninggalkan dadah dengan sepenuhnya dan memulakan kehidupan yang baharu dengan berpandukan ajaran dan hukum yang terdapat dalam agama Allah SWT. Kaedah rawatan ini juga boleh dilakukan bersama-sama dengan komuniti setempat agar mereka sedar akan bahaya dadah dan mempunyai pegangan yang kuat terhadap agama, di samping mampu mempelajari zikir dan mengamalkannya.
2. Pondok Remaja Inabah juga perlu meningkatkan kualiti pembimbing dalam membantu para pelatih untuk memulihkan diri semasa tempoh rawatan. Usaha ini dapat dilaksanakan apabila pembimbing itu sendiri dapat memahami dan mengamalkan modul zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah dengan

sempurna jika terdapat pelatih yang bertanya tentang metod zikir, mereka mampu menghuraikan dan menjelaskannya secara terperinci. Selain modul zikir seperti adab zikir, mengenal hakikat diri dan *robotoh*, juga perlu diberikan penekanan terhadap pelatih agar mereka mampu memperoleh hasil yang baik semasa mengamalkan zikir dan memahami tentang Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah.

3. Pondok Pesantren Suryalaya juga boleh mengadakan bengkel dan seminar kepada pembimbing Pondok Remaja Inabah yang berada di Malaysia, bagi meningkatkan mutu pembimbing sebagai seorang pemimpin dalam membantu memulihkan para pelatih semasa menjalani rawatan pemulihan. Dalam bengkel tersebut, boleh dibincangkan beberapa modul berkaitan tarekat tasawuf dan cuba menerapkan beberapa ilmu psikologi moden, seperti *Hypnosis*, *Neuro Linguistic Programming* dan terapi minda. Dalam rawatan secara tidak langsung, pembimbing mampu memulihkan pelatih dengan melakukan terapi minda yang berteraskan tasawuf.
4. Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan masyarakat juga haruslah memainkan peranan dalam memantau, membantu dan menyelami jiwa bekas penagih serta melibatkan mereka dalam aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong membersihkan masjid, tanah perkuburan dan program seperti sukan rakyat. Selain itu, pihak NGO boleh menyediakan peluang pekerjaan kepada bekas penagih dan secara tidak langsung memberi peluang kepada golongan seperti mereka untuk membina masa depan yang baik. Tambahan pula, pihak NGO boleh mengadakan program kesedaran bahaya dadah terhadap masyarakat dan bekas penagih. Hal ini diharapkan mampu mengubah persepsi masyarakat agar

dapat menerima kembali bekas penagih dan menjalinkan hubungan yang baik dengan mereka. Oleh itu, mereka terhindar dari kembali terjebak menggunakan dadah dan merasakan diri mereka dihargai oleh masyarakat.

5. Ibu bapa juga memainkan peranan yang penting dalam mendidik dan membentuk anak-anak supaya terhindar dari pengaruh dadah. Penekanan ilmu agama Islam dalam sesebuah keluarga juga amat perlu. Hal ini boleh dijalankan dengan mengadakan solat secara berjemaah dan amalan berzikir bersama dengan anak-anak bertujuan mengeratkan ikatan kasih sayang dan menanamkan pegangan agama yang kuat dalam diri mereka. Ibu bapa juga perlu memantau segala kegiatan anak-anak dan pergaulan mereka, serta berperanan menjadi sahabat semasa mereka menghadapi masalah atau tekanan dalam sesuatu hal. Dengan ini mereka akan merasakan diri mereka dikasihi dan tidak diabaikan.
6. Beberapa kajian yang akan datang juga boleh dilakukan, seperti melihat peranan zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah dalam pemulihan dadah terhadap alumni pelatih Pondok Remaja Inabah di seluruh Malaysia. Selain itu kajian berkaitan peranan Ilmu Tasawuf dan tarekat dalam pemulihan dadah di Pondok Remaja Inabah juga boleh dilakukan. Selain itu, kajian lain yang boleh dijalankan oleh pengkaji pada masa hadapan dalam skop bidang kajian yang sama ialah kajian perbandingan tahap keberkesanan antara beberapa Pondok Remaja Inabah yang ada di Malaysia.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, zikir memainkan peranan penting dalam mengembalikan semangat serta memulihkan penagih tegar dadah. Kajian ini juga

mengemukakan peranan Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia sebagai sebuah institusi yang wajar diberikan perhatian dalam kalangan masyarakat. Secara tidak langsung juga, kajian ini merumuskan bahawa agama menjadi rujukan terpenting dalam menyelesaikan masalah. Kajian-kajian mengenai zikir juga boleh diperbanyakkan lagi oleh pengkaji akan datang dengan meneliti kelompangan yang ada dan menjalankan kajian dari perspektif yang berbeza.



RUJUKAN

BUKU DAN ARTIKEL

- Abdul Ghafar Taib. (1989). *Dadah Dan Pencegahannya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: PAM Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Abdul Manam Mohamad. (2009). Beberapa Asas Ajaran Tasawuf Tuan Hj. Ishaq bin Muhammad Arif. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Jilid 2, ms. 41-53.
- Abdul Mujieb, Syafi'ah & Ahmad Ismail (2009). *Tasawuf. Ensiklopedia Tasawuf Imam al-Ghazali*. Bandung: Hikmah.
- Aboebakar Atjeh. (1985). *Pengantar Ilmu Tarekat Dan Tasawuf*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Abu Zein al-Sajjadi. (2015). *Dzikir Cahaya Di Atas Cahaya*. Yogyakarta: Seven Books.
- Afifi, Abu al-Ala'. (1969). *Fi al-tasawuf al-Islami wa tarikhii*. Qaerah: Dar al-Ma'arif.
- Ahmad Sohibul Wafa Tajul Arifin. (1970). *Miftahus Shudur* (Aboebakar Atjeh, Penterj.). Tasikmalaya: Mudawwamah Warohmah.
- Ahmad Sohibul Wafa Tajul Arifin. (1983). *Akhlaqul Karimah Akhlaqul Mahmudah Berdasarkan Mudawamatu Dzikirullah*. Tasikmalaya: Yayasan Serba Bhakti.
- Ali Jumaah (2009). *al-Bayān al-Qawīm li Tashīh Ba'd al-Mafāhim (Keterangan Yang Jitu Untuk Memperbetulkan Beberapa Fahaman Yang Keliru)* (Abu al-Baqir al-Dusuqi, Penterj.). Kelantan: al-Baqir Enterprise.
- Al-Attas, Syed Naguib. (1963). *Some Aspects Of Sufism As Understood And Practise Among The Malays*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute.
- Al-Bustani, Fu'ad Ifram. (1986). *Munjid al-Tullab*. Lubnan: Dar al-Mashriq.

- Al-Dawsari, Husayn bin Ahmad. (2002). *al-Rahmah al-Habitah fi al-Dhikr Ism al-Dhat wa al-Rabitah dalam Kitab al-Rahmah al-Habitah fi 'Ahwal al-Imam al-Rabbani Qaddasa Allah SWT Sirrah*, Turki: Maktabah al-Haqiqah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1983). *Mukashafah al-Qulub al-Muqarab ila Hadrat Alam al-Ghuyub* (Muhammad Rashid al-Qabbani, Pnyt.) Beirut: Dar Ihya' al-Ulum.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (2007). *Ringkasan Ihya'Ulumuddin* (Zeid Husein Al-Hamid, Penterj.). Jakarta: Pustaka Aman.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (t.th). *Ihya Ulum ad-Din*. Beirut: t.pt.
- Al-Jailani, Abdul Qodir. (2013). *Sirrul Asrar* (Zezen ZA Bazul Asyhab, Penterj.). Tangerang Selatan: Salima.
- Al-Maraghiy, Ahmad Mustafa. (2001). *Tafsir Al-Maraghiy* (Muhammad Thalib, Penterj.) (Jil. 1,2,3,8,9,10,11 dan 12). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Al-Kurdi, Muhmmad Amin (2013). *Tanwir al-Qulub fi Mu'amalah 'Allam al-Ghuyub* (M. Nur Ali, Penterj.) Bandung: Pustaka Hidayah.
- Al-Qashani, `Abd al-Razzaq. (1991). *Kitab Istalahat al-Sufiyyah* (Sufi Technical Terms, Nabil Safwat, Penterj.). London: The Octagon Press Ltd.
- Al-Qusyairi, Abul Qasim Abdul Karim Hawazin An Naisaburi. (2013). *al-Risalah al-Qusyairiyah fi 'Ilm al-Tasawuf* (Umar Faruq, Penterj.). Jakarta: Pustaka Aman.
- Al-Sha'rani, `Abd al-Wahhab. (1988). *al-Anwar al-Qudsiyyah fi Ma'rifah Qawa'id al-Sufiyyah*. Beirut: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Shaibi, Kamil Mustafa. (t.th). *Al-Silah baina al-Tasawuf*. Qaherah: Dar al-I'tisam.
- Al-Shaukani, Muhammad bin Ali bin Muhammad. (1973). *Nayl al-Awtar Min Ahadith Sayyid al-Akhbar Sharh Muntaqi al-Akhbar*. Jil.2. Lebanon: Dar al-Jail.

- Al-Suhrawardi, Abd al-Qahir bin Abd Allah. (1983). *'Awarif al-ma'arif*. Beirut, Lebanon: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Al-Sya'rani, Abdul Wahab. (2010). *Al-Minahus Saniyyah* (Zaid Husein Al-Hamid, Penerj.). Surabaya: Mutiara Ilmu.
- Al-Sya'rani, Abdul Wahab. (2011). *al-Anwaarul Qudsiyyah Fii Ma'firati Qowaid al-Sufiyyah* (Sistem Dan Pola Pendidikan Sufi, Ali bin Mohammed, Penerj.). Tasikmalaya, Indonesia: Mudawwamah Waromah.
- Al-Thabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir bin Yazid bin Gholib. (2000). *Tafsir Jami' Al-Bayan Fi Ta'wil Al-Quran (Tafsir At-Thabari)*. t.tp: Muassasah Ar-Risalah.
- Al-Zabidi, Muhib al-Din Abi al-Fayd al-Sayyid Muhammad Murrada al-Husaini al-Wasati al-Hanafi. (t.th). *Taj al-'arus min jawahir al-qamus*. Jil 5 & 6. Beirut, Lebanon: Dar Maktabah al Hayat.
- Aqib. (2005). *Inabah, Jalan Kembali Dari Narkoba, Stress Dan Kehampaan Jiwa*. Surabaya: Bina Ilmu.
- Arrindell, W.A. & Van der Ende, J. (1985). An Empirical Test of The Utility of the Observations-to-Variables Ratio in Factor and Components Analysis. *Applied Psychological Measurement*, 9, 165-178
- Asmaran As. (1994). *Pengantar Studi Tasawuf*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Asrifin. (2001). *Jalan Menuju Ma'rifatullah Dengan Tahapan 7 M*. Surabaya: Terbit Terang.
- Brown, J.P. (1968). *The darvishes or Oriental Spiritualism*. London: Frank Cass.
- Buerah Tunggak, Shahrin Hashim, Nur Afzan Mohamad & Maznah Ali. (2015). Faktor Risiko Belia Terlibat Dalam Penyalahgunaan Dadah dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Belia Muslim Terpimpin. *Jurnal Antidadah Malaysia*, Jilid 9, No.1, Disember 2015, 140-161.
- Burhanuddin Jajat & Ahmad Baedowi. (2003). *Transformasi Otoritas Keagamaan: Pengalaman Islam Di Indonesia*. Jakarta: Gramedia.

- Cecep Alba. (2011). *Cahaya Tasawuf*. Bandung: Wahana Karya Grafika.
- Collins. (1995). *Cobuild English Dictionary*. London: Harper Collins Publishers.
- Cyril Glasse. (1999). Zikir. *Ensiklopedi Islam*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- David Silverman. (2013). *Doing Qualitative Research (4th Edition)*. Los Angeles: Sage Publications Ltd.
- Dudung Abdurahman. (2003). Reaktualisasi Pengamalan Tarekat Melalui Lembaga Inabah Dalam Penyembuhan Korban Narkoba. *Jurnal Aplikasi Ilmu-ilmu Agama*, Vol. IV, No. 1, 14-31.
- Emo Kastama Abdul Kadir, M.P. (1994). *Studi Pendalaman Mengenai Metode Inabah Dalam Upaya Penyembuhan Penderita Ketagihan Zat Adiktif, Melalui Proses Didik, Menurut Pesantren Suryalaya*. Projek Peningkatan Penelitian pada masyarakat Dana Pinjaman Bank Dunia XXI (Loan No.3311-IND).
- Endang Turmudi. (2004). *Perselingkuhan Kiai dan Kekuasaan*. Yogyakarta: LKIS.
- Fadzli Adam, Wan Ibrahim Wan Ahmad & Sudirman Abdul Fatah. (2011). Spiritual and Traditional Rehabilitation Modality of Drug Addiction in Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science*, Vol. 1 No. 14, 175-181.
- Fadzli Adam, Wan Ibrahim, Marhana Muhammed Anuar & Asyraf Ab Rahman. (2015). Drug Rehabilitation Treatment: The Consistency Practice Of Remembrance To Allah SWT (Zikir) among Drug Addicts in Malaysia. *Jurnal Mediterranean Journal of Social Sciences*, Vol 6, No 2 S1, 336-340.
- Fariza Md Sham. (2006). *Dakwah Dan Kaunseling Di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Faudzinaim bin Haji Badaruddin. (2015). *Sanad Tarekat: Sejauh Manakah Sandaran Kepada Amalan Para Sahabat*. Kertas Kerja ini dibentang dalam “Seminar Sufi Menurut Pendekatan Wasatiyyah Peringkat Kebangsaan 2015” pada 7-8 September 2015 anjuran JAKIM, IWM, MAIS dan MAIWP di Dewan Dato’ Shahir, ILIM.

- Gibb, H.A.R & Kramers, J.H. (1953). *Shorter Encyclopaedia of Islam*. New York: Cornell University Press.
- Gillham, B. (2000). *Case Study Research Method*. London: Continuum.
- H.A. Fuad Said. (2003). *Hakikat Tarikat Naqsyabandiah*. Jakarta: Pustaka Al Husna Baru
- H.M. Laily Mansur. (1992). *Tasawuf Islam, mengenal Aliran Dan Ajaran*. Banjarmasin: Unlam Press.
- Hasby Al-Shidieqy. (1983). *Pedoman Dzikir dan Doa*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Ibn Athaillah, Ahmad bin Muhammad. (2011). *Taj al-Arus al-Hawi li Tahdzib al-Nufus*. Damaskus: Dar al-Maktabi.
- Ibn Athaillah, Ahmad bin Muhammad. (2012). *Mutu Manikam Dari Kitab Hikam* (Abu Hakim, Penyt.). Surabaya: Mutiara Ilmu.
- Ibn Athaillah, Ahmad bin Muhammad. (2015). *Mengaji Tajul Arus: Rujukan Utama Mendidik Jiwa* (Fauzi Faisal Bahreisy, Penterj.). Jakarta: Zaman.
- Ibn Katsir, Abul Fida' Ismail bin Umar bin Katsir Al-Qurasiy Ad-Dimasyqi. (1999). *Tafsir Al-Quran Al-'Azhim (Tafsir Ibnu Katsir)*. t.tp: Dar At-Thaybah.
- Ibn Taimmiyyah. (1985). *Qaidah Jalilah Fi al-Tawasul Wa al-Wasilah*. (Al-Sayyid al-Jamili, Pnyt.). Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Ibrahim Mustafa. (1960). *Al-Mu'jam al-Wasith (Juz 1 dan 2)*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiah Lit tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Isa, 'Abd al-Qadir. (1970). *Haqa'iq `an al-Tasawuf*. Norwich: Diwan Press.
- Jahid Sidek. (1991). *Shaikh Dalam Ilmu Tariqah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jalaluddin. (1987). *Sinar Keemasan*. Ujung Padang, Indonesia: PPTI.

- Khalili Al Bamar. (1996). *Ajaran Tareqat Jalan Mendekatkan Diri Kepada Allah SWT*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- M. Quraish Shihab. (2002). *Tafsir al-Misbah; Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran* (Vol.1.) Jakarta: Lentera Hati.
- Mahmood Nazar Mohamed, Ismail Ishak, Noor Aniza Ishak & Muhamad, D.K. (2005). *Program Pemulihan Luar Institusi Untuk Penagih Dadah*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2006). *Mencegah, Merawat dan Memulihkan Penagihan Dadah: Beberapa Pendekatan Dan Amalan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2009). *Penyalahgunaan Dadah Aspek Undang-undang, Pemulihan, Rawatan & Pencegahan*. Selangor: Edusystem Sdn.Bhd.
- Majdi Abdul Wahab Al-Ahmad. (2013). *Syarah Doa Dan Zikir Hisnul Muslim*. Selangor: Al-Hidayah House Of Publishers.
- Marican, Sabitha. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Marican, Sabitha. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik*. Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.
- Mawardi Labay El Shulthani. (1997). *Dzikir Dan Do'a Dalam Kesibukan Membawa Umat Supaya Sukses dan Selamat*. Jakarta: Yayasan al-Mawardi.
- Mc Intyre, Lisa J. (2005). *Need to Know: Social Science Research Methods*. New York: Mc Graw- Hill Companies.
- Md Noor Saper, Nurul Ain Mohd Daud, Fauziah Hanim Jalal, Misnan Jemali, Ab Aziz Mohd Yatim, Mohd Khairul Azman Ajuhary. (2015). Pendekatan Intervensi Keagamaan Ke Atas Pelatih Pusat Pemulihan Dadah. *Jurnal Bitara Edisi Khas (Psikologi Kaunseling)*, Vol 8, 140-156.
- Michon, J. (1989). *The Spiritual Practices of Sufism*. Dalam S. H. Nsr (Ed.), *Islamic Spirituality: Foundation*. London: SCM Press Ltd.

- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Reduan Aslie. (1990). *Krisis Dadah*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn Bhd.
- Mohd Zuki al-Syuja'. (2010). *30 Tahun Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia*. Kedah: Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia.
- Morse, J.M. (1994). 'Designing Funded Qualitative Research' dalam Denzin, N.K. & Lincoln, Y.S. *Handbook of Qualitative Research* (2nd Edition). Thousand Oaks, CA: Sage
- Muhamad Saifullah, al-Aziz Senali. (2000). *Tasawuf Dan Jalan Hidup Bagi Para Wali*. Gresik, Jawa Timur: Putra Pelajar.
- Muhammad Abdul Gaos Saefulloh Maslul. (2012). *Sifat-Sifat Kesempurnaan: Lautan Tanka Tepi*. Ciamis: Yayasan Pesantren Sirnarasa & Malibu.
- Muhammad bin Abdullah Al-Khalidi Naqsyabandi. (1977). *Al-Bahjatus Sunniah*. Istanbul: Fatih.
- Muhammad Fadhil al-Jailany, Juhaya S.Praja, Cecep Alba, M.Nursamad Kamba, Ajid Thohir, Asep Salahudin, Wahfiuddin, Hasan Bisri, Irwan Masduqi, Aishah, Dodo Widarda. (2011). *Tarekat Qodiriyyah Naqsyabandiyyah Pondok Pesantren Suryalaya Membangun Peradaban Dunia*. Tasikmalaya: Mudawwamah Warohmah Press.
- Muhammad Ghazali. (1996). *Tujuan Hidup Para Sufi*. Selangor: Al-Hikmah Sdn Bhd.
- Muhammad Hanif Muslih. (t.th). *Kesahihan Dalil Tawassul Menurut Petunjuk al-Quran Dan al-Hadis*. Semarang: Karya Toha Putra Semarang.
- Muhtar. (2014). Pendekatan Spiritual Dalam Rehabilitasi Sosial Korban Penyalahgunaan Narkoba Di Pesantren Inabah Surabaya. *Jurnal Informasi* Vol. 19, No. 3, 250-259.

- Nur Afzan Muhamad. (2012). *Pendekatan Zikrullah Dalam Pembangunan Jiwa Pelatih Pusat Pemulihan Dadah*. Skudai: UTM.
- Othman Lebar. (2006). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori Dan Metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Peter. A.Angeles. (1931). *A Dictionary of Philosophy*. London: Harper and Row Publisher.
- Preece, Roy. (1994). *Strating Research An Introduction to Academic Research and Dissertation Writing*. UK: Pinta Publisher.
- R.H. Unang Sunardjo, SH. (1995). *Sejarah Pondok Pesantren Suryalaya*. Tasikmalaya: Yayasan Serba Bakti Pondok Pesantren Suryalaya.
- Rosli Abdul Jalil. (2010, 10 Ogos). Jenayah Dadah. *Berita Harian*. h.34.
- Rosnaaini Hamid. (2015a). *Adab Sebelum Suluk Tarekat Naqshabandiyyah Mengikut Sheikh Abdul Wahab Rokan*. Sintok: UUM Press.
- Rosnaaini Hamid. (2015b). *Tuan Haji Mohammad Yatim Haji Ismail Tokoh Tarekat Naqshabandiyyah*. Sintok: UUM Press.
- Sa'id Hawwa. (2010). *Pendidikan Spiritual: Tarbiyatuna al-Ruhiyyah*. Kuala Lumpur: Mutiara Ilmu Selekt Sdn Bhd.
- Sabir Abdul Ghani & Fadzli Adam. (2011, Ogos). *Rawatan Pemulihan Dadah Melalui Solat: Modul Rawatan Pondok Remaja Inabah*. Kertas Kerja dibentangkan di International Seminar on Humanities 2011: Issue and Challenges. Anjuran: Universiti Malaysia Kelantan.
- Sabir Abdul Ghani & Fadzli Adam. (2014). Pemulihan Dadah Menurut Perspektif Agama Di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 6 (1), 75-85.
- Saerozi. (t.th). *al-Tadzkirat al-Nafi'ah* (Juz 1). Pare, Indonesia: t.pt.

- Sayyid Qutb. (2000). *Tafsir Fi Zilalil Quran Di Bawah Bayangan Al-Quran*. (Penterjemah: Yusoff Zaky Haji Yacob) (Jil. 4,6,8,9 dan 10). Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Sayyid Sabiq. (1978). *Fiqh Sunnah* (Jil. 3-5). Bandung: al-Ma Arif.
- Sekaran, Uma. (1992). *Research Methods For Business: A Skill Building Approach* (2nd.ed). New York: John Wiley & Sons Inc.
- Sri Mulyati. (2006). *Tasawuf Nusantara: Rangkaian Mutiara Sufi Terkemuka*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Strauss, Anselm dan Corbin, Juliet. (1990). *Basics of Qualitative Research: Techniques and Procedures for Developing Grounded Theory*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Su'dan, R.H. (1987). *Penyembuhan Penderitaan Kecanduan Narkotika di Pondok Pesantren Suryalaya*. Tasikmalaya: Pondok Pesantren Suryalaya.
- Subandi. (2009). *Psikologi Dzikir*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar
- Syed Hadzrullathfi Syed Omar. (2011). Dimensi Baru dalam Amalan *Rabitah* Tokoh Sufi Kontemporari Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Keluaran Khas*, 125-134.
- Syihabuddin Suhrowardi. (1971). *Bidayat al-Salikin (Belajar Ma'rifat Kepada Allah)*. Tasikmalaya: PT.Mudawwamah Warohmah.
- Taharem. (2004). *Menangani Penyalahgunaan & Penagihan Dadah Menurut Islam*. Rawang: Penerbit Minda Ikhwan.
- Uquudul Jumaan*. (2014). Tasikmalaya: Mudawwamah Warohmah.
- Zadrozny, John Thomas. (1959). *Dictionary of Social Science*. Washington: Public Affairs Press.

Zakaria Stapa, Zainab Ismail, Faudzinaim Badaruddin, Ahmad Sunawari Long, Roziah Sidik @ Mat Sidek, Mohd Zamro Muda, Nadhirah Muhammad Arib, Siti Fatimah Mestar & Anggi Rahajeng. (2011). Keberkesanan Pelaksanaan Modul Pengajian Islam Di Puspén. *Jurnal Anti Dadah Malaysia*, Jil.7, 105-132.

Zarina Othman & Mohamad Daud Druis. (2015a). Ancaman Sindiket Dadah Terhadap Juvenil Di Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space*, 11(1), 62-72.

Zarina Othman, Nor Azizan Idris & Mohamad Daud Druis. (2015b). Penyalahgunaan Dadah Sebagai Ancaman Keselamatan: Analisis Keberkesanan Program Kerajaan Dalam Mengekang Pengrekrutan Penagih Di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(13), 60-71.

Zulhairi Ahmad & Mahmood Nazar Mohamed. (2007). Keberkesanan Program Kaunseling Rawatan dan Pemulihan Dadah dari Perspektif Penghuni Pusat Serenti. *Journal Antidadah Malaysia*.

TESIS

Othman Hanapiah. (2004). *al-Rabitah dalam Tasawuf*. (Tesis PhD Jabatan Islam, Fakulti Sastera dan Sosial). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Sabir Abdul Ghani (2013). *Pelaksanaan Rawatan Pemulihan Dadah Berdasarkan Pendekatan Islam di Pondok Remaja Inabah* (Tesis Sarjana). Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu, Malaysia.

Sudirman Abdul Fatah. (2009). *Proses Pemulihan Penggunaan Dadah Melalui Pendekatan Pusat Pemulihan Pondok Remaja Inabah Kedah dan Terengganu* (Tesis Phd). Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu, Malaysia.

SUMBER INTERNET

Buku Maklumat Dadah. (2015). Capaian dari: <http://www.adk.gov.my>

Buku Maklumat Dadah. (2016). Capaian dari: <http://www.adk.gov.my>

Laporan Dadah. (2009). Capaian dari: <http://www.adk.gov.my>

TEMU BUAL

Adlin. (2017). Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, Kuala Nerang, Kedah. Temu bual, 8 Oktober.

Anwar. (2017a). Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, Kuala Nerang, Kedah. Temu bual, 18 Mac.

Azam. (2017a). Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, Kuala Nerang, Kedah. Temu bual, 18 Mac.

Fakrulddin. (2017a). Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, Kuala Nerang, Kedah. Temu bual, 18 Mac.

Intan Sakinah. (2017). Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, Kuala Nerang, Kedah. Temu bual, 18 Mac.

Muhd Najdi Baqir. (2017a). Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, Kuala Nerang, Kedah. Temu bual, 3 Februari.

Muhd Najdi Baqir. (2017b). Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, Kuala Nerang, Kedah. Temu bual, 2 Oktober.

Omar. (2017a). Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, Kuala Nerang, Kedah. Temu bual, 4 Oktober.

Saifuddin. (2017a). Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, Kuala Nerang, Kedah. Temu bual, 5 Oktober.

Zaidi. (2017a). Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, Kuala Nerang, Kedah. Temu bual, 3 Oktober.

Lampiran A

Surat Kebenaran Menjalankan Kajian

Dr. Suhanim Binti Abdullah,
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,
Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok, Kedah.
10 April 2017

Kepada
Pengetua Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia,
Jabal Suf, Kampong Paya, Mukim Padang Temak,
06300 Kuala Nerang Kedah.

Tuan,

MEMOHON KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN DI PONDOK REMAJA
INABAH (1) MALAYSIA

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Satu kajian tentang kaedah zikir di kalangan pelatih Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia akan dijalankan oleh pelajar sarjana UUM di bawah seliaan saya, saudara ABU BAKAR BIN AHMAD MANSOR.

3. Beliau perlu membuat wawancara dengan beberapa orang kakitangan dan pelatih Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. Selain itu, beliau juga perlu membuat pengamatan terhadap para pelatih pondok.

4. Semoga perkara ini mendapat kerjasama dan pertimbangan pihak tuan.

Sekian. Terima Kasih.

Yang benar,

(DR. SUHANIM BINTI ABDULLAH)

Penyelia tesis,
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,
Universiti Utara Malaysia.

Lampiran B

Jadual Statistik Penagih

Jadual 1.1

Jumlah Penagih Yang Dikesan Mengikut Status Kes, 2010-2016

Tahun	Penagihan baru		Penagihan berulang		Jumlah keseluruhan	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
2010	17,238	72.91	6,404	27.09	23,642	100.00
2011	13,683	70.06	5,848	29.94	19,531	100.00
2012	10,301	68.21	4,800	31.79	15,101	100.00
2013	14,481	64.54	7,406	35.46	20,887	100.00
2014	13,605	62.47	8,172	37.53	21,777	100.00
2015	20,289	76.08	6,379	23.92	26,668	100.00
2016	22,923	74.32	7,921	25.68	30,844	100.00

(Buku Maklumat Dadah 2015, h.10; Buku Maklumat Dadah 2016, h.2)

Jadual 1.2

Jumlah Penagih Mengikut Umur Ketika Dikesan, 2012-2016

Tahun	Umur <13	Umur <13-15	Umur <16-19	Umur <20-24	Umur <24-29	Umur <30-34	Umur <35-39	Umur >40	Tiada Maklumat	Jumlah Keseluruhan
2012	0 0.00%	28 0.19%	855 5.66%	2,836 18.78%	3,038 20.12%	2,711 17.95%	2,024 13.40%	3,575 23.67%	34 0.23%	15,101 100%
2013	0 0.00%	18 0.07%	847 4.06%	3,212 15.38%	3,968 19.00%	4,022 19.26%	3,191 15.28%	5,629 26.95%	0 0.00%	20,887 100%
2014	0 0.00%	28 0.13%	1,173 5.38%	3,751 17.22%	4,151 19.08%	3,961 18.19%	3,247 14.91%	5,463 25.09%	0 0.00%	21,777 100%
2015	0 0.00%	45 0.16%	1,375 5.16%	4,986 18.70%	4,977 18.66%	4,936 18.51%	3,976 14.91%	6,373 23.90%	0 0/00%	26,668 100%
2016	0 0.00%	85 0.27%	1,595 5.17%	5,572 18.06%	5,719 18.54%	5,849 18.97%	4,715 15.29%	7,309 23.70%	0 0.00%	30,844 100%
Purata 5Thn	0 0.00%	41 0.18%	1,169 5.07%	4,071 17.65%	4,371 18.96%	4,296 18.63%	3,431 14.88%	5,670 24.59%	7 0.03%	23,055 100%

Tahun	Remaja	Belia	Dewasa
2016	826	22,709	7,309

(Buku Maklumat Dadah 2016, hlm.15-16)

Jadual 1.3

Statistik Penagih Mengikut Umur Ketika Dikesan, 2016

Kategori	Status Kes				Jumlah penagih Bilangan Peratusan	
	Penagihan baru Bilangan	Peratusan	Penagihan berulang Bilangan	Peratusan		
Umur ketika dikesan						
<13 Tahun	0	0.00	0	0.00	0	0.00
13-15 Tahun	83	0.36	2	0.03	85	0.28
16-17 Tahun	297	1.30	4	0.05	301	0.98
18 Tahun	423	1.85	17	0.21	440	1.43
19 Tahun	793	3.46	61	0.77	854	2.77
20-24 Tahun	4,615	20.13	957	12.08	5,572	18.06
25-29 Tahun	4,399	19.19	1,320	16.66	5,719	18.54
30-34 Tahun	4,239	18.49	1,610	20.33	5,849	18.96
35-39 Tahun	3,350	14.61	1,365	17.23	4,715	15.29
40-44 Tahun	2,110	9.20	1,020	12.88	3,130	10.15
45-49 Tahun	1,312	5.72	660	8.33	1,972	6.39
>50 Tahun	1,302	5.68	905	11.43	2,207	7.16
Jumlah	22,923	100	7,921	100	30,844	100

(Buku Maklumat Dadah 2016, h.5)

Jadual 1.4

Statistik Sebab Mula Menggunakan Dadah, 2016

Kategori	Status Kes				Jumlah penagih Bilangan Peratusan	
	Penagihan baru		Penagihan berulang			
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
Sebab mula menggunakan dadah						
Pengaruh kawan	13,729	57.87	4,261	53.00	17,990	56.64
Perasaan ingin tahu	3,956	16.68	1,662	20.67	5,618	17.69
Keseronokan	2,779	11.71	1,165	14.49	3,944	12.42
Tekanan jiwa	1,522	6.42	388	4.83	1,910	6.01
Lain-lain	468	1.97	230	2.86	698	2.20
Menahan sakit	1,151	4.85	291	3.62	1,442	4.54
Rangsangan	102	0.43	43	0.53	145	0.46
Secara tidak sengaja	17	0.07	0	0.00	17	0.05
Jumlah	23,724	100	8,040	100	31,764	100

(Buku Maklumat Dadah 2016, h.8)

Lampiran C

Gambar Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia, Kuala Nerang, Kedah Darul Aman.









UUM

Universiti Utara Malaysia





UUM
Universiti Utara Malaysia

Lampiran D

Jadual Program Rawatan di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia

No	Masa	Program	Keterangan
1.	3.30-4.30 Pagi	Mandi Taubat	Sebanyak 40 gayung dengan bacaan doa mandi taubat
2.	4.30-5.30 Pagi	Qiyamulail : Solat Sunat Taubat Solat Sunat Hajat Solat Sunat Tahajjud Solat Sunat Witr Zikir	2 Rakaat 2 Rakaat 12 Rakaat 3 Rakaat 165 kali atau lebih
3.	5.43-7.10 Pagi	Solat Sunat Subuh Solat Sunat Lidaf' il Bala' Solat Fardu Subuh Zikir Tawassul dan Khataman	2 Rakaat 2 Rakaat 2 Rakaat 165 kali atau lebih
4.	7.08-7.15 Pagi	Solat Sunat Isra' Solat Sunat Isti'adah Solat Sunat Istikharah	2 Rakaat 2 Rakaat 2 Rakaat
5.	7.45-8.15 Pagi	Solat Sunat Dhuha Solat Sunat Kifaratul Bauli Zikir	4 Rakaat 2 Rakaat 165 kali atau lebih
6.	8.15-12.00 T.Hari	Sarapan dan Rehat	
7.	1.30-1.40 Petang	Solat Sunat Qabliyah Zohor Solat Fardu Zohor Solat Sunat Ba'diyah Zohor Zikir	2 Rakaat 4 Rakaat 2 Rakaat 165 kali atau lebih
8.	1.45-2.15 Petang	Makan tengah hari	
9.	2.30-4.30 Petang	Kelas pengajian	
10.	4.50-5.30 Petang	Solat Sunat Asar Solat Fardu Asar Zikir Tawassul dan Khataman	2 Rakaat 4 Rakaat 165 kali atau lebih
11.	5.30-6.00 Petang	Minum Petang	
12.	6.00-7.00 Petang	Riadah	Aktiviti bebas
13.	7.30-8.50 Petang	Solat Sunat Qabliyah Maghrib Solat Fardu Maghrib Zikir Solat Sunat Ba'diyah Maghrib Solat Sunat Awabin Solat Sunat Lihifdil Iman Solat Sunat Lisyukri Nikmat	2 Rakaat 3 Rakaat 165 kali atau lebih 2 Rakaat 2 Rakaat 2 Rakaat 2 Rakaat

		Solat Sunat Birrulwalidaini Tawassul dan Khataman	2 Rakaat
14.	8.50-9.40 Malam	Solat Sunat Qabliyah Isya' Solat Fardu Isya' Solat Sunat Ba'diyah Isya' Zikir Solat Sunat Lidaf'il Bala' Solat Sunat Hajat Tawassul dan Khataman	2 Rakaat 4 Rakaat 2 Rakaat 165 kali atau lebih 2 Rakaat 2 Rakaat
15.	9.40 Malam	Makan malam	
16.	10.30 Malam	Rehat dan Tidur	

Cacatan:

Penyelidik bersama pelatih dalam program tersebut bermula dari tarikh 8 Oktober 2017 sehingga 14 Oktober 2017.



Lampiran E

Soalan Temu Bual Dan Transkrip Jawapan

4.2 Kesan Zikir Terhadap Fizikal Pelatih

4.2.1 Aspek Wajah

A. Sebelum

1. Soalan: Bagaimana keadaan wajah anda sebelum mengamalkan zikir, adakah wajah kelihatan kusam, gelap dan kotor?

Jawapan: *“Dulu gelap hitam hangus, muka pucat, sebab tak cukup tidur. Pakai cuci muka apa pun tetap nampak gelap, memang tak ada seri muka”* (Zaidi, 3 Oktober 2017).

Jawapan: *“Masa dalam pengaruh dadah, muka memang kusam la”* (Anwar, 18 Mac 2018).

2. Soalan: Adakah sebelum menjalani rawatan zikir, keadaan muka terlihat cengkung, tidak bermaya, letih dan lesu?

Jawapan: *“Bergantung kepada jenis wajah jugok la, ada susut berat badan, tapi tak terlalu sangat. Tubuh biasa saja, nak kata tak bermaya pun tak juga. Letih mungkin kerja banyak”* (Zaidi, 3 Oktober 2017).

Jawapan: *“Kalau nak banding dulu dengan sekarang, jauh la dulu tu kurus kering, muka pun cekung”* (Anwar, 18 Mac 2018).

B. Selepas

1. Soalan: Adakah setelah mengamalkan zikir, wajah terlihat bermaya, cerah dan bersih?

Jawapan: *“Perbezaan tu ada la, cerah. Adik beradik tengok saya, mereka kata seri di muka dan nampak bersih. Itu atas pandangan orang lah. Duduk dalam keadaan normal dan tak normal memang berbeza la. Bersih cerah tu ada la. Biasanya dalam*

40 hari mengamalkan zikir, perubahan tu ada. Perubahan tu kadang tak sedar, tau-tau muka dah berubah” (Zaidi, 3 Oktober 2017).

Jawapan: *“Lepas amal zikir, memang rasa lain la muka tu, ada perubahan. Bersih tu ada. Lepas 40 hari zikir memang berubah la muka tu” (Anwar, 18 Mac 2018).*

2. Soalan: Adakah setelah mengamalkan zikir, muka terlihat berisi, segar, terlihat keceriaan?

Jawapan: *“Ada la nampak perbezaan sikit, dulu muka keruh, mungkin kerana berkat kita zikir. Dalam 40 hari tu nampak dah perubahan. Bergantung kepada mandi taubat juga. Tu bagi kawe laa, mungkin dengan ore lain dio rasa lain. Mungkin dengan orang lain sebab berkat solat tahajud. Tapi bagi kawe sebab zikir” (Zaidi, 3 Oktober 2017).*

Jawapan: *“Muka memang berisi la sikit kan, kalau dulu kurus. Perubahan ni ada la, lepas 40 hari amal zikir. Segar lah rasa muka tu” (Anwar, 18 Mac 2018).*

4.2.2 Aspek Penampilan

A. Sebelum

1. Soalan: Bagaimana keadaan penampilan sebelum mengamalkan zikir, adakah tidak terurus, serta tidak memperhatikan kepada kepada kebersihan pakaian? Tidak mencukur misai dan janggut?

Jawapan: *“Macam biasa, penampilan tetap jaga tidak selekeh. Memang penampilan sebelum ni jaga, berpakaian kemas. Sebab hari-hari bekerja berhadapan dengan orang” (Zaidi, 3 Oktober 2017).*

Jawapan: *“Penampilan tu memang tak jaga la, selekeh juga. Nak kerja pun malas” (Anwar, 18 Mac 2018).*

B. Selepas

1. Soalan: Adakah setelah mengamalkan zikir, penampilan lebih terurus, memperhatikan tentang kebersihan pakaian? Mencukur misai dan janggut?

Jawapan: *“Lebih terurus dalam segi penampilan, sebab dalam keadaan normal. Sebelum ni pun tidak ada masalah. Dulu pun jaga kebersihan, tapi sekarang lebih lagi jaga kebersihan. Mungkin dulu smart dalam keadaan pening, mungkin bagi orang kita tak jaga penampilan”* (Zaidi, 3 Oktober 2017).

Jawapan: *“Dari segi penampilan tu memang lebih kemas la. Ada keinginan nak jaga penampilan. Misai janggut pun potong”* (Anwar, 18 Mac 2018).

2. Soalan: Adakah setelah mengamalkan zikir, keadaan tubuh badan mulai berisi dan tegap? Adakah selera makan meningkat setelah mengamalkan zikir?

Jawapan: *“Naik 20 kg lebih. Masuk Inabah 55 kg, lepas lama amal zikir jadi 75 kg. Tapi sekarang control make la, sebab takut naik berat sangat. Ada berasa tegap la sikit. Cuma mula-mula dalam 1 bulan 2 bulan memang selera naik, tapi lepas lama tu selera normal balik, mungkin dulu sebab makan tak jaga”* (Zaidi, 3 Oktober 2017).

Jawapan: *“Selera makan tu bertambah, jadi tubuh pun besar la. Makan banyak jugak la awal-awal amal zikir, tapi kalau lama tu makan macam biasa la* (Anwar, 18 Mac 2018).

3. Soalan: Kesan ini terjadi pada minggu atau bulan ke berapa?

Jawapan: *“Sebulan tu nampak dah perubahan, stop ambik barang meme nampak perubahan. Kemungkinan ada berkat zikir. Sebelum ni pun pernah berhenti tanpa belajar zikir ada perubahan juga. Cuma mungkin sekarang ada perubahan dengan berkat zikir, sebab lagi banyak perubahan”* (Zaidi, 3 Oktober 2017).

Jawapan: *“Perubahan tu ada banyak juga, lepas 40 hari amal zikir”* (Anwar, 18 Mac 2018).

4.3 Kesan Zikir Terhadap Perilaku Pelatih

4.3.1 Aspek Tingkah Laku Terhadap Sekeliling

A. Sebelum

1. Soalan: Bagaimana keadaan tingkah laku anda sebelum menjalani rawatan zikir? Adakah lebih agresif atau suka bergaduh? Adakah tidak peduli terhadap sesama pelatih? Bersikap tertutup, tidak suka bergaul? Mementingkan diri sendiri?

Jawapan: *“Suka bergaduh, tapi jarang la. Ada la agresif tu. Sikap terbuka tu tak banyak sangat, ada la jugak penting diri sendiri la kan”* (Omar, 4 Oktober 2017).

Jawapan: *“Tak mau bergaul sangat baru-baru ni. Malas, buat hal masing-masing. Selisih faham tu ada sikit”* (Azam, 18 Mac 2018).

2. Soalan: Adakah tidak suka menerima tetamu dari luar? Adakah tidak selesa apabila menghadapi masyarakat setempat?

Jawapan: *“Banyak mendiam diri, nak sembang tapi tak biasa, keinginan nak bergaul tu ada, tapi tak reti, sebab segan tu ada juga laa. Mungkin la kan, sebab sebelum ni ada rasa rendah diri. Tak boleh nak bergaul dengan masyarakat luar. Dulu bergaul dengan geng satu kepala ja, sebab nak seronok”* (Omar, 4 Oktober 2017).

Jawapan: *“Tetamu mari tu cakap sikit-sikit ja. Malu juga, kita kan bekas penagih. Segan pun ada. Tak tau nak cakap apa”* (Azam, 18 Mac 2018).

3. Soalan: Adakah mempunyai sikap tidak menghormati kepada sesama pelatih atau pembimbing?

Jawapan: *“Mula-mula memang tak dak rasa hormat la, sebelum amal zikir. Ada juga hormat tapi tak banyak la. Dulu lain laa. Anggap sama ja dia manusia aku manusia, buat apa nak hormat”* (Omar, 4 Oktober 2017).

Jawapan: *“Ada hormat tapi tak banyak, baru lagi, tak kenal sangat”* (Azam, 18 Mac 2018).

B. Selepas

1. Adakah setelah menjalani rawatan zikir, lebih bersabar dan mampu mengawal sikap? Adakah memiliki sikap peramah dan suka bergaul? lebih bertolak ansur? Bergotong royong dalam melakukan sesuatu pekerjaan?

Jawapan: *“Lepas zikir boleh kawal laa. Bersabar tu boleh la, banyak la boleh sabar. Ada la rasa sikap macam tu. Macam bertolak ansur pun ada. Gotong-royong kita buat ramai-ramia la noh, tolong-menolong”* (Omar, 4 Oktober 2017).

Jawapan: *“Sikap positif memang nampak. Mudah bergaul dan tolak asur pun ada juga. Kalau ada program kita saling bantu. Tak kira mana. Alhamdulillah sabar tu mari lepas zikir”* (Azam, 18 Mac 2018).

2. Adakah menerima dengan senang hati setiap tetamu yang datang? Adakah berani berhadapan dengan masyarakat setempat?

Jawapan: *“Seronok kalau tetamu datang. Boleh sembang-sembang dengan depa tanya berita luar, sebab duk dalam ni kita tak tau berita luar. Ada berani la berhadapan dengan masyarakat setempat. Kita paksa diri kita jadi normal balik”* (Omar, 4 Oktober 2017).

Jawapan: *“Tetamu mari rasa suka. Banyak berbual. Mudah bagi kerjasama juga kalau ada orang datang nak tanya pasal Inabah”* (Azam, 18 Mac 2018).

3. Adakah memiliki rasa hormat terhadap sesama pelatih dan pembimbing? Hidup harmoni bagaikan satu keluarga? Adakah masih berlaku pergaduhan?

Jawapan: *“Ada rasa hormat, jadi tengok juga la. Kalau orang hormat kat kita, kita hormat balik. Ada la hidup macam adik beradik. Yang tua dihormati, yang muda disayangi. Duk dalam ni bergaduh pun tetap bersalam juga lepas solat. Kalau gaduh pun sat-sat jah laa”* (Omar, 4 Oktober 2017).

Jawapan: *“Hormat jugak. Kadang-kadang gaduh juga, tapi kecap je. Duk dalam ni nak gaduh macam mana sangat, lepas sembahyang pun kena bersalam juga”* (Azam, 18 Mac 2018).

4. Soalan: Adakah mampu membentuk sikap dan perilaku yang mulia? Atau memiliki keinginan untuk memperbaiki akhlak? Pada minggu ke berapa atau bulan keberapa sikap yang positif itu terjadi dalam diri?

Jawapan: *“Benda kebaikan tu nampak la, kita rasa nak buat. Cuma dalam proses. Dulu tak da rasa nak jadi perilaku mulia. Ada keinginan nak baiki akhlak. Dalam 40 hari tu perubahan. Keinginan tu ada, Cuma nak buat mendadak tu tak mampu la”* (Omar, 4 Oktober 2017).

Jawapan: *“Cuba belajar jadi orang baik. Lepas 40 hari memang ada rasa nak jadi orang baik. Kesedaran tu mari sendiri”* (Azam, 18 Mac 2018).

4.3.2 Aspek Amalan Ibadah

A. Sebelum

1. Soalan: Bagaimana keadaan ibadah solat sebelum menjalani rawatan zikir?

Adakah malas dalam menunaikan solat fardu mahupun solat sunat?

Jawapan: *“Malas nak solat. Buat-buat jugak tapi jarang la. Ikut mood la nak solat tu”* (Omar, 4 Oktober 2017).

Jawapan: *“Solat tu solat, tapi macam tu lah. Rasa nak solat... baru solat”* (Azam, 18 Mac 2018).

2. Soalan: Adakah selalu terlewat untuk memasuki ke surau saat menunaikan solat fardhu?

Jawapan: *“Malu sebab orang lama naik, jadi kita pun naik la surau. Time orang selawat tu kita naik”* (Omar, 4 Oktober 2017).

Jawapan: *“Kadang naik pun terpaksa. Masa selawat naik la”* (Azam, 18 Mac 2018).

3. Soalan: Adakah kerap bangun lambat untuk melakukan mandi taubat di pagi hari?

Jawapan: *“Dulu malas nak bangun mandi taubat, tapi sebab malu. Dulu memang ada orang paksa jadi nak bangun tu. Dulu pun naik jugak solat tahajud, cuma hanya ikut-ikutan”* (Omar, 4 Oktober 2017).

Jawapan: *“Susah juga nak bangun pagi kalau baru-baru ni. Tapi dah orang lain bangun, kita kena bangun jugak lah”* (Azam, 18 Mac 2018).

4. Soalan: Adakah malas untuk membaca al-Quran? Adakah tidak bersemangat atau mengantuk saat menghadiri kelas fardhu ain atau kelas agama?

Jawapan: *“Ada rasa nak baca quran tu, ikut mood. Biasa jah. Rasa nak sedekah ke orang tua kita mengaji. Memang ada rasa macam tu la. Sebab paksa dalam 40 hari”* (Omar, 4 Oktober 2017).

Jawapan: *“Malas juga nak baca quran. Time rajin baca lah. Tak ada semangat”* (Azam, 18 Mac 2018).

B. Selepas

1. Soalan: Adakah setelah menjalani rawatan zikir, mampu menunaikan solat atau terasa lebih ringan untuk mendirikan solat? Adakah lebih bersemangat untuk memasuki ke surau lebih awal? Untuk berselawat bersama pelatih lain sementara menunggu azan?

“Ada rasa ringan la, nak solat, jadi mudah la. Semangat la nak pi awal, sebab kita dah set kita nak solat awal. Selawat sekali” (Omar, 4 Oktober 2017).

“Boleh disiplin la. Ada kesungguhan sikit. Nak selawat sekali. Maknanya boleh la solat sunat tuhh” (Azam, 18 Mac 2018).

2. Soalan: Adakah lebih mudah untuk bangun pagi? Kenapa?

Jawapan: *“Mudah nak bangun pagi, dulu berat sebab tak biasa, lani dapat mendisiplin diri. Salah satu sebab zikir. Dulu nak mandi jadi sejuk, lani dah jadi biasa dah”* (Omar, 4 Oktober 2017).

Jawapan: *“Mungkin sebab zikir jadi mudah nak bangun. Lama-lama sejuk tu hilang. Dulu malas”* (Azam, 18 Mac 2018).

3. Soalan: Adakah lebih rajin atau kerap untuk membaca al-Quran? Adakah bersemangat dan suka menghadiri kelas ?

Jawapan: *“Ada rasa rajin la, ada jugak rasa nak terlintas nak baca quran. Tapi tengok mood jugak la. Kebiasaannya lepas maghrib la baca quran. Semangat tu ada la. Tak sepenuhnya kadang-kadang mai malas pun ada. Tengok keadaan la”* (Omar, 4 Oktober 2017).

Jawapan: *“Lepas Maghrib baca al-Quran. Kadang malas tak baca juga. 40 hari ada perubahan. Tapi lani rajin la dari dulu”* (Azam, 18 Mac 2018).

4. Soalan: Adakah terasa nikmat dalam melakukan kegiatan ibadah? Kesan positif apa lagi yang berkaitan pada ibadah setelah mengamalkan rawatan zikir?

Jawapan: *“Alhamdulillah ada rasa nikmat la dalam buat ibadah. Makno nyo dulu dan lani tu lain la. Kalau mari rasa sayang nak tinggal amal ibadah tu sayang la”* (Omar, 4 Oktober 2017).

Jawapan: *“Rasa sedap la nak beramal tu. Sayang juga nak tinggal. Ada perubahan orang kata. Dulu memang malas la. Tak da semangat”* (Azam, 18 Mac 2018)

4.4 Kesan Zikir Terhadap Perasaan Pelatih

4.4.1 Aspek Emosi

A. Sebelum

1. Soalan: Bagaimana keadaan emosi sebelum mengamalkan zikir, adakah mengalami kemurungan?

Jawapan: *“Emosi tak stabil, kita rasa stabil, tapi hakikat tak stabil. Kemurungan tu tak juga, cuma banyak pikir pasal masa depan. Sebab dalam keadaan saya meniaga. Banyak pikir pasal nak bayar hutang”* (Zaidi, 3 Oktober 2017).

Jawapan: *“Kalau nak kira dulu emosi tak stabil. Tak ada la sampai tahap murung”* (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

2. Soalan: Adakah mengalami stress dan tertekan? Jika ya kenapa tertekan adakah disebabkan rasa terpaksa untuk berada di Inabah?

Jawapan: *“Ada jugok la stress tu sebab dalam pengaruh dadah. Tidak ada paksaan nak masuk Inabah, memang kehendak hati nak berubah 100%”* (Zaidi, 3 Oktober 2017).

Jawapan: *“Terpaksa la mari sini kan. Tu tertekan sikit tu kalau awal-awal, campur dengan pengaruh dadah”* (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

3. Soalan: Adakah emosi menjadi sensitif, cepat marah? Adakah memiliki emosi yang negatif seperti berperasangka buruk terhadap sesama pelatih atau pembimbing?

Jawapan: *“Meme kuat marah, tapi bertempat la. Nak kata sensitif tu tak jugak, tengok pada kejadian jugok la. Tak dok, meme mari dalam keadaan niat nak berubat, tak dok rasa berperasangka buruk pun”* (Zaidi, 3 Oktober 2017).

Jawapan: *“Cepat marah, mudah marah. Tapi kita boleh kawal juga. Tak ada perasangka buruk pun. Sebab kita tahu kita ni pelatih. Macam mana pun kena ikut arahan”* (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

B. Selepas

1. Soalan: Adakah setelah menjalani rawatan zikir, keadaan emosi lebih stabil? Adakah mampu mengawal kemarahan dan lebih suka bersabar? Kemurungan bertukar menjadi sikap lebih terbuka? Mampu mendengar nasihat dari pembimbing?

Jawapan: *“Ada la perubahan stabil, makna kalau ada benda nak marah tu, tak jadi nak marah sebab ingat kalimat zikir, Lailahaillah. Bagi kawe loni, open blako, kalau ada masalah boleh kongsi, maknanya mesro rakyat la. Haha. Tempat kita boleh gura kita gura, tempat serius kita serius. Dulu pun tak dok masalah boleh jah dengar nasihat, cuma loni lebih lagi kita boleh dengar nasihat ore. Ada perubahan la boleh kawal emosi. Ada la sabar tu”* (Zaidi, 3 Oktober 2017).

Jawapan: *“Bila nak marah ingat zikir, tak jadi nak marah. Perubahan tu ado. Boleh sabar lah sikit. Boleh gaul molek sama-sama kita nih. Jadi boleh kawal emosi tu”* (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

2. Soalan: Adakah stress hilang, dan merasakan fikiran menjadi tenang? Adakah rasa terpaksa itu berubah menjadi keinginan sukarela untuk berubah?

Jawapan: *“Hilang. Kehidupan manusia normal la stress. Cuma lepas amal zikir, boleh kawal stress tu. Dulu mikir pasal kehidupan dunia. Loni pikir nak majukan diri. Jadi tak kisah pun duk sini lama mana di sini. Memang nak berubah dari dulu sejak masuk Inabah lagi. Sedap la, rasa tenang. Maknanya zikir tak dok main-main, zikir pun semangat”* (Zaidi, 3 Oktober 2017).

Jawapan: *“Tenang...lega sero. Boleh kawal diri. Perasaan nak baiki diri tu semakin ada lah. Dulu meme rasa terpaksa, bila lama tu selesa tinggal di sini”* (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

3. Soalan: Adakah emosi negatif tersebut hilang menjadi positif? Adakah mengalami perasaan beperangka baik terhadap sesama pelatih dan pembimbing? Berapa lama perubahan emosi terjadi, pada minggu ke berapa?

Jawapan: *“Semangat nak buat kebajikan tu ada. Banyak terlintas nak buat kebaikan, dulu banyak fikir nak buat jahat. Sebab boleh fikir waras la. Loni kita boleh fikir*

positif la. Sama jah dalam sebulan, maknanya dalam sari-sari tu ada perubahan. Kadang-kadang ada perubahan positif, pastu turun balik, lepas tu naik balik positif tu, sebab boleh fikir benda baik dan buruk” (Zaidi, 3 Oktober 2017).

Jawapan: *“Ada perubahan. Lepas sebulan rasa nak buat baik tu mari. Mungkin sebab tak dok pengaruh dadah, tu boleh fikir waras tuh. Nak kata matang tu, masih lagi belajar nak baiki diri. Orang lain jah lah boleh nilai kito ni” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).*

4.4.2 Aspek Perasaan Kerohanian

A. Sebelum

1. Soalan: Bagaimana keadaan anda perasaan sebelum melakukan rawatan zikir? Adakah terasaan diri jauh dari agama Islam? Adakah perasaan sering mengalami kegelisahan? Terkadang tidak tahu kenapa?

Jawapan: *“Memang banyak perbezaan antara orang yang berzikir dengan orang yang tak berzikir, bila kita tak berzikir, akan resah gelisah, seolah-olah jiwa kita kosong. Kita tak tau apa yang kita cari sebenarnya dalam hidup ni. Apa yang dicari duit ubat, ubat duit” (Saifuddin, 5 Oktober 2017).*

Jawapan: *“Kalau dulu memang gelisah lah. Jiwo kosong tak tau gapo nok. Jauh la, sebab kita ambik bare. Nak hidup normal tapi tak tahu macam mana. Mungkin sebab tak amal zikir” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).*

2. Soalan: Adakah tidak merasakan ketenangan jiwa dan qalbu (perasaan)? Adakah perasaan sering lupa terhadap Allah?

Jawapan: *“Memang jiwa tak tenang, ada duit dan hidup dalam kekayaan pun tak tenang. Ada masa kita ingat ada masa kita lupa, bila terlihat kawan mati baru ingat Allah SWT, bila dalam pengaruh dadah jadi lupa pada Allah SWT” (Saifuddin, 5 Oktober 2017).*

Jawapan: *“Nak tenang macam mana, kita duduk dalam pengaruh dadah kan. Duit ada tak tenang jugok. Lupa tu meme ado, sebab duk ingat ko bare jah”* (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

3. Soalan: Perasaan apa lagi yang ada ketika sebelum menjalani rawatan zikir?

Jawapan: *“Banyak fikir yang negatif, tentang keseronokan dunia. Melakukan benda yang tak sepatutnya dalam beragama Islam, contoh, dadah, mabuk dan judi”* (Saifuddin, 5 Oktober 2017).

Jawapan: *“Kalau dulu meme fikir nok buat jahat la. Tak fikir pasal agama dah. Caro ko nok sedap jah nafsu jah”* (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

B. Selepas

1. Soalan: Adakah diri terasa lebih dekat dengan agama Islam? Dekat dari sudut manakah? Adakah terasa ketenangan jiwa dan qalbu (perasaan)? Bagaimana perasaan itu datang?

Jawapan: *“Merasakan diri kita ni dilihat, didengar, dipandang, diketahui oleh Allah SWT seolah-olah berada dalam satu pengawasan, dan jiwa kita semakin banyak zikir, semakin banyak ketenangan. Kalau dulu masalah dunia hadapi dengan keluh kesah, bila dengan zikir, kita dapat hadapi masalah dengan ketenangan, sebab anggap benda semua ni adalah ujian”* (Saifuddin, 5 Oktober 2017).

Jawapan: *“Dekat dengan agama, rasa dalam pantauan Allah SWT. Orang kata gak banyak zikir makin tenang lah. Kalu lani boleh selesai masalah mari tu. Berkat zikir”* (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

2. Soalan: Adakah perasaan itu selalu mengingati Allah? Kuat? Sedang? Sedikit? Adakah perasaan sedih, gelisah itu hilang, terganti dengan rasa bahagia?

Jawapan: *“Ada rasa tenang banyak, la kan, dari segi pemikiran, perasaan tenang. Kalau kita zikir, kita akan rasa tenang, kalau kita terus pengamalan kita rasa tenang, kadang ada rasa tak tenang, tapi dapat dihadapi dengan zikir. Perasaan tu*

ingat kepada Allah SWT tu ada la, naik turun naik turun” (Saifuddin, 5 Oktober 2017).

Jawapan: *“Kadang tu ada juga perasaan gelisah tak tenang, tapi bila kito banyak zikir, perasaan tu jadi tenang balik. Ingat ke Allah SWT tu memang ada bila zikir” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).*

3. Soalan: Adakah mulai timbul rasa rindu dan cinta terhadap Allah? Seberapa kuatkah perasaan itu?

Jawapan: *“Ada perasaan rindu, cinta kepada Allah SWT, bermuhasabah diri, tenang. Perubahan tu ada la. Kita tak boleh nak ukur perasaan tu macam mana, sebab benda ni kita yang rasa, berkaitan dengan kerohanian” (Saifuddin, 5 Oktober 2017).*

Jawapan: *“Bila kito ingat ko Allah SWT, jadi rindu lah kan. Muhasabah tu pun ada jugak. Orang kata gak menyesal la. Nak taubat” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).*

4.4.3 Aspek Perasaan Ketagihan Dadah

A. Sebelum

1. Soalan: Bagaimana perasaan ketagihan dadah sebelum menjalani rawatan zikir? Adakah perasaan

rindu terhadap dadah itu sentiasa terbayang dan hadir? Kuat atau biasa?

Jawapan: *“Oi memang ada, memang kuat. Dalam pemikiran tu ada dua je, dadah dan duit. Tak de pikir nak shopping ke. Mana nak cari duit, mana nak cari barang. Memang perasaan tu kuat la, sebab kita jiwa kosong” (Saifuddin, 5 Oktober 2017).*

Jawapan: *“Kuat perasaan tu. Dia mari gak fikiran duk fikir ke benda tu je lah. Caro ko nok cari bare jah” (Fakrulddin, 18 Mac 2018).*

2. Soalan: Adakah terkadang terasa gian? Kuat atau biasa?

Jawapan: *“Aii gian selalu, ketagih kan. Ada masa ketagih ada masa dia gian. Gian ni bila dalam kita tak kena barang, nak marah. Gian ni heroin je. Bagus satu je heroin ni, dia tak merosakkan akal kita. Tapi syabu ni dia merosakkan akal. Kalau heroin merosakkan tubuh, jadi kering”* (Saifuddin, 5 Oktober 2017).

Jawapan: *“Gelisah tu meme wajib lah kan, sebab dalam pengaruh dadah. Cuma gian tu tak ada, sebab ambik syabu. Halusinasi tu ada bila dalam pengaruh syabu”* (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

B. Selepas

1. Soalan: Adakah perasaan ingin kembali terlibat dengan dadah masih ada saat menjalani rawatan zikir? Jika ada, pada bulan yang ke berapa anda merasakan perasaan itu?

Jawapan: *“Mula-mula amal zikir tu memang ada, tapi lama kelamaan tu dah tak de dah. Kalau nak kena dah lama dah kena. Saya anggap benda tu dah tak da apa dah. Antara rasa dua dan tiga bulan tu ada rasa nak kena lagi la. Tapi bila dah lama amal zikir. Perasaan tu dah tak ada. Kalau ada barang depan mata pun tak nak kena. Memang dulu kita anggap benda tu seronok, tapi bila kita dah mengamalkan zikir, baru kita sedar benda tu merosakkan”* (Saifuddin, 5 Oktober 2017).

Jawapan: *“Sekarang meme tak dak perasaan nak kena tu. Kalau dulu awal-awal memang ada. Lepas tiga bulan tu baru oke. Alhamdulillah lepas amal zikir tu. Perasaan nak kena tu makin lama makin hilang”* (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

2. Soalan: Adakah perasaan gian itu menghilang? Berapa minggu gian itu hilang? Masih adakah perasaan ingin terlibat dengan dadah setelah tamat tempoh rawatan? Atau perasaan itu hilang? Muncul perasaan insaf ingin berubah sepenuhnya?

Jawapan: *“Ada rasa menyesal dengan benda yang dulu, bila pemikiran kita dah normal, kita menyesal sebab buang masa, banyak buang duit, banyak buat benda-benda yang tak elok, dilarang oleh agama. Bila fikiran kita normal, baru sedar*

hidup dulu salah. Lepas dua minggu gian tu hilang dah. Tapi rasa pulih sepenuhnya tu ambik masa dalam lapan bulan lepas amal zikir” (Saifuddin, 5 Oktober 2017).

Jawapan: *“Perasaan halusinasi tu meme hilang lah lepas dua minggu. Gelisah pun tak dak. Lepas lapan bulan baru raso pulih betul. Menyesal la. Dulu sebab tak tahu. Loni dah normal boleh pikir mana baik buruk”* (Fakrulddin, 18 Mac 2018).

4.5 Pengaruh Metode Zikir Terhadap Kualiti Zikir

1. Soalan: Adakah tatacara zikir jahar dan zikir khaf membantu anda untuk mendapatkan kualiti zikir yang lebih baik?

Jawapan: *“Faham la sikit-sikit. Jadi ado semangat nok zikir”* (Adlin, 8 Oktober 2017).

Jawapan: *“Jadi boleh ikut la cara zikir tu. Bila faham jadi semangat nak zikir. Zikir Laailahaillah tu memang suara kena kuat”* (Anwar, 18 Mac 2018).

2. Soalan: Adakah di PRI diajarkan tentang bagaimana tatacara zikir jahar dan zikir khafi? Adakah anda memegang buku panduan zikir saat melakukan zikir? Adakah dengan cara memegang buku membantu anda untuk mendapatkan kualiti zikir bagi menghayati zikir tersebut?

Jawapan: *“Ada la dia ajar masa waktu talkin, waktu lain tak ajar. Tapi kalau tanya dengan pembimbing dia akan jelaskan la. Dulu masa awal-awal zikir tu masih baca buku, dalam masa dua minggu ingat la tatacara zikir tu, lepas tu tak tengok buku doh. Tak payah baca buku, sebab ingat doh. Tapi dulu penting la sebab masih baru”* (Adlin, 8 Oktober 2017).

Jawapan: *“Mula-mula kena baca sebab nak hafal, jadi mudah sikit nak zikir. Bila ingat tak tengok buku dah. Ada ajar zikir masa talqin la”* (Anwar, 18 Mac 2018).

3. Soalan: Adakah dengan semakin kerap melakukan zikir mampu memulihkan anda dan mendapatkan kualiti zikir? Jika ia membantu anda mendapatkan kualiti zikir, bagaimana proses tersebut? Ceritakan.

Jawapan: *“Kedua zikir dapat pulihkan diri. Semakin lama zikir, semakin rasa sedap. Lepas zikir rasa sedih, nak menangis sebab ingat dosa, rasa kerdil, rasa Allah SWT dengar gapo dalam hati kita”* (Adlin, 8 Oktober 2017).

Jawapan: *“Makin lama zikir tu makin rasa nikmat. Rasa tenang dan menyesal. Masa lalu tu datang, bila lepas zikir. Kadang-kadang mari rasa sedih dan sayu”* (Anwar, 18 Mac 2018).

